

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 27

Isnin

7 Julai 2008

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DIPERTUA:

- Mesyuarat Dewan Rakyat Ditambah Dua Hari (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 28)

USUL-USUL:

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (Halaman 28)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 56 & 217)

Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M. 16(3) (Halaman 217)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Pembinaan Infrastruktur Ketinggalan Zaman
– *Y.B. Tuan Er Teck Hwa (Bakri)* (Halaman 218)

**Masalah Tidak Memiliki Kad Pengenalan
Penduduk Pedalaman Sarawak**
– *Y.B. Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit)* (Halaman 220)

19 JUN 2008

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
4. “ Menteri Dalam Negeri, **Dato’ Seri Syed Hamid Albar**, S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
5. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
7. ” Menteri Pelajaran, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
9. “ Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (Tasek Gelugor) – UMNO
10. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
11. ” Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
12. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO
14. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
15. Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
16. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

17. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
18. “ Menteri Pengangkutan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
20. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
21. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
22. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
23. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
24. “ Menteri Kesihatan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
25. ” Menteri Penerangan, Dato’ Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
26. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
27. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
28. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Dato’ Muhammad bin Muhammad Taib – *Senator*
29. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid bin Ibrahim – *Senator*
31. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **Tan Sri** Amirsham A. Aziz – *Senator*
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRIS
2. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
7. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
8. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS

9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
12. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
14. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Noriah Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) – MCA
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
17. “ Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
18. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) – MCA
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB
21. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
23. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
25. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tengah) – MIC
26. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato’ Wan Ahmad Farid bin Dato’ Wan Salleh – *Senator*
27. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
30. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
31. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB

32. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Saifuddin bin Abdullah, D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Maznah Mazlan – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan T. Murugiah – *Senator*

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Tuan Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato’ Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Prof. Dato’ Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
7. “ Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB
8. “ Dato’ Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
9. “ Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
10. “ Tuan Ahmad Maslan (Pontian) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) – UMNO
14. “ Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. Yang Berhormat Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
19. “ Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA
20. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
21. “ Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS
22. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP

23. “ Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
24. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
25. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
26. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
27. “ Tuan Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
28. “ Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
29. “ Dato’ Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
30. “ Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
31. “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
32. “ Dato Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
33. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
34. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
35. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
36. “ Dato Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
37. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
38. “ Dato’ Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
39. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
40. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
41. “ Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
42. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
43. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
44. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
45. “ Dato’ Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
46. Yang Berhormat Dato’ Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
47. “ Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
48. “ Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
49. “ Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
50. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
51. “ Dato’ Sri Muhd. Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
52. “ Dato’ Mukhriz bin Tun Mahathir (Jerlun) – UMNO
53. “ Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
54. “ Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis) – PBB
55. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO

56. “ Dato’ Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
57. “ **Tan Sri** Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
58. “ Tuan Raime Unggi (Tenom) – UMNO
59. “ Tuan Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
60. “ Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
61. “ Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
62. “ Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
63. “ Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
64. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
65. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
66. “ Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
67. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
75. “ Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
76. “ Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
7. “ Tuan Chua Tian Chang (Batu)
8. “ Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)
9. “ Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
10. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
11. “ Tuan Johari bin Abdul (Sungai Petani)

12. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
13. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
14. “ Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
15. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
18. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
19. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
20. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
21. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
22. “ Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
23. “ Tuan S. Manikavasagam (Kapar)
24. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
25. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
26. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
27. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
28. “ Dato’ Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
29. “ Dato’ Dr. Zainal Abidin bin Ahmad, D.P.M.S. (Hulu Selangor)
30. “ Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
31. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
11. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
12. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
13. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
14. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
15. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)

16. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)
17. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
18. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
19. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. “ Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. “ Dato’ Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo’ Lo’ Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. “ Tuan Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena)
10. “ Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
12. “ Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
13. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
14. “ Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
15. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
16. “ Tuan Nasharudin Mat Isa (Bachok)
17. “ Tuan Haji Roslan Shahrarum (Bukit Gantang)
18. “ Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato’ Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Ikmalrudin bin Ishak

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Hajah Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nurul'aini binti Wahab
Siti Norhazarina binti Ali
Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri
Nur Hidayah binti Janudin
Nooruanizam binti Nasir
Siti Azalia binti Ahmad Tarmazi

Siti Khadijah binti Md Nor
Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 7 Julai 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MESYUARAT DEWAN RAKYAT DITAMBAH DUA HARI

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis memaklumkan supaya Mesyuarat Dewan Rakyat yang sedang bersidang sekarang ditambah selama dua hari lagi, iaitu 16 Julai hingga 17 Julai 2008. Tambahan ini diperlukan bagi membolehkan rang undang-undang dan urusan kerajaan yang lain dapat diselesaikan selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sejauh mana peranan Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) membantu pesawah tempatan khususnya dalam soal menentukan harga padi semasa.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat dari Kuala Lipis adalah berkaitan dengan peranan BERNAS dalam menentukan harga padi di negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga padi di negara kita ditentukan oleh pasaran iaitu perundingan antara penanam padi dengan pengilang. Dalam pada itu, untuk menjamin pesawah padi mendapat pendapatan yang berpatutan, yang munasabah, kerajaan menetapkan harga minimum ataupun dengan izin, *guaranteed minimum price*, yang mana harga ini pada 12 Mei yang lalu, sejak itu kerajaan menetapkan harga minimumnya ialah RM750 satu metrik tan. Sebelum itu harga minimum cuma RM650, bermakna kita ada kenaikan RM100 bagi satu metrik tan. Ini merupakan harga yang paling rendah, harga yang dijamin oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, BERNAS diberi tanggungjawab untuk memastikan bahawa harga padi dan beras di negara kita dan juga bekalannya stabil. Oleh yang demikian, antara peranan

yang diberikan BERNAS ialah untuk menjadi, dengan izin, *buyer last resort* ataupun pembeli terakhir. Ini antara peranan yang dimainkan oleh BERNAS bagi memastikan bahawa harga yang didapati oleh petani itu berpatutan.

Pada tahun 2000, 2001 dan 2002, tiga tahun, pihak BERNAS telah terpaksa membeli padi pada harga minimum oleh kerana terdapat lambakan padi dalam negara. Jadi BERNAS telah memainkan peranan sosialnya untuk memastikan petani mendapat harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kerajaan menetapkan harga minimum padi, kerajaan juga menyediakan pelbagai bantuan kepada petani. Tujuh bantuan diberikan. Yang penting ialah dua. Yang pertama ialah kerajaan memberikan subsidi harga padi di mana bagi setiap metrik tan yang dikeluarkan oleh pesawah, kerajaan memberikan RM248. Ini ditambah kepada harga yang ditawarkan oleh kilang BERNAS ataupun swasta.

Yang kedua yang penting ialah Skim Baja Padi Kerajaan. Ini subsidi yang diberikan oleh kerajaan. Ini antara tujuh bantuan utama yang diberikan oleh kerajaan kepada penanam padi untuk memastikan bahawa pesawah-pesawah mendapat pendapatan yang munasabah. Yang pertama dengan memastikan bahawa harga tidak boleh rendah daripada harga tertentu. Yang kedua dengan menyediakan pelbagai bantuan. Tujuh bantuan semuanya kepada petani supaya petani memperoleh pendapatan yang munasabah. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi kita memahami bahawa BERNAS adalah satu badan korporat yang menguruskan hal ehwal berkaitan beras, bekalan dan harga padi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, tetapi apa yang berlaku, saya lihat semasa krisis beras dalam negara pada tempoh hari, saya lihat seolah-olah BERNAS tidak memainkan peranannya langsung. Jadi kalau kita lihat, bahkan ada tangkapan atau serbuan dibuat kepada kilang-kilang BERNAS, di mana berlaku penipuan gred yang 15% super tempatan atau 15% hancur ini ditambah 20% kandungan beras hancurnya, tetapi dijual dengan harga yang kandungan hancurnya 15%.

Jadi soalan tambahan saya ialah, sejauh mana BERNAS ini boleh meningkatkan imejnya, kerana bagi saya kredibiliti BERNAS ini sudah menjadi tidak baik di kalangan orang ramai, dan bolehkah kementerian menubuhkan satu jawatankuasa penyelaras terus kepada pembelian pesawah tempatan sama ada menerusi individu, persatuan atau koperasi bagi mengelak keuntungan pihak tengah, di samping imej BERNAS tadi yang saya rasa nampak tidak memainkan peranan langsung. Sekian, terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pihak kawal selia, penguat kuasa telah menangkap ataupun telah menjalankan tangkapan terhadap 4 kes akhir-akhir ini yang melibatkan BERNAS. Kesemuanya 24 kes. Daripada 24 kes itu, 4 melibatkan BERNAS dan pihak kementerian memandang serius perkara ini dan pihak kementerian telah pun memanggil BERNAS untuk memberi penerangan.

■1010

Isu utama ialah berkaitan dengan gred beras. Beras yang diisytiharkan 15 peratus sebenarnya tidak 15 peratus yang melibatkan beras import dua kes dan beras tempatan dua kes. Keempat-empat kes ini melibatkan gred yang lebih rendah *inferior* dengan izin daripada apa yang diisytiharkan, yang diisytiharkan 15 peratus tetapi yang kita dapati ialah 20 hingga 35 peratus. Jadi kerajaan memandang serius. Sekarang ini kita telah pun memberi amaran kepada mereka. Beras pun sudah dirampas dan tindakan sedang diambil untuk menangani perkara ini.

Saya cukup sedar bahawa imej BERNAS akhir-akhir ini apabila kita menghadapi masalah bekalan dan harga beras telah terjejas. Oleh yang demikian, mengambil kira saranan Ahli Yang Berhormat maka pihak EPU telah pun melantik sebuah perunding iaitu MIER (*Malaysia Institute Economic Research*) untuk menjalankan kajian tentang peranan dan keberkesanan BERNAS dan kita menjangkakan dalam tempoh tiga bulan kerajaan akan siap dan kerajaan akan membuat keputusan tentang beberapa kelemahan khususnya semasa negara menghadapi masalah dan harga beras.

Jadi, saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa kerajaan memandang serius kes-kes gred beras yang tidak menepati standard telah ditetapkan dan tindakan telah pun diambil jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjangnya. Unit Perancang Ekonomi akan menyiapkan kajian dan saya jangkakan menjelang akhir tahun ini kerajaan akan membuat keputusan tentang hala tuju dan masa depan BERNAS sebagai sebuah syarikat yang diamanahkan untuk memastikan bekalan beras di negara kita terjamin manakala harganya pula berada pada paras yang berpatutan.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Sering kali kita lihat seperti Yang Berhormat Menteri jawab dalam soalan tambahan tadi. Dalam perjanjian di antara BERNAS dengan kerajaan yang melibatkan beberapa perkara sehingga diberi hak sebagai pengimport tunggal. Kita lihat walaupun dalam isi perjanjian yang terakhir itu, yang melibatkan BERNAS sebagai *buyer at the last result* dengan izin. Kita melihat ada banyak perkara daripada pengkorporatan penswastaan, banyak perkara ini tidak dapat diubah sehingga sekarang. Contohnya, tentang apabila ia terlibat dalam *seed* ataupun dalam menghasilkan biji benih dan perladangan. Kebanyakan usaha yang dibuat ini boleh dikatakan hanya berjaya di separuh jalan dan akhirnya gagal. Kita lihat kalau kerajaan tidak membuat kajian seperti mana Yang Berhormat Menteri bangkitkan tadi untuk memberikan sekurang-kurangnya kepada syarikat lain atau agensi kerajaan baru yang ditubuhkan.

Untuk mengatasi masalah ini kita rasa kita menghadapi masalah. Walaupun saya difahamkan akhir-akhir ini Syarikat Padi Beras telah membuat pelaburan di Thailand iaitu dengan membuka kilang beras. Soalan tambahan saya ialah bagi memastikan krisis makanan terutamanya harga beras berada dalam keadaan stabil di pasaran. Apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk kita menubuhkan kembali agensi kerajaan seperti LPN atau pun Lembaga Padi

dan Beras Negara bagi memastikan kestabilan harga makanan ini benar-benar berada di dalam kawalan kerajaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebelum krisis makanan ini timbul, kita dapati secara umumnya BERNAS telah menjalankan saranan yang telah diharapkan oleh kerajaan. Secara umumnya ada isu, ada masalah tetapi apabila kita berhadapan dengan krisis semasa maka telah timbul beberapa isu dan masalah yang besar. Tadi saya sebut berkaitan dengan gred beras yang diisytiharkan tidak menepati standard sebagai contoh isu-isu masalah yang timbul akhir-akhir ini, termasuklah bekalan kadang-kadang tidak mencukupi.

Jadi beras ini satu isu yang amat penting bagi rakyat Malaysia dan kerajaan memandang serius perkara ini. Soalan Yang Berhormat adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan semula agensi seperti LPN untuk memastikan perkara-perkara yang berlaku akhir-akhir ini tidak berulang lagi. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kerajaan terbuka dalam hal ini. Yang Berhormat telah pun membuat beberapa saranan dalam Dewan yang mulia ini dan semua saranan ini akan diambil kira oleh Unit Perancang Ekonomi apabila membuat kajian termasuklah kemungkinan untuk menubuhkan agensi baru dan lain-lainnya tetapi kita mengambil pendekatan yang terbuka.

Saya harap Ahli Yang Berhormat bersabar buat sementara waktu, kerana perkara ini perkara yang penting dan rumit melibatkan ramai rakyat Malaysia, pengguna dan juga pesawah maka kajian teliti harus dibuat. Itu sebabnya, pihak Unit Perancang Ekonomi berpendapat ia memerlukan sedikit masa dan apabila disiapkan kajian oleh MIER tadi maka pihak kerajaan akan buat keputusan dan kita terbuka kepada pelbagai cadangan termasuklah cadangan-cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

2. Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) perbelanjaan yang telah digunakan bagi pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) semenjak mula dilancarkan sehinggalah sekarang; dan
- (b) pendirian kerajaan terhadap Petroleum *Development* ACT yang tidak mewajibkan Petronas, salah satu penyumbang terbesar dana negara, untuk mendedahkan laporan perbelanjaan kewangannya kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, tetapi hanya mendedahkan laporan perbelanjaan kewangannya kepada YAB Perdana Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan 2(a). Semenjak pelancaran Pelan Integriti Nasional dan penubuhan Institut Integriti Malaysia pada 23 April 2004, Institut Integriti Malaysia selaku penggerak, pemantau dan pelaksana Pelan Integriti Nasional dengan kerjasama pelbagai sektor telah menerima peruntukan berjumlah RM3.681 juta daripada Kerajaan Pusat. Peruntukan yang

diberikan ini bertujuan untuk menjalankan program-program penyelidikan, latihan, penerbitan, kajian, penyelidikan serta komunikasi perhubungan selain daripada perbelanjaan mengurus.

Bagi soalan (b), Petronas atau nama penuhnya Petroleum Nasional Berhad merupakan entiti yang ditubuhkan oleh sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1995 dengan nombor pendaftaran syarikat 20076-K. Oleh itu Petronas tertakluk kepada tata cara, ketetapan dan undang-undang yang termaktub di dalam Akta Syarikat 1995. Ini termasuklah mengemukakan Laporan Penyata Kewangan Tahunan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Oleh itu, tidak timbul pendedahan isu kewangan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia kerana Petronas telah pun berbuat sedemikian setiap tahun sejak penubuhannya.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai aspek integriti yang amat penting dan tahniah kepada kerajaan kerana mementingkan aspek ini, aspek etika dalam kerajaan. Cuma persoalan saya di dalam satu program yang dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia, Presiden pertamanya iaitu Datuk Dr Sulaiman Mahbob telah menekankan mengenai aspek yang dikatakan integriti penjawat awam.

Soalan saya merujuk kepada apa yang dikatakan sebagai konflik kepentingan yang melibatkan penjawat awam. Soalan saya merujuk khusus kepada kes yang sedang dibincangkan. Tahniah, kerajaan telah melantik Badan Pencegah Rasuah untuk menyiasat dakwaan yang melibatkan Peguam Negara dan juga Ketua Polis Negara. Persoalannya di sini dan mohon penjelasan seperti yang kita maklum bahawa Badan Pencegah Rasuah tidak mempunyai kuasa pendakwaan. Bagaimana integriti siasatan tersebut dapat dilaksanakan dengan penuh integriti ketika mana kuasa pendakwaan masih lagi mempunyai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, soalan asal Yang Berhormat ya.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Ini merujuk kepada integriti itu sahaja. Mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjawabnya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa ini satu perkara yang penting yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan *conflict of interest* yang merupakan soal pokok dalam integriti ini. Memang betul bahawa Badan Pencegah Rasuah tidak ada kuasa untuk mendakwa dan sudah tentulah keputusan untuk mendakwa atau tidak itu mengikut Perlembagaan Malaysia diputuskan oleh Peguam Negara. Cuma kita harus ingat di sini bahawa Peguam Negara ini mempunyai dua aspek. Satu, Peguam Negara sebagai individu yang tertentu dan keduanya Peguam Negara sebagai satu institusi. Bermakna bahawa Peguam Negara ini terdiri daripada pegawai-pegawai yang lain sebagai contoh *Timbalan Attorney General, Solicitor General*.

■1020

Sudah tentulah dalam soal seperti ini, keputusan untuk diputuskan sama ada untuk mendakwa ataupun tidak, sudah tentu tidak akan diputuskan oleh Peguam Negara sebagai seorang individu. Sudah tentu keputusan itu akan dibuat oleh institusi itu dan dalam keputusan itu *conflict of interest*, maka sudah tentu dia tidak boleh mengambil bahagian. Jadi sebab itu, dalam hal ini, saya rasa walaupun *conflict of interest* itu mungkin wujud tapi ianya masih lagi boleh dilaksanakan kerana ada pegawai-pegawai yang lain yang boleh membuat keputusan dalam hal ini. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, saya kira untuk demi menjaga integriti ini kita harus terbuka dalam soal ada cadangan yang mencadangkan ada *special prosecutor* kah atau apa, saya rasa *he must be seem to be done*, iaitu *justice*, saya kira kerajaan sentiasa terbuka. Apabila kita sampai kepada peringkat itu, kita akan putuskan.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya keberkesanan Pelan Integriti Nasional ini kepada kerajaan dan juga kepada rakyat. Terima kasih

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tenggara yang juga telah memberi soalan tambahan yang cukup baik. Untuk kita lawan rasuah, Yang Berhormat, tidak cukup untuk kita hanya mengambil tindakan tentang sesuatu perkara yang telah pun berlaku, bermakna rasuah itu berlaku, dan kita mengambil tindakan. Sebenarnya, badan ini dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah. Sepatutnya, perkara yang paling penting harus dilakukan bukan sahaja untuk mendakwa orang di atas kesalahan rasuah tetapi mencegah rasuah itu daripada berlaku. Ini memerlukan apa yang dikatakan sesuatu Pelan Integriti Nasional supaya kita tanamkan, kita cuba untuk menghidupkan budaya integriti di kalangan rakyat Malaysia daripada mula lagi kita membudayakan integriti ini kepada mereka supaya mereka akan faham bahawa menerima rasuah itu adalah tidak baik, satu perkara yang jijik, jangan lakukan, dan kalau ini kita dapat lakukan secara besar-besaran dan akhirnya integriti ini merupakan satu budaya yang diterima oleh rakyat Malaysia, maka pada ketika itu sudah tentulah mudah untuk kita lawan rasuah kerana kita mencegah rasuah bukan dengan mengambil tindakan tentang perkara yang telah berlaku, tetapi kita membudayakan integriti di kalangan rakyat Malaysia dan kita mula daripada peringkat mereka masih muda.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan integriti. Timbalan Perdana Menteri kita yang dikaitkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, keluarkan soalan sahaja Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini berkenaan dengan negara kerana di...[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

[Soalan No.3 – Y.B. Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) tidak hadir]

4. **Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan yang bakal diambil oleh pihak kerajaan terhadap pembakaran hutan secara terbuka (*open burning*) yang berlaku setiap tahun di Sumatera, di mana ia telah menyebabkan kejadian jerebu di ruang udara Malaysia dan mengancam kesihatan kita.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Maznah Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih di atas soalan tersebut dan saya akan menjawab soalan Yang Berhormat Maju bersekali dengan Yang Berhormat Tawau, soalan 42 kerana ada kaitan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita dapati bahawa, jangkaan yang dibuat oleh stesen pemantauan di peringkat ASEAN menjangkakan bahawa dalam tempoh Jun hingga September 2008 ini, keadaan cuaca adalah lebih panas dan kering berbanding tempoh yang sama pada tahun 2007. Dalam tempoh ini, terdapat potensi berlakunya peningkatan bilangan titik panas, dengan izin, *hot spots* terutama di kawasan-kawasan yang mudah terbakar di Sumatera, Semenanjung Malaysia dan juga Borneo. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk menangani jerebu di rantau ini,

Kerajaan memandang serius mengenai jerebu dan di dalam menangani masalah ini, kita tidak bersendirian. Untuk makluman bersama, terdapat jawatankuasa peringkat tertinggi di peringkat ASEAN dan beberapa jawatankuasa teknikal telah diwujudkan lebih daripada satu dekad. Untuk makluman bersama, di peringkat ASEAN, telah ada perjanjian yang mana bersama-sama untuk menangani pencemaran jerebu merentas sempadan.

Menteri-menteri alam sekitar negara-negara ASEAN mempunyai persidangannya sendiri yang dibuat berkala untuk membincangkan dan memantau tindakan-tindakan yang diambil untuk menangani jerebu. Terdapat satu lagi jawatankuasa yang mana terhad kepada lima negara yang terdekat dengan Malaysia iaitu Indonesia, Brunei, Singapura, Thailand bersama Malaysia di dalam satu jawatankuasa yang dipanggil *Sub-regional Ministerial Steering Committee on Trans Boundaries Haze Pollution*, yang mana yang terakhir ataupun yang terbaru diadakan ialah pada 23 Jun yang lalu di Singapura dan jawatankuasa ini bersidang tiap-tiap suku tahun. Jawatankuasa ini disokong oleh jawatankuasa teknikal yang menggabungkan tenaga-tenaga teknikal daripada negara-negara berkenaan.

Oleh kerana kebanyakan daripada kebakaran dan jerebu ini kebanyakannya melibatkan Indonesia, maka tumpuan telah dibuat kepada Sumatera dan kita dapati bahawa atas gabungan dan pemikiran bersama, kita dapati Indonesia telah meningkatkan komitmennya dan menggubal satu pelan tindakan Indonesia bagi menangani masalah pencemaran jerebu merentas sempadan. Di dalam pelan tindakan ini, ianya begitu komprehensif yang menyeluruh, menggaris langkah-langkah jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Untuk ini, Kerajaan Indonesia sendiri memperuntukkan sebanyak 800 bilion rupiah ataupun RM300 juta untuk menangani masalah ini dan Kabinet Malaysia pada 11 April 2007 yang lalu, telah memperuntukkan RM2.6 juta untuk bekerjasama dengan Indonesia di dalam mengatasi punca jerebu ini. Kita dapati bahawa 3 Jun 2008 yang lalu, satu perjanjian bersama di antara Malaysia dan Wilayah Riau telah ditandatangani yang mana Kerajaan Malaysia bersetuju untuk sama-sama membantu Indonesia ataupun Wilayah Riau untuk mengatasi masalah pembakaran terbuka ini.

Di antara program-program kerjasama tersebut yang akan dibantu oleh Malaysia ialah mewujudkan masyarakat setempat seperti para petani dan peladang yang peka mengenai masalah ini dan melatih mereka dalam hal-hal mengawal dan pemadaman api yang mana akan dianggotai oleh masyarakat di Indonesia yang dipanggil Program Masyarakat Peduli Api. Selain daripada itu, syarikat-syarikat perladangan kelapa sawit di Indonesia juga akan bersama-sama dengan pakar-pakar yang ada di negara ini, yang terlibat di dalam bidang ini, untuk bersama-sama menganjurkan pendekatan pembakaran sifar ataupun membakar dengan kawalan-kawalan tertentu apabila melibatkan pembersihan hutan.

■1030

Begitu juga agensi-agensi kerajaan di sana dan juga badan-badan bukan kerajaan akan sama-sama terlibat di dalam program pembangunan kapasiti ini.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Panjangnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Maznah Mazlan: Sudah habis Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, terima kasih.

Datuk Maznah Mazlan: Jadi, saya rumuskan lagi sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah rumuslah Yang Berhormat.

Datuk Maznah Mazlan: Maknanya kita bersama dengan seluruh jawatankuasa yang ada yang saya sebut tadi dan ini merupakan langkah-langkah positif yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah tahu, sudah jadi kenyataan umum boleh kata tiap-tiap tahun kita ada masalah jerebu... *[Disampuk]* Nanti kena cerita latar belakang dulu. Masalah jerebu di dalam negara kita musim ini ialah bulan depan, Ogos. Apa yang kita perlu tahu apakah tindakan yang akan diambil supaya masalah jerebu ini tidak akan berlaku, satu. Kedua, kita juga hendak tahu bahawa sama ada kerajaan sedar atau tidak bahawa ada banyak syarikat Malaysia yang terlibat iaitu syarikat kepala sawit di Sumatera ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kelapa sawit Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kelapa sawit yang berlaku di...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bahasa Malaysia pun tidak tahukah?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tahu, yang berlaku di Sumatera. Sama ada kerajaan ingin ambil tindakan terhadap syarikat-syarikat Malaysia ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri. Boleh jawab ringkas Yang Berhormat?

Datuk Maznah Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, itu sebab bila saya bagi keterangan cepat-cepat hendak ganggu. Tadi saya sudah kata kita sudah ada berbagai-bagai struktur organisasi untuk menangani masalah ini yang bukan hanya terhad kepada Kerajaan Malaysia bahkan di rantau ASEAN dan khusus Malaysia dan Indonesia mempunyai jawatankuasa khusus untuk menanganinya melalui program-program yang melibatkan perjanjian bersama dan juga peruntukan yang besar. Saya percaya ini dapat menangani sebahagian daripada masalah ini, insya-Allah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada menteri menjawab panjang lagi lebar. Walau bagaimanapun saya melihat pendekatan, perjanjian, peruntukan yang tidak begitu banyak sebetulnya jika dibandingkan dengan pencemaran yang berlaku. Memang jerebu ini berlaku. Akibat tindakan negara jiran, maka negara kita menerima impak daripada jerebu yang berlaku. Di Kota Kinabalu pun begitu kita memandu satu kilometer tidak nampak apa di seberang kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan soalan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi apakah pendekatan yang lebih berkesan yang akan diambil oleh kedua-dua kerajaan supaya perkara ini tidak berlaku sebab jerebu ini akibat perbuatan tangan kotor manusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi bagaimana menghentikan perbuatan kotor manusia itu? Itu yang perlu dicari kaedah dia, tidak perlu panjang, tidak perlu lebar, padat dan tepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Hendak masuk TV.

Datuk Maznah Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan panjang dan lebar, soalan tambahan tadi. Sebenarnya tadi saya menceritakan tentang struktur organisasi dan usaha-usaha bersama, mungkin saya boleh beri sedikit yang secara terperinci bagaimana secara jangka pendeknya Kerajaan Malaysia bekerjasama untuk macam saya kata tadi supaya zero

burning atau pembakaran sifar dijadikan satu amalan di dalam pembangunan pertanian di Indonesia. Usaha-usaha ini akan dibuat berterusan dan selain daripada peningkatan keupayaan latihan-latihan ini, kita juga akan membawa mereka ke pusat bomba Malaysia untuk usaha-usaha latihan mengawas dan mengawal pembakaran.

Selain daripada itu kita tahu bahawa kawasan-kawasan yang *peat swamp* ataupun kawasan gambut di Indonesia punca utama juga kepada pembakaran ini dan untuk ini Kerajaan Malaysia dan Indonesia akan bekerjasama untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan ini diadakan kajian dan *pilot project* ataupun satu projek ujian akan dibuat di Indonesia. Selain daripada itu juga kita akan memasang alat pengesan awalan di Bagan Siapi-api daerah Rokan Hilir, untuk mengawas pembakaran ini dan banyak lagi langkah-langkah lain yang akan dibuat secara terperinci. Sekian Yang Berhormat.

5. Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam] minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah pembesaran lapangan terbang sedia ada di Lahad Datu akan dilaksanakan memandangkan selain lapangan terbang ini merupakan lapangan terbang domestik utama, projek pembesaran ini juga penting untuk menyokong aktiviti POIC, akuakultur dan perkembangan pelancongan yang bertambah pesat.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Silam, kementerian saya telah pun membuat permohonan bagi mendapatkan tambahan siling peruntukan pembangunan untuk projek pembinaan lapangan terbang baru Lahad Datu di bawah Kajian Separuh Penggal ataupun KSP, RMK-9. Memandangkan permohonan ini dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9, projek tersebut masih belum lagi diluluskan maka kementerian ini tidak dapat menentukan tarikh untuk memulakan projek ini. Terima kasih.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, menjelang tahun 2015, keseluruhan negara ASEAN akan mengamalkan konsep angkasa terbuka. Pesawat negara-negara ASEAN boleh terbang ke mana sahaja dalam rantau ASEAN tanpa sekatan. Dalam situasi demikian, apakah perancangan pihak Kementerian Pengangkutan dan dalam komposisi lapangan-lapangan terbang ketika selain KLIA terutamanya, lapangan-lapangan terbang kecil seperti Lahad Datu dalam memanfaatkan sepenuhnya kelebihan konsep angkasa terbuka sebab kita melihat bagaimana peranan pelancongan ini dapat diaktifkan lagi untuk membolehkan segala pembangunan di dalam sesuatu kawasan itu dapat dimanfaatkan dan diturut serta oleh daerah-daerah kecil seperti Lahad Datu, Kunak dan Tungkuk. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Silam. Sebenarnya soalan ini terkeluar daripada soalan asal. Namun demikian Kerajaan Malaysia telah pun membuka *open sky* ini kepada negara-negara asing. Setakat ini hanya 10 negara yang bersetuju untuk menyertai program ini. Antaranya ialah Singapura, Australia, New

Zealand dan lain-lain negara. Sementara negara-negara lain mereka tidak bersedia untuk menerima *open sky* ini. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah keputusan Kerajaan Persekutuan berkenaan dengan pembesaran lapangan terbang di Ipoh yang dulu sudah dikatakan ada peruntukan diberikan dan berapakah jumlah peruntukan untuk pembesaran Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di Ipoh dan apakah status sekarang rancangan tersebut?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terkeluar Yang Berhormat, tidak perlu jawab.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Betul Yang Berhormat terkeluar, lagipun soalan ini telah dijawab dalam Dewan yang mulia ini.

6. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penguatkuasaan polis terhadap pengurusan kafe siber dan pusat internet telah membuka jalan untuk amalan korupsi dan apakah kerajaan bercadang untuk mengawal operasi kafe siber dan pusat internet dan menggubal undang-undang yang bersesuaian.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan percaya semua agensi penguatkuasaan termasuk juga pihak polis, telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan penuh amanah berlandaskan peruntukan undang-undang sedia ada. Kementerian juga sedar bahawa operasi perniagaan kafe siber dan pusat internet, mudah terdedah kepada gejala tidak sihat khususnya yang melibatkan para pelajar sekolah dan golongan muda.

Sehubungan dengan itu, KPKT telah menyediakan satu garis panduan mengawal perniagaan pusat siber dan siber kafe bagi tujuan kawalan ke atas premis perniagaan kafe siber yang merangkumi aktiviti yang dibenarkan, masa operasi, had umur pengunjung, lokasi perniagaan yang dibenarkan, larangan penjualan minuman keras dan rokok, penyediaan butiran pelanggan dan aspek kebersihan premis, dan lain-lain.

■1040

Selain daripada garis panduan tersebut, pihak berkuasa tempatan boleh mengenakan sebarang syarat tambahan yang difikirkan sesuai kepada setiap lesen atau permit yang dikeluarkan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 107(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa penguatkuasaan terhadap kafe siber dan pusat internet oleh polis dan lain-lain

agensi adalah berdasarkan kepada undang-undang yang sedia ada. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini apakah undang-undang yang dimaksudkan itu? Sekian.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya sudah beritahu kepada Yang Berhormat bahawa akta yang kita gunakan adalah Akta Kerajaan Tempatan Akta 171 di bawah seksyen 107(2). Kita juga telah pun membuat satu lagi garis panduan. Saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat, siber kafe adalah merupakan satu premis yang digunakan untuk kemudahan internet. Oleh sebab itu kita buat satu garis panduan untuk menentukan bahawa sesiapa yang membuka perniagaan siber kafe ini harus mengikut garis panduan yang telah pun kerajaan buat untuk aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet sahaja. Itu yang telah pun kita gariskan seperti yang saya jelaskan tadi. Terima kasih. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalan ringkas sahaja Yang Berhormat ya!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ringkas, padat dan tepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu pun sudah panjang juga. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mengikuti jawapan dan benarlah apa yang telah pun menjadi undang-undang kepada kerajaan kita berkaitan dengan siber kafe ini tapi pengunjung siber kafe ini. Ini yang menjadi masalah ialah anak-anak muda dan pelajar-pelajar. *Games* yang dimainkan dalam itu ialah tembak-menembak bunuh-membunuh itu yang menjadi kesukaan dan kalau kita tak sekat perkara ini ia akan mempengaruhi fikiran dan jiwa anak-anak dan kalau anak-anak terpengaruh dengan *games* yang bunuh-membunuh dan tembak-menembak ini akhirnya masyarakat kita, apabila mereka dewasa kebiasaan ini ditakuti akan terserap dalam kehidupan mereka dan ini memberikan kesan buruk.

Jadi ada tak sekatan-sekatan supaya perkara ini tidak berleluasa? Saya haraplah kerajaan mengambil tindakan tegas supaya musuh kepada generasi akan datang ini dapat kita hapuskan. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah merupakan satu soalan yang begitu baik sekali. Saya hendak beritahu, bahawa undang-undang yang kita ada adalah merupakan undang-undang keseluruhan yang ada dalam negara kita termasuklah undang-undang yang ada dalam Kementerian Dalam Negeri di mana segala gambar-gambar lucah, pornografi, mesin cetak dan penerbitan adalah merupakan undang-undang yang digunakan melalui Kementerian Dalam Negeri.

Begitu juga dengan aktiviti perjudian, dikawal melalui Akta Rumah Perjudian Terbuka tetapi dalam Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta 588 memperuntukkan bahawa tiada sebarang kawalan ataupun tapisan ke atas sebarang aktiviti ataupun maklumat internet yang digunakan. Maka sebab itu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanya ada

undang-undang melalui premis itu sahaja. Maka melalui undang-undang premis itulah yang kita perketatkan di mana kita telah pun minta supaya sesiapa sahaja yang ingin membuka perniagaan ini harus mengikut garis panduan yang telah pun saya katakan tadi. Kegiatan-kegiatan lain yang tidak dibenarkan sama sekali khususnya adalah berbentuk hiburan seperti berikut:-

- (i) permainan video;
- (ii) perjudian;
- (iii) gambar-gambar lucah,;
- (iv) pipe. muzik; dan
- (v) penjualan bahan-bahan bercetak yang mengandungi unsur-unsur negatif.

Ini adalah merupakan aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan sama sekali dalam premis yang telah pun diluluskan bagi perniagaan siber kafe tadi.

Walau bagaimanapun, kita juga telah menentukan supaya masa operasi digunakan hanya setakat pukul 12 malam dan kepada mereka yang berumur 12 tahun ke bawah hanya boleh masuk menggunakan internet kafe ini sehingga jam 10 malam dan sekiranya mereka ingin menggunakan internet kafe ini mereka hanya boleh dengan membawa ibu bapa untuk mengunjungi kafe siber tersebut.

Walau bagaimanapun, seperti apa yang kita dengar tadi Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri ada mengatakan bahawa Pelan Integriti Nasional ini adalah merupakan satu budaya rakyat Malaysia maka kita harus sama-sama menggunakan agenda kerajaan untuk membudayakan rakyat yang begitu baik. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Dato' Abd. Rahman Dahlan. Saya juga difahamkan Yang Berhormat Kota Belud tidak dapat hadir kerana terlibat dalam kelewatan penerbangan MAS pagi ini.

[Soalan No. 7 – Y.B. Dato' Abd. Rahman Dahlan (Kota Belud) tidak hadir]

8. Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, adakah kerajaan akan mengkaji semula (review) Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) Empangan Kelau memandangkan impak negatif perubahan iklim (Climate Change) ke atas corak penurunan hujan, suhu dan lain-lain.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Maznah Mazlan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula laporan EIA bagi Empangan Kelau kerana laporan ini telah pun melalui prosedur kajian EIA terperinci dan telah disemak oleh agensi-agensi berkaitan serta panel-panel yang bertanggungjawab yang telah dilantik oleh kerajaan. Terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri saya percaya bahawa kesan negatif perubahan iklim ataupun *climate change* tidak dikaji dalam EIA. Apa yang disebutkan dalam EIA ialah penilaian metrologikal ataupun ...*assessment* yang menunjukkan bahawa semua parameter iklim adalah *favourable* termasuk hari penurunan hujan, *the quality of rainfall*, suhu dan *evaporation* .

Saya percaya timbalan menteri sedar bahawa *global warming* termasuk *climate change* akan menyebabkan perubahan cuaca yang ekstrem misalnya di tempat yang selalu hujan akan menjadi kering dan sebaliknya. Apa yang penting di sini ialah perubahan dan kesan yang akan diakibatkan oleh *global warming* tidak dapat diramalkan ataupun *unpredictable*.

Oleh kerana itu, adakah wajar kerajaan meneruskan projek ini dan belanja RM3.8 bilion di mana ada kemungkinan bahawa Empangan Kelau menjadi mangsa *climate change* dan tidak ada air. Ada beberapa pandangan lain yang mengatakan bahawa air boleh dibawa dari Batang Padang Perak ke Selangor dalam dua tahun dengan perbelanjaannya yang lebih kurang daripada Empangan Kelau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah soal tadi Yang Berhormat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Satu lagi, satu lagi soalan Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi isu yang timbul baru-baru ini ialah penduduk-penduduk Kelau iaitu Orang Asli yang mengatakan bahawa *they are seeking judicial review* supaya meminta EIA yang terperinci. Ini adalah kerana Orang-orang Asli cabar kandungan EIA yang mengatakan bahawa mereka sudi dipindahkan atau di *resettle*. Minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Maznah Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar jika Yang Berhormat mengatakan bahawa kita tidak mengambil kira impak perubahan iklim di dalam usaha kita membina empangan dan membekal air ke Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Geosains dan Mineral telah mengadakan pelbagai kajian mengenai perkara ini bahkan Jawatankuasa Perubahan Iklim telah diwujudkan di kementerian dan juga di peringkat Kabinet dan untuk makluman bersama, satu kajian *hydro climate projection* yang menjangkau dari 2025 hingga 2050 fasa satu telah pun siap dilaksanakan dan kini sedang mengemukakan cadangan kepada Majlis Sumber Air Negara untuk menganjurkan kajian yang terperinci lanjutan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

■1050

Datuk Maznah Mazlan: Yang Berhormat, sebenarnya projek ini adalah di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Air dan juga isu mengenai *climatic change* ini telah diambil maklum dan di dalam mereka bentuk dan lain-lain keperluan teknikal adalah di dalam perhatian dan tindakan kementerian berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat batu Kawan.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya cuma kemukakan soalan pokok terhadap soalan EIA, bukan dalam projek ini tetapi banyak lagi projek-projek gergasi. Sudah sampai satu masa di mana kerajaan perlu kaji semula, adakah laporan EIA merupakan satu-satu laporan yang akan menentukan projek itu akan dijalankan atau tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, soalan Yang Berhormat.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Boleh tambah lagi, ada kaitan Tuan Yang di-Pertua. Adakah masa depan kerajaan akan meletakkan syarat-syarat yang lain selain daripada EIA. Selalu saya rasa laporannya EIA ini ada *conflict of interest*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Maznah Mazlan: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak dapat menerima tohmahan ataupun tuduhan yang dibuat tadi mengatakan ada *conflict of interest*. Saya percaya bahawa pegawai-pegawai yang melaksanakan kajian-kajian ini adalah yang profesional dan bertanggungjawab dan komited kepada negara Malaysia serta menjaga kepentingan keseluruhannya.

Sama ada, ada lain-lain kajian saya percaya di dalam apa-apa projek sekalipun bukan hanya kajian EIA sahaja yang dilaksanakan tetapi berbagai-bagai kajian lain, geo-teknikal contohnya kalau berkaitan dengan empangan ini dan lain-lain kajian yang memerlukan input yang dibuat oleh berbagai-bagai-bagai juru perunding yang diperlukan. Terima kasih.

9. Tuan William Nyallau [Lubok Antu] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah sekolah Kebangsaan Pekan Lubok Antu yang baru akan dibina sedangkan keadaan bangunan sekolah yang ada sekarang amatlah daif dan boleh mengancam keselamatan murid-murid.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dato' Razali bin Ismail]: Soalan daripada Yang Berhormat Lubok Antu adalah spesifik. Bagi Projek Pembangunan Sekolah Kebangsaan Lubok Antu dalam Rancangan Malaysia Ke-9, kerajaan telah meluluskan projek gantian 12 bilik darjah bagi menggantikan bangunan sekolah yang daif itu yang telah dikenal pasti tidak selamat digunakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah menerima surat kelulusan berhubung dengan projek tersebut dari Perbendaharaan Malaysia baru-baru ini. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran menjangkakan projek tersebut akan dimulakan pada bulan Ogos 2008 ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila, Yang Berhormat Lubok Antu.

Tuan William Nyallau [Lubok Antu]: Terima kasih. Ya, dengan kedudukan tempat sekolah tersebut yang berada di tengah-tengah Pekan Lubok Antu yang menempatkan 485 orang bukan sekolah itu sahaja yang daif tetapi kuarters guru dan juga asrama. Soalan saya adakah pembinaan sekolah ini boleh termasuk asrama dan kuarters untuk guru-guru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Dato' Razali bin Ismail: Baik, terima kasih. Soalan itu adalah lebih spesifik, tetapi untuk makluman Yang Berhormat bahawa di Lubok Antu ini terdapat 28 buah sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat juga 'Projek Sekolah Kebangsaan Sam Semaju' dan juga Sekolah Kebangsaan Engkelili sedang dalam pelaksanaan dan beberapa projek tambahan bilik darjah. Saya juga hendak sebutkan bahawa kerajaan sentiasa memberikan keprihatinan untuk menambahkan kemudahan-kemudahan sekolah bukan sahaja di Parlimen Lubok Antu malah di Sarawak secara keseluruhannya.

10. Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah rasional dan alasan kerajaan untuk tidak mempergiatkan penghasilan beras di tanah-tanah sawah yang terbiar di negeri-negeri pengeluar padi tradisional seperti Kedah dan Selangor tetapi bercadang untuk membuka kawasan penanaman padi baru di Sarawak di mana ia melibatkan kos yang lebih tinggi.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha meningkatkan keluaran padi adalah satu keutamaan yang tinggi oleh Kerajaan Barisan Nasional, oleh itu kerajaan pada bulan Mei yang lalu telah memperkenalkan Dasar Jaminan Bekalan Makanan ataupun dengan izin *food security*.. Berdasarkan komitmen tersebut, dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan baru-baru ini sebanyak RM3 bilion telah diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Dari jumlah tersebut, RM1.54 bilion adalah untuk sektor padi iaitu RM1.26 bilion untuk memperbaiki sistem pengairan dan RM286 juta untuk mekanisasi ladang, sebahagian besarnya untuk padi.

Tuan Yang di-Pertua, di Selangor ada sebuah kawasan jelapang padi, di Kedah ada MADA dan secara umumnya tidak ada tanah terbiar di kedua-dua kawasan jelapang padi tersebut. Di kawasan-kawasan lain kita dapati ada tanah-tanah terbiar umpamanya KADA di Kelantan. Semalam saya melawat Bunut Susu, Pasir Mas umpamanya di Kampung Perangkap ada 100 lebih kawasan terbiar, ini di bawah jelapang padi dan kita telah membuat keputusan untuk membangunkan kawasan tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, keutamaan kerajaan dalam meningkatkan penanaman padi yang pertamanya ialah untuk mengusahakan tanah-tanah yang mungkin sedikit sebanyak terbiar di lapan kawasan jelapang, kita telah pun kenal pasti termasuk kawasan KADA yang terbiar dan kawasan ini akan dipulihkan.

Berkaitan dengan kawasan-kawasan di masa ini luar jelapang termasuk di Sabah dan Sarawak, kerajaan telah buat keputusan untuk memasukkan kawasan ini dalam jelapang. Apa rasionalnya dimasukkan Sabah dan Sarawak antara lainnya kerana pengeluaran padi dan beras di Sabah umpamanya cuma memenuhi 30% keperluan negeri tersebut, di Sarawak cuma 50%.

Kita yakin bahawa dengan tahap pengeluaran yang begitu rendah, ini akan menimbulkan masalah dari segi jaminan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal demikian, kerajaan tidak sekali-kali mengabaikan kawasan jelapang dalam meningkatkan pengeluaran padi sebaliknya kerajaan terus memberi perhatian kepada semua kawasan jelapang. Pada yang masa Sabah dan Sarawak perlu diberi perhatian untuk meningkatkan pengeluaran padi supaya negeri-negeri tersebut juga dapat membekalkan beras yang mencukupi untuk penduduk tempatan. Itu sebabnya di Sarawak kita telah kenal pasti 41,000 hektar kawasan baru dan di Sabah kira-kira 31,000 hektar kawasan padi baru akan diusahakan untuk tanaman tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih dan dengan adanya peruntukan tambahan RM4 bilion tanaman padi di Sarawak ini, adakah ia dapat menampung keperluan beras di Sarawak. Adakah projek ini dapat menampung 80% keperluan beras tempatan seperti mana yang ditetapkan oleh kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila.

Dato' Mustapa Mohamed: Seperti yang saya maklumkan dalam jawapan tadi di Sarawak pada hari ini, beras tempatan cuma mampu untuk membekalkan 50% daripada keperluan tempatan, di Sabah cuma 30%. Hasrat kerajaan bagi Malaysia keseluruhannya menjelang 2010, dua tahun setengah lagi kita hendak berusaha supaya kita Malaysia mampu mengeluarkan 86% daripada pengeluaran negara. Bagi negeri Sabah dan Sarawak, kita harap menjelang tahun 2010 kita akan dapat tingkatkan pengeluaran ini kepada kira-kira 70% daripada keperluan tempatan iaitu di Sabah dan Sarawak.

Ke arah itu, kerajaan sudah pun menyediakan peruntukan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan dan selebihnya sudah pasti kita tidak dapat menyediakan peruntukan sepenuhnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, selebihnya kita akan tambah atau kita akan kaji semasa kita sediakan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar jawapan untuk mengatasi tanah terbiar ini dengan berbagai-bagai langkah oleh kerajaan sejak tahun 1986 sampai sekarang ini masih lagi ada tanah terbiar. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Apakah Yang Berhormat Menteri sedar, tanah-tanah terbiar yang satu relung, dua relung, satu ekar, dua ekar ini untuk tuan punya mengerjakan, menanam padi ianya sudah tidak *economical* lagi kerana kos meningkat.

Jadi untuk mengatasi tanah terbiar ini saya hendak tanya apakah kerajaan atau kementerian bercadang melalui agensi yang sedia ada seperti di Kelantan KADA, pertamanya

membayai jentera jentolak ataupun dalam Kelantan Tuan Yang di-Pertua dipanggil kereta gala sebab sekarang ini kosnya untuk pihak tuan punya tanah begitu tinggi.

■1100

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalan Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Kemudian, baja. Baja memang ada subsidi baja, tetapi kos ini tinggi.

Dan benih pula. Jadi, kalau ini diberi cara percuma sebagai sebahagian daripada subsidi, dimasukkan perkara-perkara jentolak. Beli beberapa jentolak dan gala tanah rakyat secara percuma. Lebih baik untuk mengatasi tanah-tanah terbiar daripada macam-macam program, lawatan ke Chiang Mai, lawatan ke Hadyaai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: ...Kursus sana, kursus sini. Salah dah itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, di bawah kajian separuh penggal, kerajaan telah meluluskan peruntukan RM286 juta untuk membeli jentera.

Jentera ini ada dua jenis untuk padi Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, jentera berat, jentera besar yang kosnya tinggi. Yang keduanya jentera ringan. Jentera besar kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan untuk dibekalkan jentera besar kepada LPP dan kepada KADA dan MADA. Jadi peruntukan RM286 juta ini akan diagihkan yang pertama untuk membeli jentera besar

Untuk jentera kecil Tuan Yang di-Pertua, kerajaan di bawah Dasar Jaminan Makanan telah bersetuju untuk menyediakan geran 50% kepada petani-petani. Pada hari Sabtu, saya ke Sungai Besar telah menyampaikan geran ini kepada 197 pesawah padi di kawasan Sungai Besar di mana petani cuma perlu membayar 50% sahaja dan 50% lagi merupakan geran oleh kerajaan. Ini merupakan geran untuk membeli jentera kecil yang disebut oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Pasir Mas bahawa kerajaan telah menyalurkan peruntukan RM1 juta kepada pihak KADA untuk membolehkan KADA mengagihkan atau memberikan geran kepada pesawah padi untuk membeli jentera kecil. Maksimumnya RM10,000. Umpamanya, kalau harga jentera RM10,000, petani cuma bayar RM5,000, RM5,000 lagi kerajaan akan bayar. RM1 juta telah pun disalurkan kepada KADA dan KADA ini termasuklah kawasan Yang Berhormat Pasir Mas. Terima kasih.

11. Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan status permohonan memasukkan seluruh daerah Hulu Terengganu ke dalam Wilayah KETENGAH.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Hulu Terengganu atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan perluasan kawasan operasi KETENGAH yang meliputi kawasan pedalaman Hulu Terengganu, Setiu dan Besut secara dasarnya telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

Walau bagaimanapun, cadangan berkenaan belum dikemukakan untuk kelulusan Jemaah Menteri memandangkan Kerajaan Negeri Terengganu memohon supaya KETENGAH melaksanakan kajian perancangan yang komprehensif iaitu pelan induk terlebih dahulu. Kajian tersebut akan dijadikan asas pembangunan bagi cadangan perluasan kawasannya nanti. KETENGAH kini dalam peringkat akhir penyediaannya iaitu untuk menyediakan pelan induk hala tuju KETENGAH dan dijangka selesai penyediaan ini pada Ogos tahun ini. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada menteri yang menjawab. Kawasan Hulu Terengganu merupakan kawasan yang agak mundur berbanding di daerah lain di negeri Terengganu, dan kita mengharapkan bahawa kemasukan daerah Hulu Terengganu keseluruhannya ke kawasan KETENGAH boleh membantu kemajuan daerah ini.

Jadi, saya pohon supaya kemasukan itu disegerakan dan buanglah kerenah-kerenah birokrasi yang menghambat mempercepatkan kemasukannya tersebut. Jadi, saya pohon supaya halangan-halangan itu dikenal pasti dan apakah halangan-halangan tersebut? Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat dari Hulu Terengganu. Sebenarnya, tiada soalan tadi. Namun, tidak apa saya bagi maklumat tambahan di sini. Sebenarnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah Yang Berhormat. Tidak perlu Yang Berhormat.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tidak perlu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Okey, terima kasih.

12. Tuan R. Sivarasa [Subang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebabnya nisbah anggota polis dengan penduduk di Selangor sudah sampai 1:1800 dan juga meningkat sehingga 1:4000 di beberapa tempat seperti Kota Damansara dan SS2 Petaling Jaya dan apakah langkah-langkah untuk memastikan nisbah ini dikurangkan kepada yang disyorkan iaitu 1:250.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Subang dan Dewan yang mulia, sememangnya nisbah anggota polis dengan penduduk di Selangor khususnya di Kota Damansara dan SS2 Petaling Jaya tidak menepati hasrat seperti yang dihajati oleh kerajaan.

Berhubung dengan perkara ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mempunyai pendekatan dan merangka strategi jangka pendek dan jangka panjang.

Berhubung dengan strategi jangka pendek. Di Selangor sahaja, sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia bahawa sementara tahun 2006, perjawatan di kontinjen Selangor adalah 6,378 orang. Jumlah ini telah ditingkatkan pada tahun ini kepada 10,604 orang iaitu satu peningkatan sebanyak 4,226 atau 66%. Kontinjen Selangor juga akan memperlihatkan 13 buah balai polis untuk dinaikkan taraf dan penambahan perjawatan bagi mengurangkan beban tugas pegawai dan anggota polis.

Berhubung dengan langkah dan strategi jangka panjang, seperti yang telah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini, pihak Polis Diraja Malaysia telah diluluskan sebanyak 60,000 perjawatan baru yang akan diwujudkan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2011, ke arah untuk mencapai matlamat dan mewujudkan nisbah polis dengan penduduk yang idea iaitu 1:250 di seluruh negara termasuk di Selangor. Terima kasih.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan itu. Inilah satu isu yang cukup serius sebab kita lihat nisbah yang disyorkan, diiktiraf di peringkat antarabangsa 1 anggota polis kepada 250 penduduk sudah lari jauh daripada apakah hakikat di Selangor, dan khususnya di tempat-tempat seperti yang disebutkan tadi 1:1800, 1:4000 dan sebagainya.

Namun, saya ingin bertanya. Kita perlu ambil kira di sini, jumlah anggota PDRM secara keseluruhannya di negara kita adalah lebih kurang 100,000. Memandangkan jumlah penduduk di negara kita Tuan Yang di-Pertua, nisbah yang kita ada, memandangkan negara secara keseluruhan 1 anggota polis kepada 260. Jadi, bukankah ini menunjukkan dengan jelas bahawa masalah yang kita ada adalah *deployment*, dengan izin. Cara kita menggunakan anggota kita. Masalah pengurusan jumlah anggota yang sedia ada dan inilah masalahnya. Jadi, kita ada cukup anggota sebenarnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Apakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, apakah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Jadi, saya ingin tanya di sini Tuan Yang di-Pertua. Apa yang perlu sebenarnya adalah langkah-langkah untuk menguruskan jumlah yang kita ada dengan baik. Saya ingin tanya sama ada Kementerian bercadang untuk mengkaji semula kedudukan unit-unit seperti Pasukan Gerakan Am ataupun Cawangan Khas ataupun Unit Simpanan Persekutuan FRU dan sebagainya yang mengambil beribu-ribu, berpuluh-puluh ribu anggota polis yang tidak digunakan untuk pencegahan jenayah sebenarnya.

30,000 lebih adalah terlibat dengan dalam pentadbiran...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: ...Inilah masalah sebenarnya. Saya minta penjelasan dan pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Subang kerana soalan tambahan itu. Sebenarnya adalah benar bahawa penekanan bukan sahaja kepada kuantiti tetapi kepada kualiti dan kepada *deployment* ataupun mengatur susun anggota-anggota polis yang berkenaan.

PDRM sedar perkara ini dan sebab itulah di antara langkah-langkah yang diambil berhubung dengan *deployment* itu adalah memperbanyakkan anggota-anggota yang *civilian* dan *mendeploykan* atau mengatur susun anggota-anggota polis ke arah kerja-kerja operasi, supaya mereka tidak terhad kepada kerja-kerja di pejabat dan di balai polis. Dan kerja-kerja perkeranian itu diuruskan oleh kakitangan *civilian*.

■ 1110

Inilah di antara langkah-langkah yang diambil tetapi dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, penekanan kepada kualiti ada usaha untuk mengaitkan di antara jumlah anggota polis dengan kadar jenayah tetapi kajian menunjukkan bahawa tidak ada bukti yang saintifik ataupun *empirical evidence* bahawa dengan bertambahnya keanggotaan, bertambahnya penurunan nisbah akan mengurangkan jenayah. Jadi perkara-perkara inilah yang akan diambil kira dan sebab itulah PDRM mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengenal pasti masalah *deployment* seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah antara yang disebut dari segi langkah tadi ialah membanyakkan pondok polis dengan tujuan untuk mengurus anggota yang ada untuk mengawal jenayah. Sekarang ini banyak *beat base* yang telah pun diwujudkan terutamanya di kawasan-kawasan rumah kedai yang sesak dan saya difahamkan *beat base* ini kebanyakannya ditaja oleh peniaga-peniaga itu sendiri. Jadi, tidakkah menimbulkan masalah jika sekiranya penaja itu kebanyakan

mereka adalah tauke-tauke besar yang merupakan gengster juga yang menyebabkan nanti polis tidak berani ambil tindakan kepada mereka dan bagaimana pula tempat-tempat seperti di kawasan-kawasan setinggan dan juga rumah-rumah pangsa yang kadar jenayahnya tinggi. Siapa nak *sponsor beat base* ini? Terima kasih.

Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Batu Pahat yang mengemukakan soalan. Sebenarnya adalah tidak benar bahawa *beat base* yang dikatakan itu ditaja atau *disponsor* oleh mereka-mereka. Perbelanjaan *beat base* dan balai-balai yang di tengah-tengah *shop houses* ataupun *shop lot* itu adalah perbelanjaan yang dibiayai oleh kerajaan sepenuhnya. Jadi tidak timbul yang kaya dibiayai, yang miskin tidak dibiayai. Untuk mencegah jenayah, bukan sahaja masalah ini membanyakkan *beat base* tetapi juga pendekatan kepolisan yang berorientasikan kemasyarakatan atau *community oriented policing*. Pendekatan baru dalam pencegahan jenayah dan inilah yang diamalkan oleh PDRM dan akan dipertingkatkan pendekatan *community oriented policing* untuk mencegah dan mengurangkan kadar jenayah. Terima kasih.

13. Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah baru yang diambil untuk menambah baik mutu perkhidmatan pengangkutan awam di bandar raya besar terutamanya di kawasan Kuala Lumpur yang sentiasa menghadapi masalah kesesakan lalu lintas.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat daripada Labis, saya ingin maklumkan bahawa jawapan saya ini adalah panjang. Jadi saya ingin hanya menyebut...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh bertulis kalau panjang sangat Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tidak juga panjang. Bolehlah siap dalam tempoh yang sesuai. Walau bagaimanapun saya akan menyebut perkara-perkara yang penting sahaja kerana soalan Yang Berhormat ada dua. Soal pengangkutan dan juga soal kesesakan jalan raya. Jadi saya hanya akan menjawab tentang soal penambahbaikan pengangkutan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menambah baik mutu perkhidmatan pengangkutan awam di bandar, rakyat terutamanya di kawasan Kuala Lumpur, kementerian ini telah melancarkan pembinaan projek terminal pengangkutan bersepadu Bandar Tasik Selatan yang berharga RM570 juta pada bulan November 2007 bagi menggantikan Terminal Puduraya yang uzur.

Selain daripada itu, terminal bersepadu ini yang dijadualkan siap pada penghujung tahun 2010 akan dapat mengurangkan kesesakan kemasukan pengangkutan awam ke pusat bandar dengan lokasi baru yang dapat menampung peningkatan perkhidmatan bas, teksi di antara bandar dan sektor selatan Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Terminal ini dijangka dapat menampung kira-kira 100,000 pengguna sistem pengangkutan yang berintegrasi daripada

stesen-stesen LRT, ERL dan Komuter KTM yang berdekatan. Antara langkah-langkah penambahbaikan yang lain diambil;

- (i) Termasuklah pelaksanaan projek landasan berkembar elektrik bagi sektor Seremban-Gemas dijangka siap pada tahun 2012 dan kos projek ini ialah RM3.45 bilion dan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ini pun telah saya jawab pada sidang Dewan yang lalu. Begitu juga Padang Besar, daripada Ipoh-Padang Besar dijangka siap pada tahun 2013 dengan projek RM12.48 bilion dan juga daripada Sentul-Batu Caves dijangka siap pada tahun 2009 dengan kos projek RM557 juta.
- (ii) Meningkatkan mutu dan skop perkhidmatan KTM Komuter melalui pembinaan stesen-stesen baru yang lebih selesa seperti stesen Midvalley, stesen Kepong Sentral dan stesen Bank Negara.
- (iii) Pelancaran perkhidmatan Komuter baru Rawang-Rasah pada April tahun 2007 dan KL-Ipoh pada tahun 2008 serta perolehan kos-kos yang baru.
- (iv) Perolehan sebanyak 1,055 buah bas baru oleh Rapid KL bagi menggantikan bas-bas yang lama yang telah uzur dan tidak ekonomik. Pihak Rapid KL juga telah menambah laluan baru dan meningkatkan kekerapan perkhidmatan yang sedia ada.
- (v) Bagi memastikan sistem LRT beroperasi lebih cekap, pihak Rapid KL dan Syarikat Prasarana Negara Berhad atau SPNB telah membeli sebanyak 35 tren tambahan yang baru.

Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labis.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada timbalan menteri kepada jawapan yang cukup panjang. Walaupun begitu banyak infrastruktur telah dibelanjakan, apakah jaminan kerajaan bahawa langkah-langkah yang dinyatakan betul-betul dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas dan adakah kerajaan akan terus memberi subsidi kepada pengangkutan awam seperti Rapid KL, KTM selaras dengan saranan *World Bank* dan negara-negara maju kerana ia memanfaatkan orang ramai. Kalau tidak, mengapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Bagi menjawab soalan tambahan Yang Berhormat, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Hari ini saya kurang sihat, terpaksa pergi ke Dewan. Bagi jaminan, kerajaan memang bersungguh-sungguh untuk menentukan keselesaan orang awam

terutama sekali di sekitar bandar-bandar seperti Kuala Lumpur dan juga bandar-bandar yang lain. Namun demikian, kita ada beberapa pihak yang terlibat misalnya Kementerian Kerja Raya juga terlibat kerana pembinaan jalan raya, melebarkan jalan raya bukanlah tugas di kementerian saya dan juga pihak polis juga terlibat untuk menjaga trafik dan yang keduanya bagi soalan untuk memberikan subsidi, memang kerajaan meneruskan subsidi kepada pengangkutan awam. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab mengatakan bahawa dalam proses meningkatkan mutu perkhidmatan, beliau mengatakan satu daripada strateginya adalah dari Kuala Lumpur ke Ipoh di mana dikatakan pada penghujung 2010, semua kereta api akan berfungsi dengan penuh. Soalan saya adalah berkaitan dengan perkara ini di mana kerajaan telah membelanjakan RM12 bilion dalam tempoh 12 tahun ini untuk membina landasan kereta api *double tracking* dari Kuala Lumpur ke Ipoh dan telah pun siap, telah pun siap Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, soalannya Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ha ini soalan. Walaupun telah siap tetapi tidak ada kereta api yang boleh digunakan. Soalan saya adalah kenapa tidak ada kereta api yang boleh digunakan untuk memferikan *passengers* dan apakah kita perlu membina satu landasan kereta api *double tracking* dengan membelanjakan RM12 bilion tetapi tidak diguna pakai.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Yang Berhormat, untuk menjawab soalan tambahan Yang Berhormat daripada Ipoh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...Yang Berhormat Ipoh Barat. Memang benar bahawa sekarang ini kita belum ada *coach-coach* yang baru dan ini pihak KTMB sedang menunggu *coach* yang baru dan *coach* ini akan sampai sebelum penghujung tahun ini. Terima kasih.

14. Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta Menteri Pelancongan menyatakan apakah usaha mengimbangi promosi Malaysia dan kekhawatiran salah guna visa pelancongan yang dieksploitasikan oleh sindiket-sindiket pelacuran dan jenayah yang lain.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Pelancongan untuk menjadikan industri pelancongan negara sebagai satu sektor yang mapan, berdaya maju dan berkualiti dalam memberi sumbangan kepada pembangunan sosio ekonomi negara.

■1120

Sehubungan itu, kementerian sentiasa berusaha untuk mempromosikan sektor pelancongan negara secara profesional, efektif dan berterusan agar dapat memenuhi cita rasa

dan kehendak pelancong antarabangsa dan juga pelancong *local*, dengan izin serta memberi kepuasan kepada pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia. Dalam usaha mempromosikan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang menarik, Malaysia tidak dapat mengelak daripada anasir-anasir negatif sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar, iaitu salah guna visa pelancongan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri untuk menguatkuasakan undang-undang bagi membendung masalah salah guna visa pelancongan sindiket-sindiket pelacuran dan jenayah yang lain daripada berterusan.

Kementerian Pelancongan menegaskan sekali lagi di sini, bahawa misi kementerian ini adalah bagi menggalakkan kemasukan pelancongan ke dalam negara, segala isu yang berkaitan dengan salah guna visa adalah ternyata di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Buntar.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Soalan tambahan. Ada tidak maklumat bagi pihak Kementerian Pelancongan dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri terhadap pelancong-pelancong yang ghaib. Maknanya dia datang kemudian dia hilang terus dan kita tidak tahu dia punya aktiviti ataupun dia punya pergerakan. Jadi saya memohon supaya boleh diberi penjelasan ada atau tidak maklumat pelancong yang ghaib ini. Maknanya hilang tidak tahu ke mana pergi, kemudiannya setelah masuk Malaysia dan apa usaha yang dibuat iaitu bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri bagi memudahcarakan urusan ini untuk mengelak sindiket-sindiket yang berleluasa ini berlaku dari pelacuran dan jenayah, di mana Malaysia adalah merupakan antara destinasi yang paling diminati. Pohon penjelasan.

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana saya nyatakan tadi, penguat kuasa adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri. Jadi kalau seorang *tourist* datang ke Malaysia, dia hilang, pasport dia tidak keluar balik dari Malaysia, itu adalah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri tetapi Kementerian Pelancongan memang menggalakkan pelancong datang.

Kementerian menggalakkan pelancong yang berkualiti datang ke negara bukan saja untuk melancong, tetapi untuk *invest*, dengan izin. Jadi, kalau saya mahu jawab soalan Yang Berhormat, ini adalah di bawah kuat kuasa Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang untuk mengkaji semula VOA (*Visa On Arrival*) ini yang memang ianya untuk memudahkan dan menggalakkan pelancongan dalam negara kita, tetapi telah dibuktikan banyak VOA ini disalahgunakan dan akhirnya kita melihat bahawa mereka ini telah menyalahgunakan visa ini untuk tujuan-tujuan yang disebutkan tadi.

Adakah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk memperketatkan atau mengkaji semula secara keseluruhan pelaksanaan ataupun keberkesanan VOA ini? Terima kasih.

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian memang sentiasa meneliti dan *revise*, dengan izin VOA. Kali ini Kementerian sedang meng*revise* atau meneliti *Malaysia My Second Home*, dengan izin lebih banyak lagi sekarang daripada melihat ke atas VOA, kami bukan mengetatkan tetapi dapat memantau, apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh negara, oleh pelancong yang datang ke negara kita. Sekian.

15. Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan mengenai tanaman 'padi bukit'. Berapa keluasan padi bukit di negara ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, ada dua jenis padi. Yang pertama padi sawah, yang kedua padi bukit. Padi bukit ini ditanam di lereng-lereng bukit ataupun di tempat yang tinggi dan bergantung cuma kepada hujan untuk sistem pengairannya. Padi bukit ini Tuan Yang di-Pertua kebanyakannya ditanam di Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung tidak banyak padi bukit yang direkodkan.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, di Sarawak terdapat 116,288 hektar padi bukit, manakala di Sabah cuma terdapat 6,835 hektar. Di Sarawak petani terlibat kira-kira 80,000 orang yang terlibat dalam menanam padi bukit, di Sabah cuma 4,300 orang.

Dari segi hasil Tuan Yang di-Pertua, padi bukit ini mengeluarkan hasil yang rendah. Di Sarawak secara puratanya hasilnya 0.7 tan bagi setiap hektar. Di Sabah tinggi sedikit iaitu 1.5 tan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak ada memberi bantuan baja kepada petani-petani yang menanam padi bukit dan Kerajaan Pusat sekarang ini sedang mengenal pasti, apakah jenis baja yang sesuai untuk di*apply*, dengan izin di padi bukit ini. Kajian sedang dibuat oleh MARDI dan Kerajaan Pusat sedang merangka kaedah-kaedah bagaimana Kerajaan Pusat boleh membantu petani-petani padi bukit di Sabah dan Sarawak seperti mana ia bantu petani-petani padi sawah pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sipitang.

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan akan mewujudkan jelapang padi bukit pertama bagi alternatif untuk menambah pengeluaran beras negara.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk mengenal pasti jelapang padi bukit, kerana kita berpendapat jelapang padi sedia ada dan tambahan yang telah diumumkan oleh kerajaan itu mencukupi dan memandai pada masa ini untuk memenuhi sasaran kerajaan. Walau bagaimanapun, seperti yang saya maklumkan tadi, kerajaan akan memberikan bantuan kepada penanam-penanam padi bukit

dalam bentuk baja tambahan supaya terdapat peningkatan dalam pengeluaran padi bukit dari segi produktiviti dan juga mungkin dari segi benih dan kaedah-kaedah penanam yang lain. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya nak bertanya dan diberitahu oleh pegawai di kawasan saya. Untuk mendapat benih padi bukit dan baja, jika memohon tahun ini maka tahun baru, baru akan dipertimbangkan. Adakah ini betul atau bolehkah dipercepatkan bantuan benih padi dan juga baja ini? Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua kita akan cuba mempercepatkan proses bantuan benih dan baja padi. Terima kasih.

16. Tuan Haji Ab. Aziz bin Ab. Kadir [Ketereh] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah kementerian sedar bahawa dengan adanya kemudahan kelulusan khas menteri telah mewujudkan fenomena pekerja asing dengan izin akan menjadi pekerja asing tanpa izin kerana ia telah dieksploitasi oleh mereka yang berkepentingan keuntungan semata-mata.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Ketereh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, apa yang dimaksudkan sebagai kelulusan khas yang dikeluarkan adalah mungkin merujuk kepada pertimbangan Menteri Dalam Negeri atas kes-kes rayuan daripada majikan-majikan sahaja. Semakan dan siasatan akan dilakukan di peringkat pegawai bagi memastikan perniagaan tersebut benar-benar wujud dan majikan pula mampu untuk menggaji pekerja asing.

Isu eksploitasi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah sukar untuk dibuktikan kerana kebanyakan kes-kes pekerja asing yang masuk secara sah pada asalnya, akan tetapi bertukar status menjadi pendatang asing tanpa izin atau PATI bukanlah disebabkan kelulusan khas, tetapi kerana kesalahan penyalahgunaan pas dan tempoh permit kerja di Malaysia.

■1130

Sebagai contoh pekerja asing yang diluluskan kemasukan sebagai pekerja sektor pertanian umpamanya, akhirnya dibawa untuk bekerja di sektor lain seperti perladangan atau perkhidmatan. Terdapat juga majikan yang berlengah-lengah untuk memperbaharui pas pekerja-pekerja asing sehingga tamat tempoh tersebut. Bagi mengatasi masalah ini Jabatan Imigresen Malaysia telah mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih kerap secara mengejut ke premis-premis yang menggaji pekerja asing bagi memastikan mereka sentiasa mengikut segala peraturan yang ditetapkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, tamatlah sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2008) 2008

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2008 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3) Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dan pencapaian matlamat sosioekonomi yang baik semasa awal pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan meskipun ekonomi Malaysia terus berhadapan dengan pelbagai ketidakpastian terutamanya kenaikan harga minyak petroleum mentah dunia;

merestui usaha kerajaan bagi melaksanakan Misi Nasional untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju;

meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang bertujuan melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang teguh dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD 8 Tahun 2008;

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya

berusaha dengan keazaman yang teguh dan terus menyokong kerajaan untuk membina Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing." [7 Julai 2008]

11.32 pg.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan yang kita tinggalkan semalam dan rasa sungguh bersyukur kerana dapat meneruskan perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan lima tahun yang dikemukakan oleh kerajaan pada tahun 2005 sehingga tahun 2010 telah menggariskan lima teras. Pada saya sudah tiba masanya untuk kita kaji, apatah lagi melihat kepada perkembangan dunia yang semakin tidak menentu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kajian ini pada saya perlu kita lakukan. Tambahan pula ada perkara yang boleh kita kawal dan ada perkara yang tidak boleh kita kawal. Kenaikan harga minyak tidak boleh kita kawal, kekurangan bahan bekalan makanan tidak boleh kita kawal akan tetapi ada perkara yang boleh sesama kita kawal untuk kita pastikan segala rancangan yang dibuat oleh kerajaan ini dapat kita capai dengan baik.

Namun malang sekali Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini dan semalam pun ada banyak perkara yang begitu merisaukan kita. Saya rasa Parlimen ini perlu melihat dengan cara yang paling baik, bagaimana kita memainkan peranan supaya gangguan yang boleh kita kawal ini dapat kita dikurangkan. Hari ini rakyat begitu keliru Tuan Yang di-Pertua, melihat kenyataan yang dibuat, melihat perlakuan yang kita buat sehingga rakyat sudah rasa begitu sangsi, sudah tidak tahu yang mana betul yang mana tidak.

Pada hari Khamis yang lalu, apabila satu SD atau *Statutory Declaration* dibuat, kita menjadi begitu bercelaru mempercayai sungguh-sungguh apa yang dinyatakan. Akan tetapi apabila perkara itu ditarik kembali kita kata kita tidak mempercayai. Jadi apabila kita percaya hanya kepada *convenient*, maka ini hanya menjejaskan sistem yang kita bina.

Dalam mana-mana negara kita kena ada kerukunan. Oleh itu di dalam Rukun Negara dengan jelas menyatakan bahawa, Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan undang-undang. Kedaulatan undang-undang ini yang patut kita pertahankan. Saya minta pihak polis, pihak peguam negara untuk menjalankan kerja tanpa rasa takut, *without fear or favour* dengan izin supaya keyakinan rakyat dapat kita kembalikan. Ini adalah sistem yang perlu kita pertahankan.

Satu forum yang paling tinggi, Parlimen! Tidak sepatutnya memberi satu pemikiran kepada rakyat bahawa satu-satu sistem itu tidak boleh dipercayai tetapi boleh menjadi dipercayai apabila ia memberi manfaat kepada kita. Ini yang pada saya perlu kita pertahankan, supaya rakyat di luar sana tidak keliru. Saya ingin memberi pengakuan bahawa saya percaya 100% di

atas kemampuan pihak polis dan pihak peguam negara untuk mengendalikan kes yang ada di mata kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan agar perkara-perkara yang mengelirukan ini tidak digunakan oleh pihak-pihak tertentu. Ini kerana kalau pun dakwaan yang dibuat seperti bertukarnya kerajaan, sistem yang sama juga akan kita pakai. Bagaimana mungkin kita menggunakan sistem yang dipersoalkan itu akan dipertahankan apabila mereka berkuasa. Ini satu perkara yang begitu menggusarkan dan pihak Majlis Peguam, peguam-peguam yang ada perlu berdiri untuk mempertahankan perkara ini. Sila Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi bin Haji Zakaria [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan kedaulatan undang-undang ini, apa pandangan apabila Amerika cuba campur tangan dengan sistem perundangan negara kita dengan menyatakan bahawa dia tidak akan membenarkan apa juga tindakan diambil kepada orang-orang tentu yang dia rasakan merupakan ketidakadilan sebenarnya sedangkan Amerika sendiri menunjukkan contoh yang tidak baik seperti yang berlaku di Guantanamo yang tidak memberikan keadilan kepada mereka yang ditahan. Ini cuba hendak campur tangan urusan negara kita. Apakah ini juga satu perkara yang menyentuh tentang undang-undang di negara kita?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Batu Pahat. Rakyat kena tolak, ini bukan soal Dasar Luar Negara ini soal bagaimana kita hendak mentadbir negara kita. Mana mungkin kita benarkan orang luar untuk menentukan cara kita mengendalikan undang-undang? Bagaimana kita boleh membiarkan hanya kepada perkara-perkara yang tertentu sahaja! Pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini akan mula memainkan peranan untuk menentukan cara bagaimana kita mentadbir negara.

Jadi perkara ini pada saya, rakyat kena bersatu. Percayalah ini bukan perkara yang main-main, perkara ini sudah bermula dari tahun 1998. Al Gore telah datang ke negara kita, Paul. Sekarang ini Tom Cassey. Hanya mengatakan apabila perkara yang boleh memberi manfaat kepada mereka.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada tiga orang bangun Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya dulu.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Sikit lagi. Saya hendak beritahu kalau kita ada rumah kita akan pelawa orang untuk datang sebagai cara pertama untuk orang datang, dengan cara baik. Ada cara kedua, iaitu dia ceroboh masuk rumah kita dan cara ketiga ada orang dalam yang buka pintu rumah untuk orang ini masuk. Ini terserah kepada rakyat, mana mungkin dia ceroboh negara kita seperti yang dibuat di Iraq dan Afghanistan tetapi mereka akan terus untuk cuba masuk. Ini kerana kalau kita jemput atau kalau kita sendiri yang buka pintu untuk mereka masuk dan apabila itu berlaku sudah tentu kedaulatan negara, rumah kita akan terus diganggu-gugat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hendak bagi laluan Yang Berhormat? Mana satu.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Titiwangsalah.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya bagi Kinabatangan dulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya terpanggil dengan hujah Yang Berhormat berhubung dengan Rukun Negara, Keluhuran Perlembagaan.

Pada hari ini memang jelas seolah-olah negara luar boleh memainkan peranan menentukan apa yang berlaku di dalam negara kita. Yang Berhormat ada sebut tiga kunci utama untuk masuk sama ada secara ada orang dalam buka pintu, masuk sendiri dan sebagainya. Bagi saya apa pun cara dia ianya tidak dibenarkan oleh undang-undang dan Perlembagaan negara kita.

Persoalan di sini, saya minta penjelasan Yang Berhormat Muar. Dalam negara kita hari ini kita seolah-olah tidak ada Perlembagaan, sudah tidak ada undang-undang, seseorang boleh membuat deklarasi menuduh seseorang. Esok hari dia kata saya tarik balik. Akan tetapi *the destruction* atau kehancuran orang yang dituduh sudah di situ. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Boleh saya sambung terus sekali?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya jawab dulu nanti saya lupa. Ada dua perkara saya minta untuk kerajaan buat. Pertama, kenakan tindakan. Ini perkara yang kita pegang, kalau pun kenyataan hanya dibuat hanya kerana *hear say* pada saya sebuah undang-undang kita kena terima. Maka saya minta kerajaan melihat, pihak polis kena siasat apa yang didakwa di dalam kedua-dua SD yang dibuat.

Kedua, saya minta pihak polis cari orang yang berkenaan berikan satu keselamatan yang paling tinggi. Supaya keselamatan orang ini dapat kita jamin sehingga pulihnya sistem kita.

■1140

Andai kata berlaku satu perkara yang tidak diingini, maka pihak-pihak berkepentingan akan mendakwa-mendakwi seolah-olah kerajaan terlibat, seolah-olah inilah yang pada saya cukup berbahaya. Saya minta dua perkara dilihat secara serius oleh kerajaan, ambil tindakan atas dakwaan yang dibuat dan memberi keselamatan yang paling baik supaya dia dapat terus memberikan pendirian yang sebenar apa yang berlaku supaya kekeliruan dapat kita pulihkan. Sila Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Muar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Batu Pahat mengatakan negara luar tak patut mencampuri kedaulatan undang-undang negara kita. Saya percaya Yang Berhormat daripada Kubang Kerian telah pun mengeluarkan kenyataan selaku

Ketua Pemuda PAS membantah usaha ataupun campur tangan Amerika tentang kedaulatan negara kita.

Walau bagaimanapun apabila disebut oleh Yang Berhormat Batu Pahat tentang Guantanamo Bay, adakah Yang Berhormat menyedari negara kita pun ada undang-undang tahanan seperti itu juga di Kemunting iaitu tahanan ISA. Kalau Guantanamo Bay itu Amerika menahan rakyat luar, bukan rakyat negara dia, tetapi di negara kita yang ditahan adalah rakyat kita sendiri. Jadi, saya mintalah ulasan. Terima kasih.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Yang berucap Muar, bukan Batu Pahat tapi tak apalah. Bila disebut fasal ISA, saya nak beritahu ada ramai yang di dalam ISA yang benar-benar boleh menjejaskan keselamatan dan bukan semua Hindraf. Ada orang Islam di dalam itu. Jadi pada saya, kalau tidak digunakan dengan cara baik, isunya bukan akta. Isunya cara bagaimana kita mengendalikan undang-undang tersebut. Sebab itu pada saya, Yang Berhormat Batu Pahat nanti boleh jelaskan kerana saya tak berapa berminat, ISA tidak ada kena-mengena dalam campur tangan orang luar dalam isu yang kita hadapi pada hari ini. Sila, *last*.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat Muar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari segi sudut undang-undang, dua-dua akuan bersumpah yang telah dinyatakan, diikrarkan oleh penyiasat persendirian mengenai kes yang telah menjadikan negara kita haru-biru, sebabkan kita keliru dan sebagainya.

Dari segi undang-undang, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Muar tentang akuan bersumpah. Adakah apabila seseorang membuat akuan bersumpah memang jelas dinyatakan bahawa perkara tersebut telah berlaku dan salah dari segi sudut undang-undang? Adakah polis perlu menyiasat perkara ini terlebih dahulu sama ada betul atau tidak.

Seperti mana yang telah disebut pada minggu lepas Yang Berhormat Pokok Sena telah berhujah panjang lebar menyatakan bahawa melibatkan TPM, melibatkan pembunuhan wanita tersebut seolah-olahnya telah dilakukan perkara itu dan didapati bersalah. Saya beranggapan ini tidak adil bagi pihak yang telah dituduh sebab dari segi Barisan Nasional tak pernah menyatakan bahawa sebelum mahkamah memutuskan sesuatu perkara terutama kes yang telah dikaitkan dengan orang tertentu mengenai kes liwat. Kita wakil-wakil rakyat Parlimen tidak pernah menyatakan bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat Muar berjalan.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: ...seseorang tersebut telah bersalah sehinggalah ditentukan oleh mahkamah. Kenapakah ada *double standard* bagi pihak pembangkang? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Muar kalau nak bagi boleh tapi masa Yang Berhormat tinggal lapan minit lagi.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya bagi semua sebab perkara ini saya rasa menjadi masalah pada semua orang. Biarlah masa saya tak cukup. Tiba masa Tuan Yang di-Pertua suruh saya berhenti, saya berhenti.

SD yang dibagi, akuan bersumpah hanya *hearsay*. Ada ramai peguam di sebelah sana - *hearsay*. Ada satu laporan polis yang dibuat ditolak mentah-mentah, dipertikaikan tetapi hanya kepada *hearsay* dipertahankan. Yang Berhormat Pokok Sena saya ingat, saya nak bangun masa itu tetapi masa tak mengizinkan. Menuduh seolah-olah betul. Hari ini buat pendirian dan apabila ditarik balik apa pendirian Yang Berhormat Pokok Sena? Sebab itu kita jangan keterlaluan membuat...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Bukan Yang Berhormat Pokok Sena saja, tetapi pembangkang.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Pembangkang, semualah. Kalau nak cakap tentang politik di luar beri ceramah silakan, saya tak ada masalah. Ini Parlimen. Apabila kita mempertahankan satu perkara, biarlah perkara itu kita percaya sebagai benar dan mengikut sistem yang kita gubal, yang kita luluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jerlun di belakang bangun Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Ramai sangat ni. Yang Berhormat Jerlun, minta maaf saya tak nampak. Saya bagi dulu. Saya nampak depan saja belakang tak nampak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Memang pun bangun dulu daripada Yang Berhormat Shah Alam Yang Berhormat.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: Jerlun yang berkilat macam ini pun dia tak nampak. *[Ketawa]* Dua perkara yang saya nak tanya pada Yang Berhormat Muar.

Yang pertamanya tidakkah benar bila saya sendiri menyoal mengenai kaitan Datuk Seri Anwar Ibrahim melalui NGO nya bernama Foundation for The Future, kenapa State Department ataupun Jabatan Negara Amerika Syarikat memberi USD35 juta kepada Foundation for The Future. Jawapan yang kita dapat daripada pihak sana ialah bahawa apa salahnya diterima duit ini kerana ia digunakan semata-mata untuk mempromosi demokrasi di Asia Barat. Maksudnya negara-negara seperti Lubnan, Turki dan sebagainya, NGO ini - Foundation for The Future yang diterajui oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu ke sana untuk mempromosi demokrasi yang dibawa oleh Amerika Syarikat iaitu demokrasi yang mengebom Hiroshima dan Nagasaki, demokrasi yang menyerang Afghanistan dan Iraq, yang membunuh satu juta rakyat Iraq yang tidak bersalah. Jadi adakah Yang Berhormat Muar terkejut dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Tom Casey dalam menyokong ataupun mengancam kita supaya jangan mengambil tindakan siasatan di atas kes liwat baru-baru ini.

Yang kedua, soal ISA tadi bila dikaitkan dengan Guantanamo Bay, tidakkah benar Yang Berhormat bahawa ISA itu undang-undang negara kita. Suka ataupun tak suka yang pertamanya

ia digubal sebagai satu undang-undang dan diterima oleh Parlimen ini dan sekarang ini digunakan oleh pihak polis sebagai undang-undang negara berbanding dengan apa yang dilakukan oleh Amerika Syarikat di Guantanamo Bay yang melanggar undang-undang Amerika Syarikat itu sendiri. Itulah sebabnya mereka terpaksa buat perkara itu di luar negara dia sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat Muar?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya setuju semua pandangan Yang Berhormat Jerlun. Bezanya kita membuat pendirian untuk membangunkan negara kita di sebelah sini dengan cara kita. Kita percaya dengan kemampuan kita, kebolehan kita dan ini yang akan kita lakukan. Kerisauan saya apabila rakyat digunakan sebagai soljar-soljar apabila dikelirukan untuk menerima satu fahaman yang belum tentu dapat membawa negara ini ke satu tahap yang lebih baik untuk masa depan kita. Ini yang kita cakap masa depan kita, masa depan rakyat Malaysia. Apa guna kita dapat bawa masuk satu falsafah yang kononnya ini belum tentu jadi baik tetapi kesannya saya nampak sudah berlaku di depan mata kita.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya minta maaf, saya hendak teruskan sebab saya ada lagi sepuluh minit saya rasa untuk membawa perkara-perkara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak ada sepuluh minit Yang Berhormat. Sikit saja lagi.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Sebab saya nak bawa perkara-perkara saya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tadi bukan main lagi nak bagi.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Kita boleh sambung, saya tak ada masalah. Mungkin rakan-rakan lepas ini boleh bangkitkan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Beri laluan. Tipikallah Barisan Nasional tipikal. Cakap lain, seminit kemudian tukar. Cakap benarkan semua masuk sehingga Tuan Yang di-Pertua berhentikan.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Cakap apa ni? Ya, saya berhenti, tetapi saya ada perkara yang saya nak bangkitkan. Kalau suka dengar, tak suka...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Duduklah Yang Berhormat Shah Alam. Mengganggu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Menipu, menipu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ini *rule of law* ke atau *law of the rule*?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Nanti cakaplah. Yang Berhormat cakaplah nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor duduk.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Duduk Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya tak faham kenapa bila dia bangkitkan kita duduk dengar, taat, tak ada masalah. Dia katalah macam-macam, tak ada kita bangkitkan...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tadi kata...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia takut nak dengar.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Tetapi bila kita cakap, marah! Tak tentu arah ni fasal apa? Saya bukan sentuh Yang Berhormat, saya sentuh satu perkara yang menjadi kepentingan rakyat. Saya nak sebut satu perkara tentang Perlembagaan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia takut dengan kebenaran.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Kita tahu dalam Perlembagaan ada perkara-perkara yang disebut. Saya tak nak sentuh fasal *social contract*, *social contract* ini kita cakap dekat luar, masa ceramah-ceramah kita cakaplah. Saya tak nak cakap fasal hak tanpa menyentuh hak kaum lain.

Saya nak sebut fasal Perlembagaan, perkara yang termaktub. Perkara-perkara yang kita sebut dengan jelas seperti Perkara 32 – Hak Kedaulatan Raja-raja Melayu; Perkara 3 – Agama Islam; Perkara 152 – Bahasa; Perkara 89 – Tanah Rizab Melayu; Perkara 153 – Hak Bumiputera. Perkara ini saya minta kerajaan untuk lihat. Saya tak nak cakap dalam perhimpunan-perhimpunan UMNO sebab ini bukan kontrak sosial, ini Perlembagaan. Kalau ini tidak dapat kita hormati, apa lagi tinggal kepada kita.

Saya nak sebut fasal Perkara 3. Saya akan sebut perkara ini sampai kerajaan buat. Agama Islam agama rasmi, saya dah sebut banyak kali tentang cuti. Bawah Akta Cuti 1955, ada disebut tentang cuti; cuti rehat mingguan, cuti pelepasan am, cuti tahunan, cuti sakit dan cuti bersalin. Saya nak tanya kerajaan bila nak buat cuti untuk umat Islam mengerjakan haji? Kita dah tahu perkara ini adalah ibadat, tuntutan sampai ada orang Islam terpaksa menggunakan cuti tahunan, cuti sakit untuk mengerjakan haji.

■1150

Saya harap kerajaan akan buat, sampai buat saya akan sebut supaya perkara ini dapat kita laksanakan, pinda akta yang sesuai Akta Cuti 1955, Akta Pekerjaan 1955, untuk membolehkan orang yang hendak mengerjakan haji untuk kali pertama, berpakatliah dengan EPF untuk membuktikan yang dia ini belum pernah pergi ke haji bagilah cuti 30 hari 40 hari supaya pemikiran pekerja kita, umat Islam yang hendak mengerjakan haji dapat dilaksanakan dengan baik.

Yang kedua, tentang Perkara 152 - Bahasa Kebangsaan Bahasa Melayu. Saya harap kerajaan dapat bertindak tegas, janganlah berkompromi atas nama perpaduan, disebut kadang-kadang bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia ini..bahasa disandarkan kepada bangsa. Di Iran dia tidak sebut bahasa Iran, dia sebut Parsi, di Australia dia tidak sebut bahasa Australia, dia sebut bahasa Inggeris, di Sepanyol sebab ada bangsa Spanish, adalah bahasa Spanishnya. Di Malaysia ini hanya kerana kita hendak berkompromi, ini dalam Perlembagaan, bahasa Melayu

bahasa kebangsaan. Apa yang susah sangat? Orang Melayu bukan ada di Malaysia sahaja, tetapi ada di Singapura, ada di Brunei, ada di Christmas Island, ada di Cape Town. Ini bangsa yang bertuturkan bahasa Melayu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Kalau kerajaan rasa hanya untuk perpaduan, kita kompromi Perlembagaan, saya tidak boleh terima!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan Yang Berhormat, sedikit.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Sila, pasal bahasa ya?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya bahasa. Bahasa Jiwa Bangsa. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kita baca dalam surat khabar ini Pulau Pinang salah seorang daripada Ahli Majlis Perbandaran, ini Kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang, ada mencadangkan supaya papan-papan tanda di negeri Pulau Pinang itu dibuat dalam bahasa Malaysia, bahasa Melayu, bahasa Cina, bahasa Tamil, dan kalau boleh mungkin kalau dia hendak ditambah lagi, banyak-banyak tetapi dia sebut tiga.

Dia kata supaya memberi kesenangan kepada pelancong dari China datang. Tidak sesatlah, kalau tidak ada tanda itu dia sesat, kata dia. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, adakah ini perlu atau sesuai dan dapatkah kita terima alasan ini sebagai alasan untuk memudahkan pelancong.

Saya ingin bagi tahu sedikit maklumat kepada Yang Berhormat sebelum menjawab, saya pergi ke Negara China, saya ini orang Melayu pergi ke Negara China, Shanghai, tidak ada pula papan tanda bahasa Melayu tetapi saya tidak sesat di sana. Saya boleh pergi banyak tempat. Kenapa pula, kira cadangan ini ada tujuan untuk pelancong atau ada muslihat yang lain? Tolong jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya berpandangan, sebab tidak mahu menafikan hak kaum-kaum yang lain...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkaskan jawapan Yang Berhormat ya? Masa hendak habis.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Ringkas, sangat ringkas. Kita ada Perkara 5 Hak Kebebasan, Perkara 8 Kesamarataan, Perkara 10 Kebebasan Bersuara, Perkara 11 Kebebasan Beragama, Perkara 12 Hak Pendidikan. Saya tidak ada masalah. mintalah apa yang hendak minta tetapi kalau hanya untuk pelancong, saya minta semua bahasa diletakkan. Kalau tidak boleh letak semua bahasa dalam *signage*, maka tidak perlu buat semua, buat satu. Sebab bahasa rasmi bahasa Melayu. Yang hendak letak untuk tiga, kenapa? Letaklah bahasa Arab

sekali, bahasa Sepanyol, bahasa Perancis, bahasa Jepun. Buat semua. Sebab pada saya, dalam soal ini...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya tidak setuju satu bahasa.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Sebab itu, kalau hendak cakap pasal hak kesamarataan yang ada dalam Perlembagaan, saya rasa kita boleh buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Akan tetapi akhirnya ke mana kita hendak bawa negara kita ini? Apa identiti negara kita ini? Saya hendak tanya bukan semua orang Cina boleh baca pun. Kawan-kawan saya yang saya tanya, tidak boleh baca pun. Tidak ada masalah tetapi kalau untuk pelancong, letak semua bahasa. Kalau tidak letak satu, saya tahu orang Malaysia pergi China tidak pernah sesat, kita pergi Perancis tidak pernah sesat. Sebab dia bekalkan dengan *flyers-flyers* yang boleh kita baca. Namun perlambangan, supaya kehendak-kehendak yang hendak diminta ini biarlah pada asas-asas Perlembagaan supaya kita tidak nanti menjadi satu masyarakat yang bercelaru, tidak tahu sudah, apakah identiti bangsa kita sebagai rakyat di negara Malaysia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, kalau itu masa disediakan, saya mengucapkan terima kasih dan berdoa semoga kita semua diberi hidayah, sekian mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Wangsa Maju.

11.54 pg.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Kenyataan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 30 Jun 2008, mencerminkan satu undi tidak percaya terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, masalah utama Kerajaan Barisan Nasional ialah masalah penguatkuasaan undang-undang peraturan dan pelaksanaan rancangan seperti RMK-9 ini. Kerajaan Barisan Nasional tidak mampu untuk mentadbir negara lagi kerana dengan izin, *this administration is widow with scandal of scandal*. Contoh utama ialah Parlimen, untuk mengkaji RMK-9, Kerajaan Barisan Nasional tidak perlu pergi terlalu jauh, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melantik Yang Berhormat Menteri Parlimen untuk menjaga Parlimen, tetapi beliau tidak menjaga fungsi serta infrastruktur Parlimen dengan baik.

Sebagai contoh, tempat letak kereta untuk Ahli Parlimen telah digunakan oleh orang bukan Ahli Parlimen. Papan tanda seperti 'Khas Untuk Ahli Parlimen' telah diletakkan di luar tandas dan ruang rehat tidak dikuatkuasakan. Jawapan soalan secara lisan selepas *question time* tidak diserahkan dengan segera kepada Ahli Parlimen. Biasanya saya akan mendapat jawapan sebelah petang, kadang-kadang keesokan harinya. Dengan izin, ini adalah satu *world class Parliament* dengan *third class mentality*.

Oleh yang demikian, saya berharap Menteri Parlimen menjalankan tugasnya dengan baik, janganlah minum kopi di *cafe* sahaja. Itu adalah gejala biasa yang dilakukan oleh menteri dan pegawai Kerajaan Barisan Nasional. Saya ingin menekankan bahawa Kajian Separuh Penggal hanya sia-sia sahaja kerana kebanyakan tidak dilaksanakan seperti "Ikan di hulu tuba di hilir".

Sudah banyak pengumuman dan pelancaran tetapi sebenarnya tidak ada satu yang betul diwujudkan. Bah kata pepatah, "ayam bertelur, riuh sekampung". Projek yang kononnya membawa faedah kepada rakyat, tetapi tidak satu pun berjaya.

Dalam segi keselamatan negara Tuan Yang di-Pertua, RMK-9 akan menjadi rancangan yang sia-sia sahaja jika semua rakyat Malaysia tidak memperkatakan tentang soal keselamatan negara kita. Kebanyakan rakyat negara kita kini hidup dalam ketakutan kerana diancam oleh macam-macam kes jenayah. Saya percaya kadar jenayah di Wangsa Maju telah meningkat setiap hari dan kawasan lain juga.

Kes jenayah telah berada pada tahap yang membimbangkan. Pihak polis sesungguhnya tidak boleh menggunakan alasan kononnya tidak cukup tenaga anggota. Alasan ini tidak boleh diterima langsung. Sekiranya kekurangan anggota, Ketua Polis Negara perlu meminta untuk kerajaan supaya menambah jumlah anggotanya dalam usaha memastikan negara kita sebagai negara sifar jenayah.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Minta laluan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, pada malam 5 Julai 2008, saya dijemput hadir Majlis Makan di SRJK Mun Hee Di kawasan Wangsa Maju. Saya diberitahu oleh Pengerusi *Board of Governance* dengan izin, di sekolah ini bahawa Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan satu *directive* bahawa semua sekolah tidak boleh membenarkan Ahli Parlimen Pembangkang untuk berucap dalam apa-apa majlis di sekolah, tetapi tokoh politik Barisan Nasional khususnya MCA iaitu bekas Ahli Parlimen Wangsa Maju boleh berucap dalam majlis yang sama.

Insiden ini disaksikan oleh setiausaha kepada Timbalan Menteri Pelajaran. Tindakan kementerian telah menunjukkan bahawa Kementerian Pelajaran masih belum matang dan tidak menghormati ahli dari Dewan yang mulia ini. Saya cadangkan Kementerian Pelajaran janganlah bermain politik kotor hingga ke tahap ini dan menarik balik *directive* ini dengan segera kerana kegiatan ini adalah kegiatan yang tidak sihat untuk pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sepatutnya tidak boleh memanipulasi badan-badan bukan kerajaan NGO dengan izin, untuk kepentingan pemimpin tertentu. Contohnya Majlis Peguam telah dibenarkan dirinya diperalatkan oleh kerajaan.

■1200

Majlis Peguam telah hilang arah apabila menganjurkan majlis makan malam pada 17 April lalu, tetapi majlis itu telah dibayar oleh Kerajaan Barisan Nasional. Saya meminta Yang Berhormat Menteri Undang-undang untuk menjelaskan jumlah kos jamuan makan malam yang dianjurkan di hotel mewah lima bintang di JW Marriott.

Majlis Peguam telah hilang arah dan objektifnya. Beberapa hari yang lalu, Majlis Peguam telah bergerak sebagai badan politik apabila ia menganjurkan forum mengenai kontrak sosial. Majlis Peguam sepatutnya mempersoalkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kenapa beliau tidak menubuhkan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dengan izin *Judicial Appointments Commission*, yang telah dijanjikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ketika menghadiri majlis makan malam di JW Marriott ini.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Pegawai-pegawai tertinggi...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Minta laluan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *Sorry* kita tak ada masa. Pegawai-pegawai tertinggi Majlis Peguam perlu berhenti memainkan politik dalam usaha memantapkan kedudukan kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sebaliknya memainkan peranan mereka mengikut tradisi iaitu lebih membabitkan diri dalam soal badan kehakiman dan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan beberapa kali mengenai Yang Arif Dato Low Hop Bing seorang Hakim Mahkamah Rayuan di mana beliau telah terbabit dalam perbicaraan Suruhanjaya Diraja mengenai kes pita video Lingam. Di mana adik V.K Lingam telah diminta oleh abangnya untuk memberikan sebuah beg yang berat kepada Dato' Low Hop Bing di rumahnya pada satu tengah malam. Adik V.K Lingam mengesahkan kepada saya bahawa beg itu sebenarnya berisi dengan wang yang banyak. Memang jelas bahawa kelakuan Dato' Low Hop Bing ini membuktikan kata pepatah, *ibarat kutu boleh diselisih*.

Sehingga hari ini, Dato' Low Hop Bing masih mengendali kes di Mahkamah Rayuan. Sedangkan integritinya telah menjadi tanda tanya kepada rakyat umum. Dengan izin "*How can a judge be allowed to dispense justice in court, when there was a strong allegation of corruption against him*".

Majlis Peguam haruslah mengambil tindakan terhadap skandal kehakiman ini. Janganlah izinkan ia diperalatkan oleh mana-mana pihak. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang untuk mengambil tindakan dengan segera supaya tugas Dato' Low Hop Bing digantungkan sementara untuk menyiasat dengan terperinci di atas tuduhan korupsi

tersebut. Selepas siasatan lanjut dan jika kes terhadap hakim tersebut, beliau boleh mengendali kes di mahkamah semula.

Ketidakcekapan syarikat berkaitan dengan kerajaan GLC Tuan Yang di-Pertua, pada sesi Parlimen bulan Mei lalu, Menteri Pengangkutan telah mengesahkan bahawa AirAsia telah berhutang dengan Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) dengan sejumlah RM113 juta di atas perkhidmatannya di dalam negara sejak tahun 2002. Ini menunjukkan pengurusan di dalam MAHB adalah tidak cekap dan tidak berwibawa kerana MAHB tidak mengambil apa-apa tindakan untuk menuntut hutang dari AirAsia dari tahun 2002. Menteri Pengangkutan harus mengambil tindakan terhadap pegawai MAHB yang gagal menjalankan tugas mereka.

Selain daripada itu, Ketua Eksekutif AirAsia Datuk Tony Fernandes, bagaimanapun telah mengumumkan bahawa AirAsia hanya berhutang dengan MAHB sebanyak RM68 juta sahaja. Ini bermakna, salah seorang daripada mereka iaitu Menteri Pengangkutan dan Ketua Eksekutif AirAsia telah membuat kenyataan yang palsu. Menteri Pengangkutan mesti berikan penjelasan, kenapakah beliau tidak dirujuk kepada *Privileges Committee* kerana membuat kenyataan yang palsu kepada Parlimen?

Apabila saya bertanyakan, apakah tindakan yang diambil oleh MAHB dan MAS untuk mendapatkan balik jumlah wang RM113 juta dan RM85 juta milik masing-masing-masing? Menteri Pengangkutan menjawab, "Bagi mendapatkan semula hutang-hutang tersebut daripada AirAsia, MAS dan MAHB sedang mengadakan perbincangan dengan AirAsia dan Kementerian Kewangan".

Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang diberikan amat tidak masuk akal kerana AirAsia adalah sebuah syarikat swasta dan mengapakah Menteri Kewangan perlu melibatkan dirinya? Saya tidak pernah dengar adanya sebuah syarikat swasta yang berhutang dengan GLC dan sebelum sebarang tindakan dibuat untuk menjelaskan hutang, perlu berbincang dengan Kementerian Kewangan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan perlu memberikan penjelasan, kenapakah beliau begitu berminat dengan berhutang dengan hutang-hutang AirAsia kepada MAHB? Bukankah tugas utama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan untuk memastikan semua GLC mesti menuntut segala hutang daripada syarikat swasta seperti AirAsia dengan segera dan mengarahkan Kementerian Kewangan dengan tidak masuk campur tangan tindakan menuntut hutang oleh GLC.

Apakah Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan ataupun menantu tertentu, mempunyai kepentingan dalam AirAsia dan oleh itu, MAHB dan MAS tidak boleh mengambil sebarang tindakan terhadap hutang-hutang yang bertanggung itu? Saya minta Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan berhenti dengan segera daripada mencampuri urusan dan tindakan mengenai pembayaran hutang AirAsia kepada MAHB dan MAS.

Tuan Yang di-Pertua, pada 12 Mei 2008, saya mempertikaikan bahawa tiada tender terbuka dilaksanakan oleh MAHB semasa memberikan kontrak kepada Syarikat Fajar Baru untuk LCCT. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan memberi jawapan seperti berikut, "Oleh sebab keperluan LCCT adalah begitu mendesak dan perlu dibina dalam masa yang singkat, kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan projek ini secara rundingan terus kepada Fajar Baru Builder Group Berhad (Fajar Baru) itu. Syarikat Fajar Baru ini terlibat dalam kegiatan dengan izin *investment holding and provision of management services*. Kumpulan Fajar Baru ini di *bag* dengan izin ke tahun 1976, di mana kos subsidiinya ialah Fajar Baru Builder Sdn. Bhd *formally known as* Syarikat Pembinaan Fajar Baru (Rembau) Sdn. Bhd. Sama ada ini adalah satu *coincident* di mana syarikat ini adalah latar belakang dari Yang Berhormat Rembau, kawasan menantu tersebut. [Ketawa]

Pada 20 Mei 2008,...

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]: Menantu apa?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Perbincangan Menjunjung Kasih kepada Titah Yang di-Pertuan Agong, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah mengaku bahawa Syarikat Fajar Baru ini tidak mempunyai pengalaman dalam pembinaan *Airports* dan ia ada pengalaman untuk membina *warehouse* untuk *Airports* sahaja. Pada masa yang sama, Yang Berhormat menteri juga memberi jaminan di dalam Dewan ini, bahawa tender terbuka akan dijalankan untuk projek LCCT yang baru.

Skandal ini juga telah dipertikaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Husam Musa Timbalan Menteri Besar Kelantan dalam blognya, husammusa.com.

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]: Kata Pak Lah tak betul tu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya petikkan kata beliau. Kenyataan Fajar Baru dalam BSKL boleh dirujuk. Ia dokumen bertulis;

"Sekali lagi Fajar Baru Builder yang dulunya Fajar Baru (Rembau) yang telah ditukar namanya atas sebab mereka sendiri ketahui, dapat projek ini belum pun menteri tahu mengenainya. Dua bulan selepas syarikat ini mendapat tawaran, Menteri Pengangkutan masih pergi ke Dewan dengan jawapan yang usang dan tak terpakai. Keputusan Pilihan Raya Mac 2008 adalah berkaitan atau tidak dengan keputusan pemberian tawaran ini, boleh menjadi teka-teki. Namun, untuk Ong memberikan jawapan berbeza dengan dokumen rasmi yang ada, mendedahkan mutu Ong yang saya yakin tidak sama sekali akan membuat demikian jika beliau diberikan maklumat yang tidak tepat."

Saya bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Dato' Husam Musa bahawa Menteri Pengangkutan tidak diberi maklumat yang tepat oleh kakitangan Kementerian Pengangkutan kerana pada 24 Mac 2008, Fajar Baru telah melaporkan projek LCCT ini telah diberikan kepada Fajar Baru dengan harga RM123.9 juta.

■1210

Saya amat terkejut dengan fakta-fakta berikut:

- (i) Pada 19 Mac 2008, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan Jemaah Menteri yang baru. Pada hari yang sama Yang Berhormat dari Ampang Jaya telah dilantik sebagai Menteri Pengangkutan Malaysia dan Malaysia Airports Berhad mengeluarkan satu surat penerimaan *Letter of Acceptance* kepada Fajar Baru dengan projek LCCT, dengan izin;...

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Bukan. Yang Berhormat bukan Ampang Jaya, Yang Berhormat Pandan...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Hah? Yang Berhormat Pandan, *sorry*. Minta maaf.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: ...Dato' Husam bukan Timbalan Menteri Besar, EXCO Kelantan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Exco Kelantan, minta maaf. Terima kasih, Yang Berhormat.

- (ii) Fajar Baru mengenai dengan projek LCCT baru dengan izin, *propose design construct and complete the expansion of low cost carrier terminal LCCT at KLIA* dengan harga kontrak berjumlah RM123.9 juta tanpa tender terbuka;
- (iii) tarikh permulaan projek LCCT baru ini ialah 7 April 2008;
- (iv) saya tidak percaya bahawa pada hari pelantikan beliau sebagai Menteri Pengangkutan dan beliau terus mengarahkan MAHB untuk mengeluarkan *Letter of Acceptance* dengan izin, untuk LCCT baru ini kepada Fajar Baru; dan
- (v) dalam tempoh dua hari pada 21 Mac, Fajar Baru telah menerima *Letter of Acceptance* daripada MAHB. Ini menunjukkan MAHB ini amat efisien tetapi MAHB tidak ambil tahu tentang hutang sebanyak RM113 juta yang di hutang oleh AirAsia.

Saya percaya bahawa fakta-fakta tersebut adalah berunsur *corrupt* kerana kontrak tersebut diberikan kepada Fajar Baru tanpa tender terbuka. Terdahulu kontrak untuk LCCT lama diberikan kepada Fajar Baru tanpa tender terbuka juga atas alasan masa yang singkat. Sekarang alasan apa? *Corruption*, dengan izin. Saya mencadangkan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan memberi penjelasan dalam perkara-perkara seperti tersebut:

- (a) pada 19 Mac 2008 dalam tempoh sepuluh hari selepas Pilihan Raya Umum Ke-12, mengapakah MAHB dengan begitu cepat mengeluarkan *Letter of*

Acceptance untuk memberi projek ini kepada Fajar Baru tanpa tender terbuka kali kedua;

- (b) kenapakah Fajar Baru adalah satu syarikat yang amat *special* dengan izin, *whose core business is investment holding* sahaja dan diberikan berapa projek yang besar oleh kerajaan tanpa tender terbuka. Projek-projek yang lepas LCCT yang sedia ada *TNB Headquarters, Seremban Bas Terminal, Control Public Health Laboratory* dan *National Library*. Projek-projek yang terbaru LCCT baru, *airport* baru di Pulau Pinang. Sila berikan jumlah kos untuk setiap projek tersebut kecuali LCCT yang kita sudah tahu, dan berikan alasan untuk setiap projek tersebut. Kenapakah projek diberikan kepada Fajar Baru tanpa tender terbuka?...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [*Menyampuk*] Menantu Perdana Menteri!

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Menantu ya? Saya dengarlah menantu, mungkin lah itu.

- (c) atas alasan apa MAHB membenarkan Syarikat Mesra Indah Jaya Sdn. Bhd. dahulu dikenali Mesra Indera Jaya Autopart Service and Trading Sdn. Bhd. untuk mengutip daripada pemandu-pemandu teksi sebanyak 90% dari *charge* teksi daripada LCCT? Syarikat tersebut tidak memberi apa-apa perkhidmatan pun kepada pemandu teksi sama ada kebenaran ini akan dibatalkan demi kepentingan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Pemandu-pemandu teksi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat sudah habis dah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tadi baru saja saya cakap, saya hendak gulung sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, dan juga Golden Hope Plantation adalah sebuah *subsidiary* PNB dan Golden Hope Sdn. Bhd. melalui Jomalina Food Industries Sdn. Bhd. terlibat dalam *future trading or pump oil* oleh seorang *root trader* dengan izin, bernama Encik Badrul pada bulan Julai 2007...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...la mengalami kerugian sebanyak RM120 juta dan sampai hari ini, tiada apa-apa tindakan telah diambil oleh kerajaan ataupun PNB terhadap orang-orang ini.

Juga satu lagi iaitu Syarikat Pembina Sdn. Bhd. pada kelmarin iaitu 2 Julai 2008, *Malaysiakini* telah membongkar satu skandal kewangan yang melibatkan Syarikat Pembina Sdn.

Bhd. iaitu satu syarikat yang ditubuhkan pada tahun 1976, di mana ia adalah di bawah kawalan Kementerian Pelancongan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah habis dah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Ini adalah satu skandal juga yang besar, saya harap Kementerian Pelancongan boleh memberi jawapan mengenai dengan skandal Pembina Sdn. Bhd. ini di mana RM50 juta telah hilang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bukit Katil.

12.16 ptg.

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Nampak... Saya tengok Yang Berhormat, jangan bimbang.

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil]: Saya bangun untuk membahaskan dan menyokong usul Kajian Semula Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang memberi tumpuan kepada projek yang mampu meningkatkan kesejahteraan rakyat dan menitikberatkan kepentingan negara, untuk terus menjadikan Malaysia sebuah negara yang makmur, progresif, adil dan berdaya tahan serta berdaya saing dan dapat menjamin kesinambungan agenda pembangunan negara.

Kenaikan harga bahan api yang telah memberi kesan berantai dan tekanan inflasi yang menyebabkan rakyat terpaksa menanggung peningkatan kos hidup yang lebih tinggi. Harga minyak dunia terus meningkat melihat kepada perkembangan konflik yang berlaku di antara Israel dan Iran mengenai Program Nuklear Teheran. Harga minyak mentah di pasar hadapan dunia terus meningkat 100% sejak awal tahun 2008, apabila komoditi itu mula melalui paras USD150 setong. Namun pemberian insentif kenderaan daripada kerajaan sekurang-kurangnya meringankan beban rakyat dan telah memberi nafas baru kepada para pengguna kenderaan di negara ini.

Pertambahan peruntukan sebanyak RM30 bilion untuk tempoh 2008-2010 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, sekali gus memperlihatkan kesungguhan kerajaan ketika berhadapan dengan krisis ekonomi bagi meneruskan projek-projek pembangunan yang telah dirancang. Khususnya projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas yang dapat memberi manfaat langsung kepada rakyat. Pertambahan peruntukan ini membuktikan bahawa kerajaan arif tentang tanggungjawab yang bertambah besar di bawah landskap sosioekonomi dan politik global yang tidak menentu.

Seperti yang dijangka, projek-projek yang memberi manfaat besar kepada rakyat diberikan keutamaan dan projek-projek mega hendaklah ditangguhkan. Saya yakin tindakan kerajaan menangguhkan projek-projek mega yang tertentu adalah semata-mata kerana mengambil kira keadaan ekonomi semasa dan bukannya sebagai satu keputusan politik bagi menghukum rakyat kerana memilih pembangkang pada pilihan raya umum yang lalu.

Kita percaya niat kerajaan berbuat demikian berdasarkan penilaian semula dengan mengambil kira keadaan ekonomi semasa dan saya pasti projek-projek yang memberi manfaat kepada rakyat tidak akan dihentikan di seluruh negara. Malaysia akan dapat terus mengekalkan momentum pertumbuhan yang positif selaras dengan agenda pembangunan negara berdasarkan lima teras utama misi nasional.

Program-program penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta mengkomersialkan teknologi sememangnya memerlukan dana yang besar untuk dibangunkan. Apabila kerajaan bersetuju memperuntukkan dana sejumlah RM483 juta bagi melaksanakan projek penyelidikan dan pembangunan dalam kajian sains biologi dan bioteknologi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, sekali gus membuka peluang kepada lebih banyak syarikat bioteknologi yang terlibat dalam pendidikan dapat dibantu. Ini sekali gus membantu mempertingkatkan pertumbuhan produktiviti dan daya saing negara.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Pohon laluan Yang Berhormat.

■ 1220

Tuan Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil]: Baik. Sekejap sahaja.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bangkitkan tentang program R&D ini, saya tertarik R&D yang dibuat di institut pengajian tinggi awam atau IPTA, yang dilihat sekarang ini terlalu banyak geran atau peruntukan yang telah diberikan kepada *researcher* dengan izin, ataupun penyelidik-penyelidik yang terdapat di universiti yang kerajaan mengharapkan hasil daripada R&D di IPTA ini akan dapat dikomersialkan dan sekurang-kurangnya dapat diberi pendapatan yang baik kepada universiti berkenaan, dan tidaklah IPTA ini meletakkan kebergantungan sepenuhnya kepada kerajaan apabila R&D ini berjaya dikomersialkan.

Kita ambil contoh Institut Teknologi Masachusset di USA, kalau kita lihat kejayaan R&D dia, telah menyamai pendapatan sebuah negara yang ke-24 di dunia kalau tidak silap saya. Begitu hebat, kerana mereka berjaya membuat dan mengkomersialkan produk daripada R&D ini dan mereka mendapat pendapatan dan sekali gus bebanan untuk dikenakan kepada pelajar-pelajar IPTA ini dapat dikurangkan. Jadi apa yang berlaku di negara kita dalam konteks negara kita ini, kita lihat R&D ini yang kita buat, kita masuk pertandingan. Pertandingan di peringkat antarabangsa ini yang kelas ketiga. Pingat emas yang kita dapat ini ialah pingat emas yang boleh dikatakan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ini berucap ataupun apa?

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sekejap. Ini adalah penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Nanti saya akan sampaikan. Hendak *touch down* sudah ini. Pingat emas yang kita dapat ini, pingat emas yang dalam pertandingan yang tidak mendapat *star* di peringkat antarabangsa. Jadi hasil daripada R&D ini hanya layak dimasukkan dalam jurnal sains dan kita lihat program ini agak membazir begitu sahaja. Jadi apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini bagi memperkasakan R&D yang dibuat di IPTA ini supaya dapat dikomersialkan dan diletakkan di persada yang sebenarnya?

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju dan sepatutnya kerajaan menambahkan lagi peruntukan untuk R&D ini dan melahirkan lagi pakar-pakar dalam kajian yang lebih baik dan semoga hasil R&D ini dapat dikomersialkan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari bahawa potensi industri bioteknologi di negara ini sebagai sumber pertumbuhan baru negara adalah besar dan bidang ini mampu menjana kekayaan negara.

Oleh itu, Kerajaan Persekutuan mestilah memberi peruntukan sewajarnya untuk menyokong dan mempercepatkan lagi projek-projek bioteknologi khususnya di negeri saya, di Melaka yang memandang bidang bioteknologi ini berkembang pesat di negeri Melaka. Peruntukkan berjumlah RM141 juta untuk bio perubatan, dan RM74 juta dalam bidang farmaseutikal atau bio farmasi boleh disalurkan kepada Kerajaan Negeri Melaka. Kalau Kerajaan Negeri ini telah menerima pelaburan dalam bidang perubatan bio terapeutik. Pertambahan pelaburan asing dan pelaburan *vivo biotic* sebuah syarikat berpusat di India yang bersetuju melabur sebanyak RM450 juta dalam bidang perubatan bio terapeutik di Melaka iaitu pelaburan asing terbesar yang diterima oleh Melaka dalam industri bioteknologi setakat ini, menjadikan Melaka sebagai pemain utama di dalam bioteknologi di rantau ini, di samping membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam bidang bioteknologi dan perubatan.

Pelaburan yang diusahakan dengan kerjasama Perbadanan Bio-Teknologi Melaka dan sebuah syarikat tempatan itu akan mengeluarkan vaksin pencegahan kanser dan diabetes untuk pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat melahirkan modal insan dengan minda kelas pertama berinovasi, kreatif, dan berpengetahuan tinggi sebenarnya bergantung kepada bidang pendidikan negara yang akan menjadikan mereka lebih berdaya saing di peringkat global. Pembangunan pendidikan di sekolah-sekolah hendaklah ditingkatkan agar pencapaian akademik pelajar-pelajar menjadi lebih cemerlang.

Saya yakin peningkatan peruntukan sebanyak RM13.5 bilion bagi menaik taraf infrastruktur sekolah, menyediakan kemudahan ICT, serta menggalakkan lebih ramai guru yang berpengalaman berkhidmat di kawasan luar bandar terutama di kawasan Sabah dan Sarawak

dapat direalisasikan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Keselesaan dan keselamatan pelajar di sekolah mestilah dititikberatkan. Hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat kelas pertama akan tercapai dengan terbinanya lebih banyak institusi pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, kementerian terbabit mestilah memastikan bahawa pengambilan pelajar-pelajar dibuat mengikut piawaian yang ditetapkan tanpa mengetepikan keputusan peperiksaan yang cemerlang.

Jika tidak, kita tidak mahu melahirkan graduan-graduan yang tidak bermutu yang hanya masuk universiti kerana mahu mendapatkan ijazah sahaja, tetapi yang lebih penting penambahbaikan diri mereka bagi mengisi keperluan tenaga kerja pelbagai sektor di negara ini. Pembangunan insan juga amat penting untuk menjana perkembangan ekonomi untuk negara menjelang 2020. Modal insan yang seimbang di kalangan individu dalam masyarakat kita, akan dapat memberi satu kekuatan kepada negara ini ke arah pembentukan kehidupan masyarakat yang harmoni di kalangan masyarakat yang berbilang kaum di negara kita. Tambahan peruntukan dalam bidang pendidikan jelas menunjukkan bahawa kerajaan amat memberi keutamaan dalam bidang ini. Syabas diucapkan kepada kerajaan kerana dalam suasana ekonomi yang mencabar masih terus menjadikan pendidikan sebagai teras dalam pelan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2010, diunjurkan seramai 24.6 juta pelancong akan melawat Malaysia berbanding 21 juta pada tahun 2007. Bilangan penduduk negara kita pula akan bertambah daripada 27 juta pada tahun 2007 kepada 28.9 juta pada tahun 2010. Sehubungan itu, kemudahan infrastruktur dan sistem pengangkutan awam yang cekap dan berkesan diperlukan untuk menampung bilangan penduduk dan pelancongan agar kualiti hidup tidak terjejas.

Saya melihat peningkatan kemudahan pengangkutan awam banyak tertumpu di kawasan bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Kita berharap Kerajaan Persekutuan dapat memberi perhatian kepada bandar-bandar besar yang lain seperti Melaka, Johor Bahru, Seremban dan yang lain-lain. Dengan kepesatan pembangunan ekonomi, dengan merujuk kepada negeri Melaka, juga untuk kepentingan pelancong, khususnya sektor Pelancongan Kesihatan, Kerajaan Persekutuan mestilah menyokong malah mempercepatkan kelulusan projek tambahan pemanjangan projek Landasan Lapangan Terbang Batu Berendam, tambahan kepada 335 meter lagi, bagi membolehkan kapal terbang jenis *Boeing 737* dan *Airbus A320* mendarat dengan muatan penuh.

Landasan Lapangan Terbang Batu Berendam kini sedang dalam proses pemanjangan landasannya, daripada 1372 meter kepada 1800 meter, dan dilebarkan daripada 37 meter kepada 45 meter. Walau bagaimanapun, pemanjangan setakat 180 meter ini hanya membolehkan pesawat 737 dan *Airbus* mendarat dengan separuh muatan sahaja dengan izin, *half load*. Saya mohon dalam Dewan yang mulia ini agar Kerajaan Persekutuan dapat

memperuntukkan sebahagian kecil daripada peruntukan tambahan RM30 bilion itu untuk melaksanakan projek tambahan 335 meter lagi, landasan Lapangan Terbang Batu Berendam tersebut dengan segera, memandangkan proses pengambilan tanah telah diselesaikan oleh Kerajaan Negeri dan tanahnya pun sudah siap ada, hanya perlu peruntukan tambahan peruntukan untuk melanjutkan pemanjangan landasan tersebut.

Kita bimbang jika projek ini ditangguhkan lagi, kos pembangunannya akan meningkat lebih tinggi pada masa akan datang. Projek menaik taraf lapangan terbang ini adalah penting kerana ianya akan menjadikan Melaka sebagai hab kepada industri pelancongan, terutamanya pelancongan kesihatan dan satu lagi pintu masuk ke negara ini di sebelah Selatan Semenanjung dan dijangka akan menarik lebih ramai penumpang antarabangsa ke Malaysia melalui Melaka.

Industri pengangkutan dan perkhidmatan di Melaka telah mencatatkan pertumbuhan yang baik, termasuk pertambahan jumlah pelancong perubatan dari setahun ke setahun khususnya dari Singapura, Thailand dan Indonesia. Kerajaan Melaka menjangka sektor pelancongan kesihatan di Melaka akan meningkat dua kali ganda apabila lapangan terbang ini beroperasi pada bulan Januari 2009. Untuk makluman, Melaka mencatatkan jumlah pelancongan kesihatan seramai 64 ribu orang tahun lalu. Kerajaan negeri menjangkakan apabila siap lapangan terbang ini pelancongan kesihatan akan bertambah kepada 140 ribu orang. Kerajaan Melaka juga bercadang menganjurkan *chartered flight* dari India dan China. Mereka, ramai orang-orang kaya dan boleh dibawa ke Melaka untuk industri perubatan.

■ 1230

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan adalah industri yang besar sumbangannya kepada pendapatan negara termasuk pembangunan hotel-hotel yang tumbuh di seluruh negara termasuklah di Melaka. Saya suka mencadangkan kerajaan menimbang supaya berkongsi pendapatan dengan kerajaan-kerajaan negeri hasil daripada cukai perkhidmatan dan cukai jualan yang dikenakan kepada pelanggan-pelanggan hotel.

Enam strategi masalah ketidaksamaan sosioekonomi yang diperkenalkan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, membuktikan bahawa kerajaan memandang serius dan sanggup melakukan apa sahaja demi kesejahteraan rakyat. Dalam tempoh RMK-9 ini, kerajaan hendaklah terus memperkasakan usaha pembasmian kemiskinan di kalangan berbilang kaum. Pembentukan mekanisme pemantauan dan penilaian yang lebih tersusun di pelbagai peringkat pentadbiran meliputi negeri dan daerah perlu dilaksanakan segera dan dipantau.

Pelaksanaan program perumahan kos rendah, rumah mampu milik menjelang tahun 2010, harus dipercepatkan bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri dan hidup lebih selesa. Ini kerana pertumbuhan ekonomi negara perlu disertai dengan peningkatan kualiti hidup seluruh rakyat Malaysia. Dengan peningkatan kos bahan bakar, kenaikan harga beras dan barang keperluan harian lain yang melambung dilihat akan menambah beban golongan miskin negara ini. Kerajaan hendaklah terus mencari jalan dan

meningkatkan bantuan golongan ini agar kehidupan mereka terus dibela seiring dengan kepesatan pembangunan negara yang bakal menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Saya percaya kerajaan dan jentera penggeraknya dapat merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sifar kemiskinan dengan usaha bersungguh-sungguh dan penglibatan semua pihak. Hari ini kita melihat cabaran terbesar negara adalah untuk merapatkan jurang kemahiran dan bakat di kalangan belia-belia kita. Dengan adanya asas kemahiran dalam *soft skill* dengan izin dan *hard skill*, saya yakin para belia kita tidak akan menghadapi masalah untuk mengurus diri. Masalah ini lebih mendesak kerana negara meneroka lebih banyak aktiviti teknologi tinggi dan berintensif pengetahuan.

Meskipun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan memperuntukkan penyelidikan dan pembangunan kemahiran, lebih banyak langkah jangka pendek perlu diperkenalkan bagi menangani isu tersebut. Ramai graduan menganggur gagal memanfaatkan potensi diri dan mencipta peluang-peluang pekerjaan baru selain daripada mengharap untuk bekerja makan gaji. Bagi yang sudah mendapat pekerjaan, masih terbelenggu dengan cara kerja lama yang tidak produktif dan tidak proaktif kerana kekurangan daya kreativiti. Inovasi dan kemahiran mengolah ilmu-ilmu yang telah dipelajari agak sesuai untuk dimanfaatkan kepada realiti semasa.

Dalam konteks ini, program meningkatkan pengetahuan untuk menarik rakyat Malaysia berbakat perlu dikaji semula untuk menjadikannya lebih menarik dan berkesan. Kerajaan harus memperbanyakkan program-program latihan dan program tersebut hendaklah komprehensif iaitu seseorang belia itu hendaklah mendapat kedua-dua sekali *soft skill* dan *hard skill* dengan izin. *Soft skill* dan *hard skill* ini yang diberikan itu adalah hendaklah *market oriented* dan ke arah *self-employed*. Oleh yang demikian membantu mengurangkan kadar pengangguran. *Soft skill* dan *hard skill* yang diberikan itu hendaklah ke arah mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti tinggi.

Oleh yang demikian, membantu mengurangkan kadar kemiskinan. Di samping itu, penyediaan semangat patriotisme harus ditingkatkan dan diberikan penekanan yang utama. Jika perlu, dirombak kurikulum dan pendekatan yang diguna pakai sekarang serta ditukar tenaga pengajar yang kurang berkesan. Ia hendaklah dilaksanakan manakala Institut Pembangunan Belia Malaysia hendaklah membuat kajian ke arah memahami aspirasi dan tuntutan golongan belia yang boleh dijadikan polisi input. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong usul tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Baling.

12.34 tgh.

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut sama membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Ada beberapa perkara yang mungkin berpeluang untuk saya memberi penekanan di sini. Pertama sekali ingin saya membawa rintihan dan suara rakyat dan masyarakat di tempat saya di kawasan Baling, di mana pada awal pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada awal dahulu, menegaskan bahawa di antara kawasan-kawasan yang diberi penekanan untuk dipertingkatkan dan dimajukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini ialah di kawasan-kawasan perbatasan termasuklah juga di Baling, Pangkalan Hulu, Sik, Padang Terap dan sebagainya.

Untuk kawasan Baling, kita nampak bahawa setakat separuh penggal berlalu Rancangan Malaysia Kesembilan ini sebagaimana yang ditegaskan itu tidak terlaksana. Di kawasan Baling untuk maklumat ringkas Dewan yang mulia ini, mempunyai keluasan seluas 152,900 hektar. 55.5% adalah kawasan hutan dan paya, 44.5% adalah kawasan pertanian perindustrian, penempatan dan sebagainya. Sementara penduduk lebih kurang 140,000 orang tetapi pengundinya ramai, 83,000. Hanya seorang sahaja yang mewakili mereka di Dewan ini.

Daripada jumlah tersebut, terdapat sebelum ini, sebelum kenaikan harga barang dan sebelum kenaikan harga petroleum ini, terdapat 240 buah keluarga miskin tegar dan 1,300 buah keluarga miskin. Di sana juga terdapat 10,000 hektar tanah terbiar di mana purata pusingan tanah terbiar tersebut lebih kurang tiga tahun hingga 15 tahun dan tanah ini cukup berpotensi untuk dibangunkan. Akan tetapi, malangnya apa yang diterima oleh rakyat Baling setakat separuh penggal ini ialah, pertama sekali dukacita dan amat kesal rakyat Baling, kerana peruntukan yang telah pun diluluskan sejumlah RM24 juta untuk projek *agropolitan* itu tiba-tiba dibatalkan beralasan kerana Kedah telah bertukar kerajaan.

Sampai ke hari ini, 70 buah jalan kampung dan juga jalan ladang yang memerlukan lebih kurang RM30 juta untuk diturap tar. Akan tetapi sampai ke hari ini, 70 buah jalan kampung dan jalan ladang itu tadi masih berdebu sebagaimana yang telah dirasai oleh penduduk yang terdahulu. Maknanya, 50 tahun sudah tidak pernah merasai tar jalan tersebut. Tahun 2006, 43 buah kontraktor di Baling tidak dapat apa-apa kerja. Tahun 2007, hanya 120 kerja sahaja yang ada dan ditawarkan berbanding dengan 220 orang atau 220 syarikat kontraktor yang ada di Baling. Harga barang di Baling sejak 5 ke 6 bulan kebelakangan ini, meningkat 30% sehingga 50% dibandingkan lebih tinggi berbanding dengan bandar yang terdekat dengan Baling iaitu Sungai Petani dan Kulim.

Saya sebut ini semua adalah hendak menggambarkan bagaimana yang dihadapi oleh rakyat sebagaimana di Baling ini, rakyat perbatasan yang kita tidak seharusnya lupa, rakyat Baling adalah di antara rakyat-rakyat lain di sempadan yang bangun mempertahankan negara ini waktu darurat dahulu.

Mereka telah dihipit oleh kemiskinan yang sebegitu rupa. Negara tidak seharusnya lupa sejarah 1974. Mereka bangun mempertahankan walaupun ancaman komunis begitu hebat di perbatasan tetapi mereka masih mempertahankan negara.

■1240

Mereka tidak terpengaruh dengan dakyah-dakyah musuh komunis ini. Apakah wajar rakyat yang sebegini prihatin, dan bangun mempertahankan kedaulatan negara, dibiarkan sebegini rupa sampai ke hari ini, 50 tahun merdeka. Oleh itu, saya sebagai mewakili suara rakyat Baling, meminta keprihatinan pihak kerajaan tanpa begitu *bias* dengan soal-soal kepartian dan politik-politik jalanan. Kita bukan tempat di Dewan ini untuk terlalu sensitif dengan simbol-simbol ataupun kedudukan parti. Kita dihantar oleh rakyat ke Dewan ini ialah untuk membincangkan kesejahteraan rakyat keseluruhannya, sama ada dia daripada pembangkang ataupun daripada Barisan Nasional... [*Tepuk*] Terima sahaja keputusan rakyat. Janganlah demokrasi itu dinodai. Kita cakap di luar, kita cakap di mana-mana, sebagai kedudukan demokrasi tapi dalam pelaksanaannya, kita beri penekanan yang sebegini rupa kepada rakyat, apabila rakyat menggunakan hak mereka.

Kenaikan harga barang di Baling, khususnya di kawasan saya menjadikan keadaan peratus miskin tegar ini makin meningkat dan makin tinggi. Oleh itu, saya harapkan agar kawasan-kawasan di sempadan Malaysia-Thai ini, dipergiatkan pembangunannya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, walaupun kita masih hanya ada separuh penggal sahaja lagi sebab kawasan-kawasan di sempadan ini terdedah dengan berbagai-bagai ancaman, yang tidak keterlaluan kalau saya sebutkan di Dewan yang mulia ini, keadaan mereka terlalu berjiran dengan suasana dan kegawatan yang berlaku di negara jiran.

Suka juga saya kaitkan dalam kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, sebatang jalan raya yang satu-satunya menjadi penghubung Baling dengan Sungai Petani yang lebih kurang 45 kilometer, kurang lebih, merentasi di tengah-tengah daerah kecil iaitu Pekan Kecil Kuala Ketil, sampai sekarang di tahap lama, bengkok-bengkok. Tidak ada suatu usaha untuk meningkatkan. Kita sanggup habis wang ringgit berbilion-bilion untuk perbelanjaan di tempat-tempat yang sudah pun membangun tetapi di Pekan Kuala Ketil itu sendiri dibina *divider* jalan, lampu jalan tak dipasang. Suasana Pekan Kuala Ketil itu sendiri menjadi pekan *cowboy* di tengah-tengah 50 tahun merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini, saya minta supaya pihak kerajaan memberi satu perhatian yang khusus kerana kita tidak mahu masyarakat dan rakyat di kawasan sempadan ini nanti terdedah dengan pengaruh-pengaruh yang tidak diingini daripada kawasan-kawasan di sebelah sempadan.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, dalam buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan ini, muka surat 17, perkara 30 menyentuh mengenai pembangunan industri halal yang akan diterajui oleh Perbadanan Pembangunan Industri Halal dengan berpandukan Pelan Induk Pembangunan Industri Halal. Sesuatu yang harus diakui bahawa negara kita Malaysia, adalah sebuah negara yang mempunyai potensi yang cukup baik untuk eksport..., hab makanan halal di peringkat antarabangsa, dan saya yakin lebih-lebih lagi ke negara-negara Islam

yang lain. Kita tahu bahawa contohnya, Kerajaan Saudi sendiri terpaksa mengimport entah berapa tan atau berapa banyak ayam dari negara seperti mana Norway. Dalam kajian yang pernah dibuat oleh JAKIM pada suatu ketika dahulu, yang keadaan halalnya masih menjadi tanda tanya tapi negara-negara seumpama negara Islam seperti Saudi ini, terpaksa juga mengimport kerana untuk menampung permintaan terutama sekali bagi umat Islam yang datang ke Saudi mengerjakan ibadah umrah dan juga haji.

Oleh itu, saya mengharapkan, kerajaan seharusnya mempertingkatkan dan memperkasakan pemeriksaan, pemantauan, standard dan juga standard pensijilan Halal Malaysia. JAKIM hendaklah dipertingkatkan dan diperkukuhkan lagi kuasa piawai. Hal ini juga termasuklah dalam tanggung jawab dan kuasa yang dipertingkatkan dari segi *enforcement*.

Apa yang kita nampak sekarang, usaha-usaha ke arah ini agak lemah dan perlu dipertingkatkan lagi. Lebih-lebih lagi, bagi pihak perbadanan yang dipertanggungjawabkan tadi, lebih kita nampak kepada operasi perniagaan, *business oriented*, dan juga kepada hanya untuk mencapai keuntungan tetapi tidak bersama-sama dengan roh kebajikan, ataupun tanggung jawab syarak. Sebab itulah maka kita dapati berulang kali, kejutan-kejutan yang dihadapi oleh rakyat dalam negara ini khususnya, keadaan yang tidak halal berlaku kepada makanan misalnya yang telah mereka beli, yang telah mereka makan selama ini. Sebagaimana yang telah kita tempuhi dalam tahun-tahun yang lalu, dan di awal tahun 2008 baru-baru ini, setelah sebegitu lama produk ini dikeluarkan dan dipasarkan dalam negara, baru terpampang di dada-dada akhbar, media dan sebagainya bahawa makanan tersebut adalah tidak halal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Sedikit sahaja ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sedikit sahaja.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Yang Berhormat bersetuju kah tidak kalau buat masa ini kita belum lagi ada satu sistem audit halal yang tepat untuk menentukan suatu produk yang sudah di *classified* kan sebagai halal dengan logo dan pensijilan, tapi itu lebih merupakan *one-off*. Kalau kita tubuhkan satu pusat atau entiti yang mengaudit setiap tahun kepada produk yang telah pun diberikan pensijilan, maka sekurang-kurangnya setahun atau dwi-tahunan, perkara ini boleh kita pastikan, perkara ini boleh kita pastikan yang status halal itu sekurang-kurangnya mengikut kepada standard pensijilan yang kita keluarkan. Terima kasih.

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan itu kerana ini menunjukkan bahawa kedudukan, jaminan halal ini senantiasa menjadi suatu produk yang meyakinkan pengguna berterusan. Sebab itu bagi saya, kepada pengusaha-pengusaha yang mendapat kebenaran untuk Sijil Halal ini, terutama sekali kepada syarikat-syarikat yang bukan dipunyai oleh orang-orang Islam supaya mereka ini

dipertingkatkan dari semasa ke semasa dari segi pemantauan dan sebagainya, dan juga penjelasan serta pengetahuan tentang status halal itu sendiri.

Saya di sini, saya sarankan kepada kerajaan supaya satu standard piawai Islam atau mungkin dikenali dengan 'ISI', sewajarnya dibangunkan dan diperkenalkan. Kalau dalam pengurusan dan pentadbiran, dan sebagainya yang selama ini kita kenali dengan ISO, apa salahnya, satu standard piawai yang diperkenalkan atau dibangunkan oleh kerajaan bersama..., dan saya yakin Persatuan Pengguna Islam Malaysia mempunyai kepakaran dan bersedia untuk bekerjasama penuh dengan pihak kerajaan dalam hal ini.

■1250

Bagi pengusaha-pengusaha restoran, kantin ataupun juga kilang-kilang yang menghasilkan makanan layak untuk mendapat pengiktirafan ISI ini misalnya apabila mereka memenuhi syarat-syarat ataupun peraturan-peraturan yang ditentukan. Seperkara lagi ialah kerjasama dua hala perlu dipertingkatkan lagi untuk mendapatkan laluan pasaran yang lebih luas bagi produk hab halal Malaysia. Pendekatan pemasaran terus perlu digunakan untuk mengeksport produk ini ke negara pengguna tanpa melalui negara ketiga. Oleh itu saya harapkan supaya perkara yang seumpama ini diberi perhatian yang lebih serius. Saya harapkan supaya kerajaan mengutamakan tuntutan fardu kifayah dalam Islam, mengatasi kepentingan-kepentingan keuntungan perniagaan dalam hal ini.

Apa ertinya keuntungan yang berlipat ganda kita peroleh dari segi nilai ekonomi sekiranya masyarakat kita terutama sekali masyarakat Islam dihadang dengan yang tidak halal dan juga harus disedari bahawa umat Islam sebenarnya amat sensitif dalam hal-hal yang seumpama ini dan usahlah kita abaikan hakikat ini. Khusus kepada perbadanan pembangunan industri halal, saya minta agar mereka lebih prihatin mengenai dengan kedudukan ini dan langkah-langkah perlu supaya keyakinan terhadap keadaan ini dapat dipertingkatkan lagi dan dapat diberi suatu kedudukan keyakinan yang tinggi kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan yang ada ini saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai dengan isu pendidikan sebab disuarakan oleh banyak pihak terutama oleh para sarjana dan cendekiawan dalam seminar-seminar dan perbincangan-perbincangan mengenai dengan pendidikan di negara ini, di mana rata-rata berpendapat bahawa bidang pendidikan khususnya di IPT telah pun semacam menjadi korban kepada kehendak sesetengah parti politik di samping menjadi korban kepada kerakusan dunia perniagaan. Kampus-kampus IPT yang nampak mewah tidak lagi dapat menyembunyikan kelumpuhan dinamikanya sebagai institusi pemerkasaan dan kecerdasan generasi muda.

IPT semakin hilang wibawa sebagai pihak pusat cendekiawan yang baik, kritis dan antikuiti. Warga IPT semakin tidak mampu menegakkan kebenaran dan kepedulian ilmu kerana mungkin ini diputuskan dan diaturkan untuk perkiraan untung rugi sektor korporat dan politik semata-mata. Oleh itu, bagaimana para graduan ini akan berhadapan dengan dunia globalisasi

dan dengan pelbagai cabaran yang akan mereka hadapi. Kerajaan terus terang saya katakan semacam tidak berminat membebaskan para mahasiswa-mahasiswi dari pelbagai keuntungan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Sikit lagi. Sebenarnya dunia pendidikan kini dilanggar krisis tiada *vision*, tiada hala tuju dan tiada program yang jelas ke arah itu. Oleh itu, Falsafah Pendidikan Negara 1990 Tuan Yang di-Pertua, menyebutkan, mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan berwaspada untuk mewujudkan insan seimbang, harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Cantik falsafah itu tetapi apa yang berlaku, realiti sekarang adalah sebaliknya. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi laluan dan kepada kerajaan semoga pandangan yang telah kita berikan ini menjadi suatu perhatian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Simpang Renggam.

12.55 tgh.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal RMK-9 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menggalakkan pembangunan sumber pertumbuhan baru dalam bidang pertanian dan memberi tumpuan kepada bidang yang berpotensi tinggi khususnya penternakan ikan hiasan. Sasaran pengeluaran seperti dicadangkan adalah dipertingkatkan daripada 679 juta ekor setahun ke 860 juta ekor melalui RMK-9.

Tuan Yang di-Pertua, satu ketika negara kita Malaysia merupakan pengeksport ikan hiasan yang paling besar di rantau Asia tetapi malangnya kini Malaysia tidak mampu lagi berdaya saing dan jatuh ke kedudukan semalam selepas Indonesia dan Thailand. Ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga minyak diesel, bahan api yang digunakan untuk penjanaan elektrik dalam ladang terpencil yang mana TNB tidak boleh sampai. Keduanya kenaikan harga bahan makanan ikan hiasan yang kebanyakannya diimport dari Thailand dan ketiganya adalah kenaikan harga pengangkutan darat dan udara.

Saya telah pun dijemput hadir ke satu dialog bersama dengan Persatuan Pengusaha Ikan Akuarium, Johor pada bulan lalu. Selain daripada faktor-faktor tersebut, rintihan-rintihan seperti berikut juga disampaikan kepada saya:

- (i) tidak ada bantuan atau ditawarkan tanah untuk penternakan ikan hiasan di negeri Johor;
- (ii) tidak diberi subsidi diesel;

- (iii) prosedur pengeksporan ke luar negara adalah terlalu rumit malah mengangkut ke negeri Sabah dan Sarawak adalah juga sama;
- (iv) pembayaran-pembayaran OT kena dibayar oleh penternak ikan hiasan kepada pegawai bertugas sekiranya eksport itu dibuat di waktu tengah malam; dan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Apa itu OT Yang Berhormat?

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: *Overtime*, dengan izin.

- (v) levi sebanyak RM200 yang dikenakan oleh Kastam Malaysia atas setiap pengeksporan air, ini haruslah dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada kerajaan supaya mementingkan penternak-penternak ikan hiasan di negeri Johor khususnya yang bertempat di kawasan layang-layang. Saya berharap rintihan-rintihan tersebut dapat diselesaikan sebagai satu langkah untuk meringankan beban penternak dan memberi bantuan sepenuhnya untuk menggalakkan pembangunan penternakan ikan hiasan. Mereka merupakan penternak yang terbesar di Malaysia, memang memainkan peranan yang amat penting dan menyumbang banyak dalam perindustrian ini. Saya yakin dengan usaha yang dibuat itu tentunya akan membantu mengembalikan Malaysia ke kedudukan nombor satu sebagai pengeksporan ikan hiasan terbesar di rantau Asia.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan teras kedua misi nasional, saya akan berbesar hati sekiranya Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat turun padang untuk melawat sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina di Simpang Renggam. SRJK(C) yang dinyatakan adalah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina South Malaya yang mempunyai pelajar seramai 153 orang, bilik darjah pelajaran sebanyak tujuh buah termasuk sebuah makmal komputer yang cukup buruk dan bengap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat, jam sudah pukul 1.00 Yang Berhormat, sambung selepas ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya jemput Ahli Yang Berhormat yang berucap, ada satu usul daripada menteri. Sila menteri.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****2.32 ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran semua Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap dalam perbahasan bagi Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa 8 Julai 2008.”

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Yang cakap tidak itu yang sudah berucap. *[Ketawa]*

Adillah sedikit kepada kawan yang belum berucap. Sila, siapa tadi Yang Berhormat Simpang Renggam? Sila.

2.33 ptg.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan ucapan saya dengan Teras 2 Misi Nasional yang saya sebut tadi. Penduduk di Simpang Renggam akan berbesar hati kalau Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat turun ke padang untuk melawat sebuah sekolah yang bernama SRJK(C) South Malaya yang terletak dalam ladang nanas mempunyai pelajar seramai 153 orang, bilik darjah sebanyak tujuh buah termasuk sebuah makmal komputer yang diubahsuai daripada gedung. Sekolah ini juga tidak mempunyai ruang yang cukup untuk membina gelanggang sukan dan padang bola sepak dan terpaksa meminjam gelanggang bola keranjang milik peladang nanas. Pelajar-pelajar yang menghadiri kelas senaman terpaksa melintas jalan dan bergerak ke gelanggang tersebut iaitu gelanggang yang tidak berbumbung. Sekiranya cuaca tidak baik, maka kelas senaman terpaksa dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong kerajaan dalam segala usaha dan bantuan yang diberikan kepada sekolah jenis kebangsaan aliran Cina dan Tamil. Walau bagaimanapun, bantuan yang diberikan adalah tidak mencukupi. Rakyat lagi berminat hendak tahu berapakah daripada peruntukan sebanyak RM13.5 bilion itu diagihkan untuk membantu dan mempertingkatkan sekolah jenis kebangsaan aliran Cina dan Tamil di seluruh negara. Sekolah

jenis kebangsaan aliran Cina dan Tamil khususnya dalam ladang adalah isu yang kontroversi sejak dahulu.

Pada hakikatnya tidak boleh dinafikan bahawa jurang dari segi taraf kemudahan dan infrastruktur di mana sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan adalah amat besar. Sekolah kebangsaan menikmati apa yang diberi oleh kerajaan tapi sekolah jenis kebangsaan aliran Cina dan Tamil dalam ladang adalah tidak cukup. Walaupun pelajar mereka ini adalah juga warganegara Malaysia dan juga sasaran yang dikehendaki oleh kerajaan demi melahirkan modal insan berkualiti dan berpengetahuan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Krau. Saya memang mengharapkan kerajaan mempertimbangkan cadangan dan juga suara daripada sekolah jenis kebangsaan aliran Cina dan Tamil di seluruh Malaysia. Jangan sesekali dijadikan isu dan sering dipermainkan oleh pihak pembangkang seolah-olah kerajaan sengaja mengabaikan atau meminggirkan sekolah jenis kebangsaan dan sebenarnya kerajaan tidak berhasrat berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, menurut kepada pendapatan purata yang tercatat dalam buku Kajian Separuh Penggal RMK-9 yang diedarkan pada seluruh Ahli Yang Berhormat saya tidak ragu-ragu tentang perkiraan yang cuba menggambarkan jurang pendapatan antara kumpulan etnik tapi untuk kerajaan lagi berpaksi kepada sasaran yang betul statistik itu seharusnya diberi dengan lebih terperinci. Umpamanya pendapatan purata di kalangan kaum India sebanyak RM3,799 angka ini mungkin mencerminkan satu fakta iaitu cuma segelintir orang yang terlampau kaya manakala golongan besar adalah miskin atau amat miskin.

Penjelasan daripada kerajaan sepatutnya diikuti dengan memberi angka berasaskan pecahan pendapatan. Kerajaan patut memberi peratusan kaum India yang berpendapatan RM50,000 ke atas setiap bulan atau peratusan kaum India yang berpendapatan RM1,500 ke bawah dan sebagainya. Begitu juga bagi kaum bumiputera dan kaum Cina. Jadi rakyat akan lebih jelas dan faham tentang keadaan yang sebenar dan ini juga akan menghapuskan curiga daripada komuniti India atau golongan yang tidak berpuas hati dengan kerajaan seperti pergerakan Hindraf yang mengadu bahawa kerajaan meminggirkan kaum India. Biarlah rakyat Malaysia mengetahui dan menghargai segala usaha dan semangat yang dicurahkan dalam menangani masalah ketidaksamaan sosial ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah saya ingin merujuk kepada Teras 4 Misi Nasional. Ini tentang perkhidmatan kereta api. Pada amnya perkhidmatan kereta api pada peringkat ini tidak memuaskan. Stesen juga didapati buruk dan lama tidak di baik pulih. Masalah seperti birokrasi juga wujud. Aduan seperti KTMB mengambil lebih daripada enam bulan untuk meluluskan permohonan penyewaan gedung KTMB juga pernah saya terima. Selain daripada itu, penduduk-penduduk di Bandar Renggam berasa amat kecewa kerana pemberhentian kereta api telah pun dibatalkan tidak lama dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah terdapat dua stesen kereta api di kawasan Simpang Renggam. Yang pertama ialah stesen Layang-layang, yang keduanya stesen Renggam. Kebanyakan penumpang ini adalah pekerja-pekerja yang bekerja bertungkus-lumus di Singapura. Bangun pada awal pagi dan balik lewat malam tanpa mengira jarak perjalanannya dan ingin cuma sedikit mata wang Singapura untuk rezeki dan juga menyumbang sedikit pada ekonomi tempatan. Mereka turut berulang-alik dari Singapura ke Renggam tiap-tiap hari walaupun penat tapi malangnya kereta api tidak berhenti lagi dan mereka terpaksa turun di stesen Layang-layang jalan yang menyambung Layang-layang dan Bandar Renggam adalah gelap dan jauh dan keputusan ini telah pun mendatangkan banyak kesulitan kepada penduduk.

■1440

Saya berharap kerajaan dapat mengkaji semula jadual masa bukan sahaja mementingkan penambahbaikan kemudahan tetapi juga mutu perkhidmatan untuk memenangi keyakinan rakyat terhadap pengangkutan awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyentuh berkenaan Balai Bomba Simpang Renggam. Saya mengharapkan perhatian diambil ke atas permintaan daripada semua penduduk di kawasan Simpang Renggam tentang pembinaan sebuah balai bomba baru di kawasan Simpang Renggam dan bukanlah bergantung sahaja kepada sebuah balai bomba yang sedia ada berlokasi di bandar Renggam dan di mana perjalanannya mengambil masa 15 minit untuk sampai ke tempat kebakaran di Layang-layang, 20 minit ke Simpang Renggam dan lagi 25 minit ke Machap.

Kami berterima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri KPKT tentang persoalan saya semasa perbincangan Titah Diraja dalam Dewan yang mulia ini. Kami dimaklumkan bahawa peruntukan masa ini tidak mencukupi walaupun tanah telah diwartakan lama tetapi pembinaannya mungkin dipertimbangkan dan dimasukkan ke RMK-10

Tuan Yang di-Pertua, tahap kehidupan tidak dapatlah dipertingkatkan sekiranya kehidupan tidak terjamin. Balai bomba baru di Simpang Renggam ini bukan sahaja memainkan peranan untuk memadamkan api kebakaran di rumah rakyat atau pun kebakaran hutan maka ia juga membantu menyelamatkan nyawa mangsa yang terlibat dalam kemalangan di lebuhraya.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup, saya mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan semula pembinaan balai bomba tersebut yang telah kami mohon pada Rancangan Malaysia Kelapan dan juga telah pun pada masa itu telah diputuskan bahawa pembinaan balai bomba akan dibuat di lokasi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan usaha kerajaan dalam melaksanakan beberapa langkah untuk meringankan beban kerajaan termasuk mengarahkan semua jabatan dan agensi kerajaan menurunkan kos utiliti sekurang-kurangnya 10% untuk menjimatkan perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai wakil rakyat, kita sedar betapa sibuknya adalah kita. 24 jam kadang dalam satu hari pun tidak cukup. Saya tidak dapat membayangkan bagaimana untuk mereka yang selaku Ahli Parlimen dan juga ADUN lagi menjadi Exco atau Ketua Menteri atau Menteri Besar, macam mana mereka mengagihkan masa mereka dan sudah tentunya kecekapan akan jatuh, tidak efisien kerana masa tidak mencukupi untuk mereka menjalankan tugas dengan sepenuhnya. Dengan kata lain, mereka adalah membazirkan duit rakyat. Saya menyanjung tinggi Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Bukit Mertajam...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Minta penjelasan.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Batu Gajah kerana tidak bertanding di peringkat DUN dengan semangat ikhlas berkhidmat untuk rakyat dan memberi peluang kepada orang lain. Saya menyeru Pakatan Rakyat mengehendkanlah seorang calon itu uma boleh bertanding untuk satu kerusi tanpa mengira DUN atau Parlimen. Kalau hendak menjimatkan duit rakyat, letaklah jawatan Exco, menumpukan Parlimen sekiranya Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya mengenai Projek Pulau Pinang Monorel dan Jalan Lingkaran Luar (PORR) yang kini ditangguhkan oleh Kerajaan Persekutuan. Yang pertamanya, saya rasa hairan...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Minta laluan. Jelutong minta laluan.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya rasa hairan DAP, bukannya...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Simpang Renggam macam mana hendak faham soal Pulau Pinang, biarlah Jelutong yang minta laluan.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang pertamanya saya rasa hairan, mengapa DAP, bukannya membantah projek PORR pada tahun lepas, bantahan yang dibuat kuatnya oleh Yang Berhormat Ng Wei Aik, Setiausaha Politik Ketua Menteri yang kini menjadi ADUN KOMTAR, dahulu bantah kenapa sekarang minta, apakah...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Dahulu bantah kerana tidak ada...

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya tidak faham mengapa Ketua Menteri Pulau Pinang tidak pergi berjumpa bersendirian dengan Pak Lah sebaliknya tahu sahaja menjerit-jerit dan melaung-laung di luar dan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak nampak mantan Ketua Menteri Pulau Pinang yang berbahagia saudara Tan Sri Dr. Koh Su Koon berbuat demikian semasa...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Koh Su Koon sudah gagal.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak elok begitu. Orang berucap kita kena dengar.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Semasa memerintah Kerajaan Pulau Pinang. Tidak ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat berbuat demikian meminta...[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehlah, tunggu giliran Yang Berhormat.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tidak nampak ada Ahli-ahli Yang Berhormat ...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Itu amanat Tuan Yang di-Pertua, letakkan politik di luar Dewan Rakyat.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: ... Yang meminta ini dan meminta itu sampai RM40 juta juga hendak minta memperbaiki kabel car, adakah ini cuba berlakon. Kerajaan dahulu cakap serupa bikin tetapi kerajaan sekarang adalah cakap serupa berlakon. Saya amat berharaplah Yang Amat Berhormat tidak menjadi Yang Arif Berlakon.

Bukankah Kerajaan Pulau Pinang telah pun mengupah seorang daripada Parti Gerakan untuk menjadi Pengarah Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang dan Invest Penang. Inilah tiba masanya Kerajaan Pulau Pinang menunjuk bakat dan kehandalan kepada rakyat. Tunjukkan kuasa kepada rakyat, duit yang ditinggalkan oleh kerajaan dahulu akan habis kalau masih mementingkan diri.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Dia mahu cari salah sahaja.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh bagi laluan?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Perak tidak payah jawablah Perak.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Minta laluan, minta laluan. Minta laluan, cakap banyak dah, bagi orang Tanjung bercakap apa Simpang Renggam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, duduk dulu.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Dua projek mega itu tidak dibatalkan sebenarnya, ia cuma ditangguhkan memandangkan ada lagi projek yang mendesak. Saya harap rakyat di Pulau Pinang jangan lupakan bahawa dua projek mega ini adalah hasil rundingan Kerajaan Barisan Nasional, DAP hanya meminta-minta sahaja.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Apa guna mulut?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan cakap sembaranganlah!

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: ...Persekutuan tak, boleh!

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Lim Keng Yik walau pun menyifatkan...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Kalau berani, bagi laluan, bagi laluan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Penakut, penakut!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagilah dia peluang.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Bagilah dia bercakap.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Bukan, bukan orang Simpang Renggam macam ...

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: ...Menyifatkan kami adalah seperti pengemis...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Simpang Renggam tidak siumanlah.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: ... Akan tetapi kami mempunyai maruah dan berwibawa, kami sudah berusaha memperjuangkan selama 40 tahun. Perjuangan ini tidak akan berhenti dan akan diteruskan selama-lamanya tetapi DAP ini baru memerintah 100 hari, tidak tahu bekerja tetapi tahu meminta-minta, siapakah pengemis? Ini betul-betul menjatuhkan imej Ketua Menteri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu cakap tidak serupa bikin sekarang? Inilah pembangkang, rakyat suatu hari akan faham, sekian. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hulu Selangor. Sekali-sekala pasal dia lain *sport*. Silakan.

Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan berucap dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Saya ingin menumpukan sekitar persoalan memperkukuhkan modal insan negara melalui program pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mula mengenai pendidikan *tertiary* di institusi pengajian tinggi.

Memanglah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan banyak menekankan tentang memperkukuhkan modal insan melalui program pendidikan. Kerajaan mengiktiraf bahawa modal insan berkualiti merupakan elemen yang paling kritikal dalam mencapai Misi Nasional. Pelbagai program dan kaedah telah digubal bagi merealisasikan hasrat memperkukuhkan modal insan negara antaranya ialah peningkatan pengetahuan dan kemahiran, peningkatan keupayaan keusahawanan dan peningkatan pengetahuan sains dan teknologi serta memiliki sikap, nilai etika positif dan progresif melalui pendidikan dan latihan serta pembelajaran sepanjang hayat. Akan tetapi kebanyakan program ini hanya cantik di kertas sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pertanyaan saya yang dikemukakan dua hari yang lepas iaitu mengenai masalah salah laku pelajar di IPT jelas membuktikan bahawa hakikat ini memang wujud iaitu kes salah laku pelajar agak membimbangkan.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita sedang melihat dan melalui satu perubahan paradigma di kalangan masyarakat. Rakyat Malaysia sangat sensitif terhadap permasalahan sejagat. Jumlah graduan menganggur yang tinggi memberi pertunjuk kukuh bahawa usaha memperkukuhkan modal insan melalui program pendidikan tinggi perlu dikaji semula.

Pelbagai isu dan masalah yang gagal diwujudkan pada peringkat yang lebih tinggi seperti:

- (i) Kurikulum yang tidak sesuai dengan keperluan industri;
- (ii) peningkatan tahap pendidikan tenaga, keperluan industri;

- (iii) peningkatan tahap tenaga pensyarah di universiti yang sekurang-kurangnya diperlukan sebanyak 60% mempunyai ijazah, PhD;
- (iv) peluang dan keinginan membuat penyelidikan bertaraf dunia yang rendah;
- (v) sikap dan personaliti mahasiswa yang rapuh;
- (vi) tidak bersifat patriotik; dan
- (vii) segelintir terlibat dalam gejala sosial yang serius.

Facilities pengajaran dan pembelajaran yang ada di universiti di Malaysia yang masih rendah berbanding dengan universiti di luar negara, khususnya negara maju. Di samping itu, kadar pengangguran di kalangan belia bukan graduan juga telah menjadi bebanan yang besar kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah cabaran-cabaran yang pada hemat saya perlu dilihat semula oleh kerajaan apabila melaksanakan Program Modal Insan melalui pendidikan *tertiary*:

- (i) dunia semakin mengecil dan berubah dengan pantas mengakibatkan persaingan semakin senget;
- (ii) manusia yang dapat dan cepat menyesuaikan diri dengan perubahan akan terus *survive* dengan izin;
- (iii) mahasiswa di saran mencipta pekerjaan untuk diri mereka dan orang lain;
- (iv) pekerja industri perlu meningkatkan kemahiran berganda bagi menjamin *survival* dalam kejayaan masing-masing;
- (v) perlu wujudkan *value added* dengan izin dalam diri pekerja agar terus laku dan relevan di kaca mata majikan;
- (vi) dunia yang kita tidak lagi dapat menjangka pengetahuan atau kemahiran yang dipelajari di universiti akan diperlukan apabila bekerja kelak;
- (vii) dunia yang kemasukan ramai orang pada satu jangka masa panjang untuk menjadikan satu industri yang terbesar. Mereka terdiri daripada populasi pekerja profesional seperti polis, peguam, kaunselor, jurutera, ahli politik yang agresif, migrasi, buruh antarabangsa yang agresif dan sebagainya; dan
- (viii) dunia yang terdapat pengisytiharan manusia global secara *legal* dan *illegal* dengan izin untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik. Mereka merentasi sempadan tanpa menoleh ke belakang lagi atas nama *survival* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, enrolmen pelajar di semua peringkat pengajian di institusi pendidikan *tertiary* awam dan swasta meningkat kepada 731,698 pada tahun 2005 dan jumlah ini

semakin meningkat setiap tahun. Di peringkat lepasan ijazah, enrolmen bagi program sarjana dan kedoktoran falsafah atau Ph.D adalah sebanyak 16.2% di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan 3.8% di Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

Dari tahun 2000 hingga 2005, Institusi Pengajian Tinggi Swasta menyumbang 58.5% dari jumlah keseluruhan pelajar lepasan ijazah. Statistik ini jelas menunjukkan bahawa peranan universiti swasta merealisasikan program peningkatan dan memperkukuhkan modal insan negara sangat besar. Namun begitu, berbanding dengan peruntukan yang diperoleh oleh universiti awam sangat besar, universiti swasta tidak memperoleh apa-apa geran sokongan bagi meningkatkan mutu *facilities* dan juga sumber tenaga manusia.

Di Universiti Awam, pensyarah diberikan biasiswa meningkatkan pengajian, menjalankan penyelidikan dan juga program peningkatan profesional seperti membentangkan kertas kerja dan juga cuti sabbatical. Semua kemudahan ini hampir tiada di kebanyakan universiti swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulai ini berkaitan program-program pendidikan sepanjang hayat iaitu kemasukan melalui pengalaman yang hanya dibenarkan di beberapa buah universiti sahaja iaitu Universiti Terbuka Malaysia, UNITAR dan Universiti Wawasan.

Bagi mencapai matlamat lebih ramai peluang menyambung pelajaran di peringkat *tertiary*, pihak kerajaan disarankan supaya membenarkan lebih banyak universiti beroperasi secara pendidikan sepanjang hayat iaitu membenarkan kemasukan melalui pengalaman khususnya universiti-universiti swasta milikan kerajaan negeri. Saya juga ingin menarik perhatian bahawa terdapat ramai guru di sekolah menengah yang telah mempunyai ijazah peringkat sarjana dan juga Ph.D.

Apakah usaha kerajaan untuk mengoptimumkan kepakaran guru-guru tersebut. Perasaan kecewa guru-guru yang mempunyai kelayakan yang tinggi akan semakin meningkat kerana tiada usaha pihak kerajaan mengiktiraf sejajar dengan kelayakan mereka. Saya ingin menyarankan supaya guru-guru yang berada dalam kategori ini dioptimumkan kemahiran mereka dengan membenarkan mereka berkhidmat di institusi-institusi pengajian tinggi yang lebih tinggi, swasta atau awam tanpa meninggalkan kerja hakiki mereka sebagai guru.

Pihak kerajaan juga disarankan supaya mengenal pasti individu yang berada dalam industri yang berkelayakan ijazah sarjana ke atas, supaya dapat menyumbang dalam proses pembelajaran dan pengajaran peringkat *tertiary*. Wujudkan *smart partnership industry* dan akademik. Mungkin akan menjadi jawapan dalam usaha peningkatan dan pengukuhan modal insan negara.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan yang inovatif dan kreatif mengoptimumkan modal insan sedia ada akan membantu mencapai matlamat mewujudkan pusat kecemerlangan pendidikan serantau atau sebagai hak pendidikan serantau. Saya juga percaya usaha ini akan gagal jika kita gagal mewujudkan koordinasi mengoptimumkan tenaga pakar kita. Usaha

mewujudkan Malaysia sebagai hak pendidikan terkemuka juga akan gagal jika universiti-universiti swasta gagal meningkatkan prestasi dan kualiti di dalam pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan yang bertaraf dunia.

Kita tidak boleh mengharapkan universiti awam membuka pintunya kepada orang luar kerana subsidi kepada universiti awam sangat besar. Janganlah seperti kata pepatah 'Kera di hutan disusukan, anak di pangkuan diletakkan' berlaku di universiti-universiti awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kerajaan mewujudkan penanda aras bagi setiap Program Pengukuhan Modal Insan supaya semua aspek kemajuan dapat dipantau dengan lebih berkesan. Pihak kerajaan juga disarankan mewujudkan *indicators* keberkesanan program kerana dewasa ini perancangan sangatlah cantik sekali di atas kertas tetapi pelaksanaan di peringkat bawah sangatlah diragukan. Terdapat banyak isu dan masalah yang wujud di peringkat pelaksanaan yang gagal ditangani oleh pihak agensi kerajaan yang berkaitan.

Berasaskan tindakan konkrit yang saya percaya akan mewujudkan satu mekanisme pengukuhan modal insan perlu dilakukan segera agar dapat menghadapi cabaran-cabaran yang telah saya utarakan sebelum ini. Soalan yang perlu kita jawab juga ialah bersediakah kita di era globalisasi ini agar modal insan kita dapat bersaing dengan modal insan dari negara luar yang sentiasa mencari peluang kepada peningkatan ekonomi yang lebih baik atas nama *survival* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya menyeru kepada kerajaan untuk membawa cawangan IPT-IPT untuk ke kawasan-kawasan bandar yang baru ditubuhkan seperti Bandar Bukit Beruntung. Ini sebagai usaha mengatasi projek terbiar, membazir atau terbengkalai untuk menjadi pemangkin atau *catalyst* dengan izin kepada pembangunan kawasan terbengkalai tersebut. Bawalah cawangan UiTM misalnya ke sana.

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi Yang Berhormat Baling dan Arau menyentuh tentang dasar dan pendekatan dasar pendidikan yang ada sekarang. Yang Berhormat Baling dan Arau dengan agak panjang lebar permasalahan dan juga soal-soal cadangan-cadangan yang patut diketengahkan oleh kerajaan.

■1500

Saya setuju dengan saranan-saranan yang telah dilontarkan kerana pendidikan sekarang sebenarnya menghadapi berbagai-bagai masalah. Dasar pendidikan sekarang boleh dikatakan berdasarkan asas yang digubal oleh:

- (i) Barnes *Report* 1946, dengan izin;
- (ii) Fenn-Wu *Report* 1952;
- (iii) Razak *Report* 1956; dan
- (iv) Rahman Talib *Report* 1961

Sudah sampai masanya satu kajian semula secara besar-besaran diadakan bagi mengoverhaul dengan izin, tentang dasar pendidikan yang dipraktikkan sekarang supaya segala *loop hole* yang ada dapat diatasi dengan sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rembau.

3.01 ptg.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Bismillahi rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tampil untuk turut membahaskan Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil sedikit masa daripada perbahasan saya untuk menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan dalam kenyataan daripada Yang Berhormat daripada Wangsa Maju tadi. Saya tidak ada dalam Dewan tetapi saya difahamkan bahawa beliau sekali lagi telah membuat beberapa tuduhan yang tidak berasas, yang sebenarnya berkali-kali beliau buat untuk menyerang saya dan pada yang sama sembunyi di belakang kekebalan *Parliamentary* ataupun *Parliamentary immunity*, dengan izin.

Saya ingin tegaskan di sini bahawa tidak ada apa-apa kepentingan saya dalam syarikat penerbangan tambang rendah AirAsia dan juga tidak ada apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat yang terlibat dalam pembinaan terminal kos rendah di Sepang atau saya mendapat apa-apa faedah daripadanya. Saya nak bagi tahu kepada Yang Berhormat Wangsa Maju bahawa saya sanggup disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah, jika ada apa-apa bukti yang boleh kaitkan saya dengan tuduhan yang dibuat oleh Ahli Parlimen Wangsa Maju. Saya juga harap bahawa Yang Berhormat Wangsa Maju tidak menyalah guna kekebalan *Parliamentary* dengan buat tuduhan palsu dan tidak berasas sama ada beliau mungkin tidak buat *homework* ataupun berniat jahat terhadap saya.

Kalau berani, saya sebagai wakil rakyat dan anak jantan, saya cabar Yang Berhormat Wangsa Maju buat laporan BPR atau kemukakan bukti kukuh atau mengulangi tuduhan di luar Dewan, agar saya dapat mengambil tindakan undang-undang terhadap Yang Berhormat Wangsa Maju... [Tepuk] Kalau tidak ada apa-apa bukti yang kukuh,...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Beri jalan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Duduk dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wangsa Maju, dia baru pun berucap. Tadi Yang Berhormat Wangsa Maju sudah berucap.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...Kalau tidak ada bukti yang kukuh,...

Tuan Yang di-Pertua: Ini berbahas...bergilir-gilir untuk berucap. Sila Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih. Kalau Yang Berhormat Wangsa Maju tidak ada bukti yang kukuh, saya menganggap beliau sebagai penipu dan Yang

Berhormat Wangsa Maju dengan izin, *should sit down, keep quiet instead of embarrassing himself. [Tepuk]*

Ini langsung tidak melambangkan *first class Member of Parliament*. Agaknya sebab itu beliau dibuang oleh parti DAP satu ketika dahulu...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *Give waylah.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sila Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Rembau. Bilakah saya menuduh kepada Yang Berhormat Rembau? Saya mengatakan menantu tertentu...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Menyampuk]* Tarik baliklah. Takutkah? Sudah takut nampak.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sama ada itu Yang Berhormat ada rasa pedaslah itu.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, saya dah agak Yang Berhormat Wangsa Maju yang berfikiran cetek akan keluarkan kenyataan tersebut tetapi tadi saya dengar, saya mengulangi dalam video perbahasan dari Yang Berhormat Wangsa Maju. Dia dengan jelas menyatakan bahawa ada satu syarikat yang dinamakan Fajar Baru Rembau ataupun nama yang ada kaitan dengan kawasan Rembau dan dia telah buat tuduhan agaknya ini berhubung kait dengan Ahli Parlimen Rembau. Jadi itu tuduhan *direct* kepada saya, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tak nak di label masalah ini. Saya bagi cabaran kepada Yang Berhormat Wangsa Maju kalau hendak mengulangi tuduhan tersebut, buat di luar Dewan agar saya dapat saman Yang Berhormat Wangsa Maju dalam mahkamah... *[Tepuk]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Menyampuk]* Buat akuan bersumpahlah lagi senang.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sila duduk, sila duduk.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Takutkah?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya tak takut tapi Yang Berhormat Wangsa Maju buang masa. Tak buat *homework*. Dia bukan *first class*, bukan *first class MP* sebab itu dibuang daripada parti DAP dari satu ketika dahulu. Dibuang keluar kerana tidak merupakan *first class MP*. *Sit down, sit down.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wangsa Maju dan Yang Berhormat Rembau sila duduk. Kedua-dua sila duduk dulu, sila duduk dua-dua. Itulah makanya dalam Peraturan Mesyuarat, tidak boleh mengeluarkan perkataan sindir menyindir. Apabila hujah sindir menyindir keluar, beginilah jadinya. Berhujah boleh. Apabila menuduh seseorang, mesti ada bukti. Kalau

tidak, begitulah jadinya. Cabar mencabar. Saya tidak nampak kebaikan berbahas begitu. Sila Yang Berhormat Rembau. Sudahlah itu Yang Berhormat Rembau, teruskan ucapan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Wangsa Maju, *listen and learn*. Saya ingin terus dengan perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya percaya Kajian Separuh Penggal yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan satu usaha penting untuk menstrukturkan semula asas ekonomi negara melalui lima teras dalam Misi Nasional. Saya melihat rekayasa yang penting ini yang dibuat melalui Misi Nasional Rancangan Malaysia Kesembilan, adalah satu usaha penting untuk melihat Malaysia menjadi lebih berdaya saing dan tidak bergantung kepada daya saing palsu ataupun *false competitiveness* dan ketagihan kepada subsidi dan buruh asing.

Saya melihat melalui Misi Nasional ini, kita dapat meningkatkan lagi nilai, *value add* ekonomi melalui produktiviti, pembangunan modal insan kelas pertama dan sistem penyampaian awam ataupun *public sector delivery system* dengan izin, yang cekap dan lebih profesional. Keputusan berani kerajaan untuk mengurangkan subsidi bagi petrol dan minyak adalah berani dan menepati pendekatan Misi Nasional untuk merekayasa ekonomi negara. Ini berani kerana mungkin langkah ini tidak popular tetapi merupakan *economic necessity*.

Pengurangan kepada subsidi minyak ini, saya ingin rujuk kepada satu tulisan daripada seorang penulis Australia, penulis ekonomi, Michael Backment - '*The government decision is probably the single most important micro economic reform undertaken in Malaysia for years*' dan kita banding pendekatan tersebut dengan pendekatan populis yang diamalkan, yang dipromosikan oleh pembangkang yang tidak bertanggungjawab.

Saya quote sekali lagi. '*Opposition politician Datuk Seri Anwar Ibrahim has not public protest against the fuel price rise and has even said that should he get into power, he would immediately lower prices. Yet again Anwar has shown himself to be an opportunist who will say anything to get into power. His opportunism is compounded by the fact that he is the former Finance Minister and should know better*' dengan izin. Ini menggambarkan ini bukan propaganda daripada Barisan Nasional tetapi ini adalah satu tulisan di peringkat antarabangsa yang mengiktiraf pendekatan Kerajaan Barisan Nasional untuk merekayasa ataupun *re-engineer* dengan izin, ekonomi negara kita agar lebih mapan buat masa yang akan datang.

Saya percaya pengurangan subsidi ini juga Tuan Yang di-Pertua, akan memaksa rakyat Malaysia meningkatkan penjimatan daripada segi penggunaan petrol, akan memaksa kita *reallocate resources* ataupun sumber-sumber yang terhad, akan meningkatkan pelaburan dalam sistem pengangkutan awam yang selama ini memang kurang dan meningkatkan peruntukan tambahan bagi dasar keselamatan makanan dan projek-projek yang meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya percaya rekayasa semula ekonomi negara ini tidak seharusnya membawa beban tinggi kepada rakyat. Kita perlu ada satu pendekatan *humane economic* apabila kita menggubal satu dasar untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada subsidi. Bagi tujuan ini, saya harap kerajaan akan terus memperluaskan lagi jaringan keselamatan sosial ataupun dengan izin, *social safety net* supaya rakyat yang berpendapatan rendah dilindungi daripada rekayasa semula ekonomi negara yang sudah tentunya akan melibatkan beberapa *structure adjustment* yang agak sakit, pahit dan *painful*.

Jika perlu Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan cadangan-cadangan yang telah dibuat agar kita kaji semula garis pendapatan miskin kerana agak kita dapat pendapat pada waktu ini bahawa garis pendapatan miskin mungkin terlalu rendah ataupun *artificially surpress* dan mungkin perlu kita merombak semula garis tersebut.

Kita juga harus melihat kepada pendekatan untuk meningkatkan lagi *disposable income* ataupun pendapatan rakyat yang boleh dibelanjakan dengan bantuan untuk contohnya mendapat rumah bagi rakyat ataupun dengan kerajaan memberi pinjaman mudah ataupun *soft loan* dan juga jaminan, *guaranty* dengan izin, kepada sektor perbankan untuk menurunkan pembayaran kadar faedah bagi pinjaman perumahan.

■ 1510

Ini satu perkara yang pernah dilakukan di negara-negara lain di mana kerajaan telah memberi jaminan dan pinjaman terus kepada sistem perbankan untuk mengurangkan beban yang dihadapi oleh mereka yang ada *mortgage* ataupun pinjaman perumahan. Pada masa yang sama saya juga harap semangat asal Dasar Ekonomi Baru dapat dan perlu kita kekalkan. Ini selaras dengan Teras 3 Misi Nasional. Saya rasalah oleh kerana perkara ini dipolitikkan, dibangkitkan sejak kebelakangan ini, saya harap kita tidak perlu *apologetic*. Bagi mana-mana pihak yang mempertahankan Dasar Ekonomi Baru, kita tidak perlu *apologetic* dengan hal kontrak sosial dan Dasar Ekonomi Baru. Memang kita semua setuju bahawa matlamat DEB memang ketat. Cuma mungkin pelaksanaannya perlu diperbaiki dan dalam Dewan, dalam perbahasan di perhimpunan Agong UMNO juga kita pernah bangkitkan isu tersebut membincangkan soal ketirisan, kebocoran dan sebagainya untuk kita sama-sama menampung, untuk sama-sama kita memperbaiki dan mempertingkatkan lagi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Kita juga perlu ada satu pemahaman. Pemahaman baru tentang kontrak sosial dan DEB agar perkara ini tidak dipertikaikan. Saya setuju dengan cadangan dari Yang Berhormat Pasir Mas yang mengesyorkan, mencadangkan agar diadakan Kongres Ekonomi Bumiputera yang baru agar kita dapat tegaskan sekali lagi kepentingan ekonomi bagi pihak bumiputera. Tetapi saya rasa ini tidak cukup kerana soal DEB ini bukan hanya soal bumiputera. Soal DEB, soal kontrak sosial ini juga melibatkan bukan bumiputera juga. Jadi saya rasa kalau kita nak adakan Kongres Ekonomi Bumiputera, kerajaan juga harus mempercepatkan lagi Majlis Perundingan

Ekonomi Negara ataupun MAPEN ketiga agar sama-sama kita dapat duduk satu meja. Bumiputera, bukan bumiputera, parti-parti kerajaan, parti pembangkang sama-sama kita setuju, sama-sama kita *reaffirm*, sama-sama kita tegaskan semula kepada prinsip-prinsip Dasar Ekonomi Baru dan kontrak sosial.

Saya rasa khuatir Tuan Yang di-Pertua kerana saya nampak bahawa mungkin generasi muda tidak melihat dan tidak memahami dan tidak menghayati kontrak sosial. Jadi kita sampai ke satu tahap di mana perkara tersebut dipertikaikan dan sebagainya. Saya harap DEB ini boleh diterima, boleh di *reaffirm* sekali lagi, boleh diletakkan sebagai satu teras untuk membantu semua rakyat. Pada hal Tuan Yang di-Pertua, DEB antara teras utama Dasar Ekonomi Baru adalah pembasmian kemiskinan tidak kira kaum, tidak kira agama, tidak kira lapisan masyarakat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jadi semangat, semangat sejagat ini perlu ditekankan semula, perlu diadakan satu persefahaman antara semua pihak agar sama-sama kita dapat melihat ke hadapan dan pastikan bahawa semangat dan falsafah DEB ini terus menjadi relevan untuk pembangunan ekonomi.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh bagi jalan? Nak tanya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sila, sila.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih. Saya ada dengar Yang Berhormat ada menyebut tadi menyokong cadangan saya supaya kerajaan mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputera iaitu lanjutan daripada kongres itu sudah tamat beberapa tahun yang lalu. Oleh kerana Yang Berhormat jugalah Naib Ketua Pemuda UMNO, apakah Yang Berhormat bercadang untuk menggesa pihak kerajaan mengadakan kongres ini dengan Pergerakan Pemuda UMNO yang sepatutnya memainkan peranan membela kepentingan umat Melayu dan bumiputera seluruhnya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Pasir Mas. Sebab itu saya setuju tadi. Ini bukan tugas Pergerakan Pemuda UMNO sahaja. Ini termasuk juga parti-parti politik yang lain. Termasuk juga parti PAS, parti BEBAS, ahli-ahli yang bebas dan sebagainya kerana ini satu usaha untuk sama-sama kita menjaga kepentingan masa depan rakyat Malaysia.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Menyampuk]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yalah. *[Beberapa Ahli ketawa].* Simbol-simbol kunci, simbol apa itu? Simbol kunci. Bukan simbol katak ya.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan soal perkara 153 dalam Perlembagaan Malaysia. Ini mengenai kedudukan istimewa bumiputera. Dalam peruntukan tersebut, ada disebut bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh mempertahankan kedudukan istimewa bumiputera dengan mengkhaskan kuota antara lain biasiswa kerajaan untuk masyarakat bumiputera. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini dimaklumkan bahawa

kerajaan telah meningkatkan bilangan biasiswa JPA kepada bumiputera sebanyak 700 biasiswa. 700 *scholarship, additional scholarship* dengan izin, kepada pemohon-pemohon bukan bumiputera.

Saya setuju. Saya setuju bahawa bilangan untuk pelajar-pelajar cemerlang tidak kiralah dia Melayu, Cina, India ataupun yang lain ditambah, ditingkatkan lagi agar kita dapat memberikan masa depan yang lebih cemerlang kepada mana-mana pelajar yang dapat keputusan yang baik. Tetapi dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian bahawa jumlah biasiswa JPA secara keseluruhannya kekal pada jumlah dua ribu saja. Justeru tambahan tujuh ratus biasiswa untuk bukan bumiputera itu datangnye daripada kuota bumiputera dan diberi kepada bukan bumiputera. Pada awalnya kita diberitahu bahawa nisbah biasiswa JPA antara bumiputera dan bukan bumiputera adalah 90:10. *Ninety to ten* dengan izin. Dengan adanya peningkatan kepada bukan bumiputera daripada kuota bumiputera, nisbah tersebut telah turun kepada 50:45 sedangkan bilangan penduduk bumiputera adalah 67%.

Saya melihat ini sebagai satu '*zero some game*'. Bukannya kita memperluaskan kek ataupun jumlah biasiswa yang disediakan tetapi jumlah dua ribu itu kekal dan kita ambil daripada kuota bumiputera, kita bagi kepada bumiputera. Ini adalah '*zero some game*' kerana kita tidak tambah, kita tidak memperluaskan kek yang sedia ada. Adakah ini bermakna bahawa Yang di-Pertuan Agong dalam Peruntukan 153 Perlembagaan Persekutuan yang mempunyai kuasa *discretion, discretionary powers* untuk menentukan kuota ini. Adakah baginda setuju dengan kuota terbaru ini yang telah mengambil daripada kuota bumiputera dan memberi kepada kuota bukan bumiputera. Saya harap kita jangan salah faham dalam perkara ini. Saya setuju seramai mungkin pelajar cemerlang diberi biasiswa. Malah saya pernah keluarkan kenyataan agar semua pelajar cemerlang tidak kiralah Melayu, Cina, India dan lain-lain diberi biasiswa JPA agar mereka dapat membina modal insan kritikal *mass*, modal insan seperti mana yang dikehendaki oleh kerajaan.

Tetapi saya tidak setuju jika untuk memberi biasiswa tersebut, nisbah kuota bumiputera itu disentuh. Saya cadangkan agar kek keseluruhan itu dibesarkan. Tambah jumlah biasiswa JPA agar majoriti pelajar cemerlang dapat diberi biasiswa dan pada masa yang sama nisbah yang lebih adil dapat dikekalkan mengikut semangat Peruntukan 153 Perlembagaan Malaysia.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya percaya ini adalah perbelanjaan kerajaan yang berbaloi. Yang dapat memberi pulangan jangka masa panjang yang jauh lebih tinggi daripada perbelanjaan lain yang tidak melahirkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Mas berdiri lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ya?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh minta jalan?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dah banyak kali dah abang.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sikit. sikit saja.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Apa ni.

Tuan Yang di-Pertua: [*Menyampuk*]

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Fasal soal Melayu ini saya tidak boleh duduk diam.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yalah.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Fasal kepentingan Melayu saya tidak boleh duduk diam. Itu nak tanya ini. Saya nak tanya Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata besarkan kek. Tetapi kalau nak besarkan kek, kalau diletakkan syarat bahawa 9A ke atas di mana barulah pelajar-pelajar ini dikira cemerlang dan dapat biasiswa. Bagaimana kalau tidak cukup jumlah pelajar-pelajar bumiputera yang dapat 9A. Saya ada mencadangkan supaya digunakan kaedah untuk mengimbangkan dari segi jumlah ini, pelajar-pelajar bumiputera kerana kebanyakan mereka luar bandar. 6A juga boleh dapat biasiswa untuk mengimbangkan jumlah yang dikatakan kek tadi. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya setuju. Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat daripada Pasir Mas tetapi mungkin atas semangat keadilan sejagat, pelajar-pelajar bukan bumiputera seperti pelajar India daripada perladangan juga dapat diberi *handicap* yang sama. Yang sama kalau datang daripada perladangan dan sebagainya.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Setuju, setuju.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Setuju ya? Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya adalah ketagihan kita. Tadi saya sebut ketagihan kita kepada subsidi, ketagihan kita kepada perkara-perkara yang memberi kita daya saing yang palsu ataupun *false competitiveness*. Salah satu ketagihan yang ada pada ekonomi Malaysia adalah ketagihan kepada pekerja asing. Satu cara untuk mengubah atau struktur ekonomi negara adalah untuk meningkatkan lagi nilai tambah ekonomi negara seperti mana teras pertama Misi Nasional. Jadi dengan itu kita harus tidak bergantung kepada faktor persaingan palsu dan kerajaan perlu mengurangkan ketagihan kepada faktor-faktor tersebut termasuk ketagihan kepada pekerja asing. Saya percaya kita melihat bahawa kalau kita terus tagih dengan pekerja-pekerja asing, ini tidak akan meningkatkan nilai tambah ataupun *value add* negara ini kerana kita hanya mengekalkan ekonomi negara kepada asas yang rendah ataupun *a very low base* dengan izin.

Kita tidak meningkatkan kepada satu ekonomi yang berteraskan, berasaskan kepada inovasi, produktiviti dan kreativiti kalau kita tagih dengan kos *base* yang rendah untuk menarik pelaburan. Ekonomi tidak akan maju dari segi inovasi dan kreativiti tetapi hanya menjadi pilihan pelabur kerana ada kos buruh yang rendah oleh kerana kehadiran pekerja-pekerja asing yang cukup ramai. Saya difahamkan bahawa beberapa tahun yang lepas kerajaan telah mengeluarkan rancangan untuk meningkatkan lagi *automation, mechanizations* dan mengurangkan

kebergantungan ekonomi negara terhadap pekerja-pekerja asing. Namun statistiknya amat mengejutkan. Daripada 1990, ada 242,000 pekerja asing yang didaftar, *register* secara sah. Pada tahun 2008, bilangan pekerja asing telah meningkat sampai 2.1 juta pekerja asing di negara ini.

■1520

Ini merupakan peningkatan atau *increase* sebanyak 767% dari segi pekerja asing yang berada di Malaysia. Pada waktu yang sama kerajaan telah memberi jaminan, bahawa kerajaan akan meningkatkan lagi *mechanization* dan mengurangkan kebergantungan ekonomi kita kepada pekerja asing. Saya bagi contoh yang paling ketara sekali, kerajaan telah mengatakan bahawa selepas ini FDI-FDI di dalam bidang pembuatan akan lebih menjurus kepada *capital intensive* ataupun kepada industri yang tidak menggunakan banyak tenaga buruh dan sebagainya. Akan tetapi malangnya pada tahun 1990 ada 24,000 pekerja asing di dalam sektor pembuatan, pada tahun 2004 ada 414,000 pekerja asing dalam sektor pembuatan. Pada masa yang sama kita kata hendak mengurangkan pekerja asing dalam *manufacturing*, tetapi ada peningkatan atau *increase* seramai 1,625% di dalam sektor pembuatan.

Tambahan pula lebih teruk lagi, dulu pekerja asing ini terhad kepada sektor perladangan, sektor pembuatan, sektor pembinaan dan sebagainya, tetapi kita melihat pula satu peningkatan yang mendadak dalam sektor perkhidmatan daripada tahun 1990 sehingga tahun 2004. Kita melihat peningkatan sebanyak 350% dalam sektor perkhidmatan. Oleh sebab itu..

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ya, masa?

Tuan Yang di-Pertua: Masa dah habis.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya hendak habis *point* ini Tuan Yang di-Pertua selepas itu saya gulung. Ini bermakna bahawa ekonomi kita tidak berjaya meningkatkan status mengikut rantaian nilai ataupun *value change*. Khususnya dalam sektor pembuatan kerana bilangan pekerja asing meningkat dengan begitu mendadak.

Lebih daripada itu saya percaya peningkatan pekerja asing dalam sektor perkhidmatan ini juga menunjukkan bahawa, kita sebenarnya tidak dapat mengurangkan ketagihan ekonomi negara terhadap pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggulung ucapan saya kerana tidak ada masa lagi, saya harap bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan ini betul-betul boleh *adjust*, boleh 'merekayasa', boleh mengubah, boleh merombak struktur ekonomi negara kita ini. Jikalau kita terus menagih dengan subsidi, kita terus tagih kepada pekerja asing, kalau kita terus tagih kepada faktor-faktor yang memberi kita daya saing yang palsu, maka kita tidak mencapai sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

3.22 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan ucapan saya dengan bertanyakan, di manakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang kita kasihi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak pembentangan Kajian Separuh Penggal RMK-9 ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Gajah, nanti dulu. Saya terbaca dalam buku *Erskine May* iaitu *Parliamentary procedures*, kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat berucap umpamanya seperti Yang Berhormat Batu Gajah, adalah melanggar peraturan mesyuarat kalau kita *insinuate*, kepada seseorang Ahli Yang Berhormat. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu mungkin berada di tempat yang dia sedang bertugas. Jangan bilang Perdana Menteri, ini *Parliamentary practices* kalau di negara-negara maju seperti England, Australia, New Zealand, Kanada dan sedemikianya. Cuma saya mahu ingatkan. Sila.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sambung. Sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan usul ini 26 Jun yang lalu, kita tidak nampak kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jikalau kata *Parliamentary practices*, saya bagi contoh di England ia ada *question time* untuk Perdana Menteri hadir. Sekurang-kurangnya hari Rabu, Ahli Parlimen boleh jumpa Perdana Menteri yang hadir di Parlimen.

Jadi sebab itulah saya tanya, mengapakah sejak pembentangan usul ini lima hari untuk perbahasan Ahli-ahli Parlimen mengenai Kajian Separuh Penggal ini Yang Berhormat Perdana Menteri tidak dapat hadir ke Dewan yang mulia ini. Apakah Yang Amat Berhormat boleh menganggap bahawa hal atau urusan yang lain di luar Dewan ini lebih penting daripada urusan di dalam Dewan ini? Tuan Yang di-Pertua, itulah saya hendak tanya.

Apakah begitu sukar Yang Amat Berhormat untuk hadir di sepanjang lima hari perbahasan bagi Kajian Separuh Penggal RMK-9 ini? Lima hari sahaja. Tidakkah konsentrasi dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diadakan terlebih dahulu untuk menetapkan tarikh perbahasan ini?

Tuan Yang di-Pertua, jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu mendengar keluhan warga Malaysia, kelemahan pentadbiran dan cadangan pembaikan termasuk juga peringatan yang disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk daripada Barisan Nasional, seperti janji-janji yang diumumkan, tetapi belum ditunaikan oleh pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tenggara kelmarin, Yang Berhormat Kinabatangan. Sinilah tempatnya. Di tempat ini juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut dapat mendengar kebenaran, apa sebenarnya yang berlaku di padang, tanpa perlu turun padang! Mengapakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri enggan mengambil kesempatan ini untuk hadir ke Dewan yang mulia ini.

Jikalau sekadar membaca teks Kajian Separuh Penggal RMK-9 yang disediakan oleh pegawai-pegawai dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mendengar dan menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan dengan sendiri, kecuali untuk tujuan mengundi usul oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah kurang memberi penekanan kepada tanggungjawab Yang Amat Berhormat kepada Parlimen ini secara amnya, dan wakil rakyat atau suara rakyat secara khasnya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu hormat Parlimen, Tuan Yang di-Pertua. Perlu hormat Ahli Parlimen.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dah cakap bagi nasihat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kerana adanya ahli-ahli..

Tuan Yang di-Pertua: *Point of order* kah apa?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak, tadi Tuan Yang di-Pertua sudah bagi tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah. Pasir Salak duduk.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa Pasir Salak. Batu Gajah dia berucap, dia habiskan masa dia untuk tanya di mana Perdana Menteri. Ada juga menteri yang akan menjawab itu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Pasir Salak, tidak suka kah Yang Berhormat Pasir Salak kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua..

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Turut hadir di dalam Dewan mendengar ucapan Ahli-ahli Parlimen? Sebelum ini bekas Perdana Menteri dia tengok di Putrajaya siaran langsung tetapi hari ini kita tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Salak tidak apa.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu saya tanya dengar hati yang ikhlas, di mana pergi Perdana Menteri?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Biarkan dia habis masa dia.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menghina Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Salak tidak apa.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon tarik baliklah Yang Berhormat Pasir Salak. Saya hanya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hadir di dalam Dewan itu sahaja.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia ada banyak kerja lain lagi, bukan hendak tengok muka *you*.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu sebabnya saya tanya apakah ada urusan yang lebih penting daripada urusan di dalam Dewan ini!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan dia hendak tengok muka *you* dia banyak kerja lain lagi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya tanya, Yang Amat Berhormat jangan lupa ambil elaun sebagai Ahli Parlimen, ambil elaun sebagai Menteri Kewangan, ambil elaun sebagai Perdana Menteri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Muka macam ini tidak ada siapa hendak tengok pun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak duduk.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu saya tanya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sila duduk, biar dia berucap.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Amat Berhormat perlu menjadi contoh, adalah langkah yang baik dengan menangguhkan Mesyuarat Kabinet dari hari Rabu ke hari Jumaat bagi membolehkan Yang Berhormat Menteri-menteri untuk hadir di dalam Dewan ini. Akan tetapi Yang Amat Berhormat perlu menjadi contoh untuk menunjukkan minat, memberi kepentingan dan penghormatan kepada Parlimen ini satu institusi yang penting di dalam sistem pentadbiran negara ini.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mana Ketua Pembangkang?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, ramai..

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, biar Batu Gajah berucap, dalam berbahas beginilah caranya. Kadang-kadang panas telinga kita mendengarnya. Akan tetapi bila giliran Ahli Yang Berhormat pula berucap, berucaplah, jawablah, balaslah. Jangan sewaktu seseorang Ahli Yang Berhormat berhujah lepas itu kita keluarkan hujah yang melanggar peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tadi Tuan Yang di-Pertua sudah bagi tahu, itu tidak betul, dia tidak boleh buat begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah bagi tahu tetapi peraturan mesyuarat itu tidak pula sampai saya denda dia untuk keluar Dewan macam Puchong tempoh hari. Itu cuma sebagai ingatan, sebenarnya tidak bolehlah. Ini kerana ada suatu ketika Batu Gajah juga di luar buat kerja nanti Pasir Salak pula tegur, mana Batu Gajah?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya tidak pernah tegur dia, saya pun tidak berapa suka tengok muka dia.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! Begitu. Dalam soal begini masing-masing bertolak ansur. Ini kerana bukan kita boleh berada di dalam Dewan dalam masa 24 jam. Sila Batu Gajah teruskan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya di sini bukan untuk disukai oleh Pasir Salak. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua terima kasih, Yang Amat Berhormat semasa menamatkan ucapan pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan ini telah menyeru kita bersama-sama memberikan komitmen yang tidak berbelah bagi untuk menjayakan Misi Nasional ini.

■1530

Saya memetik Tuan Yang di-Pertua, pembangunan yang perlu mengharungi pelbagai cabaran tetapi persoalan yang ditimbulkan ialah apakah Ahli-ahli di dalam Dewan ini ada dibekalkan dengan maklumat terperinci mengenai projek-projek pembangunan di kawasan mereka masing-masing.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita diminta membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan, ada Yang Berhormat diberikan maklumat terperinci? Apakah projek yang dijalankan, apakah ada konsultasi dilakukan? Ada tak? Ada senarai yang teliti? Apakah projek yang ditangguhkan dan apakah perlu lagi projek yang ditambahkan di bawah RMK-9 ini?

Kalau ada yang sebelah sana tak payah seperti pengemis. Merayu di dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita ada...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Inilah masalahnya. Jadi untuk mengelakkan wakil rakyat Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan ini menghentam menteri, merayu menteri atau berulang kali membangkitkan masalah yang sama di kawasannya, adalah perlu maklumat-maklumat diberi kepada Ahli-ahli Parlimen berkenaan rancangan pembangunan di kawasan mereka. Kebanyakan keluhan dan cadangan yang dibangkitkan oleh wakil rakyat adalah amat berasas. Selain itu, perkara yang dibangkitkan dalam Dewan ini adalah masalah yang paling asas iaitu berkenaan dengan jalan, bekalan elektrik, permintaan generator, bangunan sekolah dan lain-lain.

Ini turut mencerminkan kegagalan sistem pentadbiran di bawah pimpinan Barisan Nasional. Kalau sampai ke sini Dewan Rakyat ini menjadi seperti dewan aduan atau dewan rayuan untuk permintaan perkara-perkara ini. Ini mencerminkan kegagalan sistem pentadbiran di bawah pimpinan Barisan Nasional.

Apakah pengagihan peruntukan bagi rancangan pembangunan yang sepanjang masa ini sebab politik semata-mata saja. Tuan Yang di-Pertua, kita tengok projek PORR dan monorel di Pulau Pinang kononnya telah ditangguhkan, menggunakan kerana keutamaan kini diberi kepada projek yang lebih mesra rakyat yang bertujuan menyediakan kemudahan asas. Alasan ini sangat sukar diterima. Projek ini melibatkan kepentingan umum, satu projek kemudahan asas dan ia di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan yang diumumkan pada tahun 2006. Di dalam buku Rancangan Malaysia Kesembilan jelas tercatat projek ini dan dalam masa dua tahun ini boleh

diberi alasan bahawa ia perlu ditangguhkan kerana ada perancangan yang lebih penting. Penangguhan ini saya nampak adalah penangguhan disebabkan politik. Tak ada sebab yang lain.

Kalau memang pentingkan kepentingan orang awam, mahu memperbaiki sistem pengangkutan, teruskan projek ini. Jangan bagi alasan yang tidak boleh diterima. Ke mana pergi peruntukan itu? Ada yang mengatakan bahawa ia telah pergi ke Sabah dan Sarawak. Memang benar. Yang Berhormat tahu? Kalau Yang Berhormat saya cabar tetapi adakah ini satu strategi yang betul berdasarkan sebab-sebab politik sesuatu projek perancangan dibatalkan begitu sahaja.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta laluan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa harapan yang kita ada ke atas Rancangan Malaysia Kesembilan ini? Kalau masa diambil untuk merancang tetapi dalam masa dua tahun dibatalkan projek...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat. Dia tak bagi peluang Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Atau gunakan perkataan ditangguhkan atas politik. Memang benar perlu bantuan diberi. Maaf ya Yang Berhormat Putatan, saya tak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat. Dia tak bagi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Memang benar perlu diberikan peruntukan untuk membantu kekurangan di Sabah dan Sarawak yang sepanjang masa ini telah di *marginalize* oleh UMNO khasnya Barisan Nasional. Sebab apa?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Batu gajah, bagilah. Yang Berhormat Putatan bangun.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebab buat masa ini kerana politik, kerana Barisan Nasional, UMNO mahu kekalkan kuasanya dan sebab itu perhatian diberi kepada negeri Sabah dan Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kapitan bangun juga Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya bagi kepada Putatan. Maaflah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Begitulah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita ini semua mohon bantuan daripada kerajaan. Jadi kerajaan kita ni adil kan? Dia ambil peruntukan yang akan menelan begitu besar, jadi dia lihat kawasan Sabah masih abuh, yang masih minum air telaga. Kesian. Jadi kerajaan ambil peruntukan daripada Penang yang sudah ada pun, yang masih boleh hidup tanpa jambatan itu dan dibawa ke Sabah dan Sarawak. Adil atau tidak ini?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya terkejut Yang Berhormat Putatan berani gunakan perkataan "Barisan Nasional adil". Selama 51 tahu kerajaan yang disokong oleh Yang Berhormat Putatan, perkara yang asas ini tidak diambil perhatian.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebab itu kerajaan sekarang adil.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bekalan elektrik, jalan, air. Saya bagi laluan Yang Berhormat Kelana Jaya.

Seorang Ahli: Padan muka. *[Ketawa]*

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Jualkan dia punya *aeroplane* untuk *subsidize*.

Seorang Ahli: Bagi Kapit la kawan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf saya tak ada masa tetapi itulah persoalannya. Ini persoalannya, jadi apa yang kita perlu tolong saya setuju dengan Yang Berhormat Kalabakan bahawa kita bukan mahu tengok nilainya berduyun-duyun diperuntukkan di atas kertas tetapi apakah kesampaian kepada orang ramai, kumpulan sasaran?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf ya, saya tak ada masa. Mengapakan tidak semua wakil rakyat di sini menjadi dengan izin, *eyes, ears and mouth*. Mata, telinga dan mulut kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mengapa tak bagi kita...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Itu pun yang kita buat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mengapa tidak melibatkan kita bersama-sama memantau Rancangan Malaysia Kesembilan ini, perkembangan pelaksanaannya. Yang Amat Berhormat telah menyatakan bahawa semasa membentangkan RMK-9 2006 ini menyatakan akan ada Badan Bertindak Pelaksanaan Negara. Ini ada tambahan gunakan wakil rakyat kalau saya gunakan perkataan yang lebih kasar mengapa tak libatkan mereka sehinggalah Yang Berhormat Kinabatangan selalu dalam Dewan ini perlu merayu.

Saya amat kesian dengan dia. *[Ketawa]* Libatkan dia dan kita semua dalam Dewan yang mulia ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Dalam Dewan yang mulia ini untuk menjadi mata, telinga memantau projek Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi sekarang projek-projek apa di kawasan masing-masing kita tak tahu. Itulah masalahnya. Yang Berhormat ada menyatakan bahawa akan ada laporan kemajuan projek di bawah koridor setiap tiga bulan. Saya pohon Yang Amat Berhormat tambah satu lagi. Adakan perjumpaan dengan wakil rakyat setiap tiga bulan untuk maklumkan mereka dan dengar pandangan mereka berkenaan perkembangan Rancangan Malaysia Kesembilan di bawah kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, ini perkara yang saya ingin bangkitkan, yang penting. Teras 2 – Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. Memimpin, pemimpin mesti berminda kelas pertama, *first class mentality* dengan izin.

Sebelum berkemampuan memimpin untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing, beriman dan berminda kelas pertama. Sebagai wakil rakyat muda Tuan Yang di-Pertua, saya amat risau dan kecewa melihat perkembangan atau arah tuju politik Malaysia seperti “Gajah lawan gajah, pelanduk mati di tengah-tengah”.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Batu Gajah la tu!

Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: “Gajah lawan gajah, pelanduk mati di tengah-tengah”. Yang Berhormat tak suka tengok muka saya, jangan cakap dengan saya! *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya suka. Saya suka tengok.

Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya tak ada masa. Minta mereka kerjasama jangan ganggu saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat. Dia tak bagi.

Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu hari menangis masa tak nak bertanding fasal apa?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Perkembangan politik dalam negara ini amat menakutkan buat masa ini Tuan Yang di-Pertua. Satu hari kita baca *blogger* buat akuan bersumpah terhadap penglibatan isteri kepada pemimpin kedua tertinggi negara dalam jenayah. Kemudian pemuda berumur 23 tahun pula membuat laporan polis terhadap suami kepada Ketua Pembangkang.

■1540

Diikuti laporan polis terhadap IGP dan AG. Kemudian akuan sumpah oleh seorang dengan izin *private investigator* diikuti pula penarikan balik akuan sumpah dibuatnya sehari sebelum itu dengan tuduhan serius dinyatakan dalam akuan sumpah keduanya. Kini polis sibuk mencarinya.

Pada ketika ini Tuan Yang di-Pertua, kita ada isu keselamatan terhadap wanita, kanak-kanak, ahli keluarga kesayangan kita. Kita ada banyak masalah lagi. Masalah di mana kes-kes belum diselesaikan. Siapa pembunuh adik Nurin? Kena mana perginya adik Sharlinie? Ini isu-isu kepentingan umum belum di atasi. Kita ada kes tertunggak di mahkamah, kita ada kes masalah perairan di mana nelayan tidak boleh pergi ke laut. Kita ada kes kekurangan makanan, sekarang kita dilanda masalah ekor dari pada kenaikan minyak.

Namun saya pohon maaf, apakah perkembangan politik pada masa ini? Ke mana arah tuju? Apa yang berlaku sejak kebelakangan ini Tuan Yang di-Pertua amat merunsingkan. Satu perkataan sahaja, kerana kuasa. Siapa yang perlu bertanggungjawab? Kerana melibatkan elemen politik oleh segelintir pihak pemerintah ke dalam penguatkuasaan undang-undang,

pengamal undang-undang dan badan pengadilan. Ini sebenarnya amat menyedihkan negara dan rakyat sentiasa terpaksa memikul beban.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ada satu minit lagi Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, saya cuba tamatkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Satu minit saja lagi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, ramai bertanya kalau dalam perkembangan politik sedemikian, pemimpin $\frac{3}{4}$ masanya cuba membela dirinya disebabkan tuduhan-tuduhan ke atasnya, hanya $\frac{1}{4}$ masanya untuk menjalankan tanggungjawab mereka. Bagaimana sistem pentadbiran boleh diteruskan? Tuan Yang di-Pertua, saya akan membuat satu kenyataan mungkin tidak popular.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa sudah hampir Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akhirnya mungkin tidak akan popular, apakah ini jalan penyelesaiannya membubarkan Parlimen ini? [*Dewan riuh*]

Ini tidak stabil, satu belah, satu pihak dengan pelbagai tarikan untuk ahli-ahli sebelah untuk ke sini. Satu belah lagi sistem pentadbiran pihak pemerintah pula anggotanya mempunyai pelbagai tuduhan penglibatan jenayah. Apakah untuk menstabilkan keadaan sedemikian, Parlimen boleh dipertimbangkan untuk dibubarkan? Memandangkan ramai yang enggan menerima keputusan rakyat seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Baling sistem demokrasi ini.

Beberapa Ahli: Gulung, gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita dengar, kita dengar cadangan dia Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi, cadangan ini mungkin tidak popular...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat, tidak apa Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tetapi ini apakah boleh dipertimbangkan untuk memastikan keadaan hala tuju politik tidak menjadi semakin kotor disebabkan kuasa dan gilakan kuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itulah sahaja, kerana kesuntukan masa, itu sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Batu Gajah, saya menghargailah berhenti itu.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ramai yang masih belum berucap Yang Berhormat. Tanjong Manis.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Shah Alam, Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tanjong Manis.

3.43 ptg.

Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Bismillahirrahmannirahim, Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan untuk membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Salam sejahtera, segala puji-pujian kepada Allah SAW kerana dengan limpah kurnia dan berkatnya kita ahli-ahli Parlimen yang telah dipilih oleh rakyat Malaysia dapat berkumpul di sini untuk membahaskan dan merancang masa hadapan bagi semua lapisan rakyat negara Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kini sudah lebih 50 tahun negara kita mencapai kemerdekaan dan mungkin ada di dalam kalangan ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan ini yang mempunyai ibu bapa, nenek moyang atau saudara-saudara yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam perjuangan untuk kemerdekaan Malaysia. Negara kita yang hanya mengeluarkan getah dan bijih timah sahaja pada suatu masa ketika dahulu, kini telah mengeluarkan minyak kelapa sawit, minyak mentah, gas, barangan getah, elektronik, barangan elektrik, kereta motosikal dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita memiliki pelbagai sumber asli dan mengeluarkan pelbagai jenis barangan, tetapi kita masih mempunyai ramai rakyat miskin dan rakyat masih serba kekurangan. Adakah kita masih belum melakukan sesuatu dengan secukupnya ataupun adakah kita tidak melakukannya dengan betul?

Tuan Yang di-Pertua, seluruh negara kini sedang memerhatikan kita sebagai ahli-ahli Parlimen pada setiap persidangan hari-hari dan mereka menaruh harapan tinggi agar kita ahli-ahli Parlimen yang dipilih dapat membantu membawa mereka keluar dari keadaan-keadaan kesusahan mereka. Demi memulakan perkara ini, saya amat merayu agar kita sebagai ahli-ahli Parlimen haruslah bersatu berpendapat pada isu-isu penting walaupun tidak pada segala isu yang timbul. Sekurang-kurangnya bagi perkara-perkara yang utama seperti kemiskinan, pendidikan dan kemudahan asas yang merangkumi berbilang masyarakat.

Kemiskinan merupakan satu perkataan yang amat besar dan merangkumi banyak perkara boleh diterjemahkan sebagai kekurangan makanan, kekurangan air bersih, kekurangan pendidikan asas, kekurangan pakaian sempurna, kekurangan bekalan elektrik, perumahan asas

dan kemudahan asas. Masih terdapat beberapa tempat di luar bandar yang saya lawati semenjak menjadi wakil rakyat di mana penduduk-penduduknya tidak pernah menikmati air bersih.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat hari ini bercita-cita tinggi agar keluarga mereka dapat menikmati keselesaan hidup, keluarga yang sihat sebuah sistem kesihatan yang mereka mampu, kecemerlangan dalam pendidikan, suasana kehidupan yang selamat, jaminan pada hari tua, sebuah ekonomi negara yang kukuh bagi masa hadapan anak dan cucu-cucu mereka.

Adakah kita membuat sesuatu untuk menjamin permintaan ini? Marilah kita pandang kepada sebuah negara yang agak lebih kurang sama ukuran kilometer persegi dengan negara Malaysia. Negara Jepun adalah sebuah negara yang serba kekurangan sumber asli tetapi, telah membangun menjadi sebuah negara yang termaju di dunia berdasarkan kekuatan sumber manusia mereka. Mereka telah mengukuhkan kekuatan sumber manusia mereka dengan segala pendidikan di dalam dasar-dasar pembangunan negara mereka. Ini telah membawakan negara Jepun ke tahap yang mereka berada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia telah sekian lama ada sekolah-sekolah pintar, tetapi masih terdapat ramai kanak-kanak di kawasan luar bandar negeri Sarawak yang belum menikmati pendidikan sempurna kerana kekurangan sekolah, mahupun kekurangan bilik darjah mahupun kekurangan guru-guru dan kekurangan perkakas sekolah. Apakah jawapan kita kepada ibu bapa mereka dan kanak-kanak ini? Saya percaya bahawa kemiskinan dan kekurangan peluang-peluang pendidikan selanjutnya merupakan sebab-sebab utama yang menimbulkan masalah lepak dan penyalahgunaan dadah di kalangan kaum muda di negeri Sarawak Dewan ketika ini. Kita bukan meminta barang kemewahan, kita hanya meminta keperluan asas seperti pendidikan, air paip, jalan dan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya amat bersyukur kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapan bajet separuh penggal telah mengambil berat dan telah memberi tumpuan kekurangan makan, pembinaan sekolah-sekolah pedalaman dan juga pembinaan saluran air bersih.

Di dalam perjuangan negara Malaysia demi mencapai pemodenan dan teknologi. Kita tidak seharusnya melupakan rakyat kita yang masih kekurangan kemudahan asas. Kita sebagai sebuah negara adalah sebagai sebuah keluarga yang besar. Demi kepentingan rakyat, isu-isu penting yang akan melibatkan kemajuan rakyat mesti ditangani dengan jujur.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai satu pelan implementasi yang agak kukuh dan sempurna seperti mana yang dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Walau bagaimanapun, kegagalan di dalam sistem penyampaian atau *delivery system* dengan izin, boleh memusnahkan seluruh perancangan yang telah dirancang oleh Kerajaan Persekutuan. Saya amat berharap Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri dapat menyusun semula proses sistem penyampaian agar segala yang dirancang oleh kerajaan dapat mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mempunyai satu pelan implementasi, saya juga amat berharap sekiranya agensi-agensi kerajaan memupuk kepentingan tujuan asal agensi-agensi yang ditubuhkan. Agensi-agensi kerajaan tidak seharusnya bertanding dengan sektor swasta di dalam bidang perniagaan.

Sebagai contoh pertama, Lembaga Urusan Tabung Haji haruslah kembali ke pangkal urusan jemaah haji dan umrah sahaja. Ianya tidak seharusnya terlibat dalam bidang kelapa sawit, teknologi ICT dan pembangunan harta tanah. Contoh kedua, Petronas harus kembali ke pangkal urusan minyak mentah dan gas sahaja. Petronas tidak seharusnya melibatkan diri dalam bidang hospital swasta. Contoh ketiga, FELDA harus kembali ke pangkal urusan penerokaan tanah sahaja dan tidak seharusnya melibatkan diri di dalam ICT, hotel, bersaing membuka syarikat kejuruteraan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan agensi-agensi kerajaan di dalam bidang yang mereka tidak berpengalaman atau tidak mahir boleh mengakibatkan kerugian bagi agensi-agensi tersebut. Berbanding dengan negara-negara lain, negara Malaysia tidak mempunyai sebuah ekonomi yang agak besar. Oleh yang demikian, sebarang kerugian di sektor agensi kerajaan akan memberi impak yang negatif kepada ekonomi negara keseluruhannya. Saya amat berharap sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat mengkaji semula peranan-peranan agensi-agensi tersebut agar dana-dana kerajaan terpelihara dengan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, kini telah muncul perasaan putus asa di kalangan rakyat yang miskin. Perasaan mereka adalah, miskin tetap miskin dan mereka merasai bahawa ini akan berterusan dan mereka akan ketinggalan. Jika kita tidak melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh, kita akan mengurungkan mereka di dalam penjara kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan perkara ini, saya amat bersyukur kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kini telah memberi tumpuan khas kepada golongan miskin tegar. Kita Ahli-ahli Parlimen, mempunyai kuasa bagi menentukan masa depan negara Malaysia dengan mengutamakan pendidikan bagi kanak-kanak kita. Lelaki dan perempuan untuk yakin memikul tanggungjawab hidup.

Pendidikan ini harus bermula dari hari seorang kanak-kanak itu lahir. Saya juga tidak dapat menafikan bahawa kini terdapat beberapa perubahan di dalam negara kita. Kini bilangan wakil rakyat wanita, peguam, hakim, ahli politik, doktor, malahan jurutera sudah pun bertambah semenjak negara kita mencapai kemerdekaan. Ketidakstabilan di kalangan rakyat akan menjadi punca ketidakstabilan sebuah kerajaan. Perselisihan faham haruslah hanya di antara kita di dalam negara sahaja. Orang luar mungkin tidak bersimpati dengan perbalahan kita dan akhirnya mungkin besar rakyat Malaysia akan menerima akibatnya kerana dana-dana asing mungkin tidak dilabur di negara kita.

Saya percaya kita harus menyingkirkan diri kita dari kepentingan diri di dalam penggubalan dasar dan penyampaian agar negara kita dapat bergerak maju ke hadapan. Kita tidak sepatutnya cuba menjatuhkan kerajaan tetapi kita hendaklah mencadangkan dan memujuk kerajaan untuk perubahan dan kerajaan juga tidak harus takut dan mengakui kelemahan-kelemahan di dalam sistem pentadbirannya agar penyelesaian dapat dicari.

Marilah kita bersama-sama membantu, mengemudi masa depan negara Malaysia. Marilah kita memastikan anak-anak kita dan cucu-cucu kita akan mewarisi satu Malaysia yang indah dan damai yang dikekalkan bersama-sama. Saya berdoa kepada Allah S.W.T agar negara Malaysia akan sentiasa aman dan memperoleh kejayaan. Saya menyokong ucapan Kajian Separuh Penggal oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Amin, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Shah Alam.

3.55ptg.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tampil ke depan untuk membahaskan pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang mana sebelum saya mulakan perbahasan saya, saya hendak sentuh sedikitlah ucapan daripada Yang Berhormat Muar dan juga Yang Berhormat Simpang Renggam.

Berhubung dengan ucapan Yang Berhormat Muar yang memetik ucapan daripada Yang Berhormat Pokok Sena, saya rasa dia tak faham. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena ialah apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dituduh terlibat melalui *statutory declaration* yang pertama, apa yang patut dilakukan oleh kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah gantungkan jawatan Timbalan Perdana Menteri... [*Dewan riuh*] Supaya siasatan boleh dilakukan. Inilah contoh yang ditunjukkan oleh Menteri Besar Negeri Selangor yang mana apabila setiausaha politiknya dituduh, maka dia gantungkan dan panggil BPR datang siasat.

Saya faham, Wakil Rakyat-Wakil Rakyat Barisan Nasional tidak berapa faham tentang proses kerajaan yang telus dan adil kerana Kerajaan Barisan Nasional tidak dikenali sebagai satu kerajaan yang telus dan adil. Tuan Yang di-Pertua saya kasi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kalau macam tu Tuan Yang di-Pertua, siapa sahaja buat tuduhan...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang kedua...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...Terpaksa letak, dia...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Senang.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Kita telah melihat, kita telah melihat bagaimana...

- Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Apabila saudara Anwar Ibarahim...
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, hendak beri jalan?
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Siapa-siapa boleh buat tuduhan.
- Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Diberikan tuduhan...
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Ini tak masuk akal Tuan Yang di-Pertua.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat...
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Satu pendapat yang tak masuk akal, yang *simplistic* yang cetek.
- Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Budak-budak tu.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tak apa Yang Berhormat. Duduk.
- Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu buat tuduhan Menteri Besar Selangor. Gantung tugas dia.
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Gantung.
- Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat-Yang Berhormat...
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Kita buat tuduhan, gantung!
- Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Buat tuduhan Ketua Menteri Pulau Pinang.
- Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Siapa? Yang Berhormat.
- Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya tarik balik.
- Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Cadangan budak-budak.
- Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang cetek, yang kurang bijak, yang kurang bijak...
- Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kalau tak tahu berbahas, jangan berbahas.
- Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Shah Alam ini kurang bijak..
- Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *Straight to the point.*
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat. Tak apa. Dengar sudahlah Yang Berhormat. Dengar.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kalau tak ada modal jangan cakap. Jangan berucap.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, apabila Anwar Ibrahim dituduh, pihak Perdana Menteri kata biar polis siasat. Bila Timbalan Perdana Menteri dituduh, Perdana Menteri ke depan dan mengatakan Timbalan Perdana Menteri tak bersalah. Ini menunjukkan kepada kita bahawa asas-asas keadilan tidak wujud di dalam Kerajaan Barisan Nasional... *[Tepuk]*

Mungkin ini adalah di antara sebab mengapa rakyat jelata, ya, walaupun dia tahu ada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat bertanding lebih daripada satu tempat, mereka memberi sokongan kepada kedua-dua tempat untuk calon-calon Pakatan Rakyat. Kerana apa? Kerana rakyat menyedari dengan izin, *50% of something is better than 100% of nothing*. Tuan-tuan, saya pun hendak pesan kepada wakil rakyat Yang Berhormat Simpang Renggam. Terimalah hakikat, Gerakan dikalahkan di Pulau Pinang. Dengan izin, *final cave let your owns come back fighting, learn form the lesson*.

Jangan melalak-lalak di sini, malu kita... *[Ketawa]* Tuan-tuan, Yang Berhormat, saya hendak mula perbincangan saya berhubung dengan Laporan Kajian Penggal.

Berdasarkan laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, nampaknya seolah-olah pencapaian melebihi sasaran. Pendapatan berkapital berkembang 6.1% melebihi sasaran 6%, katanya. Sambil itu, kadar pengangguran hanya 3.3%.

■1600

Perdagangan luar terus mencatat kemajuan dan sebagainya. Sekiranya begini, ini bermakna kerajaan harus diucapkan tahniah dan rakyat jelata sepatutnya menikmati kelegaan dan kesenangan hasil prestasi ini.

Namun sebaliknya kita melihat kehidupan rakyat jelata semakin menyempit dan golongan kebanyakan masih menunggu-nunggu manfaat dan nikmat dari prestasi ini. Termasuklah Yang Berhormat Kinabatangan yang menunggu dari zaman remajanya hingga ke zaman remaja anak-anaknya tanpa apa-apa perubahan yang bermakna yang dia sendiri mengaku.

Oleh itu tuan-tuan, Yang Berhormat-Yang Berhormat Barisan Nasional sebelum mengucapkan tahniah dan dengan izin, *give yourself a pat on your back* seperti yang merupakan kebiasaan kalah Pulau Batu Putih pun ucap tahniah juga. Barisan Nasional ini dia sentiasa

ucapkan tahniah kepada diri dia. Marilah kita bandingkan prestasi negara kita dengan negara-negara jiran kita sepanjang lebih 20 tahun yang lalu.

Pendapatan per kapita Singapura telah meningkat dari 2.5 kali pendapatan per kapita Malaysia pada 1960 ke 5.7 kali pada 2005. Begitu juga Korea yang meningkat dari 1.4 kali ke 3 kali pada tempoh yang sama. Sambil itu China pula meningkat dari 10% pendapatan pergi ke 30% pendapatan Malaysia.

Ini menunjukkan walaupun prestasi negara kita sentiasa dikatakan baik, memuaskan, melebihi sasaran namun prestasi negeri-negeri jiran jauh mengatasi prestasi negara kita. Mereka mencapai prestasi ini dalam keadaan mereka tidak mempunyai khazanah semula jadi sepertimana yang diberikan tuhan kepada negara kita. Ini pun telah disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Manis. Ini menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin sambil mendodoikan rakyat dengan retorik dan berita baik mengenai diri mereka sendiri sebenarnya telah gagal menunaikan tanggungjawab mereka terhadap negara ini dengan baik.

Kedua, angka-angka ini tidak menjelaskan keberkesanan agihan manfaat pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Dengan mempamerkan angka-angka purata ini menutup kenyataan bahawa *Gini Coefficient* semakin naik. Perbezaan pendapatan di antara yang kaya dan miskin semakin melebar secara inter-kaum dan intra-kaum dan juga secara keseluruhan. Ini bererti pembangunan dan pertumbuhan telah dapat dimanfaatkan oleh hanya golongan tertentu dan bukan oleh kebanyakan rakyat. Ini dalam soal yang lepas, prestasi yang lepas.

Dari segi masa depan pula gambaran yang diberikan adalah semakin sukar untuk diyakini. Dikatakan lima teras utama tetapi setiap satu teras boleh dipertikaikan sebagai cakup tidak serupa bikin. Sebagai contoh teras pertama, menumpukan persoalan meningkatkan nilai ditambah melalui di antara lain meningkatkan produktiviti dan daya saing.

Persoalannya bukankah dengan menarik balik subsidi minyak maka daya saing industri tempatan telah pun tercabar dan terjejas. Harga minyak yang agak rendah pada asalnya telah membantu memberikan daya saing kepada industri tempatan yang ditimpa perbelanjaan-perbelanjaan tambahan disebabkan harga barangan seperti simen dan besi keluli seakan-akan dikuasai kartel.

Harga kereta di antara yang tertinggi di dunia, bayaran tol dan cukai-cukai lain yang tidak membantu pertumbuhan industri-industri tempatan khususnya SMI dan SME. Ada yang menyatakan rakyat mesti realistik dan hidup dalam alam yang nyata. Harga minyak naik di seluruh dunia. Saya rasa kerajaan Barisan Nasional harus realistik dan jangan dengan mudah menolak hakikat bahawa kenaikan minyak sebanyak 41% dan 60% akan mempunyai kesan yang serius kepada ekonomi negara dan harga barang-barangan keseluruhannya. Jangan mudah kata harga minyak saja naik, yang lain tidak naik. Itu satu pembohongan terhadap rakyat.

Ini merupakan pemikiran *simplistic* yang tidak mempunyai dan tidak memahami hubungan antara barang-barang dan perkhidmatan dengan harga minyak. Sedangkan kos

mengeluarkan minyak adalah jauh lebih murah dari harga pasaran antarabangsa. Kenapa kita di paksa membeli minyak berasaskan harga pasaran antarabangsa dan bukan berdasarkan harga kos yang kita keluarkan minyak daripada bumi kita sendiri. Tindakan kerajaan merupakan dengan izin, *shooting one's own foot* terhadap ekonomi Malaysia. Selepas ditembak kakinya sendiri ingin pula berlari laju.

Saya telah menerima banyak panggilan dari pihak SMI, SME dan kontraktor-kontraktor pembinaan yang mengeluh disebabkan kenaikan harga minyak secara mengejut dan mendadak ini. Ini telah diceritakan oleh Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Padang Besar dan yang lain-lain. Harus diingat kegagalan SMI dan SME dan kontraktor-kontraktor ini sama ada bumiputera atau sebaliknya akan menghasilkan pengangguran yang *massive* di negara ini.

Kita akui kita berhadapan dengan krisis antarabangsa tetapi peranan kerajaan ialah untuk memikirkan satu kaedah dan satu cara tangani krisis ini supaya ianya tidak akan menjejaskan kehidupan masyarakat dan rakyat dan ekonomi negara. Kalau sekadar hendak lepaskan sahaja supaya ditanggung oleh rakyat jelata *any fool can do this*. Tuan-tuan, Pakatan Rakyat yakin ekonomi negara hanya akan maju dan berkembang sekiranya ekonomi dirakyatkan dalam erti kata rakyat diberikan kelegaan dan mempunyai dengan izin *purchasing power...*

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Shah Alam ada yang bangun.

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Minta maaf ya, *no time*. Kuasa beli yang menghasilkan pembelian akan mempunyai *multiplying factor* ataupun faktor daraban terhadap ekonomi negara dengan tumbuhnya perniagaan-perniagaan kecil, industri-industri sampingan dan sebagainya. Dengan mengurangkan dan menyekat kelegaan ekonomi rakyat dan kuasa beli mereka maka ekonomi akan terbantut. Ringgit yang disimpan dan tidak dibelanjakan akan mempunyai kesan negatif *multiplication factor* yang akan menyebabkan ekonomi mengecut, terbantut dan akhirnya *stagnate*. Dalam soal harga minyak Tuan Yang di-Pertua, masalahnya bukan Petronas. Masalahnya ialah kerajaan yang telah mendapat RM350 bilion daripada Petronas sepanjang tempoh perniagaannya. Ke mana pergi duit yang sebanyak itu? Teras kedua pula adalah meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. Saya teringat jawapan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi berhubung usaha kementerian yang sering memacu universiti-universiti tempatan untuk mengatasi University Oxford dan Cambridge sekali pun.

Malangnya bila hendak dipacu kereta berada dalam *gear reverse*. Bukan pacu ke depan, pacu ke belakang. Mungkin inilah yang berlaku kerana kedudukan universiti-universiti tempatan semakin menurun dari semasa ke semasa.

■1610

Dari *top 100*, dengan izin, turun ke *top 200* dan sekarang ini terus langsung terkeluar daripada skrin radar penilaian. Mutu pendidikan dan pengajian di universiti-universiti tempatan terus merudum disebabkan campur tangan politik dan pensyarah-pensyarah semakin ramai merasa tidak bersemangat, *unmotivated* dan ada yang berhijrah ke luar negara. Pemikiran mahasiswa universiti terhadap isu pentingnya hubungan politik jelas terbukti, apabila adanya budak 23 tahun datang meminta biasiswa daripada Timbalan Perdana Menteri sendiri... [Tepuk] Sedangkan CGPA nya hanya 1.6!... [Tepuk]

Ahli-ahli Yang Berhormat, sambil itu usaha memupuk nilai moral dan etika yang kukuh, kononnya akan tercapai dengan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia untuk menggantikan BPR yang disusun semula. Namun apa maknanya, sekiranya pejabat Peguam Negara bertindak dengan izin, secara *selective prosecution* seperti biasa selama ini. Kedudukan AG perlu ditukar. Malahan cara pemikiran Menteri-menteri Kerajaan Barisan Nasional dan golongan yang berkuasa juga perlu ditukar, sebelum keyakinan rakyat terhadap kepimpinan mereka dapat dipulihkan. Mereka mesti memahami peranan mereka sebagai pemerintah terlebih dahulu. Jangan seperti biasa, menyalahkan rakyat dan golongan yang membuat aduan, yang seperti mana yang biasa dilakukan.

Tolong ingat, bila kes kehilangan Nurin dilaporkan, ada seorang matan Menteri Barisan Nasional menyalahkan ibu bapanya, sedangkan berdasarkan kepada pendedahan pagi tadi, jumlah *ratio* anggota keselamatan kepada penduduk adalah begitu tinggi yang menyebabkan keselamatan tidak terjamin dan Kerajaan Barisan Nasional sebenarnya tidak menunaikan tanggungjawabnya terhadap rakyat.

Saya ingin mengakhiri. Banyak lagilah yang boleh dicakapkan tetapi tidak ada masa. Maka saya ingin mengakhiri dengan merujuk kepada ucapan penutup Perdana Menteri sendiri, yang mana di dalam laporan Rancangan Malaysia Kesembilan itu, beliau telah menyatakan bahawa dia mempunyai kepercayaan yang penuh terhadap rakyat dan rakyat boleh melihat dan boleh mengenal, mana yang benar dan mana yang palsu. Beliau yakin akan menyokong tindakan kerajaan menarik balik subsidi minyak dan menolak tindakan Pakatan Rakyat untuk membentuk kerajaan, kononnya secara *undemocratic*.

Saya ingin ingatkan Yang Amat Berhormat, mereka telah menang pilihan raya ini dengan membuat satu janji tidak akan menaikkan harga minyak. Kalau ada pihak yang *undemocratic*, ianya bukan kami. Janganlah jadi bagaikan ketam yang hendak cuba ajar anaknya berjalan dengan cara yang lurus. Saya cukup tidak bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa rakyat menyokong tindakan kerajaan tarik balik dan susun balik sistem subsidi di negara Malaysia kita. Apabila kita bertemu dengan rakyat jelata di peringkat *grass root*, kita dapati bahawa hampir semua, kalau tidak semua, hampir 90% menolak tindakan Perdana Menteri itu.

Maka saya menyokong cadangan yang telah dibuat oleh Batu Gajah. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional tidak mahu adanya terbentuk kerajaan melalui kononnya pintu belakang, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat yakin bahawa rakyat bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat yakin bahawa rakyat bersetuju dan menyokong tindakan kerajaan untuk menarik balik subsidi minyak ini, maka saya bagi pihak Parti Islam Se-Malaysia mencabar Kerajaan Perdana Menteri, kita bubarkan Parlimen... *[Tepuk]* Dan kita serah balik persoalan ini kepada rakyat jelata dan bagi pihak Yang Berhormat Rembau...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada cadangan...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya tidak beri laluan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pembangkang letak jawatan. Boleh letak? Kita adakan pilihan raya baru.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya boleh benarkan bagi pihak Yang Berhormat Rembau, panggillah kawan dia dari Australia, kita benarkan dia mengundi, yang seorang itu. Kalau kita ambil petikan daripada Australia, mereka kata kita ini ejen Australia dan kita yakin bagi setiap seorang penulis dari Australia yang menyatakan dia menolak tindakan ataupun cadangan Anwar Ibrahim, kita boleh cari lima lagi yang menyokong. Ini bukan perkara yang sukar untuk dilakukan. *The test*, ujian yang muktamad, yang akhir, sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat rasa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menunaikan tanggungjawab...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini ceramahkah berucap?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Kepada rakyat jelata...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Dewan Rakyat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Dan kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai sokongan daripada rakyat jelata, *put your mouth where your money is...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Bubar Parlimen dan kita lihat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Habis.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hulu Terengganu.

4.16 ptg.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Terengganu, berucap dalam Dewan ya, bukan dalam surau ataupun masjid ya.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaannya serta pegawai-pegawai kerana berjaya mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 1.6% antara tahun 2006-2007, dapat meningkatkan pendapatan per kapita negara dari RM18,840 pada tahun 2005 kepada RM23,060 pada tahun 2007.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Nantilah dahulu, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Belum ada apa-apa, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Baru mukadimah... [Disampuk] Serta mengurangkan kemiskinan dari 5.7% pada tahun 2004 kepada 3.6% pada tahun 2007. Tuan Yang di-Pertua, pokok yang rendah dan berbuah lebat menjadi tempat kita berteduh datangnya dari akar yang teguh mencengkam bumi, yang tahu daripada mana asal usulnya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan... [Ketawa] Boleh?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Sekejap lagi. Tuan Yang di-Pertua, pada 15 Februari 1942, Jepun telah menjajah Tanah Melayu mengalahkan tentera British dan memerintah kira-kira 3 tahun 8 bulan. Kaum Cina menubuhkan MPAJA, Tentera Rakyat Malaya Anti Jepun menentang kemasukan Jepun dengan rasa benci, bukannya kerana hendak mempertahankan Tanah Melayu tetapi kebencian itu ialah kerana Jepun menyerang China dan Manchuria.

British menyangka bahawa kaum Cina menyokong mereka tetapi itulah yang sebaliknya. Bila Jepun menyerah kalah, MPAJA telah mengambil alih kuasa dengan menubuhkan pemerintahan Bintang Tiga dan pada masa itulah mereka menunjukkan belang, menjadikan orang Melayu mangsa mereka dengan menuduh orang Melayu sebagai tali barut Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, nasib baik pemerintahan Bintang Tiga tidak lama dan diambil alih oleh kuasa British dan Bintang Tiga masuk hutan menentang penjajah British. Saya bercakap ini untuk memberitahu kepada rakan-rakan bahawa sejarah itu penting, sebagai akar umbi untuk melangkah ke hadapan.

■ 1620

Tuan Yang di-Pertua, selepas Perang Dunia Kedua, British yang tertipu dengan MPAJA, cuba menghukum orang Melayu dengan menubuhkan rancangan *Malayan Union* untuk membalas budi orang bukan Melayu. Mereka memperkenalkan *Malayan Union* yang menukarkan status negeri-negeri Melayu dari negeri naungan kepada negeri jajahan. Kuasa Raja-raja Melayu dilucutkan dan hak kerakyatan dilonggarkan dengan memperkenalkan konsep

jus soli. Sebuah Majlis Mesyuarat Agama ditubuhkan yang ahli-ahlinya terdiri daripada Sultan-sultan Melayu tetapi dipengerusikan oleh seorang gabenor Inggeris yang beragama Kristian. Agaknya lebih kurangnya yang berlaku di tiga buah negeri di negara kita di mana kita mengangkat sumpah dengan menyebut nama Allah SWT di hadapan seorang Tuan Yang di-Pertua yang bukan beragama Islam. Orang-orang Melayu bersatu-padu dengan izin, Allah SWT, *Malayan Union* dikuburkan. Nampak benar bahawa perpaduan itu penting untuk ketahanan agama, bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1955, pilihan raya pertama diadakan. Kira-kira 1.6 juta penduduk Tanah Melayu layak mengundi dengan pecahan kaum, 8.4% Melayu, 11% Cina dan 5% India. Walaupun pengundi Melayu seramai 8.4%, tetapi calon UMNO hanya 35 orang sahaja iaitu kira-kira 67% manakala pengundi Cina sebanyak 11% tetapi calon MCA seramai 15 orang mewakili 25%. Perkara yang sama terus berlaku dalam pilihan raya-pilihan raya yang berikutnya. Ini menggambarkan bahawa UMNO merupakan sebuah parti yang bertolak ansur walaupun kadang-kadang tidak disenangi oleh ahli-ahlinya. Gabungan UMNO, MCA dan MIC mendapat kemenangan besar dengan memenangi 51 kerusi daripada 50 kerusi yang dipertandingkan.

Tuan Yang di-Pertua, selepas kemenangan besar itu, gerakan mencapai kemerdekaan dijalankan. Suruhanjaya *Reid* ditubuhkan untuk merangka perlembagaan bagi Tanah Melayu yang merdeka. Perlembagaan yang diterima itu merupakan tolak ansur dan persefahaman serta permuafakatan tiga kaum yang terbesar di negara kita. Di antara perkara penting yang saya ingin sebutkan bahawa mereka terpaksa bersetuju untuk menerima hak kerakyatan dan keistimewaan orang-orang Melayu yang menjadikan Islam sebagai agama negara, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal.

Dalam soal kerakyatan, dalam tempoh satu tahun selepas kemerdekaan, kira-kira 800 ribu orang asing mendapat hak kewarganegaraan yang serta-merta mendapat kemudahan sebagai seorang warga negara dan keturunannya terus mendapat hak tersebut tetapi mereka lupa tentang asal-usul tersebut. Sebelum itu, kaum Cina dan India di negara ini dikenali sebagai rakyat Inggeris keturunan Cina dan India. Kepada orang Melayu, soal bahasa dan soal agama Islam bukan perkara baru. Ia merupakan perkara yang diwarisi sejak zaman-berzaman. Soal biasiswa, jawatan pentadbiran, keistimewaan pelajaran dan perkara-perkara lain merupakan hak istimewa orang-orang Melayu yang tidak seharusnya dibangkitkan dan dipersoalkan...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada yang bangun Yang Berhormat. Hendak bagikah?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Boleh, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Ini memang satu soalan. Kita mesti ikut Perlembagaan. Saya bersetuju. Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat sedar bahawa merujuk kepada Perlembagaan, orang Melayu adalah seorang Islam, bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan adat-istiadat Melayu.

Ini bermakna, sesiapa sahaja tanpa kira asal-usul bangsanya boleh bergelar Melayu. Walaupun saya keturunan beberapa generasi di Malaysia, tetapi saya tidak boleh digelar Melayu. Definisi Melayu di dalam alam Melayu ditakrifkan sebagai mereka yang mendiami alam Melayu dan bertutur bahasa Melayu, Polynesia. Itu definisi alam Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalnya Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apakah pendapat Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Agak-agaknya Yang Berhormat rasa Melayukah?... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, memang mengikut Perlembagaan, orang Melayu itu mestilah darahnya Melayu, mengamalkan adat resam orang Melayu dan mesti beragama Islam.

Saya ulang Tuan Yang di-Pertua, bahawa soal-soal keistimewaan orang Melayu tidak seharusnya diungkit sebagaimana juga tidak boleh diungkit hak-hak kerakyatan orang-orang bukan Melayu. Pengekalan status quo inilah merupakan asas perpaduan negara kita. Malah penggunaan bahasa Inggeris yang berleluasa apatah lagi memberi keutamaan kepadanya merupakan satu pencerobohan kepada kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di negara ini dan hak keistimewaan orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian berkenaan dengan apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan pembesaran untuk peruntukan bidang pertanian. Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong tetapi kita ingin memperingatkan bahawa peruntukan-peruntukan yang besar itu hendaklah sampai kepada petani-petani. Janganlah peruntukan yang besar itu dinikmati oleh golongan-golongan lain terutamanya golongan-golongan yang menyediakan prasarana yang mana ia tidak dapat dinikmati oleh pihak petani.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong tentang pembatalan projek-projek mega yang tidak mesra rakyat. Walaupun wakil rakyat Yang Berhormat dari Batu Gajah menyatakan bahawa projek Jambatan Pulau Pinang disokong, tetapi percayalah, mereka menyokong ketika bercakap di Pulau Pinang. Mereka menyokong bila bercakap di negeri Perak, bila bercakap di tempat lain, pasti kumpulan mereka akan mengatakan bahawa projek itu merupakan projek yang membazirkan. Samaikan pada satu ketika dahulu, Putrajaya pun hendak mereka jual kepada pihak asing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal untuk menambahkan pendapatan negara, saya mendapat aduan di kalangan penduduk-penduduk setempat yang mengatakan, betul ataupun

tidak, cukai perkhidmatan yang dikenakan oleh peniaga-peniaga, sama ada kedai makan ataupun pihak hotel, sampai ke akaun kerajaan. Mereka rasa sangsi sama ada cukai tersebut dapat dikutip ataupun tidak. Sekiranya cukai perkhidmatan yang dibayar sebanyak 5% oleh pengguna-pengguna tidak begitu jelas, tidak begitu sampai sepenuhnya kepada pihak kerajaan, saya cadangkan supaya cukai perkhidmatan yang dikenakan oleh kedai-kedai tersebut dihapuskan termasuklah cukai-cukai yang dikenakan oleh anak-anak kita yang makan di KFC ataupun di *McDonald*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kastam Diraja Malaysia kerana berjaya meningkatkan pungutan cukai sebanyak 20.7% dalam tempoh enam bulan tahun ini berbanding dengan tahun 2007, iaitu peningkatan sebanyak RM2.4 bilion. Walaupun kadar cukai tidak berubah sebagaimana yang dilaporkan oleh akhbar kita pada minggu lepas, tetapi dalam keghairahan kita mengutip cukai tersebut, saya perhatikan pada waktu sembahyang Jumaat di Tambak Johor, *lane* yang kedua, pekerja-pekerja lelaki yang beragama Islam yang sepatutnya menunaikan fardu Jumaat, terus bekerja dan perkara ini haruslah dihentikan.

■ **1630**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita gantikanlah tugas untuk bertugas pada waktu solat Jumaat ini dengan pekerja-pekerja yang bukan beragama Islam ataupun terdiri daripada golongan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya Jabatan Hasil Dalam Negeri memperhebatkan kutipan-kutipan cukai, sama ada cukai individu ataupun cukai korporat. Ini penting kerana kalau pegawai-pegawai kerajaan tidak dapat lari daripada pungutan cukai, apakah perkara yang sama juga akan dihadapi oleh usahawan-usahawan atau peniaga-peniaga.

Saya mencadangkan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri supaya memperkenalkan satu skim hadiah ataupun ganjaran kepada penyampai-penyampai maklumat melaporkan kepada pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri, pihak-pihak yang melarikan cukai kerana pada saya pelari cukai juga merupakan perbuatan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pembentangan. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong.

4.32 ptg.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan yang didengar, saya mendapati bahawa satu aspek yang kurang disentuh adalah berkenaan dengan usaha-usaha kerajaan untuk menangani masalah berkenaan dengan Badan Kehakiman yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu, baru-baru ini kita ada mendengar ramai saksi yang dipanggil dalam apa yang dikenali sebagai V.K. Lingam *Video Scandal*. Berapa banyak

wang yang digunakan untuk *Royal Commission* tersebut, masa yang digunakan, tetapi sehingga sekarang kita tidak dapat sebarang keputusan berkenaan dengan sama ada tindakan akan diambil terhadap penama-penama, di mana cadangan telah pun dibuat bahawa mereka terlibat dalam aspek-aspek yang telah pun menggugat *the good name* dengan izin, *of the judiciary in this country*. Misalnya peranan yang dimainkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, jelas dinyatakan mungkin terdapat, bahawa beliau telah pun mengendalikan cara lantikan hakim dalam cara yang menyokong atau pun menunjukkan bahawa terdapat *corruption* di dalam *judiciary*.

Persoalan yang timbul adalah ini, bagaimana dengan usaha-usaha kerajaan untuk memastikan bahawa langkah-langkah diambil untuk mengembalikan semangat rakyat dalam Badan Kehakiman. Dengan izin, *what are the steps taken to return the confidence of the people in the judiciary*.

Di sini kita lihat, baru-baru ini, terdapat banyak cadangan yang dibuat oleh Pejabat Perdana Menteri untuk memperbaiki sistem kehakiman. Akan tetapi sehingga sekarang, sehingga hari ini, kita masih tidak lihat perubahan-perubahan itu berlaku. Saya bagi contoh, terdapat cadangan untuk satu *Judicial Commission* ditetapkan tetapi sehingga hari ini, kami masih lagi belum mendengar, kami kasih menunggu untuk mendapat tahu apakah langkah-langkah yang telah pun diambil, siapakah yang akan menjadi anggota badan tersebut dan yang penting sekali, bila ia ini akan ditubuhkan.

So, isu-isu yang timbul, yang memang perlu ditangani oleh kerajaan sekarang adalah isu-isu sebegini. Baru-baru ini, kami juga dapat mendengar, bagaimana seorang hakim di Sarawak, beliau berkata bahawa semasa beliau menjadi hakim di Mahkamah Tinggi Malaysia, beliau telah pun menerima ugutan daripada hakim-hakim tertinggi di mana beliau telah pun diberitahu bagaimana membuat keputusan-keputusan. Ini adalah Hakim Ian Chin. Beliau berkata, hendak saya baca? Dalam satu petikan *Bombshells from a judge*. *This is Datuk Ian Chin claimed*, dengan izin:

"...that he and selected judicial officers were packed off to boot camp in an attempt to indoctrinate those attending the boot camp to hold the view that the government interest as being more important than all else when we are considering our judgement.

Chin also brought up an episode where another High Court Judge Datuk Kamil Awang had informed him a telephone call directing Awang to dismiss an election petition he was hearing at that time.

Chin's account of this is corroborated" - yakni terdapat kenyataan *corroborated* dengan *judgement* di dalam kes Mohd. Haris Salleh. Hakim tersebut mengatakan:

"The only guide to a man is his conscience, the only shield to his memory is the rectitude and the sincerity of his action. In my view, it is an insult

to one's intelligence to be given a directive over the phone that these petitions should be struck off without a hearing, and above all, it is with prescience conscience that I heard these petitions."

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menarik di dalam episod ini adalah jawapan yang diberikan oleh menteri yang berkenaan kepada kenyataan-kenyataan ini. Dan saya baca?

"However, the Star on June 14 reported that "de facto Law Minister Datuk Zaid Ibrahim said while there was no reason to doubt Justice Chin....."

Maksudnya, yang diterima...

"While there was no reason to doubt Justice Chin, a Royal Commission would be a waste of money and time as investigations would reveal nothing more than what we have already known."

Dan ini menunjukkan bahawa terdapat usaha-usaha untuk menggariskan fikiran hakim-hakim dalam negara ini untuk menyokong kerajaan dalam bukan sahaja kes-kes *petitions* pilihan raya tetapi juga kes lain. Seperti mana kita lihat dengan jelas dalam *commission* V.K. Lingam, tetapi apa tindakan kerajaan dalam keadaan sedemikian. Saya teruskan, dan ini adalah petikan.

"When is investigation of corruption ever a waste of taxpayers' money." Ini yang dinyatakan oleh Bar Council, Dato' Ambiga Sreenevasan. Saya terima ini.

Tuan Yang di-Pertua, *"when is investigation of corruption ever a waste of taxpayers money? Zahid says he does not doubt Chin. That's being the case, there is no reason why the calls by the Bar Council for an open inquiry should be dismissed out of hand"*.

Di sini kita lihat, apakah maksudnya dengan *"boot camp"*, *what is meant by "boot camp"*. Dan saya baca ada lagi di sini:

"Arguably the most interesting of Chin's statement deals with his attendance at a camp that he refers to using the military jargon boot camp". Dan ini maksudnya.

According to *dictionary.com*, *'boot camp'* is defined as a *correctional facility*. Tuan Yang di-Pertua, *correctional facility*. Ini Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Malaya, *correctional*, yang perlu dicorrectkan, *"correctional facility that uses training techniques applied to military recruits to teach usually youthful offenders socially acceptable patterns of behaviour"*. Ini maksudnya.

It's tawny. Tuan Yang di-Pertua, memang menakutkan.

"There is apparently no dispute that Chin and other judicial officers were sent to attend the camp. In fact Dr. Mahathir himself referred to such a camp. In his blog, replying to Chin allegations, Dr. Mahathir called it at a 'work camp' at which courses on 'Tata Negara' or National Creed' were conducted. He explained, at such courses, dan ini amat penting, the Speakers try to explain Malaysia's political system with particular reference to the Barisan Nasional concept, ethics and moral values and democracy in Malaysia."

Ini memang menjadi suatu perkara yang penting. Adakah sistem kehakiman dalam negara ini di bawah tekanan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah benar bahawa terdapat tohmahan-tohmahan sebegini, adakah benar ia *exist, boot camp* dan sebagainya.

Pada hari ini, kita lihat, apakah tindakan yang telah pun diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa fikiran rakyat, *to the people's mind*, konsep sebegini telah pun diketepikan, tidak ada. Zaid Ibrahim setuju, memang *we cannot doubt*, tetapi langsung tidak ada sebarang tindakan yang diambil Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada ini, kita tengok, bagaimana dengan sistem mahkamah. Sebulan lalu, Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun bangkitkan satu perkara. Saya bangkitkan bahawa di Johor Bahru misalnya, terdapat satu mahkamah khusus yang dikenali sebagai Mahkamah Tinggi Lima.

■1640

Mahkamah ini ditetapkan ataupun *it was formed*, dibentuk untuk mendengar kes-kes jenayah. Ini adalah kes-kes serius seperti kes bunuh dan kes pengedaran dadah tetapi untuk satu tahun tiga bulan, tidak ada hakim Tuan Yang di-Pertua dalam mahkamah itu. So apa yang berlaku adalah setiap hari kita tengok, kita lihat bahawa penjenayah-penjenayah dibawa ke mahkamah tersebut untuk kes mereka didengar tetapi tidak ada hakim dan mereka di dalam reman, Tuan Yang di-Pertua. So bagaimana kita hendak jelaskan kepada mereka ini tetapi yang memelikkan saya yang menjadi isu kepada saya adalah ini.

Kalau kita di Parlimen bangkitkan hal-hal sebegini dan Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa *we want to action*, kenapa tidak ada sebarang tindakan dibuat? Mereka di sini menyatakan okey kita akan *set up a judicial commission* dan sebagainya tetapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kita lihat bahawa tindakan sebegini lebih menjadi penghalang kepada sebarang tindakan untuk mereformasi sistem kehakiman di dalam negara ini. So di sini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya bagi jalan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puchong. Tadi Yang Berhormat Puchong menyatakan bahawa sekarang ini badan kehakiman kita ini dalam keadaan teruk, boleh kata begitu. Sama ada Yang Berhormat Puchong sedar atau tidak bahawa pada masa pendengaran *Royal Commission* terhadap video klip V.K. Lingam ini, di dalamnya ditimbulkan bahawa ada seorang hakim Mahkamah Rayuan Dato' Lau Hock Beng, menerima pada waktu tengah malam satu beg besar hitam mengandungi wang daripada adik V.K. Lingam. Perkara ini juga telah dibangkitkan dalam Dewan ini dan juga Yang Berhormat bagi undang-undang telah memberi jaminan bahawa beliau akan kaji dan ambil tindakan.

Pada masa sekarang ini juga Yang Arif Dato' ini masih duduk sebagai hakim lagi, dengan izin, *how can he dispense justice when his integrity is opened to question?* Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Itulah Tuan Yang di-Pertua seperti mana yang saya katakan di mana ada satu *Royal Commission Enquiry* dan kita lihat bahawa ada rumusan-rumusan tertentu yang ditemui dalam *royal commission* tersebut, *the allegations*, tohmahan yang dibuat terhadap hakim-hakim, sangat serius. Benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju, benar. Tohmahan-tohmahan ini ada tetapi apakah tindakan sehingga hari ini, tidak ada tindakan langsung. Ini menjadi satu aspek, semua negara bukan negara ini sahaja, *international* semua orang dengar apa yang berlaku dalam kes video V.K. Lingam tersebut tetapi tidak ada tindakan sehingga hari ini.

Saya setuju bagaimana dengan persepsi rakyat apabila mereka melihat mereka-mereka yang telah pun dikeluarkan tohmahan masih menduduki bangku kehakiman, *they are still judges on the bench*, tetapi Tuan Yang di-Pertua kita dapat lihat tohmahan terhadap hakim-hakim. Sekarang kita juga lihat tohmahan terhadap Peguam Negara, tohmahan terhadap Ketua Polis Negara, tohmahan ada, tohmahan terhadap semua orang. Tuan Yang di-Pertua kita di sini sebagai wakil rakyat kita ini mempunyai tanggungjawab. Apa yang perlu adalah untuk kita menekan bahawa kita ini perlu ambil tindakan tegas dan kita ambil tindakan segera. Takkan kita di dalam keadaan di mana *Attorney General Office, the AG's office is disparaged, the IGP's office is disparaged* tetapi tidak ada sebarang tindakan yang diambil.

Tuan Yang di-Pertua saya bagi lagi contoh, kita lihat baru-baru ini dalam satu balasan yang diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Bukit Gelugor. Kami diberitahu bahawa setakat ini terdapat *27 criminal appeal cases awaiting judgment*. Ini menjadi lagi satu isu. Kalau kita sebenarnya mempunyai satu *department*, satu badan di dalam Jabatan Perdana Menteri untuk menangani, mengatasi masalah-masalah dengan sistem kehakiman, kenapa masih terdapat masalah-masalah yang sama? Kita lihat masalah-masalah itu tiga bulan lalu, enam bulan lalu. Kita lihat kerajaan baru, kita lihat Datuk Zaid Ibrahim, kita lihat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri datang ke Dewan yang mulai ini dia bagi jaminan bahawa perkara ini akan diatasi tetapi tidak ada sebarang langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Juga berkenaan isu keyakinan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat isu berkenaan dengan *promotion*, hakim-hakim khususnya hakim-hakim yang tertinggi. Saya hendak tanya di sini dan saya akan namakan dia, kalau kita lihat dalam *Malaysian Law Journal* dan sebagainya kalau kita lihat juga dalam statistik-statistik yang kita ada, kita semua tahu bahawa Hakim Mahkamah Rayuan, nama dia Dato' Gopal Sri Ram beliau bukan sahaja senior tetapi salah satu hakim sebenarnya menunjukkan teladan. Banyak kali menulis penghakiman juga berkritik, senior tetapi sampai sekarang tidak dipromosikan ke Mahkamah Persekutuan?

Kita tidak tanya soalan-soalan itu kita hendak dapat jawapan berkenaan dengan perkara ini. Ini bukan perkara baru, ini perkara bertahun-tahun. So saya harap bahawa Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dapat memberi respons, memberi jawapan kepada saya berkenaan dengan perkara-perkara ini. Selain daripada itu kita lihat sistem polis. Tuan Yang di-Pertua, dua minggu yang lalu ada satu kes di mana dinyatakan bahawa seorang perempuan di bawa ke satu balai polis dalam negara ini pada jam 5.00 pagi, beliau berumur 17 tahun. Di situ beliau telah pun diminta melakukan kesalahan seksual ke atas seorang anggota polis. Selepas itu beliau dirogol di balai polis tersebut. *Now* isu yang timbul adalah ini, apakah yang telah berlaku kepada kes itu? Kita lihat diam sahaja.

Soal juga yang timbul adalah adakah balai polis-balai polis kami selamat? Kita pergi ke balai polis untuk membuat laporan polis, di balai polis kita kena rogol pula? Kerajaan tidak buat apa-apa? Saya di sini minta agar kerajaan ambil tindakan tegas, satu *inquiry* diadakan untuk mendapat tahu kenapa boleh berlaku masalah sebegini dalam balai polis? Ataupun kita tidak tahu tetapi bila terjadi kepada satu daripada ahli keluarga kita baru kita ambil tindakan? Ini masalah dia. Itu sahaja, bukan salah siapa selepas itu kita tengok seminggu selepas itu di Kuala Terengganu. Di mana satu OCPD pula laporan dibuat terhadap beliau oleh dua anggota polis yang kata beliau pula cuba melakukan kesalahan seksual ke atas beliau.

So ini menjadi isu-isu yang kita perlu ambil tindakan, kita perlu timbangkan untuk memastikan bahawa rakyat itu kembali keyakinan mereka dalam sistem kehakiman yang sedia ada. Saya juga tertarik dengan cadangan dibuat oleh Ahli Yang Berhormat daripada Rembau bukan pada kali ini tetapi dulu di mana beliau berkata, '*I think its time*', masa sudah tiba untuk kita memastikan atau cuba mendapat satu sistem di mana Badan Pencegah Rasuah diberikan kuasa-kuasa untuk mengambil tindakan secara sendiri, bebas daripada Jabatan Peguam Negara.

Soal yang timbul di sini, apakah yang akan berlaku sekiranya terdapat rasuah di Jabatan Peguam Negara? Siapa yang akan mengambil tindakan? Takkan kita akan minta Peguam Negara sendiri yang dituduh membuat keputusan sama ada tindakan akan diambil terhadap diri beliau sendiri? Contohnya, baru-baru ini satu kes di Klang di mana seorang ahli perniagaan telah pun ditangkap semasa menyerahkan wang ataupun menerima wang RM500 ribu untuk menyelesaikan satu kes rayuan, ini kita semua tahu. Beliau ditangkap semasa wang diserahkan. Daripada kajian saya perkara ini di *tape* kan, video *tape*, perkataan-perkataan semua *tape*, audio *tape*, ada.

Beliau ditangkap dalam serbuan *on the spot* dibawa balik, ditahan dua, tiga hari selepas itu dibebaskan tanpa diambil tindakan. So saya hendak tanya bagaimana perkara macam ini boleh berlaku? Daripada kajian ringkas saya, saya diberitahu bahawa tindakan tidak diambil kerana *it's a set up*. Betul lah *it's a set up that's what you call we saw there was, we set them up*. Bila *set up* takkan dia cakap *cannot charge because set up*, tidak masuk akal, tetapi di sebaliknya ada peristiwa saya tahu siapa yang terlibat, siapakah ahli-ahli perniagaan besar yang terlibat.

Adakah pegawai-pegawai dalam Jabatan Peguam Negara Tuan Yang di-Pertua, juga terlibat sehingga menyebabkan kes tersebut beliau diberikan jaminan dan selepas diberikan jaminan apakah yang berlaku, beliau memang lari. Sehingga hari ini kita cari dia, ini menjadi masalahnya. So di sini kita kena tanya, kalau kita betul-betul serius kita hendak ambil tindakan untuk memastikan sistem kehakiman kita, sistem polis kita, sistem Badan Pencegah Rasuah kita menjadi sistem yang dinamik membawa perubahan-perubahan yang sebenar, besar ke negara kita, maka saya ingat perubahan perlu kepada semua tahap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Boleh, boleh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, masalah ini bukan setakat kehakiman dan jabatan peguam negara sahaja dan saya akan...

■1650

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan sebelum gulung.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mengenai kes polis. Hari ini kita dapat laporan bahawa pemuda Saiful yang ada buat tuduhan ada dapat perlindungan polis. Kenapa polis tak beri perlindungan kepada Balasubramaniam? Bukankah ini satu perkara skandal yang terbesar?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Memang itu bukan sahaja jadi skandal yang terbesar. Itu menunjukkan bahawa mungkin polis *they are not fair* dalam pendekatan yang diambil oleh mereka dalam kes ini...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pasal Pakatan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Pasir Salak, saya tak boleh dengarlah Yang Berhormat Pasir Salak. Saya tak tahu you hendak berdirikah, dudukkan, hendak cakaplah. Kadang-kadang gelak tak tahu apa you hendak cakap tapi saya tak bagi jalan. *Please sit down. Don't waste our time* Yang Berhormat Pasir Salak! Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebab Pakatan Rakyat guna dia.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua saya tak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat tapi Yang Berhormat sudah habis masa Yang Berhormat... *[Ketawa]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ada sedikit Tuan Yang di-Pertua kalau saya boleh gulung Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Dalam keadaan ini saya juga hendak tanya baru-baru ini ada satu kes dalam Jabatan Perdana Menteri di mana dikatakan bahawa wang yang disalurkan kepada kawasan Parlimen Taiping dan saya difahamkan hampir RM1 juta setengah

telah pun dilupuskan. Wang itu hilang Tuan Yang di-Pertua tetapi setakat yang saya tahu, dokumen yang saya ada kes ini ditutup. Kes ini ditutup setelah satu surat ditulis oleh menteri ataupun Yang Berhormat daripada Taiping dahulu Datuk M. Kayveas. Saya baca sebagai penggulungan apa yang dikatakan.

Saya tidak akan baca semua. Saya baca perenggan yang terakhir sebagai rumusan. Apa yang dinyatakan ialah beliau sebagai timbalan menteri beliau sedar bahawa wang tersebut telah pun diambil dan tidak ada akaun untuk menunjukkan mana wang tersebut pergi tetapi dia kata untuk menutup perkara ini dia hanya memberikan satu *fair warning* kepada pegawai tersebut dan kes ini tidak ada tindakan selanjutnya diambil. Saya hendak tanya kalau wang yang sepatutnya disalurkan kepada rakyat satu kawasan Parlimen wang itu tidak diterima oleh rakyat tersebut tak akan dalam Jabatan Perdana Menteri pun tidak ada satu laporan polis dibuat. Tidak ada satu siasatan diambil. Kenapa kes macam ini ditutup begitu sahaja? Kenapa perlindungan diberikan kepada bekas Ahli Parlimen Taiping, Datuk M. Kayveas Pengerusi PPP dalam keadaan sedemikian? Saya hendak tanya saya hendak jawapan. Ini menjadi aspek yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa sudah suntuk saya tak boleh teruskan lagi. Saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Bintulu.

4.53 ptg.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mahu mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah diberikan peluang untuk membahaskan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya mahu mempersoalkan beberapa isu yang penting untuk kerajaan kaji dan dipertimbangkan. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hari ini menerajui negara ini beliau telah memfokuskan satu perkara yang penting dalam kehidupan rakyat iaitu memberi tumpuan kepada sektor pertanian sebagai satu cara untuk meningkatkan pendapatan rakyat.

Dalam hubungan ini kerajaan bukan sahaja meminta orang ramai mengusahakan malahan kerajaan juga merayu pihak swasta membangunkan pertanian secara besar-besaran. Seruan kerajaan kepada pihak swasta untuk membangunkan sektor swasta secara mega, luas dan secara teknologi moden adalah sesuatu yang sangat kita sokong dan tepat pada masanya. Walau bagaimanapun, oleh sebab pihak swasta mempunyai kekuatan dari segi kewangan, kepakaran dan peralatan yang moden maka mereka boleh berdiri sendiri.

Namun seruan kerajaan kepada rakyat biasa khususnya petani-petani yang ada pada hari ini di mana mereka adalah terdiri daripada golongan petani-petani kecil yang tidak mempunyai modal yang banyak, tidak mempunyai kepakaran yang tinggi. Maka kerajaan haruslah memberikan sepenuh-penuhnya pertolongan dan bantuan agar pertanian sebagai satu perniagaan yang akan benar-benar dijayakan.

Seperti kita maklum rakyat yang menjalankan pertanian ini mereka menjalankan pertanian secara tradisional yang kalau dibiarkan mereka tidak mampu memperkembangkan pertanian yang menjadi sebagai perniagaan mereka. Kekurangan modal, kekurangan kepakaran moden, kekurangan peralatan atau jentera maka kalau kerajaan tidak memberi bantuan kepada mereka nasib mereka tidak akan berubah dan matlamat kerajaan untuk meningkatkan pertanian sebagai sumber terbesar sebagai hasil rakyat dan hasil kerajaan tidak akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu dalam dasar kerajaan untuk memajukan pertanian di negara kita hanya dibolot dan dimonopoli oleh syarikat-syarikat swasta yang besar dan memang mampu untuk menjalankan perniagaan ini. Jadi kerajaan mestilah bersungguh-sungguh membantu golongan petani tradisional ini dengan bantuan yang sesungguhnya di mana pegawai-pegawai pertanian haruslah turun padang untuk melihat apa permasalahan yang dihadapi oleh petani-petani kita.

Oleh yang demikian perkara ini mestilah dititikberatkan oleh menteri, pegawai-pegawai dan jentera jawatan atau Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Lualan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Bintulu. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat bersetuju atau tidak Yang Berhormat berhubung dengan apa yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terutamanya kalau kita lihat di kawasan utara.

Pegawai-pegawai yang telah ditugaskan untuk menjadi pegawai khidmat nasihat ataupun dikenali sebagai AO ataupun penolong pegawai pertanian yang kebanyakan mereka ini berkelulusan diploma daripada institut pertanian dan juga daripada Universiti Putra Malaysia yang sepatutnya mereka ini disediakan kuarters ataupun rumah di kawasan-kawasan tertentu tapi sebaliknya apabila mereka bertugas, berkhidmat mereka membeli rumah mereka tidak duduk di kawasan berkenaan. Kerana saya difahamkan daripada kalau kita hendak meningkatkan produktiviti pertanian selain daripada program baja, racun, vitamin dan sebagainya khidmat nasihat ini merupakan di antara perkara yang paling penting. Bermakna kata perdampingan AO ataupun penolong-penolong pegawai pertanian ini dengan masyarakat merupakan di antara perkara yang menolong menjayakan hasrat kerajaan dalam meningkatkan produktiviti pertanian. Apa pandangan Yang Berhormat Bintulu berhubung perkara ini?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Memang saya setuju apa Yang Berhormat Arau sebutkan tadi. Itulah saya mencadangkan pegawai-pegawai daripada pertanian mestilah mahu turun padang. Lihat sendiri, tengok sendiri. Kalau tidak macam mana mahu bantu petani-petani ini.

Di sini juga saya mahu memohon kepada menteri mestilah lihat dan kaji mana petani-petani ada kekurangan kita mesti mahu cari peluang bagaimana kita boleh bantu, kita mestilah bantu atas modal ataupun teknologi moden dan lain-lain.

■1700

Di sini saya mahu tanya juga, apakah rancangan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dari segi jangka panjang, jangka pendek dan jangka sederhana dalam mengenai isu-isu yang dibangkitkan dengan pertanian. Selama ini pelbagai insentif dan bantuan telah diumumkan oleh kerajaan kepada rakyat. Oleh itu rakyat menanti kepada bantuan kerajaan tersebut, bila boleh disediakan?

Selain itu, rakyat juga telah terlalu lama menunggu dengan janji-janji ini kerana isu di sini ditimbulkan terlampau banyak birokrasi yang ada di kementerian. Saya minta dan tanya menteri, adakah satu rancangan untuk memperbaiki, untuk melaksanakan insentif ini untuk melaksanakan bantuan-bantuan kepada petani-petani?

Tentang isu barang-barang naik harga ini, saya mahu tanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, adakah kita sedar dalam *hypermarket* sebelum minyak naik harga, mana-mana *supplier* ada minta *supply* barang-barang kepada *hypermarket* dia cuma minta diskaun 3% atau 4%. Selepas minyak naik harga, dia bagi dan meminta *supplier* mestilah mahu naikkan diskaun daripada 3% ataupun 4% ke 17 atau 18% diskaun ini. Adakah kementerian sedar kalau ini minta diskaun terlampau tinggi memanglah *suppliers* tidak boleh tahan. Dia mesti naik harga dari barang-barang yang di *supply* kan *hypermarket* ini. Inikan satu *burden* yang serahkan kepada kita sebagai pengguna.

Saya mahu tanya di sini, apakah berhak pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna membuat pengetahuan yang serius dan memeriksa kedudukan harga dan diskaun yang telah ditawarkan oleh *supplier* kepada *hypermarket*? Tentang isu pekerja asing ini, memang saya setuju apa Yang Berhormat Rembau kata kita tidak boleh bergantung kepada pekerja asing tetapi kita mesti *narrow down*, macam mana kita boleh mengurangkan pekerja saing. Masalahnya sektor-sektor kita sekarang heboh tentang kilang perabot mencari pekerja asing, walaupun mana-mana orang tempatan kita boleh bekerja tetapi dia orang memang tidak ambil perhatian ataupun bagi peluang kepada kita orang tempatan.

Contoh macam di sektor hospitaliti, hotel-hotel. Contoh macam hotel daripada PJ Hilton. Ini pekerja daripada PJ Hilton, pengurus besar dari luar, *business development*, *director* dari luar, *revenue* ataupun pengurus hasil, pengurus F&B, *director operation*, semua dari luar.

Saya di sini mahu bertanya, negara kita kalau tidak mampu ataupun layak jadi pengurus besar janganlah kata F&B *manager* pun tidak layak, janganlah kata *revenue manager* pun tidak layak, kutip wang saja pun tak layak? Apa pasal kalau ini saya difahamkan orang daripada Sri Lanka dua-dua F&B atau *revenue manager*. Kalau orang dari Sri Lanka layak, takkan orang Malaysia tidak layak? Inilah saya mahu tanya di sini, kenapa Jabatan Imigresen atau Kementerian Dalam Negeri tidak ambil perhatian atas masalah ini, paling teruk. *House keeping attendant* dengan izin, *maintenance department*...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh mencelah?

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sri gading dan Yang Berhormat Arau Yang Berhormat. Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bagi Yang Berhormat Sri Gading dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bintulu. Ini satu contoh, cuma malangnya Menteri Sumber Manusia, Kementerian Sumber Manusia, dia selalu menekankan soal pekerja asing ini di kilang-kilang, di sektor lain seolah-olah macam tidak nampak sedangkan sebenarnya peluang pekerjaan yang boleh diberi kepada rakyat tempatan bukan sahaja di kilang-kilang tetapi di sektor-sektor yang lain.

Umpamanya, saya hendak tanya ini. Umpamanya hotel, jawatan-jawatan di hotel ini sebenarnya mampu boleh dan boleh diisi oleh anak-anak tempatan bukan susah sangat tetapi peluang tidak diberi maka itu peluang-peluang yang baik tidak dapat kepada rakyat tempatan. Ini satu kelemahan di Kementerian Sumber Manusia.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Soalan-soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita turun *airport*, dia dekat *airport*. Semua orang asing sedangkan Kementerian Sumber Manusia dia fokus kepada kilang-kilang sahaja sedangkan di tempat-tempat lain sebenarnya sumber pekerjaan ini cukup banyak untuk rakyat tempatan. Soalan kepada Yang Berhormat Bintulu, macam mana hendak selesaikan masalah ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu boleh masukkan sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Memang saya setuju Tuan Yang di-Pertua. Itulah tadi saya kata, ini masalahnya kalau kita tidak *zoom in*, memanglah kita cuma kata kita mahu kurangkan pekerja asing ini, memang susah mahu dikurangkan. Macam tadi saya kata *director operation*, janganlah kata Malaysia punya pun tidak layak jadi *director operation*, kita ada korporat besar-besar, apa pasal dia orang boleh *manage* itu tidak boleh *listed company*, syarikat *listed*. Apa masalahnya kita tidak boleh *operated* lima *star* hotel? Janganlah kata lima *star* hotel semua mahu orang luar negara, janganlah kata orang Malaysia cuma layak *manage* dua atau tiga *star* hotel sahaja.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi Yang Berhormat Arau.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bintulu. Saya ingin bertanya, bersetuju atau tidak Yang Berhormat, adakah ini merupakan *bench mark* kepada syarikat-syarikat kita atau kerajaan, apabila kita hendak melantik

di peringkat pengurusan tertinggi kita mesti lantik mereka-mereka dari luar negara? Melambangkan mereka dari luar negara ini adalah suatu yang berkualiti dan boleh mengubah keadaan daripada yang tidak baik kepada baik atau bertambah baik.

Contohnya tidak lama dulu saya ingat apabila di Parlimen, di Dewan yang mulia ini pun, sama ada di Dewan Negara atau Dewan Rakyat kita telah bangkitkan apabila MAS kargo melantik seorang *directors* atau pun pengarah dari luar negara yang dibayar gajinya ratusan ribu ringgit sebulan, kononnya hendak memperbetulkan, hendak ambil *link* ataupun hubungan pasaran dari luar negara sedangkan apa yang ada, dia datang, dia ambil gaji dan dia tidak buat apa-apa yang terbaik, hanya terus menguruskan apa yang sedia ada.

Ini menggambarkan bahawa kita tidak boleh letakkan ini sebagai satu *bench mark* dan Kementerian Sumber Manusia kena ambil ini sebagai ingatan bahawa sekarang apabila kita ada peluang-peluang yang sebegini rupa, harus diberi keutamaan kepada anak-anak tempatan. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

■1710

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Memang saya setuju apa Yang Berhormat Arau ucapkan tadi. Ucapan itu boleh masuk dalam saya punya ucapan.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Masukkan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini...

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sentuh isu mengenai *housekeeping attendant* dengan *maintenance department*. Dia punya pekerja semua lebih kurang 50% daripada pekerja asing. Janganlah kata, *housekeeping attendant* pun tidak boleh, anak tempatan pun tidak layak! Inilah menunjukkan sekarang sektor hospitaliti ini dia cuma mahu maksimum *profit*. Dia tidak kira *social application* ataupun bantuan orang-orang daripada tempatan ini...

Tuan M. Kula. Segaran [Ipoh Barat]: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat Sri Gading dan Yang Berhormat Ipoh Barat?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat. Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan sepenuh-penuhnya bahawa pekerja-pekerja asing yang bekerja bukan sahaja di PJ Hilton. Banyak *five star hotel* di Malaysia ini, sangat hairan kenapa kita perlu pekerja asing. Saya setuju dengan sepenuh-penuhnya dengan Yang Berhormat Bintulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Selalu bersetuju Yang Berhormat ya?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Namun, boleh Yang Berhormat Bintulu beritahu bagaimana kita dapat mengatasi masalah ini nombor satu,

Nombor dua, saya khuatirlah, esok hari Ahli Parlimen pun mungkin dari pendatang asing akan menjadi Ahli Parlimen, dengan kontrak. Saya hairan, kemungkinan mungkin *Speaker* atau sebagainya...

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kadang-kadang kita *specialize*. Kita bawa seorang *Speaker* dari Sri Lanka atau dari India untuk bekerja di sini. Saya katakan ini *cut cost*. Ini mungkin akan jadi, kita khuatir. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Beliau hendak cari kepuasan Yang Berhormat.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Memang saya setuju. Bukan dalam hotel PJ Hilton sahaja. Ini lain-lain *five star hotel* pun semua sama. Saya sentuh pasal contoh ini sebab saya sendiri lihat perkara ini berlaku di PJ Hilton.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sentuh mengenai isu *social application* dan bantuan negara kita dan juga bantuan pekerjaan kita. Nampak seperti orang bekerja di daripada *hotel bell boy* atau joki. Dia punya kaji, *basic pay* RM300 ataupun RM400. RM300 ataupun mula daripada RM300 ataupun RM400. Kalau sebulan dia punya gaji daripada *basic pay* tambah komisen semua, lebih kurang RM700 sahaja. Macam mana dia mahu hidup?

Kalau hotel tidak mahu bekerja sama. Contoh seperti *bell boy*. Ini daripada PJ Hilton, kalau di orang ada untung lebih sedikit komisen, hotel sudah marah. Sepatutnya, kita kalau contoh seperti joki, dia ada lebih sedikit komisen dia sudah ada macam-macam syarat yang keluar. Joki kalau contoh, dia sepatutnya bayar, kepada dia terus tarik. Joki ini harganya mahal juga. Mula-mula RM5, dari RM5 naik kepada RM7. RM7 naik kepada RM10. RM10 sekarang sudah naik RM15. RM15 akhir sekali sekarang RM18. Okey. Sekarang...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *[Bangun]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minyak belum naik lagi, sudah ini harga naiklah. Yang Berhormat Shah Alam suka kacau banyaklah. Diam sedikit!

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini masalahnya. Kita pembuat kuasa, kita tidak pernah pergi siasat. Sekarang dia nampak joki ini sudah lebih sedikit. Kadang-kadang orang kesian kepada joki. Kesian ini kerana sebulan gaji dia baru RM700. Bagi lebih sedikit, mungkin

RM20, dia boleh simpan RM2. Hotel pun marah! Dia kata, sekarang bayaran joki tidak boleh bayar terus kepada joki.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Penjelasan. Siapa ini joki? Boleh tolong jelaskan. Joki, siapa joki? Saya tidak faham.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak faham? Tidak apalah. Nanti saya beritahulah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Joki ini. Joki hotel, memanglah saya sebut hotel ini. Joki bukan *cokey*.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Joki ini. Dia kena bayar pergi kaunter. Dia orang untung lebih sedikit pun marah. Jadi, pekerja-pekerja hotel ini, macam mana kita mahu hidup. Kerajaan beri peluang kepada hotel ini. Kementerian Sumber Manusia pun buat tidak tahu. Kita susah, orang pun tidak mahu beritahu. Macam itulah tadi Yang Berhormat dari Sri Gading. Kita mesti mahu ambil perhatian atas perkara ini. Kalau kita tidak mahu ambil prihatin, orang-orang ini, dia tahu dia tidak boleh cari makan. Esok dia marah siapa? Dia marah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini pegawai kementerian tidurkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini, kalau kita tidak mahu ambil perhatian, kalau esok dia orang marah, dia marah kita. Esok sampai pilihan raya, dia tidak sokong sama kita, Barisan Nasional. Ini bukan salah kita. Salah orang tidak beroperasi. Inilah, di sini saya mahu tanya kepada Kementerian Pelancongan dan Kementerian Sumber Manusia. Apakah tugas kita?...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]* Tidurkah di orang?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: ...Kenapa sampai sekarang kita tidak lihat perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Boleh gulung Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini dalam... Belum lagi, ada sedikit lagi.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya mahu dari segi... Janganlah ketawa lagi. Dari segi mengenai isu *rating* ini, sama ada lima *star*, tiga *star* atau empat *star*kah? Saya hairan! Hotel PJ Hilton ini, *rated five star* tetapi ada lipas dalam bilik. Ini pun boleh *rated lima star*?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Ketawa]* Hah, ada lipas?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Pelancong kompelin buat pengaduan. Dia kata, "Okay, tidak apa. Saya kasi awak '*out grate*'." Dia kata. "Lipas kita bukan peliharaan, dia datang sendiri".

Saya mahu tanya Kementerian Pelancongan. Bagaimana dia punya syarat-syarat untuk *rating* hotel ini? Di sini juga saya mahu persoalkan. Pada masa sekarang Yang Amat Berhormat mahu kurangkan *expenses* untuk mengadakan taklimat ataupun mesyuarat di hotel-hotel. Akan tetapi sektor hospitaliti ini sudah *complaint*. Katanya, kerajaan tidak sokong, sudah tarik balik dia punya perniagaan. Semua dia sudah kurang, berniaga sudah rugi RM200 juta kerana masalah ini. Kita pun boleh lihat di surat khabar ini.

Saya mahu tanya ini. Hotel ini kalau dia hendak berniaga, dia ingat kerajaan. Kalau dia ada berniaga, dia sudah lupa kerajaan. Hotel PJ Hilton ini pada tahun 2007, bekas Timbalan Menteri Pelancongan. Saya pun ada di hotel sama. Mereka tanya kepada dia, "Kenapa promosi-promosi Tahun Melawat Malaysia 2007, semua *booklet*, brosur tidak dipamerkan bersama-sama poster. Hotel kata, dia lupa. Bagaimana dia boleh lupa? Inilah sudah menunjukkan dia tidak sokong kerajaan. Kita mahu promosi membawa pelancong-pelancong daripada luar negara. Dia tidak minat! Macam tadi, perkara-perkara yang telah saya sentuh. Saya sudah sampaikan mesej kepada *hotel management*. Saya mahu minta jumpa Pengurus Besar. Sampai berbulan-bulan pun tidak boleh jumpa! Kenapa dia tidak boleh jumpa? Kita mahu sampaikan masalah ini.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*] Dia banyak besarlah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau macam ini, susah payah nak jumpa, kita halau dia keluar! Hantar dia balik! Buat apa kita mahu beri dia peluang di sini. Kita bela nasib dia.

Seorang Ahli: Ya. Betullah. Sokong. Halau dia balik.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Setujukah tidak Tuan Yang di-Pertua?

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri akan jawab Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jadi...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini BBC banyak-banyak cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Boleh gulung Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah Kementerian Pelancongan dan Kementerian Sumber Manusia bekerjasama, melihat betul-betul punya. Kalau kita hari-hari atas kertas sahaja kita cakap jangan bergantung pada pekerja asing. Kita mesti mahu beri peluang kepada orang-orang tempatan.

■1720

Kalau kita tidak ambil satu tindakan yang serius, memang sampai bila-bila tidak boleh selesai. Saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: [*Bangun*]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai.

5.20 ptg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Assalamualaikum dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil peluang juga untuk membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan beberapa ketika lalu, yang saya rasa pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan macam tak lengkap apabila terpaksa dilengkapkan oleh timbalannya. Apabila kita tengok balik Hansard dan bandingkan dengan apa yang ada dalam Laporan Kajian Separuh Penggal ini, apa yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri itu tak adalah apa yang *special* sangat. Semua ada dalam buku itu.

Seperti juga Perdana Menteri semasa membentangkan, dia tak baca seluruhnya tetapi dia mengambil *points*. Jadi apalah yang *urgent* sangat pada hari itu maka Timbalan Perdana Menteri dibenarkan untuk membentangkan tapi ini sejarahlah, akademik sahaja. Cuma mungkin dia merasakan dia juga hendak terlibat dalam pembentangan ini supaya adalah saham dia kepada Kajian Separuh Penggal ini. Yang ditekankan sangat dalam tambahan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri itu ialah mengenai teras dalam konteks pembasmian kemiskinan. Yang ini pun banyak telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ini.

Yang kita rasa perlu diambil perhatian terutamanya tadi pun Yang Berhormat Rembau menyokong supaya garis kemiskinan ini ataupun pendapatan minima kemiskinan ini dikaji semula, kepada satu tahap yang lebih menggambarkan kedudukan ekonomi kita masa ini. Oleh kerana garis yang lama itu iaitu RM700 lebih kurang di Semenanjung ini dah macam tak munasabah. Dalam kakitangan kerajaan pun tak ada lagi dah yang gaji awalnya di bawah garis itu tetapi dengan pendapatan yang sedikit lebih daripada garis itu pun kakitangan kerajaan tidak dapat menikmati kehidupan dengan baik. RM1,000 misal pun masih tidak dapat nak *survive* di dalam bandar seperti Kuala Lumpur ataupun bandar-bandar besar yang lain. Jadi kita mencadangkan dan menyokong cadangan supaya garis ini diletakkan pada paras yang lebih tinggi seperti RM1,500.

Dengan perubahan ini mungkin peratus kemiskinan di kalangan penduduk Malaysia ini akan menjadi tinggi semula dan mungkin bagi sesebuah negara yang bermartabat tinggi, cemerlang dan gemilang seperti Malaysia ini, kenaikan peratus kemiskinan ini mungkin memalukan kita, menjatuhkan maruah kita tetapi kita kena ingat kalau kita berterus terang dengan ukuran yang baru, saya rasa rakyat boleh faham, dunia boleh faham dan kita tidak akan menanggung malu. Yang lebih penting ialah apabila kita ada satu peratus yang lebih besar, ia mendorong kita untuk kembali ke *drawing board* kita dengan izin, atau kita berbincang semula apa tindakan-tindakan yang lebih konkrit untuk menangani persoalan kemiskinan ini.

Ertinya kita lebih serius. Kalau dah peratusannya tinggal 3%, 4% atau 7%, kita rasa dah tiba penghujungnya. Macam dah selesai kerja kita sedangkan yang menanggung kesusahan ini masih ramai. Jadi kalau peratusan kita itu lebih tinggi, katanya kalau kita letak pada paras RM1,500, peratusan kemiskinan kita sampai 24%.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*] 24.3%.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: 24.3%. Nampaknya macam separas dengan mana? Zimbabwe atau mana-mana tetapi yang lebih pentingnya bagi konteks kita, kita boleh berbincang semula langkah yang lebih strategik untuk menangani masalah kemiskinan ini seperti golongan orang kurang upayanya, golongan armalah ataupun ibu tunggalnya.

Baru-baru ini ada dijanjikan kepada orang kurang upaya semasa pelantikan salah seorang daripada golongan kurang upaya ke Dewan Senat, ada dijanjikan pertambahan elaun untuk orang-orang kurang upaya. Satu janji yang disambut baik oleh golongan kurang upaya ini tetapi apabila mereka pergi ke kantor-kantor akar umbi di daerah ataupun di jajahan, tidak ada dikatakan penurunan arahan ini untuk melaksanakan perubahan ini. Jadi masih lagi di tapak yang lama. Mengambil masa yang lama untuk melaksanakan janji-janji tersebut. Tuan Yang di-Pertua, kita harap ini disegerakan, membantu golongan orang kurang upaya ini iaitu menambah elaun bagi mereka-mereka yang tidak mampu ini.

Timbalan Perdana Menteri juga, jadi kita komen lebih timbalan daripada Perdana Menteri ya. Timbalan Perdana Menteri mencadangkan dibangunkan satu pangkalan data mengenai kemajuan bumiputera dalam sektor korporat. Saya ini baru dalam Parlimen dan baru mengikuti perbahasan sebegini dan tidak sempat membaca semua laporan-laporan statut dan sebagainya tetapi kalau inilah keadaannya, baru sekarang diperkatakan tentang pangkalan data korporat bumiputera ini, belum ada, baru nak dicadangkan, apa yang telah mereka buat selama ini?

Bagaimana mereka nak memantau perkembangan korporat-korporat bumiputera? Bagaimana mereka nak memantau pemegang-pemegang lesen Kelas F yang begitu banyak sampai ratusan ribu kalau tidak ada selama ini pangkalan data ini. Jadi kalau inilah keadaannya, saya yakin lepas satu ucapan lagi akan banyak lagi timbul benda-benda yang kita rasa sepatutnya sudah *establish*, sudah ada, rupanya belum ada juga! Jadi saya harapkan kalau belum ada, maka pangkalan data ini perlulah disegerakan supaya tidak lagi timbul dalam ucapan-ucapan yang akan datang.

Satu lagi yang ditekan oleh Timbalan Perdana Menteri ialah menambah hak punya bumiputera bagi bangunan-bangunan komersial ini dengan meningkatkan prestasi UDA, Yayasan Amanah Harta Bumiputera dan MARA. Jadi soalnya apa yang baru? *What is new*, dengan izin. Benda yang itu juga! Jadi selama ini apakah kita memberikan undi tidak percaya kepada MARA, kepada UDA untuk melaksanakan sampai nostalgia DEB yang telah berlalu berpuluh tahun, masih lagi dibangkitkan dan taraf pemunyaan bumiputera pada tahap yang sungguh rendah.

Jadi bagaimana tentang PNB pula misalnya? Nampaknya memang mereka pun juga cuba untuk mendapatkan pegangan terhadap bangunan-bangunan tetapi bangunan-bangunan yang hebat-hebat seperti Darby Park misalnya ya, dan bangunan-bangunan yang lain yang mungkin boleh daripada segi peratusan kepunyaan bumiputera tinggi tapi daripada segi katalah kita nak diinvestkan kepada bumiputera tidak akan mampu untuk kita mengambil alih daripada badan-badan yang hanya membeli bangunan-bangunan komersial yang mahal.

Kita juga bangga dengan FELDA apabila mereka pun berminat dengan pemerolehan bangunan-bangunan, tetapi mereka lebih berminat bangunan di Mekah. Membeli beberapa tingkat bangunan enam tujuh bintang yang ada di Mekah untuk tujuan komersial. Dan saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Tanjung Manis tadi yang mengatakan bahawa kita patut balik kepada *core business* kitalah. Kalau FELDA itu elok bercakap tentang pertanian yang diperlebar lagi termasuk cadangan supaya FELDA masuk ke bidang pertanian padi, FELDA memikirkan bagaimana nak menjadikan padi bukit yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sipitang tadi sebagai jelapang baru padi di Sabah.

Saya tadi nak bertanya kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sama ada beras yang dihasilkan daripada padi huma ataupun padi bukit ini berbeza rasanya dengan beras biasa. Kalau berbeza rasa, dia akan mengambil satu usaha pula untuk mendidik masyarakat *appreciate* atau menghargai kelebihan padi huma ini. Jadi adakah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serius dengan usaha-usaha untuk melakukan perubahan dalam *mind set* penanaman padi di Malaysia ini.

MARA tadi juga terus meneruskan berusaha untuk meningkatkan pegangan dalam bangunan-bangunan komersial. Saya mendapat maklumat yang memerlukan verifikasi dengan izin, daripada menteri yang berkenaan kerana ada saya dengar cadangan MARA di Kuala Krai yang saya wakili, untuk membeli satu bangunan usang dua tingkat empat pintu dengan harga yang mahal kerana dikatakan ada orang di dalam MARA di Kelantan itu yang berasal daripada Kuala Krai yang mahu supaya bangunan itu dibeli oleh MARA.

■ 1730

Tentulah untuk tujuan-tujuan memperoleh untung-untung yang cepat. Saya harapkan maklumat ini yang saya terima dapat diperjelaskan. Kalau tidak betul tidak apa. Kita boleh memaklumkan balik kepada masyarakat di sana bahawa ini tidak betul. Tuan Yang di-Pertua, kita juga setuju tadi dengan Yang Berhormat Rembau bahawa orang-orang Malaysia ini, tidak apalah setuju dengan Yang Berhormat Rembau. Mana yang betul kita setuju bahawa kita jangan bergantung sangat dengan subsidi katanya. Ketagihan subsidi. Penggunaan ketagihan subsidi, betul Yang Berhormat Rembau? Ketagihan subsidi.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ketagihan subsidi. Ketagihan ini Tuan Yang di-Pertua, adalah satu konotasi yang negatif. Ketagihan. Kalau tidak ada tidak boleh. Meleleh air mata, meleleh air liur. Sedangkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu ketagihan dadah Yang Berhormat ya. Meleleh air mata.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yalah, ketagihan. *The word is* ketagihan dengan izin. Jadi bila kata ketagihan itu, Allah malunya rasa kita ya, orang-orang terutamanya di peringkat yang memerlukan ini...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bangun*]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: ... kerana kita tadi berbincang... Ya, sila Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini tadi Yang Berhormat Kuala Krai sebut fasal ketagihan subsidi. Adakah maksud Yang Berhormat Kuala Krai ketagihan subsidi ini sama dengan ketagihan kontrak-kontrak yang diterima oleh kroni-kroni. Itu pun ketagihan juga.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya nak sampai ke situlah. Janganlah ambil perkataan daripada mulut saya. Dalam masa kita berbincang tentang subsidi minyak dan penstrukturan subsidi tadi, kita pula bercakap Menteri Pertanian berbangga bahawa harga padi kita ini dapat kita *maintain* pada harga yang munasabah kerana subsidi. Subsidi pula. Dalam bab lain subsidi dibanggakan. Dalam tempat lain subsidi ini dikatakan sebagai satu ketagihan yang mesti dihentikan. Jadi soalan saya di mana kita? Kadang-kadang subsidi itu diberi dalam nama-nama jenama yang lain. Insentif bagi pelabur-pelabur besar daripada luar untuk datang ke Malaysia, membuka *business*, diberi insentif sedangkan mereka kaya, bawa balik harta kita keluar, insentif juga. Subsidilah tu. Tapi kita bermain dengan kata-kata sehingga kita yang menumpang subsidi minyak ini yang saya rasa seluruh negaralah, seluruh rakyat kecuali yang tidak ada kenderaan langsunglah. Semua dapat merasa subsidi ini baik kaya, miskin, lelaki, perempuan, tua, muda. Ini satu subsidi yang kita rasa kepunyaan kita semua yang dapat dinikmati semua. Yang ini pun dicemburui sedangkan kita dah berikan penjelasan.

Yang Berhormat Kuala Selangor dah sebut bagaimana dia *quote* ucapan Timbalan atau Menteri Kewangan Kedua bahawa kenaikan harga minyak antarabangsa menguntungkan kita. Setiap *barrel* naik USD1, banyak mana ratus juta kita dapat. Tidak bolehkah kita tumpang sedikit sambil kita mengelakkan satu kesan rantaian yang sangat *vicious*, kenaikan dengan izin kenaikan harga minyak yang baru lalu sehingga hari ini kita semua bercakap mengenai masalah ini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bangun*]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sebentar. Saya masuk *line* baru. Yang tadi tu kira selesailah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini saya mahu tanya fasal harga minyak. Ini tadi Yang Berhormat Kuala Krai kata harga minyak naik. Kadang-kadang USD1 untuk satu *barrel*. Bila harga minyak ini naik, adakah kenaikan harga minyak ini akan menaikkan *end cost*, *end cost* pengeluaran minyak itu? Adakah *end cost* itu melambung terlalu tinggi sehingga kita punya Perdana Menteri semua pening-pening atau pun keuntungan dia akan melambung tinggi ataupun kurang. Boleh tolong beri penjelasan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sama ada Yang Berhormat Padang Serai lambat masuk. Sudah ditekankan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju tadi. Mungkin nak tekan semula ya. Memang kos pengeluaran tidak meningkat dengan sebanyak mana harga yang naik itu. Ertinya untung kita, labur kita berlebihan. Yang ini yang menyebabkan kita rasa amat menderita. Sehingga semalam kita terpaksa berhimpun. Ramai, himpunan sejuta. Tidak tahulah berapa yang datang. *[Ketawa]*

Saya cuba nak kira. Sampai lebih kurang dalam sepuluh ribu tidak boleh nak kira dah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dua juta. Dua juta datang.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Jadi perhimpunan sejuta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Rembau dan Yang Berhormat Kota Belud bangun Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Nanti dulu. Sejuta. Kami kalau tidak kami mewakili sejuta orang yang sangat-sangat menderita akibat kenaikan harga ini dan kita berhimpun. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Berhimpun dan menyatakan hasrat kita dengan harapan mesej yang dihantar semalam itu tiba kepada Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tetapi nampaknya sampai hari ini...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya harap Yang Berhormat Kuala Krai jangan mengelirukan Dewan. Semalam yang hadir pada protes hanya tiga puluh ribu orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Sudah, sudah, sudah.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tidak sampai satu juta orang.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Hormat Tuan Yang di-Pertua, hormat Tuan Yang di-Pertua. Duduk.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jelas gagal. Perhimpunan yang dianjurkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai jelas gagal. Diharapkan satu juta rakyat hadir tetapi hanya tiga puluh ribu saja hadir. Itu pun *exaggerated*.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia kali tiga ratus tu. Tiga puluh ribu kali tiga ratus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kena minta jalan Yang Berhormat. Dia tidak bagi jalan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Menyampuk]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya dah *quote...*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang dapat dibuat ialah membelasah, membelasah seorang pemuzik.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, kena minta jalan Yang Berhormat. Ya, teruskan Yang Berhormat Kuala Krai. *[Dewan riuh]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya hanya menyebut satu juta. Yang menderita 26 juta.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jangan cemburu sudah gagal. Gagal. Satu juta, tiga puluh ribu saja. Ini penganjur protes. Itu kegagalan yang cukup ketara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Rembau.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Menyampuk]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Duduk, duduk. Hormat Tuan Yang di-Pertua, hormat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

Seorang ahli: Dia orang promosi lagu baru semalam.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Menyampuk]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jangan marah.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Nak ceramahlah ni.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Kuala Krai, minta penjelasan. Minta laluan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Cukup.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Semalam promosi lagu baru.
[Ketawa]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya rasa kita dah menyampaikan mesej ini kepada Perdana Menteri. *Respond*lah. Kalau tidak *respond* saya rasa rakyat akan terus memprotes, membantah kerana ini akan berterusan. Kesannya berterusan. Bukan boleh berhenti begitu saja. Jadi menghalang seluruh proses pembangunan dalam negara kita.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minta laluan. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tidak bagi jalan dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Belud sila duduk Yang Berhormat Kota Belud.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Harga bahan-bahan pembinaan dah naik. Ini akan menghalang proses pembangunan dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Nak tanya dia kaki *rock* atau tidak. *Rock* konsert dia. [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah, tidak payah Yang Berhormat. Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minatkah?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Hipokrasi ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kita bincang kat luar. Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional mengambil tindakan ini menyebabkan seluruh proses pembangunan akan tersekat. Kita dah dengar tawaran-tawaran, tender-tender kerajaan tidak disambut kerana mereka tahu kalau mereka dapat kontrak pun, bayarannya lambat, belum tentu dapat. Jadi ini akan menghalang seluruh cadangan daripada pembangunan seterusnya RMK-9 ini dan akan menjejaskan prestasinya sedangkan politik BN ini Tuan Yang di-Pertua adalah politik pembangunan, politik PAS kita bercakap agama mereka perlu. Asyik-asyik itu-itu saja.

Kami projek politik pembangunan dulu, kini dan selamanya. Tidak habis-habis pembangunan tetapi akhirnya masuk ke Parlimen ke-12, itu juga jadi kompelin. Sedih kita mendengarnya. Hiba kita. Jadi tempat saya pun, Kuala Krai tidak kurang juga. Jadi bila kita sebut nanti dia kata pakailah guna duit negeri. Kalau pakai duit negeri untuk semua pembangunan negeri, maka cukai kita bayar ke negerilah agaknya ya. Agaknya. Tetapi ini tentulah tidak. Mana yang patut Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat. Begitu juga macam PORR, jambatan kedua. Itu adalah fungsi pusat. Tetapi diperli. Pergilah cari duit kalau dah pandai sangat. Apa kata kalau kita bahagi-bahagikan cukai itu mengikut negeri. Tidak setuju pula kita.

Minyak bagi negeri. Biar Terengganu saja yang penuh dengan minyak, Sabah, Sarawak. Saya rasa Sabah maju, Sabah tidak akan kompelin lagi hari ini. Tetapi bila tiba tang PORR, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: ...tang jambatan kedua, perli. Perli Kerajaan Pakatan Rakyat sambil itu kalau Tuan Yang di-Pertua ingat pengumuman mengenai penangguhan ataupun pembatalan. Saya rasa pembatalan ini. PORR dengan jambatan kedua ini dibuat oleh Pengarah EPU. Tidak berani Perdana Menteri nak umum semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal RMK-9. Kenapa tidak berani bentang sini? Bentang esoknya suruh Pengarah EPU untuk menyampaikan. Ertinya dia penakutlah. Dia takut kita akan bangkit dan menyerang dia. Sila Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat Kuala Krai. Semalam *Sunday Star* melaporkan tidak kurang daripada dua ratus kontraktor menyerahkan kembali kontrak-kontrak yang diberikan oleh kerajaan kerana mereka tidak lagi mampu untuk membina dan *deliver* kontrak-kontrak ini kerana kenaikan kos pembinaan harga barang. Yang Berhormat sedarkah tidak?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa masalahnya?

■1740

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Apa masalahnya? Ini yang tidak sedar.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita tambahlah duit lagi.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya hendak Yang Berhormat Kinabatangan tolong bagi nasihat kepada Pasir Salak ini. Cerita sedikit mengenai kepentingan kontraktor-kontraktor kita. Jikalau saya cerita orang kata apa ada Kuala Krai, tidak apa ada dia bukannya kontraktor pun – dia tidak tahu. Kontraktor ada anak buah, ada pekerja dia kalau kerja tidak diambil siapa hendak menanggung keluarga pekerja-pekerja ini?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormatlah tanggung.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya rasa perkara ini perlu diambil berat oleh kerajaan. 200 sahaja Kuala Selangor? Paling tidak 200 saya rasa lebih daripada itu. Tidak tahulah pula kalau ada konsortium baru pula semua projek yang tidak dapat diambil ini diambil oleh satu konsortium. Itu kita kena tanya...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Bukan, Wangsa Maju untuk mencari maklumat.

Jadi kalaulah politik pembangunan ini masih lagi menjadi penekanan kepada BN saya haraplah segala harapan daripada rakan-rakan kita itu terutamanya di kawasan-kawasan yang kurang lagi membangun masih lagi mengharap dan merayu-rayu, merintih-rintih seolah-olah macam meminta-minta, tidak patutlah setelah lebih sembilan kali rancangan Malaysia ini berlaku

keadaan yang sama. Ini termasuk juga macam di Kuala Krai. Kena sebut juga orang Kuala Krai hendak tahu juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ini tengah gulunglah ni. Di Kuala Krai adakah Yang Berhormat Menteri pergi semasa menjadi Pengerusi FELCRA, mencadangkan pembinaan jambatan. Bukannya panjang sangat tetapi di sebelah sana ada 500 keluarga yang menoreh getah. Harga getah hebat, mereka mampu beli kereta tetapi tidak boleh bawa kereta masuk ke kampung, kena tinggal di seberang sungai. Tumpang tanah orang bayar sewa. Ini betul Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan di Ulu Baram, ini di Kuala Krai atau di mana-mana Sabah atau Sarawak. Betul-betul berlaku di Semenanjung. Tinggalkan kereta di seberang tidak dapat bawa kerana tidak ada jambatan. Jadi ego mereka pun jatuh. Jadi kalau boleh janji ini disempurnakan jambatan di antara Kampung Gandik dan Kampung Biak, menteri yang berkenaan akan tahulah sebab beliau sendiri telah...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak perlulah Padang Serai kita tidak ada masa.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Maksudnya tidak payah mencelah sebab kita tidak ada masa. Jadi saya rasa kita ambil serius terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar ini menjadi *priority*, tetapi dengan tidak mengabaikan juga rakyat di lain tempat. Di antara penyumbang besar kepada pendapatan negara ialah orang daripada bandar, kita memang ada dengan izin, *gross subsidy* yang kaya memberi subsidi kepada yang miskin. Jangan kita mengambil konsep kebajikan ini, maka pemberi subsidi itu langsung tidak dianggap penting, macam jambatan di Pulau Pinang dan juga PORR tadi ini. Mesti diberikan hak mereka, ini juga kepentingan rakyat. Sensitiviti kepada rakyat juga, kalau orang Pulau Pinang maju dia ada banyak duit cukai dia lebih banyak. Orang Kuala Krai tumpang sama. Jadi inilah konsep *gross subsidy* yang kita rasa tidak boleh diabaikan.

Jadi saya memohon kalau nak merayu, merayulah kembalikan balik dua projek yang sangat penting untuk rakyat di Pulau Pinang. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Arau.

5.43 ptg.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana turut memberi peluang kepada saya. Jadi ini memang giliran Arau pun, dia bagi satu giliran barisan sini. Jadi tidak apalah.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana turut memberi peluang kepada saya untuk berucap sepatah dua kata di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Di mana Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan ini kalau kita lihat secara keseluruhannya ia dapat menilai semula golongan yang berpendapatan rendah, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan terus melindungi mereka ini.

Walaupun sahabat saya dari Kuala Krai itu tadi tidak menyatakan dengan jelas cadangan-cadangan yang sepatutnya dibuat dalam usaha kita hendak mengatasi masalah kemiskinan ini, terutamanya kemiskinan tegar yang kita rasa peratusannya tidaklah begitu tinggi. Jikalau kita lihat pada tahun 2007 ia menurun daripada 1.2% kepada 0.7%.

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, kita lihat walaupun di dalam perhimpunan sekolah pun Kuala Krai boleh mencadangkan perkara ini supaya ianya lebih jelas, kita sepatutnya tubuh satu jabatan khas bagi membasmi kemiskinan ini yang melibatkan agensi-agensi yang kita rasakan boleh digemblengkan, dikoordinasikan bersama seperti Amanah Ikhtiar, TEKUN dan agensi-agensi lain yang boleh menawarkan pinjaman-pinjaman yang kita anggap dapat menolong terutamanya kepada mereka yang berpendapatan rendah ini, golongan-golongan miskin ini mereka dapat menjalankan perniagaan sendiri dan sebagainya dalam meningkatkan pendapatan mereka.

Sebab itulah dalam kita hendak mengemblengkan semua jabatan ini, jabatan khas ini dianggap hanya bertanggungjawab terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memandangkan keseriusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menghapuskan semua kemiskinan tegar ini pada tahun 2010, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya bangkitkan di sini adalah soal pelaburan Petronas di luar negara. Dalam laporan yang diberikan oleh pihak Petronas lebih 30 buah negara telah pun membuat pelaburan. Saya ingin bertanya kepada pihak Petronas daripada 30 negara yang terlibat dalam pelaburan yang dibuat oleh pihak Petronas ini berapa negarakah yang mendapat keuntungan sebenar? Jikalau boleh dinyatakan mengikut negara-negara yang telah kita membuat pelaburan itu. Ini kerana kita mahu setiap pelaburan yang kita buat ianya akan kembali mendatangkan keuntungan kepada negara kita.

Selain itu kita minta pihak Petronas dan kerajaan juga mempertimbangkan supaya dibentuk stok penimbal seperti mana yang dilakukan oleh negara-negara yang tidak mengeluarkan minyak. Ini kerana kita bimbang kalau stok penimbal ini tidak dilaksanakan dengan kadar yang segera, mereka yang memiliki stok penimbal hadapan ini akan membeli jumlah minyak yang terlalu banyak dan kemudian mereka akan lambakkan di dalam pasaran yang boleh menyebabkan harga minyak tidak dapat dikawal ataupun menjadi keadaan pasaran yang tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan beralih kepada pelaburan FDI kepada negeri-negeri yang kurang maju Perlis, Kelantan, Terengganu, Sabah, Sarawak yang kurang mendapat pelaburan modal langsung, terutamanya hasil daripada kerjasama MITI. Ini kerana kita melihat negeri ini berada terlalu jauh daripada kawasan-kawasan yang dianggap *mainstream* ataupun

arus perdana daripada segi sejarahnya. Sebab itulah kita minta sudah berkali-kali terutamanya menteri yang dulu telah disarankan di Parlimen.

Kita minta setiap kali rombongan pelaburan yang dibuat di luar negara turut dilibatkan negeri-negeri yang kurang maju ini, yang saya rasakan dari segi prasarana sudah cukup untuk menerima pelaburan modal langsung daripada luar negara. Sebab itulah dalam hal ini kalau kita hendak menyeimbangkan seperti mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mula melaksanakan koridor-koridor, walaupun beberapa pandangan negatif yang telah dibuat oleh rakan-rakan kita tentang pelaksanaan koridor-koridor wilayah ini. Ada yang mengatakan ini gimik politik, ada yang mengatakan ini hanya hendak dibuat dengan tergesa-gesa tidak ada perancangan yang jelas dan sebagainya.

Namun kalau kita lihat dengan hadirnya koridor-koridor wilayah ini secara langsung ataupun tidak langsung, ianya akan dapat menyeimbangkan taraf sosioekonomi di negeri-negeri, terutamanya negeri yang berada di luar kawasan arus perdana ini.

Saya ingin beralih kepada NCER, iaitu yang melibatkan negeri-negeri yang terletak di Koridor utara Tuan Yang di-Pertua. NCER ini dicadangkan peruntukan lebih RM177 bilion, yang bermula daripada 2007 dan dijangka berakhir pada 2025. Menerusi program-program yang melibatkan bangunan sumber manusia, bangunan prasarana, inovasi dan lain-lain. Satu pertiga daripada peruntukan RM177 bilion ini akan dibelanjakan oleh kerajaan, dua pertiga melibatkan PFI dan juga melibatkan pelaburan daripada sektor swasta.

Dalam hal ini keempat-empat negeri saya difahamkan tiga negeri sudah bertukar negeri menteri besar, iaitu yang terlibat dalam jawatankuasa Kedah, Perak dan Pulau Pinang. Boleh bertukar menteri besar, tetapi masih di bawah kerajaan yang sama.

■1750

Namun, ketelusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jelas dalam perkara ini. Beliau telah pun mengadakan mesyuarat pertama saya ingat minggu lepas di bangunan Parlimen dan semua menteri besar telah dipanggil. Ini bermakna kalau ada keperluan, keupayaan yang ada pada kerajaan bermakna kerajaan tidak akan membuat ataupun pilih bulu, pilih kasih ataupun tidak akan melaksanakan projek-projek seperti rancangan kecuali *constraint* dari segi sumber kewangan. Itu sebab kalau kita lihat daripada apa yang dirancang terutama di Koridor Wilayah Utara ini RM177 bilion merupakan suatu yang cukup besar dan kita lihat Sime Darby sebuah syarikat konglomerat perladangan yang telah ditugaskan untuk membuat persediaan *groundwork* untuk *development blueprint*. Ia telah pun menjalankan tugasnya dalam usaha memastikan negeri-negeri yang berada di wilayah utara ini akan dapat menjadi satu kawasan ataupun satu wilayah yang akan menjadi pengeluar makanan yang moden dan juga produktif.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, kita minta supaya Sime Darby dan juga Petronas di ECER dan syarikat-syarikat lain di Wilayah Pembangunan Iskandar, Sabah, Sarawak dan sebagainya supaya *blueprint* yang mereka buat ini biarlah *blueprint* yang melibatkan perniagaan-perniagaan dalaman yang melibatkan syarikat-syarikat berkenaan. Contohnya cadangan untuk

dibuat pusat biji benih hibrid di negeri Perlis iaitu di kawasan Parlimen Arau. Dicadangkan perkara ini di mana tanah telah dibuat pengambilan walaupun sahabat saya daripada Machang tadi telah bangkitkan bahawa Kerajaan Perlis pun bertukar tetapi kita tidak ada masalah demi kepentingan rakyat. Pada saya projek ini wajar diteruskan dengan kadar yang segera kerana cadangan untuk menjadikan pengeluar biji benih yang terbesar di Asia Tenggara ini dapat menjadi kenyataan dengan kadar yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada pelaksanaan *double track* iaitu landasan berkembar kereta api. Tumpuan saya ialah kepada sektor Padang Besar dan Butterworth kerana laluan ini pada dasarnya merupakan laluan pengangkutan kargo. Di kawasan ini, orang sebelah utara ini depa tak berapa suka naik kereta api. Kita anggap dengan terlaksananya *double track* atau landasan berkembar ini, kita berharap Malaysia akan menjadi sebuah pusat logistik serantau yang cekap dalam mengendalikan kargo. Ini kerana kita tak mahu dalam masa kita nak melaksanakan *double track* ini, kita tak merancang satu perancangan susulan. Kalau niat kita untuk menjadikan padang Besar sebagai *halal hub* ataupun sebagai kargo terbesar di kawasan utara, bermakna ia perlu dilaksanakan sekarang.

Apa yang ada di Padang besar, kita lihat sekarang ini seolah-olah pusat pengendalian kargo yang dikendalikan oleh KTM bersama anak syarikatnya Multimodal Freight Sdn. Bhd. adalah dalam keadaan yang tidak begitu cekap. Malah mendapat rungutan yang begitu teruk daripada *players* ataupun daripada *forwarders* yang berada di Thailand. Thailand menunggu terlalu lama untuk supaya kecekapan ini dipertingkatkan malah *top lifter* yang digunakan untuk mengangkut kargo ataupun kontena ini terpaksa disewa sedangkan sebuah syarikat besar seperti ini mereka sudah mampu memiliki mesin yang seumpama ini. Dalam usaha memastikan sistem pengendalian kargo di kawasan hab Padang Besar ini dapat berjalan dengan lancar sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, adalah amat aneh kalau sebuah syarikat yang telah dilihat dan diurus dengan baik masih lagi memilih kaedah *outsource* iaitu dalam mengendalikan perkhidmatan hariannya.

Kita lihat disebabkan ketidakcekapan inilah, maka penyata kewangan Multimodal Freight berada dalam keadaan tak sepatutnya dimiliki kerana sebagai sebuah GLC yang di bawah kawalan kerajaan. Mungkin kita perlu cadangkan di sini sebab masih tidak ada pembaharuan, mungkin pengurusan boleh ditukar dan diganti kepada mereka yang berminat dan layak. Kita tidak mahu Thailand sekali lagi mengambil langkah mengubah apabila kita tidak membuat perancangan yang begitu teliti, mengubah dan menggunakan pelabuhan mereka sendiri sedangkan mereka tahu *advantage* yang terdekat dengan negara mereka adalah Padang Besar dan juga Bukit Kayu Hitam melalui jalan darat atau *road mode* yang dianggap boleh memberi *advantage* kepada Kedah dan Perlis. Saya ingat Yang Berhormat Pokok Sena setuju tentang perkara ini .

Yang Keempat Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kejohanan CYC. Sekarang ini apabila berlaku kawan-kawan kata tsunami politik yang tidak menentu dan sebagainya, berlakulah persatuan-persatuan negeri yang tidak mampu membayar gaji kecuali Kedah yang masih ramai penonton tetapi tak bayar bonus. Kedah dah mula protes dalam padang. Perlis masih lagi ikut bulan tapi tak tahulah berapa lama dapat bertahan. Perak saya ingat tiga bulan, ini diakui oleh Presiden Persatuan Perak sendiri ketika lawan dengan Perlis baru-baru ini. Selangor sedang menuju ke arah itu. Sarawak, boleh tanyalah mana-mana pasukan pun, mereka tidak mampu membayar gaji bulanan dan pemain yang berada di dalam padang kita tidak boleh salahkan mereka kalau mereka terlibat dalam gejala-gejala lain seperti rasuah dan termasuk menjual perlawanan dan sebagainya.

Kalaulah peruntukan yang diberikan kepada syarikat GGL ini yang mengendalikan kejohanan CYC berjumlah RM13 juta, bagi sejuta satu pasukan negeri sudah cukuplah. Saya ingat kemelut ini berjaya diatasi sebab kita merasa sedih dalam usaha kita hendak melihat perkembangan peningkatan bola sepak negara, kita lihat persatuan-persatuan negeri berhutang jutaan ringgit kerana sesetengah stadium, persatuan negeri tak mampu menjelaskan bayaran elektrik, bayaran air dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau bangun Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: FAM punya wakil, silakan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya nak minta pandangan daripada Arau. Setuju ataupun tidak agar satu siasatan dibuat terhadap pemberian kontrak CYC ini kepada Gifted Group kerana jelas kontrak tersebut diberi kepada satu syarikat tanpa apa-apa pengetahuan daripada Persatuan Bola Sepak Malaysia dan sebanyak RM17 juta diberi tiap-tiap tahun kepada satu kejohanan yang tidak dapat *sanction* daripada FAM. Ia tidak memberi apa-apa dari segi pembangunan kepada bola sepak tanah air di peringkat akar umbi dan yang jelas tidak menarik apa-apa pelancongan ataupun pelancong untuk menghadiri CYC tersebut. Ini satu perkara yang penting yang disalahkan kepada pihak FAM tapi sebenarnya saya harus menyalahkan kerajaan kerana kerajaan yang menandatangani kontrak tersebut dengan CYC.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Ini memang betul sebab sebagai Timbalan Presiden, Yang Berhormat Rembau telah menjalankan khidmatnya dengan cemerlang. Saya pun ahli majlis sebab itu kena bela FAM. Kenyataan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan pagi tadi. Ini capak ikhlas. Kawan-kawan kena terima hakikat ini.

Soalnya, *agreement* ini *agreement* lama, menteri dulu bukan menteri sekarang. Menteri sekarang tidak ada apa masalah dan dia sanggup bawa ke mahkamah jikalau sekiranya kejohanan ini tidak dapat dijalankan pada bulan Ogos. Ini menunjukkan bahawa dalam keadaan sekarang FAM tidak tahu apa-apa. Kalau kita bercakap di luar dan saya bercakap sebagai salah

seorang ahli majlis, saya kena pertahankan perkara ini. Kita dah buat yang terbaik tapi perjanjian ini kononnya nak bawa masuk bintang-bintang remaja dari Ajax Amsterdam, Manchester United, Barcelona, dari sana-sini pilih bintang remaja. Penonton tak ada seorang pun tengok sebab mereka tengok ini tidak membawa impak apa-apa kepada pasukan negara. Kita dah mencadangkan bagi peruntukan yang banyak kepada Kementerian Belia dan Sukan. Dato' Ismail bin Sabri, Menteri Belia dan Sukan yang baru ini.

Bagi peruntukan yang banyak supaya dihantar pasukan remaja kita keluar negara seperti mana yang dibuat oleh negara-negara lain seperti China, Jepun. Umur 15 pergi Brazil, Argentina. Lima tahun duduk sana dan hasilnya mereka pulang dengan liga bola sepak profesional mereka walaupun baru diperkenalkan mereka telah melonjak naik menjadi sebuah pasukan yang hebat. Malah Korea berjaya layak ke separuh akhir piala dunia baru-baru ini.

Ini menunjukkan kalau nak lihat pasukan nombor satu negara berjaya saya tahu Yang Berhormat Pokok Sena cukup tertarik kalau sebut bola sepak dia memang minat perkara ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih. Yang pertama, saya nak memperbetulkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Arau tadi bahawa Kedah tak bayar. Sebenarnya FAM berhutang dengan Kedah pun banyak lagi. Minta maaf lah tapi kena bayar cepat-cepat lah. Jangan berhutang lama-lama. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Rembau tadi berkaitan dengan soalan satu siasatan harus dibuat. Cuma persoalannya sekarang ini macam mana proses ini atau memastikan kita pastikan ia jadi satu kenyataan, realiti bahawa satu siasatan perlu diambil.

Saya nak mencadangkan pada petang ini pada rakan-rakan saya yang duduk dalam FAM ini supaya FAM sendiri harus membuat satu *report* polis ataupun BPR untuk memastikan bahawa satu penyiasatan terhadap Kementerian Belia dan Sukan.

■1800

Saya tidak menyalahkan Yang Berhormat Bera, dia baru. Namun penyiasatan menyeluruh sama ada berkaitan dengan tugas, tanggungjawab menteri yang terdahulu mahupun pegawai-pegawai di peringkat Kementerian Belia dan Sukan. Jadi saya hendak tanya adakah setuju supaya FAM kena mulakan buat *report* dan ini sudah tentu memaksa supaya pihak kerajaan harus buat satu siasatan.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Bidang tugas ini bidang tugas KBS. Kita hanya diminta kebenaran untuk *transaction* sahaja. Setuju ya? [*Sambil bertanyakan kepada Yang Berhormat bagi Rembau*] Kita tidak ada apa-apa, KBS yang perlu buat. Dan saya ingat akhbar hari ini menteri telah dengan tegasnya akan bawa kes ini ke mahkamah kalau tidak dilaksanakan dalam bulan Ogos. Kalau kejohanan ini tidak dilaksanakan dalam bulan Ogos, perkara ini akan di bawah ke tengah, ke mahkamah. Bermakna kata dia tidak akan membiarkan perkara ini berterusan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Bagi saya bahawa soal ke mahkamah untuk mengambil tindakan ke atas *Gifted Group*...

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Gifted Group Ltd.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...itu satu hal tetapi soal kementerian yang bertanggungjawab untuk membuat perjanjian dengan Gifted yang menunjukkan ada perjanjian yang ada kelemahan. Itu satu hal yang lain.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Arau, mencelah sedikit. Saya hendak mencelah sebab saya hendak menambah kepada ucapan Yang Berhormat Arau dalam respons kepada ahli Yang Berhormat Pokok Sena. Saya percaya perkara ini bukan satu kepincangan dari segi rasuah ataupun penyalahgunaan kuasa daripada pihak KBS. Cuma satu keputusan yang tidak tepat dibuat untuk menyalurkan peruntukan yang besar kepada satu kejohanan.

Saya tidak buruk sangka menyatakan bahawa pegawai KBS ataupun menteri lama seolah-olah ada satu pakatan dengan kumpulan Gifted Group tersebut. Akan tetapi *decision*, keputusan untuk menaja program tersebut adalah salah dari segi pembangunan bola sepak tanah air tanpa dirujuk kepada FAM. Itu bukan kesalahan rasuah, itu *judgement* yang tersilap kerana tidak dirujuk kepada FAM.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Sudah jawab, kita beralih kepada tajuk lain Yang Berhormat. [*Ketawa*] Takut, sebab soal geran FAM akan jelaskan, Perlis pun tidak dapat lagi. Insya-Allah, saya ingat apa Yang Berhormat Rembau selaku Timbalan Presiden akan jelaskan, Kedah dengan kadar yang segera mendapat pembayaran bonus memenangi dua piala itu dapat - pemain Kedah tidak protes dalam padang.

Soal beras, walaupun perkara ini dibangkitkan oleh rakan-rakan berkali-kali soal kenaikan harga beras, malah di peringkat awal kita menghadapi kemelut ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bahawa beras kita masih di paras yang murah sehingga ada pembeli-pembeli dari Thailand yang beli seludup kembali ke Thailand. Namun senario ini telah bertukar hari ini apabila beras Thailand di seludup balik ke negara kita. Malah beras yang di seludup ke negara kita ini atau di seludup dengan harga yang cukup murah, XKL, dia ada XKL. Dia hendak seludup ini pun dia hebat, internasional.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua minit lagi Yang Berhormat. Kalau kasi penjelasan, penjelasan selalu minta ruang...

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Saya minta Kinabatangan cepat sedikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini cepat, ini kenaikan harga barang, termasuk beras. Sehingga semalam terpaksa adakan satu perjumpaan satu juta orang yang dianjurkan tetapi tidak mencapai tahap itu. Di sini berlaku satu insiden yang amat memalukan

dan murid-murid, belia-belia dan saya minta pandangan Yang Berhormat, lirik lagu 'Mari Menyanyi Menjilat'. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: KFC, KFC.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya mahu tanya Yang Berhormat apa pendirian Pas dalam soal ini? Semasa ada perlawanan bola sepak, diadakan sukan...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Macam mana tanya kepada kawan UMNO? *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Perlawanan bola sepak diadakan di...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Tanya siapa? Tanya BN ke tanya PAS? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kinabatangan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...bola tersebut sebab dia kata ada unsur-unsur nyanyian. Namun semalam dengan melondeh seluar dengan menyanyikan, kalau saya baca Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...saya khuatir. Dia kata...

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia kata 'jilat jubur korporat lagi sedap'. *[Ketawa]* Apa ini? *[Sambil memegang surat khabar Utusan Malaysia]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa pendirian? Bermakna pemimpin PAS *double standard*. Ini bincang harga barang, kenapa perlu londeh seluar? Apakah PAS sengaja perangkap pemimpin PKR...

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan sudahlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ... dengan lagu-lagu sebegini? Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Arau, Arau, tidak payahlah Arau. Masa Arau sudah selesai. Sudah habis.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Sedikit, hendak membuat kesimpulan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah bagi tahu awal-awal tadi apabila kasi laluan bermakna tidak ditolak daripada masa.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Tidak ditolak. Sedikit, sedikit. Cuma hendak gulung Tuan Yang di-Pertua, hendak gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Itu makanya Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Setengah minit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: ... dalam peraturan mesyuarat, tidak ada kena mengena dengan beras. *[Ketawa]* Tidak perlu jawab itu.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Lirik itu mempunyai konotasi masing-masing.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada. Perhimpunan itu kerana kenaikan harga barang.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Lirik itu mempunyai konotasi masing-masing Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya hendak gulung sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Dato Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: *[Bangun]*

Puan Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah, tidak apalah. Sila, sila gulung.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Kenaikan harga beras ini, saya cuma hairan kepada pihak kementerian, adakah benar ataupun tidak benar kenyataan saya ini, apabila dilantik konsultan, untuk menilai kenaikan harga beras ini dengan bayaran RM1.5 juta. Kalau benar, konsultan ini tidak pernah berbincang dengan pihak industri atau dengan mereka yang terlibat dalam industri beras. Jadi kalau benar pun, perkara ini tidak patut berlaku dan minta kementerian menjelaskan perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Arau, Lembah Pantai.

6.06 ptg.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Terima kasih atas peluang yang diberikan untuk saya membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Saya telah membaca ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan teliti, malangnya saya tidak terbaca di mana-mana disentuh tentang keselamatan awam atau umum. Walaupun umum mengetahui faktor keselamatan atau ketenteraman awam merupakan faktor utama dalam meningkatkan produktiviti negara, sama ada dalaman ataupun luaran dari segi pelabur asing. Justeru saya memulakan dengan menyatakan kebimbangan saya tentang penyertaan anggota tentera dalam kawalan demonstrasi jalanan, perhimpunan haram atau sebarang kegiatan yang boleh mengganggu ketenteraman awam.

Saya percaya persefahaman yang dimeterai oleh PDRM dan ATM dua tahun lalu akhirnya menzahirkan latihan bersama antara kedua-dua pihak adalah langkah yang membawa kita jauh daripada demokrasi berparlimen kepada kemungkinan pemerintahan rejim ketenteraan. Tambahan lagi Ketua Polis Negara Tan Sri Musa Hassan telah mengugut untuk menggunakan khidmat tentera dalam mengawal perhimpunan aman semalam di stadium Kelana Jaya. Fenomena sebegini dengan begitu ramai para tentera berkampung di bandar besar seperti Kuala

Lumpur telah mewujudkan sedikit rasa sangsi di hati rakyat dan para pelabur tentang kestabilan dalam negara.

Saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menimbang semula meletakkan ribuan anggota tentera di bandar Kuala Lumpur atau di mana kerana ia sudah pasti menambah kegelisahan rakyat. Saya juga hairan dalam mana Perdana Menteri memberi *assurance* dengan izin, jaminan bahawa kestabilan negara dalam kawalan dan meminta rakyat untuk tidak mempercayai khabar angin...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Biar saya habiskan. ...tetapi pada masa yang sama membiarkan Menteri Pertahanan menggunakan para tentera sedemikian rupa. Ini seolah-olah menggambarkan percanggahan pendapat dari Kementerian Pertahanan dengan Jabatan Perdana Menteri. Kita adalah sebuah demokrasi, tidak kiralah dipanggil demokrasi ala Asia ataupun demokrasi bebas. Yang penting adalah negara kita, kepimpinan kita dan Kerajaan Malaysia menentang setiap langkah yang akan mengkhakis prinsip dan dasar negara yang dibina atas prinsip demokrasi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kota Belud.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Belud berdiri.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya tidak bagi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya kata saya tidak bagi, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Kerana kita menghargai jasa dan pengorbanan anggota terbanyak polis dan tentera yang bertungkus-lumus mempertahankan keamanan negara, maka kita tidak mahu mana-mana pihak menggunakan kedua-dua institusi keselamatan ini untuk mengekalkan hegemoni di kawasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kedua saya mengutarakan isu lain. Negara kita sedang bergelora dengan pelbagai krisis, antaranya yang akan saya utarakan pada hari ini adalah krisis pengendalian ekonomi secara berhemah dan efisien. Yang lain semangnya wujud seperti yang disebut tadi seperti krisis kehakiman, politik dan badan keselamatan - tidak akan saya ulas. Yang nyata adalah perlunya kesediaan dalam pihak kerajaan untuk meneliti kelemahan dalaman yang ada sebelum menampakkan langkah seterusnya.

Dalam Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyentuh pencapaian lain termasuklah kemiskinan mutlak yang berkurangan dari 5.7% pada 2004 ke 3.6% pada 2007. Persoalannya adakah kita boleh bergantung kepada data dan kayu ukur yang sedang digunakan sekarang.

■1810

Tadi disebut oleh teman-teman daripada Pakatan Rakyat tentang paras garis kemiskinan yang terlalu rendah, di sini kita tidak akan ulas. Isunya bukan sahaja kayu pengukur tetapi juga kegagalan keberkesanan badan-badan kerajaan seperti BPR.

Saya bawakan statistik yang diberikan oleh PEMUDAH, badan khas yang diwujudkan untuk memudahkan urusan perniagaan. Dari tahun 2000 hingga tahun 2006, daripada sejumlah 71,557 laporan yang dikemukakan kepada BPR, hanya 10.1% yang telah disiasat. Daripada kesemua kes siasatan, hanya 4.1% yang ditangkap dan akhirnya hanya 0.7% yang dijatuhkan hukuman. Justeru, saya menyokong cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Puchong untuk memperkasakan BPR.

Tan Sri Yong Poh Koon dari PEMUDAH sendiri yang menyatakan mengikut perkiraan bank dunia, gejala rasuah di Malaysia telah mengurangkan kadar pertumbuhan negara dari 2% hingga 4% ataupun secara jelas kehilangan hampir RM10 bilion setahun. Maka apabila kerajaan mengambil langkah untuk memotong kos sehingga RM2 bilion setahun, kita persoalkan sama ada kerajaan dapat menggunakan wang tersebut dengan sebaik mungkin? Saya mengambil contoh di sini langkah memberi rebet kepada rakyat yang memiliki kereta bawah 2,000 cc pacuan empat roda sehingga 2,500 cc dan motosikal di bawah 250 cc. Apakah rasional setiap individu diberikan rebet hingga lima kenderaan seorang?

Ini bermaksud, wang sejumlah RM3,125 boleh jatuh ke tangan mana-mana individu yang mempunyai lima biji kereta di bawah 2,000 cc. Pada hikmat saya, saya cadangkan di sini, kita perlu belajar daripada Indonesia terutamanya dalam hal pengurangan subsidi minyak. Secara peribadi, saya membantah langkah menaikkan harga minyak tetapi kerana mahu memastikan kami membawa kritikan yang kontrasif, saya bawakan kes Indonesia.

Apabila kerajaan Indonesia mengurangkan subsidi minyak, mereka sekali gus menyalurkan *direct cash payments* dengan izin, kepada golongan miskin lebih kurang 16 juta orang dalam Program *Cash Transfer* 2005. Kerajaan Indonesia sebenarnya sudah mengenal pasti golongan miskin. Setiap keluarga menerima USD30 setiap tiga bulan. Penerima wang dikenal pasti dahulu oleh kerajaan dan akan dihantar kad serta resit kupon terus ke rumah mereka.

Namun, bagi kita, kita terpaksa bergantung kepada data daripada Jabatan Pengangkutan Jalan untuk berhubung dengan golongan miskin berapa ramai dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa kita mempunyai kelemahan data dan ini akan menghalang daripada mengimplementasikan mana-mana program untuk membantu golongan miskin.

Dalam soalan di Parlimen, saya bangkitkan, saya bertanya, berapakah jumlah golongan miskin tegar di Kuala Lumpur? Jawapan yang diberikan adalah mengikut hasil *sampling* yang dilakukan di KL. Maksudnya 5,000 orang adalah golongan miskin tegar pada tahun 2000. Sama

seperti tahun 2005. Maksudnya tidak ada data ataupun maklumat sebenar-benarnya berapakah orang yang masih miskin di Kuala Lumpur?

Ini isu pokok kerana salah satu sebab diperkenalkan Dasar Ekonomi Baru adalah untuk membasmi kemiskinan kerana itu saya tanya di sini, bagaimanakah kita mahu mencapai objektif ini kalau kita tidak dapat mengenal pasti golongan miskin yang sebenar-benarnya dan terpaksa bergantung kepada pemilik kenderaan. Mungkin di kampung JKKK yang ada cawangan UMNO, cawangan Pas dapat memberikan gambaran tapi di bandar pula bagaimana? Ini penting untuk mengelakkan pengagihan yang tidak sama rata.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua, Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua sendiri yang memberitahu salah satu masalah yang kita hadapi adalah 10% sahaja daripada tenaga kerja Malaysia membayar cukai pendapatan. Maksudnya dari tenaga kerja seramai 10.5 juta hanya 1.2 juta sahaja yang membayar cukai. Dua kesimpulan yang dapat saya sebut di sini:

- (i) kebanyakan rakyat Malaysia mendapat gaji kurang daripada M3,000 sebulan dengan izin, *the figure point to pay tax*, dan
- (ii) rata-rata mekanisme yang wujud untuk memastikan rakyat membayar cukai tidak mencukupi dan tidak efektif.

Memetik kata-kata salah seorang CEO Pengurusan aset tanah air tentang mana-mana usaha kerajaan menjimatkan wang, "*More important is how the government is going to channel the saving to lesson the burden of the poor, how they utilize the additional saving*". Dahulu wang sejumlah RM4.4 bilion, kononnya dijimatkan untuk memperbaiki taraf pengangkutan awam tetapi sehingga ke hari ini, di terima oleh kesemua pihak, kita tidak melihat hasil yang mencukupi. Maksudnya saya ulang kembali krisis pengendalian ekonomi secara berhikmah ini perlu kita hadapi dengan baik.

Kita bandingkan kenyataan Perdana Menteri dengan laporan *World Bank. World Development Indicator* yang menyatakan 20% rakyat terkaya memegang lebih 23.8% kekayaan negara dan 20% rakyat termiskin hanya mempunyai 1.8%. Ini menunjukkan bahawa *target* kerajaan untuk mencapai nisbah Gini Cooperation 0.35 menjelang tahun 2020 tidak munasabah kerana sekarang Gini Cooperation di Malaysia adalah sekitar 0.78% dan adalah tertinggi di negara membangun terutamanya di Asia Pasifik.

Isu terakhir yang ingin saya sebut pada hari ini adalah tentang dasar tenaga negara. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah menyatakan matlamat untuk menggunakan tenaga alternatif dalam usaha mengurangkan kesan rumah hijau (*green house effect*) ke atas negara. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti *clean development mechanize* oleh C5 bahan api dan mengambil langkah untuk mengiktiraf Protokol Kyoto pada tahun 2002.

Memang usaha-usaha ini memberangsangkan tetapi masalahnya, minggu lepas dalam soalan saya kemukakan kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, secara jelas dari

tahun 1990 MC Karbon di Malaysia telah bertambah sebanyak 221% dan setelah enam tahun kita meratifikasikan Protokol Kyoto, saya rasa kita tidak boleh kata bahawa kita telah mengambil langkah yang bermakna untuk memastikan masalah penukaran iklim di Malaysia dan memperbaiki.

Apakah langkah kerajaan secara terperinci setelah Perdana Menteri mengumumkan bahawa sebuah Dasar Tenaga Nasional akan digubal dalam memikirkan masa depan penggunaan tenaga di Malaysia? Saya lihat usaha-usaha yang diperkenalkan setakat ini bersifat *ad hoc* dan tidak bersungguh-sungguh. Jumlah tenaga yang dijana menggunakan sumber alternatif seperti hidro hanyalah 2.8% daripada jumlah keseluruhan di negara mengikut Rancangan Malaysia Kesembilan dan sekali lagi Projek Empangan Hidro Bakun yang telah lebih 10 tahun dilancarkan masih lagi menghadapi masalah, termasuklah keputusan Sime Darby Sdn. Bhd. untuk menarik diri dari projek tersebut.

Keputusan ini disokong lagi oleh *Malaysia Invested Associations* yang menyatakan ianya akan mengambil lebih dari dua dekad untuk mendapat pulangan kos projek yang sebesar ini kerana itu sebelum saya mengakhiri ucapan, mungkin saya bertanya sekali lagi, boleh diperincikan juga, berapakah jumlah yang telah dibelanjakan untuk projek ini dan bagaimanakah kerajaan berhasrat untuk mengatasi masalah-masalah sebegini? Ini hanyalah satu daripada projek yang lain, yang dikira gagal atau tidak membuahkan hasil.

Akhirnya saya ingin membangkitkan sekali lagi masalah pengumpulan data kerana di Lembah Pantai, rata-rata ramai rakyat miskin bandar sedang sengsara dengan kenaikan harga minyak dan kadar inflasi yang semakin meningkat. Maka saya mohon perbaiki mekanisme yang ada dan mengenal pasti golongan miskin tegar untuk memastikan mereka yang mendapat bantuan kerajaan. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sipitang.

6.19 ptg.

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*“Dari Sipitang asalnya tempat,
naik pesawat ke Dewan Rakyat,
maju negara kerana muafakat,
bijak pemimpin bawa berkat”*

Menjawab pantun Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Kepong baru balik. Tuan Yang di-Pertua, ucapan terima kasih didahulukan di atas peluang dan kesempatan yang diberikan kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal RMK-9 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Nyata jelas apa yang diketengahkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, menunjukkan komitmen tinggi pimpinan kerajaan untuk menentukan nasib serta kepentingan rakyat untuk mendapat pembelaan sewajarnya.

■1820

Saya bersetuju dan sependapat dengan beberapa rakan-rakan Ahli Yang Berhormat penyokong kerajaan yang berucap sebelum ini mengenai realiti kerajaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan biar pun barang kali ada pihak-pihak yang lain melihatnya dari sudut dan perspektif yang berbeza. Ini kerana mahu atau tidak realiti jelas terpancar bahawa agenda pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan membawa banyak perubahan kepada rakyat. Kerajaan sepanjang dua tahun lalu ia mencetuskan dimensi baru dalam kehidupan rakyat khususnya di negeri Sabah dalam aspek pembangunan ekonomi, kemudahan asas rakyat, pelajaran, kesihatan dan lain-lain.

Oleh kerana masa perbahasan yang sangat ringkas dan terhad ini saya menumpukan kepada perbahasan tiga isu utama modal insan, keselamatan dan luar bandar. Pertama sekali saya ingin menyentuh adalah soal Pembangunan Modal Insan yang terus diberi perhatian dan penekanan oleh kerajaan baik menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan mahupun dalam bajet tahunan dibentangkan sehingga RM13.5 bilion diperuntukkan untuk memastikan dalam memperkasakan modal insan ini.

Apabila memperkatakan modal insan, kita perlu melihatnya dalam konteks pembangunan insaniah, ilmiah dalam konteks pembangunan material, fizikal secara beriringan kerana kedua-dua aspek ini merupakan prasyarat untuk melahirkan modal insan bertaraf dunia untuk menjadi pelapis yang cemerlang dan terbilang pada masa depan.

Oleh yang demikian sementara kita berusaha memastikan kemudahan prasarana asas akademik sekolah-sekolah kerajaan, perhatian khusus hendaklah diberikan kepada sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh negara. Ini kerana di situlah sebenarnya bermula proses untuk melahirkan modal insan yang berketerampilan, berwibawa dan mempunyai nilai-nilai keperibadian yang sejati.

Dalam hal ini usaha-usaha ke arah memperkasa sekolah agama rakyat dan sekolah menengah agama rakyat atau SMA hendaklah terus di perhebatkan sementara perhatian tidak dipinggirkan daripada pembangunan aliran sekolah-sekolah biasa. Jika bangunan fizikal sekolah agama dalam keadaan daif, jika kelasnya kekurangan guru, jika sekolahnya tidak ada bekalan elektrik, jika kediaman gurunya serba daif dan kurang bagaimana mungkin kita boleh mengangkat prestasi akademiknya.

Sudah tentu keadaan sedemikian akan menghambat usaha mencemerlangkan pencapaian dan jika ia tidak dibiarkan berterusan tentunya sukar mencapai apa yang saya sebutkan daripada awal-awal tadi secara berkesan. Bukanlah satu rahsia lagi hakikat mengenai masalah kekurangan guru dan kemudahan pembelajaran seperti makmal komputer, makmal

sains di sekolah-sekolah agama rakyat khususnya dan juga sekolah-sekolah agama negeri yang seperti yang saya katakan tadi.

Sementara di sekolah agama rakyat pula keadaan fizikal bangunan tempat anak-anak belajar kekurangan guru agama merupakan isu yang menuntut penyelesaian secara bersepadu dan berhemah daripada pihak wajib. Sehubungan dengan itu, kerajaan pusat menerusi agensinya seperti JAKIM, Kementerian Pelajaran diharap dapat melihat perkara ini dalam konteks yang lebih menyeluruh serta menimbangkan untuk menambah dana serta meningkatkan jumlah tenaga pengajar seperti mana kekurangan yang ada pada hari ini.

Penyelarasan telah dibuat dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk memastikan agenda pembangunan pendidikan agama ini lebih bersepadu termasuk dari segi kurikulum. Ini kerana difahamkan hanya ada beberapa negeri sahaja yang mempunyai persefahaman kurikulum sekolah agama seperti Selangor, Johor dan juga negeri Sabah.

Dalam hal ini saya ingin menarik perhatian kepada sekolah-sekolah agama di Sabah juga memerlukan perhatian yang sewajarnya daripada agensi-agensi yang berkaitan. Oleh kerana pembangunan pendidikan agama di Sabah berlainan sikit sistemnya maka perlu ada penyelarasan di antara Kementerian Pelajaran, Jabatan Perdana Menteri menerusi JAKIM dan kerajaan-kerajaan negeri menerusi Majlis-majlis Agama Islam khasnya negeri Sabah.

Langkah ini perlu dilakukan bagi memastikan modal insan yang dilahirkan memenuhi keperluan negara kita dilengkapi dengan nilai mulia seperti generasi pelapis kita yang mempunyai nilai dan harga diri dan ketinggian sahsiah dalam diri mereka kerana ini merupakan teras kejayaan pembangunan negara pada masa depan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini prestasi sekolah agama di Sabah khasnya sekolah agama rakyat tidaklah sehebat sekolah-sekolah aliran biasa lantaran kemudahan prasarananya masih tertinggal jauh.

Sebagai contohnya dalam kawasan Parlimen saya sendiri mempunyai beberapa sekolah agama rakyat yang sangat daif yang memerlukan pembangunan prasarana bukan sekadar dalam konteks fizikal tetapi juga dalam konteks guru dan seterusnya dalam konteks keseluruhannya. Sepertimana yang terdapat di Padas Damit, Lubok, Bukau dan beberapa kawasan lain dan juga beberapa sekolah agama di seluruh negeri dalam peringkat Parlimen.

Langkah Kementerian Pelajaran menjadikan SAR di Kelantan kepada sekolah agama bantuan kerajaan SABK merupakan suatu pendekatan yang barangkali yang boleh dipertimbang dan diperluaskan ke negeri-negeri lain. Jika ini dapat dilakukan secara menyeluruh, saya yakin dan percaya usaha ke arah memperkasakan SAR di negeri ini akan menjadi lebih berkesan. Malahan jaminan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran bahawa Kementeriannya tidak mempunyai niat politik dalam usaha ini adalah untuk manifestasikan kesungguhan kerajaan membangunkan bidang pendidikan tanpa mencampuradukkan soal-soal politik.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan menangguhkan pelaksanaan projek tertentu yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebagaimana disebutkan dalam kajian separuh penggal itu menunjukkan dengan jelas bahawa kerajaan sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat. Yang menariknya dalam kajian separuh penggal ini, bidang yang utama pendidikan, kebajikan rakyat, alam sekitar, pembangunan luar bandar terus mendapat pembelaan sewajarnya. Semua dilakukan oleh kerajaan untuk pertimbangan jangka panjang dengan matlamat akhirnya membawa kesejahteraan rakyat.

Kita mengalu-alukan langkah serta pendekatan kerajaan sesungguhnya sebuah kerajaan yang stabil banyak bergantung kepada kesejahteraan hidup rakyat. Apabila bercakap mengenai kesejahteraan, mahu tidak mahu ia akan berkait rapat dengan soal keselamatan. Dalam konteks ini kita menyambut baik usaha terbaru kerajaan menjamin keselamatan negeri Sabah khususnya menerusi satu operasi besar-besaran mengusir pendatang tanpa izin ataupun PTI yang akan digunakan dalam tempoh terdekat ini.

Sememangnya isu mengenai PTI di Sabah sudah berlaku sejak berdekad lamanya. Sudah mencapai kritikal sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, justeru langkah sistematik perlu dilakukan untuk menyelesaikan secara berkekalan. Ia penting untuk dilaksanakan kerana ia bukan sekadar isu keselamatan tetapi juga mengaitkan kepada masalah sosial, ekonomi dan lain-lain aspek yang berkaitan.

Oleh kerana itu isu ini juga membabitkan negara jiran, maka penyelesaian terhadap permasalahan ini sewajarnya mengambil aspek diplomatik. Namun ia tidak akan menjadi penghalang terhadap komitmen kerajaan untuk menyelesaikannya sebagaimana terbukti menerusi penubuhan Jawatankuasa Kabinet mengenai PTI yang dipengerusikan oleh orang nombor dua dalam kerajaan. Perlu disedari bahawa masalah PTI perlu diselesaikan, di Sabah tidak terhad hanya kepada warganegara Filipina dan Indonesia semata-mata.

Akan tetapi juga rakyat daripada negara lain seperti China, Thailand, Myanmar, Bangladesh, Pakistan dan sebagainya yang tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan yang sah dan tinggal melebihi tempoh dan had yang dibenarkan. Sehingga kini tidak diketahui jumlah PTI sebenarnya di Sabah, tetapi laporan menyebut bahawa jumlah PTI telah diusir tempoh 1990 hingga Mei tahun ini adalah seramai 300 ribu orang.

Lanjutan daripada PTI dan keselamatan ini saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini mengenai beberapa prasarana pasukan keselamatan. Contohnya yang paling dekat ialah Ibu Pejabat Polis Daerah Sipitang sendiri di tempat saya wakili misalnya sehingga kini bangunan ibu pejabat ini masih menumpang di bawah flat kediaman polis di pekan. Sedangkan daerah berkenaan merupakan sebuah daerah terpenting di Sabah iaitu Sipitang sebagai pintu masuk utama antara Brunei Darul Salam, Sarawak dan sempadan dengan Kalimantan.

Biarpun keadaan bangunan ibu pejabat ini telah begitu daif tetapi keselamatan setiap anggota pasukan keselamatan dalam menjalankan tugas untuk negara kita ini mestilah diberikan

keutamaan untuk menjaga imej identiti PDRM dan sekali gus dapat menaikkan taraf jawatan OCPD daripada ASP kepada DSP sekurang-kurangnya.

■1830

Justeru adalah diharapkan agar kementerian yang berkaitan memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap perkara ini, tambahan pula projek menyediakan bangunan seperti IPD bukanlah dianggap projek mega yang membazirkan, sebaliknya projek sedemikian disifatkan sebagai berorientasikan kepentingan rakyat kerana tanah sudah tersedia dan ia merupakan pintu masuk sekitar 150 ribu orang sekurang-kurangnya pada setiap tahun pelancong dari Brunei Darussalam datang ke negeri Sabah melalui pekan Sipitang.

Tuan Yang di-Pertua, ketika Rancangan Malaysia Kesembilan tahun 2006, soal pembangunan luar bandar merupakan antara keutamaan terpenting kerajaan. Ini kerana kerajaan mengakui hakikat perlunya keseimbangan pembangunan antara bandar dan desa, merapatkan jurang terpisah sekian lama sehingga mewujudkan batas sempadan yang tidak menguntungkan. Sekali lagi pembangunan luar bandar tidak dipencilkan dalam kerangka pembangunan Fasa Kedua Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Ini dapat dilihat menerusi pelaksanaan dan pembinaan infrastruktur-infrastruktur pembangunan termasuk pembangunan insan, pembangunan pertumbuhan baru yang terus dipacu dalam keperluan jangka panjang pembangunan negara. Yang ditegaskan oleh pimpinan kerajaan ialah mengutamakan projek mesra rakyat meliputi penyediaan kemudahan asas, memberikan faedah secara langsung kepada rakyat dalam bekalan air, elektrik, kemudahan kesihatan pendidikan, pembasmian kemiskinan dan seterusnya.

Bercakap mengenai pembangunan luar bandar ini, saya juga ingin menarik perhatian mengenai keadaan di negeri Sabah dan Sarawak, khasnya dalam konteks daerah Parlimen saya di Sipitang. Di kawasan Parlimen Sipitang sendiri, kawasan yang begitu luas dan sebahagian besarnya masih tidak berturap atau lebih dikenali sebagai jalan *gravel*, Jalan Mendolong-Meligan, Meligan-Lompasia sangat mendesak, khususnya dalam konteks dibangunkan prasarannya daripada *gravel* kepada jalan yang berturap kerana kawasan Lompasia yang berdekatan dengan sempadan Kalimantan merupakan satu daripada destinasi pelancongan semula jadi di pedalaman Sabah yang menggamit kehadiran pelancong daripada luar.

Dari satu kawasan yang dikenali sebagai Long Miau pula telah dibangunkan sebuah *agro tourism* membabitkan peruntukan RM1 juta dalam laluan ke tempat tersebut masih dalam keadaan *gravel* yang sungguh daif.

Tuan Yang di-Pertua, perancangan yang dihuraikan dalam Kajian Separuh Penggal itu kelihatan lebih komprehensif kerana telah mengambil kira keadaan semasa unjuran masa depan. Justeru kejayaan agenda yang dirancang banyak bergantung kepada sokongan rakyat dalam gandingan Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ampang.

6.33 ptg.

Puan Zuraida Kamarudin [Ampang]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut serta dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, biarkan saya membahaskan laporan ini akan memberikan saya peluang untuk menegakkan hak rakyat dan mengangkat halakah dan darjat rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kelapan yang lalu telah menekankan dan menitikberatkan terhadap pembangunan wanita. Begitu juga dengan Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Namun apa yang dikesalkan pada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, pembangunan wanita amatlah tidak dititikberatkan, malah dipandang enteng oleh kerajaan. Tiada topik khusus yang disentuh pada laporan ini.

Saya sendiri berasa amat kecewa atas diskriminasi yang sebegini, seolah-olah golongan wanita itu sendiri terasing dari kelompok masyarakat Malaysia ini, sedangkan 49% daripada penduduk negara kita adalah wanita. Saya berharap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dapat bersetuju dan menasihati kerajaan atas ketidakadilan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pencapaian pendidikan, baru-baru ini bermulalah era baru bagi pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke IPT, malah gempar dikatakan bahawa bilangan enrolmen pelajar wanita lebih tinggi dibandingkan dengan pelajar lelaki dengan nisbah 1:3. Namun apa yang hendak saya bangkitkan ialah sehingga tahun 2005, enrolmen pelajar wanita pada peringkat matrikulasi dan Tingkatan Enam adalah 67%. Manakala di peringkat universiti, 63.4%, tetapi bilangan pelajar wanita yang menyambung pengajian ke peringkat sarjana hanyalah 48.8% dan ke peringkat kedoktoran hanyalah 35.7%.

Penurunan peratusan ini pada hematan saya harus diberi perhatian khusus. Justeru itu saya menyeru agar kerajaan, Ahli Parlimen wanita dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk duduk semeja memikir dan mengkaji sebab-sebab baki peratusan pelajar wanita ini yang tidak melanjutkan pelajaran ke tahap yang tertinggi, bagaimana kita dapat memanfaatkan kelompok ini, usaha ini juga akan dapat meningkatkan kualiti hidup wanita dan mengurangkan kadar kemiskinan yang membelenggu kaum wanita.

Menyentuh hal pendidikan ini, selanjutnya saya ingin tekankan dengan jelas bahawa kerajaan harus segera memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang nyata zalim dan mengongkong pelajar-pelajar di universiti. Akta ini menimbulkan kegelisahan kepada banyak pihak dan paling malang adalah pelajar-pelajar kita disekat kebebasan bersuara, daya intelektual dan daya kritik mereka oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh taraf kesihatan keselamatan dalam negara kita. Dalam mencapai taraf negara maju, maka pembangunan segala aspek

warganegara adalah penting. Negara yang sihat dilahirkan dari warga yang sihat dan berdisiplin. Secara tidak langsung golongan wanita yang terdiri hampir separuh penduduk Malaysia ini berhak mendapat akses kesihatan dan perubatan yang baik.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang lalu, kerajaan memperuntukkan kewangan bagi menaikkan taraf kesihatan golongan wanita. Namun apa yang amat dikesalkan pada laporan Rancangan Malaysia Kesembilan yang sama, terdapat statistik yang menunjukkan peningkatan angka di kalangan wanita yang dijangkiti HIV ataupun AIDS. Pada 1990 seramai 1.45%, 1995 – 3.3%, tahun 2000 – 8.4%, tahun 2005 – 12% dan setakat 2006 – 15%. Angka-angka yang disebut tadi amat mengecewakan dan jelas tidak ada usaha yang serius dalam pelaksanaan dan pemantauan terhadap kesihatan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, hal-hal yang bersangkutan wanita bukan sahaja dipandang dari sudut ekonomi, pendidikan, kesihatan, malah lebih serius lagi isu keselamatan kaum wanita walaupun terdapat beberapa akta untuk melindungi wanita iaitu Akta Pekerja, Akta Perhubungan Perusahaan, Akta Keselamatan dan Kesihatan Wanita, Akta Wanita dan Gadis dan bermacam-macam lagi. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan merancang untuk menambahkan pengetahuan wanita terhadap keganasan, maka satu program wanita menentang keganasan yang dinamakan *WAVE, Women Against Violence* telah dilancarkan.

Apa yang pelik dan mengecewakan bahawa program ini dilaksanakan seakan-akan peribahasa “hangat-hangat tahi ayam”. Bagaimana satu program kesedaran untuk wanita ini mampu memberi impak sedangkan pada tahun 2004, hanya 15 program sahaja dijalankan dan disertai seramai 1,580 orang, hanya 8 program pada tahun 2006 dan tiada program langsung setakat ini pada tahun 2008. Bagaimana satu program yang banyak peruntukan boleh dibuat sebanyak 15 kali setahun, boleh turun ke 8 dan tidak ada langsung pada tahun ini. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sila meneliti perkara ini.

Keselamatan anak-anak gadis dalam Program Latihan Khidmat Negara harus dititikberatkan. Kes rogol, cabul dan sebagainya, saya minta kerajaan memandag berat terhadap kes ini dan sarankan agar PLKN dijalankan dengan pendekatan baru. Memandangkan peratus anak gadis hampir sama dengan anak lelaki, maka wajar dilaksanakan program-program ini berasingan atau lebih baik diutamakan untuk anak lelaki sahaja dahulu. Dengan langkah ini dapat menurunkan kadar mat rempit, mat lepak, mat *truant*, mat gian dan seterusnya. Negara maju seperti Singapura dan Korea yang melaksanakan program ini lebih awal lagi masih tidak mewajibkan anak gadis mengikut Program Khidmat Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri memperjelaskan satu konsep Kerajaan Barisan Nasional yang menarik iaitu dengan menaikkan harga minyak sebanyak 78 sen ialah satu tindakan kerajaan yang beramanah iaitu beramanah untuk menghimpit rakyat dan ini disokong oleh 129 Wakil Rakyat Barisan Nasional. Yang Berhormat Rembau juga tempoh hari dengan penuh semangat mempertahankan konsep ini. Yang Berhormat Rembau tidak sedar beliau

gagal menunaikan amanah yang diharapkan oleh orang kampung di Rembau. [Disampuk]
[Tepuk]

Hidup mereka tersepit, tidak pakai kereta, tidak dapat rebet, tetapi kena ikat perut. Sudahlah PGK tidak realistik, kena himpit dengan harga ikan, sayur, daging dan bawang yang tinggi akibat kenaikan harga minyak.

■1840

Saya sarankan Yang Berhormat Rembau balik kampung, bawa Mak Long, Mak Ngah dan Kak Kiah pergi pasar dan tolong bayarkan belanja pasar mereka. Kalau boleh meluangkan sedikit masa, cuba lihat betapa perit kalau kita memerhatikan bagaimana seorang ibu, seorang insan terkebil-kebil matanya dan dengan perit perasaannya untuk membuat keputusan membeli setengah kilo ikan.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga minyak yang mendadak dan tidak berperikemanusiaan ini juga jika dipandang lebih jauh, membawa implikasi sosial dalam hidup rakyat Malaysia. Bukan sahaja para suami tertekan untuk mencari pekerjaan kedua dan ketiga, malah para isteri juga terdesak meninggalkan rumah untuk mencari rezeki dan mengisi perut anak-anak. Apa akan terjadi kepada anak-anak yang makin akan terbiar dan keadaan ini mengundang penyerapan permasalahan sosial yang mana ketika ini menjadi permasalahan yang rumit sekali untuk negara ini. Seterusnya permasalahan ekonomi rumah tangga akan meningkat dan menjadi lebih runcing dan mengakibatkan keretakan dan perceraian dan lebih parah lagi sekiranya kaum wanita didesak dan dihambat ke dunia pelacuran.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut menyentuh tajuk pembangunan perumahan dan kualiti hidup rakyat Malaysia. Seperti mana yang dibentangkan di dalam RMK-9 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pihak kerajaan telah berjanji dan membuat pelbagai perancangan berkaitan perkara tersebut. Walaupun di atas kertas, pencapaian dari segi kuantiti rumah yang dibina mungkin mencapai sasaran, namun hakikatnya tidak seindah itu. Masih ada golongan sasaran terutamanya golongan berpendapatan rendah tidak dapat menikmati kemudahan asas iaitu sebuah rumah yang selesa.

Tuan Yang di-Pertua, tidak wajar di Malaysia hari ini ada istilah PPRT. Sepatutnya Kerajaan Malaysia hari ini mampu merancang projek perumahan rakyat selesa. Ini tidak dapat dicapai kerana terlalu banyak penyelewengan dan kegagalan pemimpin kerajaan yang ada sekarang meletakkan kepentingan rakyat di hadapan nafsu peribadi mereka. Tidak ada bezanya di antara rumah atau *flat* kos rendah 30 tahun dahulu yang dibina jika dibandingkan dengan yang dibina sekarang. Sama kecil, sama *design*, sama bentuk. Tidak ada peningkatan langsung untuk mencerminkan peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia. Kelengkapan asas seperti dewan, padang, taman dan landskap mesra alam tidak diambil berat langsung.

Iniilah Kerajaan BN hipokrit yang melaung-laungkan modal insan minda kelas pertama, tetapi Kerajaan BN menyediakan prasarana perumahan kelas terendah sekali. Bagaimana

penghuni-penghuni rumah yang sedemikian dapat berbangga dengan rumah dan persekitaran mereka? Inilah hadiah Kerajaan BN selama 50 tahun memerintah kepada rakyat. Sungguh berbeza dengan sikap Kerajaan Selangor, walaupun 100 hari baru memerintah telah merancang projek perumahan rakyat selesa sebagai satu usaha kebajikan untuk rakyat Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak membangkitkan sikap pentingkan diri Kerajaan BN menyelewengkan 150 unit rumah yang diperuntukkan untuk peneroka Bandar Kampung Berembang. Rumah-rumah ini telah diagihkan kepada 81 keluarga Cina, 58 Melayu dan 11 India. Tidak perlulah pemimpin BN UMNO dalam Dewan ini bertegang leher kononnya memperjuang hak Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, sebalik kerancangan pihak kerajaan membina perumahan ini, saya ingin turut mengingatkan bahawa dunia ini kini sedang mengalami fenomena *global warming*. Kepadatan penduduk dan juga reka bentuk sesebuah bangunan yang didirikan adalah, merupakan antara faktor utama yang menyumbang ke arah ini. Pembangunan aspek fizikal dan seiring keperluan terhadap alam sekitar sewajibnya dikombinasikan untuk mencapai matlamat pembangunan mampan ataupun *sustainable growth*.

Oleh itu, saya suka mencadangkan agar pihak kerajaan membuat kajian yang lebih teliti mengenai kepadatan penduduk terutama sekali di kawasan yang mempunyai kepadatan tinggi iaitu di bandar besar dan maju. Adalah diharapkan agar pembangunan projek binaan bangunan baru di sesebuah kawasan yang amat padat, diteliti dengan cermat dan seharusnya pihak kerajaan bertindak untuk mengurangkan kepadatan itu dengan melimpahkannya ke kawasan sekeliling yang kurang padat.

Saya juga ingin menyarankan agar satu geran khas untuk tujuan R&D bagi teknologi perumahan disalurkan. Ia perlu digunakan bagi tujuan mengenal pasti reka bentuk dan perancangan binaan bangunan agar ia mesra alam dan menggunakan tenaga secara minimum serta mempromosikan kitar semula dalam sistem pembetungannya terutama dalam projek-projek perumahan kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya harap pihak kerajaan mengambil berat akan isu-isu yang saya utarakan dan jangan terlalu ego kerana kami juga prihatin dengan hati nurani rakyat. Makanya kami berjaya membentuk kerajaan di lima buah negeri dan juga 81 wakil rakyat di Dewan hari ini, diberi peluang untuk menyaksikan putar belit wakil rakyat BN. Ahli Dewan BN janganlah sibuk-sibuk mempersoalkan pelaksanaan manifesto Pakatan Rakyat. Laksanakanlah manifesto BN di sembilan buah negeri yang ada itu dahulu dan jaga negeri itu baik-baik.

Saya juga rasa takjub dengan sikap Ahli Dewan BN yang memuji-muji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menteri-menteri dalam ucapan RMK-9 Separuh Penggal. Dalam nafas yang sama, merengek-rengok, merayu-rayu meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turun melawat kawasan dan turunkan peruntukan secepat mungkin ke kawasan mereka. Kekhawatiran, keraguan dan ketidakpuasan jelas dipertontonkan hingga pada pengamat-

amatan saya, hampir-hampir ke tahap tidak percaya terhadap Kerajaan BN dalam pelaksanaan RMK-9 ini seperti RMK yang lepas-lepas.

Oleh itu, Ahli-ahli Dewan BN, renung-renunglah nasib masing-masing sebelum terlambat. Sekian Tuan Yang di-Pertua, semoga Allah melindungi orang-orang yang benar dan ikhlas. Wassalammualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Langkawi.

6.46 ptg.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk turut membahaskan mengenai Kajian Separuh Penggal RMK-9.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah menaikkan peruntukan untuk melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan memperkenalkan projek-projek baru untuk pembangunan negara. Tuan Yang di-Pertua, perkara penting yang ingin saya nyatakan ialah, projek-projek pembangunan negara yang bakal dilaksanakan mestilah diseimbangkan di antara semua negeri dan kawasan-kawasan.

Saya lebih berminat sekiranya disalurkan lebih banyak peruntukan ke Sabah dan Sarawak memandangkan tahap pendapatan dan taraf kemiskinan adalah amat ketara dibandingkan dengan Semenanjung. Kita masih ingat bahawasanya Sabah dan Sarawak telah bermuafakat untuk mengeluarkan Malaysia bersama-sama dengan Persekutuan Tanah Melayu. Kesusahan ini disebut dan keluar dari hati nurani rakyat Sabah dan Sarawak serta mengharapkan pembelaan yang jitu semasa pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Justeru adalah lebih jelas kita lebih maju di Semenanjung hendaklah berkorban untuk memberi ruang kepada Sabah dan Sarawak untuk sama-sama membangun.

Saya juga amat percaya bahawa kerajaan, Perbendaharaan dan EPU akan mendirikan semula segala projek yang tidak perlu diberi keutamaan seperti di Pulau Pinang dan juga Kuala Lumpur dan juga di tempat-tempat lain. Di Pulau Pinang dan juga Kuala Lumpur, tidak cukup dengan satu laluan, ditambah laluan nombor dua, ditambah laluan nombor tiga sehinggakan bertingkat-tingkat, padahal apa yang diperlukan di Sabah dan Sarawak ialah paip air, jalan dan elektrik. Itulah yang diperlukan di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah saya ingin bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tahu di dalam perhimpunan belia-belia, karnival belia yang dianjurkan oleh kementerian, adakah kementerian mempunyai peraturan tertentu bagi menjamin segala yang dilakukan mengikut tatasusila betul atau terbaik bagi belia-belia tersebut mengikut rancangan kita sendiri? Kita tidak mahu apa yang berlaku di Kelana Jaya semalam, di mana seseorang telah dibelasah kerana menunjukkan punggungnya. Saya pun hairan, lagu-lagu sekarang ini adalah menjijikkan sekali liriknya. Saya percaya pihak kementerian

akan terus memantau supaya belia-belia kita dapat dikenakan apa yang dikatakan memang yang baik.

Seperkara lagi berkenaan Langkawi ialah perjalanan sistem ambulans atau perjalanan bagi membawa pesakit dari Langkawi ke Tanah Besar. Perjalanan sekarang mengambil masa tiga jam Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kalau melalui Kuala Kedah mengambil masa satu setengah jam dan laluan daratan ia mengambil masa sejam, dan juga jarak dari Kuala Perlis pun begitu juga.

■1850

Saya percaya dengan keadaan sekarang ini pada zaman moden, tidak perlulah kita mengambil masa sebegitu panjang. Saya mohon agar Kementerian Kewangan menyediakan peruntukan yang sewajarnya kepada Kementerian Kesihatan bagi menyediakan perkhidmatan helikopter ataupun kapal terbang.

Mengenai feri, oleh sebab kenaikan harga minyak, pengusaha feri mungkin akan terus minta kenaikan tambang feri. Keadaan ini memberi kesan yang ketara kepada pengguna dan juga kepada pelancong, yang mana akan mengakibatkan kemerosotan kepada industri pelancongan Langkawi. Justeru saya cadangkan agar pihak kerajaan dapat memberi subsidi diesel ataupun bahan bakar kepada pengusaha feri tertentu bagi laluan Langkawi ke Kedah, Langkawi ke Perlis dan ke Pulau Pinang.

Saya juga berpendapat dengan cara inilah sahaja dapat mengurangkan bebanan kos kepada pengguna dan dapat membantu rakyat yang berulang alik menggunakan perkhidmatan feri. Selain itu juga ianya akan dapat dijadikan sebagai satu langkah bagi menjimatkan industri pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memutuskan iaitu penganjuran seminar, kursus dan bengkel hendaklah diadakan di tempat-tempat yang terdekat dan bersesuaian. Langkah ini merupakan salah satu destinasi yang popular bagi tujuan tersebut untuk mengadakan bengkel, kursus dan seminar.

Memandangkan pelbagai kemudahan yang telah tersedia terus ditawarkan. Untuk itu saya amat berharap agar pihak kerajaan dapat memberi kelonggaran terhadap perkara tersebut oleh sebab pengusaha feri, pengusaha hotel dan *resort* di Langkawi telah mula mengeluh ekoran keputusan kerajaan ini. Kini pengusaha hotel dan *resort* hanya bergantung pada pelancong domestik dan juga antarabangsa. Saya memohon pihak kerajaan menimbang semula keputusan ini demi kelangsungan industri pelancongan di Langkawi agar ianya terus stabil, kukuh dan maju serta memberi manfaat kepada semua.

Berkenaan dengan tsunami, ia banyak diperkatakan oleh pihak yang sebelah sana. Tsunami ini berlaku 30 tahun sekali ataupun 50 tahun sekali, itulah bukan tiap-tiap tahun.

Bukan empat tahun sekali, tidak mungkin, insya-Allah. Dan cakap-cakap mengatakan kerajaan akan tumbang ini adalah omong-omong kosong, minta maaf. Jadi kami Langkawi, terus terang, tidaklah begitu ghairah dengan apa yang dilakukan oleh pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah saya menyahut seruan, saya menyokong saranan Yang Berhormat daripada Pasir Mas berkenaan dengan khusus kongres bumiputera bagi membincangkan isu-isu berkaitan hak-hak Melayu, Kesultanan Melayu, Bahasa Melayu, agar ianya dapat dikekalkan dan tiada siapa yang akan dapat mempertikaikannya. Tuan Yang di-Pertua, itulah ucapan pendek saya dan saya harap kerajaan dapat memberi pertimbangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kulim Bandar Baharu belum pernah berhujah. Sila.

6.53 ptg.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas keizinan untuk turut serta dalam membahaskan perkara berkaitan dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, dan saya ingin turut serta untuk menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan institusi-institusi Islam yang ada di dalam negara kita.

Saya hendak mulakan dengan merujuk kepada satu peristiwa yang berlaku baru-baru ini apabila saya selesai menyampaikan kuliah zohor di sebuah bank tempatan baru-baru ini, kelihatan di sana ada seorang pemuda menunggu untuk mendapatkan derma daripada para jemaah yang hadir.

Apabila saya melihat fail beliau, beliau datang daripada Terengganu meminta derma untuk isterinya yang memerlukan bantuan kerana perlu dibedah kerana menghidap penyakit kuman di hati. Perbelanjaan untuk pembedahan tersebut dalam lingkungan RM5,000 dan perlu dibedah dalam tempoh tiga bulan ataupun akan menghadapi implikasi yang serius termasuk kemungkinan kematian. Saya bertanya kepada beliau mengapa tidak pergi memohon bantuan daripada pusat zakat?

Kenyataan beliau, jawapan beliau mengejutkan saya kerana apabila beliau menyatakan beliau telah pergi ke Pusat Zakat Kuala Lumpur, di mana di Pusat Zakat Terengganu beliau telah mendapat bantuan lingkungan RM500 dan apabila beliau pergi ke Pusat Zakat Kuala Lumpur untuk meminta bantuan, jawapan yang diberikan kepada beliau, beliau tidak layak kerana beliau bukan daripada Kuala Lumpur. Kes yang sama saya temui beberapa hari lepas semasa menyampaikan kuliah subuh di Madrasah Insaniah, Ampang, apabila seorang pemuda datang membawa laporan perubatan memerlukan rawatan atau pembedahan segera, pembedahan jantung dan beliau memerlukan belanja sebanyak RM20,000.

Apabila beliau meminta bantuan daripada pusat zakat juga di Kuala Lumpur, beliau diberitahu bahawa beliau tidak layak walaupun dari segi ekonomi beliau layak tetapi beliau tidak

layak kerana beliau adalah penghuni tetap, bukan warganegara Malaysia walaupun beragama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa perkara seperti ini tidak sepatutnya timbul dalam negara kita. Saya telah bertanya kepada menteri, berapakah kutipan zakat mengikut negeri bagi tahun 2005, 2006, 2007 dan jumlah kutipan zakat serta agihan. Jawapan saya terima agak mengejutkan kerana kutipan zakat bagi tahun 2005, 2006, 2007 bagi keseluruhan Malaysia berjumlah RM2.32 bilion.

Apabila dilihat kepada agihan zakat, agihan zakat keseluruhannya hanyalah RM1.4 bilion dan bila dilihat kepada Wilayah Persekutuan bagi tahun 2005, 2006, 2007, kutipan zakatnya berjumlah RM446,937,891.10 sen dengan jumlah agihan sebanyak RM313,357,123.75 sen, menunjukkan angka sebanyak RM133,580,766 wang zakat belum lagi diagihkan. Dalam keadaan kita mempunyai begitu banyak wang zakat yang berlebihan, tidak sepatutnya timbul kes-kes seperti ini orang datang minta bantuan, tetapi ditolak kerana hanya bukan datang daripada Kuala Lumpur sedangkan dia layak dari segi ekonomi ataupun dari segi lain.

Malahan dengan kutipan zakat yang begitu banyak, yang bukan merupakan hasil kerajaan tetapi hasil daripada bayaran umat Islam kepada pusat zakat. Sebanyak RM2.32 bilion ini, saya kira sepatutnya cerita-cerita seperti Bersamamu yang kita tengok di dalam TV3 tidak sepatutnya timbul. Saya kira dengan jumlah zakat sebanyak RM2.32 bilion ini, sepatutnya kita sudah punya hospital-hospital Islam di seluruh ibu negeri di Malaysia ini. Sepatutnya kita tidak dengar lagi cerita umat Islam terpaksa minta sedekah, mengemis daripada orang ramai untuk mendapatkan pembedahan, untuk mendapatkan bantuan anak-anak mereka.

Saya kira sepatutnya tidak timbul lagi soal-soal seperti di Kulim Bandar Baharu, di mana ada keluarga yang tidak punyai rumah yang saya masukkan di dalam blog spot saya, satu rumah kepunyaan keluarga bisu, duduk dalam rumah yang saya rasa kandang ayam pun tidak seperti itu. Mereka hanya memerlukan belanja hanya RM12,000 mereka ini beragama Islam. Wang zakat ada RM2 bilion lebih, yang tidak diagihkan RM133 juta, tetapi ada umat Islam di sana yang hidup dalam keadaan merempat dan miskin.

■ 1900

Jadi di mana silapnya agihan ataupun pengurusan wang zakat negara. Maka saya cadangkan supaya ditubuhkan Majlis Zakat Negara supaya wang zakat ini dapat diurus dan diagihkan dengan lebih baik. Yang Berhormat Indera Mahkota. Jangan lama sangat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Dua hari lepas ada satu majlis menghantar memorandum kepada pihak Istana Selangor yang diketuai oleh bekas Exco yang mengetuai agama di Selangor. Seperti yang kita tahu Selangor merupakan antara negeri pengutipan zakat tertinggi di Malaysia. Adakah ini membayangkan apa yang seperti Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu katakan tadi keadaan di mana pengurusan zakat itu terdapat satu perkara yang agak tidak strategik atau agak kucar-kacir

sehingga menyebabkan bekas Exco membuat bantahan terhadap istana kerana barangkali beliau tidak tahan lagi dengan kerenah pengurusan zakat yang agak tidak konstruktif tadi. Macam mana? Terima kasih.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Sebenarnya kalau mengikut daripada data yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri boleh dikatakan semua negeri mempunyai lebih agihan zakat yang tidak dibayar. Antaranya yang tertinggi adalah Selangor yang mendapat kutipan zakat RM485,116,782.55 tetapi yang diagihkan hanyalah RM354,765,294.22, memberikan lebih yang tidak diagih seperti Wilayah Persekutuan iaitu hampir RM130 juta lebih. Bermakna wang zakat banyak sebenarnya yang tak diagihkan masih disimpan dan pada saya ini merupakan kelemahan pengurusan zakat oleh negeri-negeri dan saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat sedang mengkaji perkara ini dan untuk menguruskan pengagihan dan pengurusan zakat ini dengan lebih efisien dan saya rasa di situlah mungkin bekas Exco di Selangor ini agak kepanasan kerana kelemahan pengurusan beliau semasa pemerintahan Barisan Nasional di Selangor akan terdedah dengan sendirinya.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada persoalan kutipan dan agihan zakat ini kita lihat selain daripada masalah kemiskinan ada juga di kalangan kita umat Islam yang tidak dapat mengerjakan haji kerana pelbagai masalah antaranya masalah kewangan. Ada yang kerana kemiskinan dan ada kerana sebab-sebab lain. Saya cadangkan supaya diadakan satu program penggunaan wang zakat ini untuk membantu mereka daripada golongan miskin tegar ataupun golongan fakir untuk membolehkan mereka mengerjakan haji dan dengan nada yang sama saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian Kewangan supaya mengkaji satu mekanisme untuk membolehkan pencarum-pencarum yang beragama Islam mengeluarkan caruman mereka untuk mengerjakan haji kerana tujuan simpanan di KWSP adalah untuk hari tua dan kita khuatir ada di kalangan mereka yang mempunyai simpanan di KWSP tidak sempat mencapai hari tua untuk mengerjakan haji. Jadi dengan wang yang cukup di akaun dua yang boleh dikeluarkan, apa salahnya digunakan wang itu dilebihkan kategori boleh mengeluarkan wang dari situ untuk mengerjakan haji. Jadi saya sarankan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengkaji perkara ini

Bercakap tentang penubuhan majlis zakat negara ini menimbulkan satu fenomena tentang bagaimana sistem perundangan Islam di Malaysia ini adalah sistem yang mengikut kenegerian. Ia tidak ada satu dengan izin *federal level* perundangan syariah yang membawa kepada masalah kepada pelaksanaan perundangan Islam dalam negara ini. Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua pada saya sudah tiba masanya umat Islam disabitkan dengan sistem perundangan Islam iaitu sistem perundangan ia sendiri. Tidak adil bagi umat Islam disabitkan kepada sistem perundangan lain melainkan perundangan Islam kerana mereka memegang kepada akidah-akidah Islam dan Islam mempunyai satu sistem perundangan merangkumi

pelbagai aspek kehidupan dari segi ekonomi, perundangan jenayah dan lain-lain dan kita dapat melihat ini Tuan Yang di-Pertua dalam isu yang sedang berlaku depan kita berkaitan dengan pertuduhan zina dan pertuduhan liwat kepada pelbagai pihak.

Kita melihat dalam contoh pertuduhan zina dan liwat ini perkara yang dirujuk adalah kepada seksyen 37(b) kanun keseksaan iaitu satu akta yang telah dibawa masuk oleh British selepas dia menjajah Persekutuan Tanah Melayu menyebabkan umat Islam yang mempunyai ayat sendiri, yang mempunyai hukum sendiri di dalam al-Quran hukum yang kati berkaitan dengan zina, berkaitan dengan liwat dan pelbagai lain kesalahan jenayah tertakluk kepada satu sistem perundangan yang sangat asing bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ini soal akidah. Ia membawa implikasi yang serius kepada umat Islam sama ada di dunia mahupun di akhirat kerana menaklukkan mereka kepada satu sistem perundangan yang bukan datangnya daripada Allah SWT akan menyebabkan mereka berdepan dengan kemurkaan Allah di akhirat nanti. Atas sebab itu pada saya Tuan Yang di-Pertua kita sudah tiba masanya. Saya tidak bercadang supaya sistem ini diperluaskan kepada penganut agama lain tetapi bagi umat Islam sudah menjadi satu kemestian untuk mereka disabitkan dengan sistem perundangan Islam.

Contohnya seperti yang kita lihat hari ini pertuduhan berkaitan dengan zina dan liwat. Sepatutnya ianya dibawa kepada pertuduhan di bawah syariah dan di dalam sistem perundangan kita ada satu enakmen yang dipanggil Enakmen Jenayah Syariah Islam mengikut negeri-negeri. Di dalamnya ada peruntukan berkaitan dengan pertuduhan zina dan liwat. Mengapakah tidak umat Islam diberikan pilihan untuk *to submit themselves* dengan izin kepada bidang kuasa perundangan syariah. Dibawa pertuduhan itu di Mahkamah Syariah dengan pertuduhan zina dan liwat yang mempunyai sistem yang lain.

Sistem *qorinah*, sistem keterangan yang lain, sistem pertuduhan yang berbeza dan sistem hukuman yang berbeza. Kalau tidak akan timbul kekeliruan seperti kita tengok hari ini bila tiba sahaja pertuduhan berkaitan dengan zina dan liwat masing-masing mencadangkan supaya pihak-pihak tertentu mengadakan sumpah dengan menjunjung al-Quran. Ini menunjukkan ketidakfahaman terhadap sistem perundangan Islam kerana pertuduhan yang dibawa hari ini adalah satu pertuduhan khusus iaitu pertuduhan liwat ataupun terhadap yang seorang lagi di bawah pertuduhan zina. Dituduh dia mengadakan zina dengan seorang yang telah mati. Ini adalah satu pertuduhan khusus yang di dalam Islam dipanggil fitnah.

Fitnah ini letaknya di bawah hukum khazaf. Di bawah hukum khazaf sistem perundangan dia bukan bersumpah. Sistem perundangannya ialah dengan membawa pertuduhan berdasarkan empat orang saksi dan apabila pertuduhan itu telah dibawa dengan pembuktian saksi barulah timbul soal orang yang hendak dituduh itu hendak bersumpah ataupun menyangkalnya dengan persaksian yang lain. Tidak timbul soal untuk bersumpah dengan menjunjung al-Quran kerana tuduhan khazaf adalah tuduhan yang khusus di bawah peruntukan

hudud. Maka bila kita sistem itu tidak timbul hari ini soal tuduh-menuduh dan meminta seperti orang-orang tertentu mengangkat sumpah untuk membersihkan namanya, letihlah kita tiap-tiap hari hendak kena menjunjung Quran.

Adalah menjadi satu ketidakadilan bagi orang yang dituduh dengan satu fitnah dia pula bertanggungjawab untuk bersumpah. Sebab itu di dalam sistem pertuduhan Islam orang yang menuduh itu perlu membuktikan dahulu tuduhannya barulah yang dituduh itu setelah pembuktian berlaku memilih sama ada untuk bersumpah di dalam Mahkamah Syariah di hadapan hakim yang bertauliah ataupun untuk menyangkal dakwaan itu dengan persaksian yang secukupnya mengikut syariat Islam.

Saya melihat Tuan Yang di-Pertua perkembangan tuduh-menuduh tohmah-menohmah ini membayangkan satu persepsi akan keruntuhan moral yang sangat serius khususnya di kalangan bangsa Melayu yang beragama Islam. Saya terkejut apabila saya bertanyakan soalan kepada menteri tentang mengapakah filem seperti drama Ezora yang jelas bertentangan dengan budaya dan amalan Islam dan adat timur dengan menunjukkan pasangan Melayu dan Islam digambarkan bersekedudukan minum arak, cuti bersama, tinggal di hotel bersama dan lain-lain ditayangkan di TV. Saya tanya soalan kenapa filem seperti ini dibenarkan ditayangkan.

■1910

Jawapan yang diberikan mengejutkan saya kerana katanya filem ini diberi pelepasan oleh Lembaga Penapisan Filem. Kita sedang berhadapan dengan satu suasana muda-mudi Melayu, beragama Islam menghadapi keruntuhan moral, kita benarkan filem-filem seperti ini ditayangkan di TV, dengan nama-nama yang digunakan, yang tidak menggambarkan langsung bangsa Melayu dan orang Islam.

Jadi saya cadangkan kepada menteri, kementerian yang berkenaan supaya mengkaji semula perkara seperti ini, supaya tidak menimbulkan masalah sosial dan masalah moral di kalangan orang-orang Islam.

Yang terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah berkaitan dengan keruntuhan moral di kalangan umat Islam ini. Saya cadangkan supaya institusi-institusi masjid dihidupkan semula dengan pengajian-pengajian, ceramah-ceramah, forum-forum yang bersesuaian untuk dibawa kepada masyarakat kita. Akan tetapi apa yang menjadi masalah hari ini adalah berkaitan dengan mereka yang layak menyampaikan ceramah, menyampaikan tazkirah, menyampaikan forum di masjid-masjid, di surau-surau yang ada dalam negara ini. Kita mendengar seperti kata Yang Berhormat Indera Mahkota tadi bagaimana bekas Exco Agama Selangor membawa memorandum kepada Ke Bawah Duli Sultan Selangor minta supaya sekatan dikenakan terhadap penceramah-penceramah yang hendak berceramah di masjid-masjid dan surau-surau di Selangor.

Saya mengemukakan soalan kepada menteri apakah kriteria pemberian tauliah kepada mereka yang hendak menyampaikan ceramah dan forum dan khutbah di masjid-masjid dalam

negara ini. Jawapannya ialah mereka hendaklah mempunyai kelulusan dalam bidang agama daripada institusi yang diiktiraf dan mereka ini layak untuk menyampaikan ceramah. Perkara yang berbangkit ialah tentang pemilihan mereka yang boleh diberikan tauliah. Kalau mengikut kriteria ini, sepatutnya orang-orang seperti Datuk Dr. Harun Din, orang-orang seperti Mufti Perak sendiri Datuk Harussani Zakaria, orang seperti Datuk Ismail Kamus. Orang-orang seperti ini sepatutnya tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan tauliah tetapi apa yang berlaku pada hari ini, ulama-ulama besar seperti Datuk Dr. Harun Din bukan sahaja tidak diberikan tauliah, dia pernah cuba ditangkap, dia pernah cuba digari malahan ketika dia sedang memberikan ceramah, mikrofon pernah dicabut daripada depan dia.

Kita ada orang seperti Mufti Sahibul Samahah Datuk Dr. Harussani Zakaria, Mufti Perak. Mufti yang sedang berkhidmat dilarang sama sekali menyampaikan ceramah ataupun pengajian di masjid-masjid di beberapa buah negeri antaranya di negeri Johor. Kita juga mempunyai seorang ulama seperti Sahibul Fadhilah Datuk Ismail Kamus yang dahulu semasa dia seorang pengarah di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, dialah orang yang bertanggungjawab untuk menentukan pemberian tauliah, hari ini dia yang tidak diberi tauliah.

Jadi ini memberikan satu gambaran Islam dalam negara ini mempunyai satu kriteria *double standard*, orang-orang tertentu diberikan tauliah, orang-orang seperti Astora Jabat yang jelas memaki hamun Islam, yang jelas menghina Islam, yang jelas menolak hukum hakam Islam, yang jelas mempersendakan hukum-hakam Islam bukan sahaja dia dinobatkan oleh pimpinan UMNO, dia dijadikan editor di Majalah al-Islam kepunyaan Syarikat Utusan Malaysia. Orang seperti ini diberikan tauliah, orang seperti ini dinobatkan sebagai seorang yang berilmu dalam Islam tetapi tokoh-tokoh ulama seperti Datuk Dr. Harun Din, Datuk Harussani Zakaria, Datuk Ismail Kamus dan ramai lagi ulama yang dihalang untuk menyampaikan ceramah dan tazkirah di masjid-masjid dan surau-surau.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sedih dengan suasana, senario umat Islam dalam negara kita hari ini. Kita mempunyai wang zakat yang banyak, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kalau melihat kepada kutipan zakat sahaja saya kira umat Islam tidak perlu bantuan kerajaan lagi, mereka boleh menubuhkan sekolah sendiri, mereka boleh menubuhkan hospital sendiri, mereka boleh memberi bantuan kepada orang lain pun dengan duit zakat yang begitu banyak tetapi itu tidak terjadi dalam negara kita hari ini sebab masalah dia seperti yang dijawab sendiri oleh menteri di sini masalahnya kerana zakat ini adalah hal negeri.

Saya kira sudah tiba masanya umat Islam di Malaysia buka mata mereka, buka minda mereka, laksanakanlah Islam. Kalau tidak boleh cara keseluruhan pun, sekurang-kurangnya di peringkat negara biarlah standard supaya tidak timbul masalah-masalah seperti yang saya sebutkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas ruang yang diberikan kepada saya. Wallahu 'alam.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tuaran.

7.16 mlm.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan dalam Kajian Separuh Penggal Kedua Rancangan Malaysia Kesembilan. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas pembentangan kajian ini oleh kerana ianya telah mengambil kira sektor dan wilayah yang lebih memerlukan perhatian yang mendesak.

Pembentangan kajian ini adalah kena pada masanya memandangkan kenaikan harga minyak yang telah melonjak disusuli dengan kenaikan harga barangan termasuk barangan keperluan asas seperti beras. Semasa kajian ini dibentangkan, harga minyak mentah hanya berada pada tahap USD135. Pada hari ini, harga minyak mentah telah naik pada tahap USD146.

Penambahan sebanyak RM30 bilion untuk menampung kenaikan kos pelaksanaan projek mungkin tidak mencukupi dan mungkin ada lagi projek yang perlu ditunda pelaksanaannya ataupun ditambah lagi peruntukannya di masa akan datang.

Saya berharap projek-projek yang kritikal yang secara langsung mempertahankan kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat harus diberi keutamaan berbanding dengan projek-projek mewah. Saya juga berharap rakyat Penang dapat bersabar ke atas penundaan projek *outer ring* dan juga monorel di Pulau Pinang oleh kerana negeri-negeri seperti Sabah, Sarawak termasuk juga Terengganu dan Kelantan masih memerlukan perhatian khusus. Sebab itulah yang mendorong Kerajaan Persekutuan untuk terpaksa membantu negeri-negeri yang mundur. Kita mahu rakyat di seluruh negara menikmati kemudahan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat dari pembangkang yang telah menyentuh keadaan pembangunan di Sabah dan Sarawak dan mengenai keadaan pembangunan ekonomi kedua negeri dan mereka telah menyatakan bahawa kedua-dua negeri ini masih mundur dan dalam perkara ini mereka seharusnya tidak mengeluh sekiranya peruntukan dialihkan kepada kedua-dua negeri ini buat seketika ini. Oleh kerana kedua-dua projek mega dan mewah itu hanyalah ditunda dan tidak dibatalkan.

Saya perhatikan Tuan Yang di-Pertua ada ahli pembangkang yang datang ke Sabah hanya dalam masa sehari dua sudah menjadi hero kepada Sabah dan telah menyatakan perkara yang tidak mencerminkan sebenarnya keadaan negeri itu. Kami daripada Sabah dan Sarawak lebih mengetahui masalah kami. Apabila Kerajaan Persekutuan bagi penambahan peruntukan untuk Sabah, maka mereka juga mengeluh dan tidak senang hati.

Tuan Yang di-Pertua, kajian separuh penggal ini jelas memperakui wujudnya ketidaksamaan sosioekonomi di antara kumpulan etnik, wilayah bandar dan luar bandar.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh berdiri minta penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sedikit sahaja. Saya hanya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat menyambut baik dengan sokongan, *solidarity* daripada Ahli

Parlimen di kawasan yang luar daripada Sabah untuk memberi sokongan kepada perjuangan Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar Ahli Yang Berhormat mengatakan pernah melalui jalan raya daripada Kota Belud, Kudat dan ke Sandakan tetapi gambaran yang dikatakan tidaklah seperti sedemikian kerana saya selalu melalui jalan raya tersebut dan memadai saya ingat ini separuh jalan sahaja Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apakah pandangan Yang Berhormat tentang soalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepanggar yang juga mengkritik kerosakan jalan raya di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah dialog. Yang Berhormat Seputeh, ini sudah dialog.

■ 1920

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, masa saya tidak begitu banyak. Saya tidak boleh beri laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar beberapa ucapan daripada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Semenanjung Malaysia dalam Dewan ini yang berkisar kepada isu-isu dan kemudahan moden seperti lebuh raya, LRT, ICT dan sebagainya. Manakala majoriti rakyat di Sabah dan Sarawak masih bergelut dengan soal keperluan asas hidup seperti air bersih, elektrik, jalan raya, sekolah dan sebagainya.

Tahap kemiskinan di Sabah masih berada dalam lingkungan lebih kurang 16%. Namun, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya tahap ini masih dalam tahap 23%. Lebih-lebih lagi dengan mengambil kira kenaikan harga minyak. Maka, lebih ramai lagi yang jatuh terkurung dalam kurungan kemiskinan. Ini pada tahun 2007 berbanding dengan tahap kemiskinan nasional yang direkodkan dalam tahap 3.6% sahaja.

Jurang perbezaan tahap kemiskinan ini memerlukan perhatian yang khusus dari Kerajaan Persekutuan. Saya berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan ini telah dimasukkan langkah-langkah dan strategi untuk mengatasi masalah di Sabah. Saya berharap penambahan peruntukan sebanyak RM1 bilion baru-baru ini sedikit sebanyak dapat dipercepatkan dan mempercepatkan usaha ini.

Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, ialah sistem *delivery* yang cekap, amanah, objektif serta saksama di kalangan semua kaum yang memerlukan dan tidak dipengaruhi oleh pertimbangan politik oleh mereka yang mempunyai kuasa untuk melaksanakan projek tersebut. Saya mohon agar perincian, pengagihan peruntukan ini dapat diterangkan dan kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen yang berkenaan dapat dibawa bersama dalam perbincangan agar peruntukan itu dapat diselesaikan kepada sektor yang mendesak.

Tuan Yang di-Pertua, satu satunya masalah yang menjadi penghalang kepada usaha pembasmian kemiskinan di Sabah ialah kehadiran pendatang tanpa izin yang begitu ramai. Kita perhatikan Tuan Yang di-Pertua, bahawa penduduk Sabah telah bertambah sebanyak 300% dari

tahun 1960 hinggalah tahun ini. Para pendatang tanpa izin ini telah membawa masalah kemiskinan mereka dari negara asal iaitu *imported poverty*.

Adalah dianggar bahawa jumlah pendatang tanpa izin ini telah menjangkau jumlah sebanyak 700,000 ataupun sehingga 1 juta. Jika sekiranya masalah pendatang tanpa izin ini tidak diselesaikan maka usaha membasmi kemiskinan tidak akan mencapai kejayaan. Saya harap, apa yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan mengenai dengan penyelesaian masalah PATI dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

Masalah pendatang tanpa izin ini sebenarnya mempunyai dua bahagian iaitu mereka yang tidak mempunyai dokumen dan mereka yang telah memiliki dokumen seperti Mykad sama ada secara sah atau pun haram. Keadaan ini begitu serius sehingga ia mencabar kedaulatan negeri Sabah dan Malaysia amnya.

Saya perhatikan Tuan Yang di-Pertua bahawa operasi ke atas PATI ini sudah pun bermula sekarang ini. Kami rakyat di Sabah sangat-sangat berterima kasih di atas tindakan kerajaan. Hanya saya ingin memperingatkan kerajaan bahawa di Sabah ini masih ramai yang tidak mempunyai kad pengenalan. Jangan pula Tuan Yang di-Pertua, mereka yang tidak mempunyai kad pengenalan yang tinggal di pelosok kampung ini turut serta diberkas.

Penelitian harus dijalankan secara terperinci dari kampung ke kampung memastikan bahawa apa yang mereka bakal diberkas itu bukan orang tempatan kerana kita masih banyak penduduk yang tidak mempunyai kad pengenalan. Saya juga berharap tiada pihak tertentu termasuk orang-orang politik yang campur tangan dalam operasi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita kehilangan Pulau Batu Puteh baru-baru ini, seluruh rakyat merasa kesal dan sedih. Saya ingin sekali lagi menyatakan di sini bahawa kalau kita tidak bertindak cepat untuk menyelesaikan masalah kehadiran pendatang asing khasnya mereka yang datang dari Filipina maka satu hari nanti kita akan kehilangan Sabah secara langsung atau tidak langsung kerana mereka akan menguasai Sabah nanti.

Nur Miswari, pemimpin MNLF baru-baru ini telah membuat kenyataan di Manila sejurus beliau dibebaskan dari tahanan bahawa beliau akan membawa kes tuntutan mereka ke ICJ. Saya telah bertanya dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, kenapa Malaysia masih membayar wang sebanyak RM5,300 kepada keturunan Sultan Sulu? Mungkinkah ini akan menjadi satu asas yang memperkukuhkan tuntutan mereka ke atas Sabah? Kalau pun mereka gagal dalam usaha ini, lambat laun satu hari nanti, Sabah akan menjadi *de facto Philippines territory* kerana ramai daripada mereka mempunyai dokumen kerakyatan. Rakyat Malaysia di Sabah begitu khawatir jika berlaku satu konflik nanti maka PATI akan menjadi *third army* yang sudah berada di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa keadaan sekalipun, kedudukan Sabah dalam Persekutuan Malaysia tidak boleh dipertikaikan dan dipersoalkan oleh mana-mana pihak. Rakyat

di Sabah telah membuat keputusan untuk sama-sama menubuhkan negara Malaysia dan kita akan menentang habis-habisan mana-mana tuntutan dari negara lain ke atas Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh perkara ini sekali lagi kerana ianya begitu kritikal bagi Sabah dan negara Malaysia. Ia tidak boleh dipandang ringan. Saya menolak saranan negara Filipina agar status penduduk tetap diberi kepada pendatang tanpa izin secara automatik. Ini adalah bertentangan dengan undang-undang dan peraturan negara kita. Sedangkan rakyat Malaysia dari Semenanjung yang sudah lama duduk dan bermastautin di Sabah dan ada yang kahwin dengan orang tempatan susah untuk mendapat status penduduk tetap di Sabah. Kenapa pula orang yang datang baru dari negara lain terus secara automatik diberi status penduduk tetap.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Perlembagaan Malaysia, Sabah adalah berhak menerima dua peruntukan tetap dari Kerajaan Pusat iaitu *road grant*, dan *capitation grant*. *Capitation grant* ini dihitung mengikut jumlah penduduk. Saya ingin bertanya kepada kerajaan adakah penduduk tanpa izin ini atau mereka yang memegang IMM 13 itu diambil kira dalam perhitungan mengira *capitation grant* yang diberikan kepada negeri Sabah? Saya berpendapat bahawa mereka harus diambil kira kerana mereka telah lama bermastautin di Sabah dan berkongsi dengan rakyat Malaysia di Sabah dalam menikmati semua kemudahan yang disediakan oleh kerajaan seperti hospital, sekolah, keselamatan, kemudahan sosial dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua. Antara penekanan utama ataupun *the main pillars* oleh kerajaan dalam usaha untuk menangani ketidaksamaan sosial ekonomi antara etnik ialah penyusunan semula hak milik ataupun dengan izin, *restructuring of ownership*. Kerajaan telah menetapkan sasaran pemilikan ekuiti kepada kaum India. Dalam kajian itu, iaitu sebanyak 1.5% menjelang 2010. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, bahawa ini diterima baik oleh saudara dari kaum India. Suku kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak jelas lebih jauh ketinggalan dalam hal pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mensasarkan pemilikan ekuiti bumiputera keseluruhannya pada tahap antara 20% hingga 25% menjelang 2010. Saya ingin mencadangkan di sini, agar satu sasaran peratusan dirancang untuk bumiputera di Sabah dan Sarawak dan satu sistem *monitoring* ke atas pencapaian mereka masa ke semasa. Saya juga ingin mencadangkan satu kementerian ataupun seorang menteri dilantik untuk *monitoring* ataupun bertanggungjawab kepada Sabah dan Sarawak seperti yang mana pernah diwujudkan pada suatu ketika dahulu.

Saya juga perhatikan bahawa terlalu sedikit bumiputera dari Sabah dan Sarawak yang diberi peluang untuk mengetuai GLC's seperti mana yang ada pada rakan-rakan dari kaum lain dari Semenanjung. Sekarang ini, tidak seorang pun dari Sabah yang dilantik dalam kedutaan Malaysia di luar negara. Apakah tiada orang Sabah yang layak menjadi duta Malaysia?

■1930

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan *Sabah Economic and Development Authority* ataupun sedia untuk mentadbir Koridor Pembangunan Sabah adalah satu tindakan yang tepat. Koridor ini dijangka menarik pelaburan sebanyak RM113 bilion menjelang tahun 2025. Apa yang saya perhatikan ialah sektor atau industri yang difokuskan ialah pertanian, alam sekitar, modal insan ataupun *human capital*, infrastruktur, pembuatan dan pelancongan. Berikutan daripada pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membatalkan penghantaran gas asli ke Bintulu, saya mencadangkan agar industri minyak dan gas dimasukkan sebagai satu daripada penggerak utama Koridor Pembangunan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian antara kerajaan Sabah dan Petronas telah ditandatangani pada tahun 1976. Selain daripada 5% royalti yang diterima oleh kerajaan Sabah, tidak ada sumbangan Petronas yang ketara kepada Sabah. Petronas telah membangun industri minyak dan gas L&G di Bintulu dan *Petrochemical Complex* di Terengganu dan telah menubuhkan satu universiti di Semenanjung.

Namun Petronas tidak membuat apa-apa pelaburan di Sabah. Dengan penemuan telaga baru, Sabah akan bakal menjadi pengeluar minyak yang terbesar di Malaysia. Adalah dianggarkan bahawa sejak tahun 2000, *reserve* daripada telaga-telaga baru adalah dianggarkan mengandungi sebanyak 1.4 hingga 2.2 bilion *barrel* minyak dan 7.7 trilion SCF gas asli.

Oleh yang demikian, saya menyeru agar Petronas akan memainkan peranan utama dalam pembangunan Koridor Pembangunan Sabah. Ini adalah untuk keadilan kepada rakyat setempat yang masih jauh ketinggalan daripada negeri-negeri yang lain. Tan Sri Speaker, walaupun sekian banyak hasil minyak yang dihasilkan dari Sabah, sehingga hari ini jumlah orang tempatan mendapat peluang untuk terlibat langsung dalam industri minyak dan gas masih terlalu sedikit bilangannya. Saya menyeru agar orang tempatan diberi peluang untuk dilantik dalam Lembaga Pengurusan Petronas.

Saya juga mencadangkan satu rejim harga minyak dan gas yang istimewa kepada GLC's tempatan ataupun dengan izin *privileges pricing of feedstock for Sabah GLC's*. Saya juga merayu agar Petronas bersungguh-sungguh memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk mengambil bahagian dalam industri minyak dan gas daripada segi pekerjaan dan juga kerja-kerja kontrak.

Tan Sri Speaker, saya sangat kecewa kenyataan daripada pihak Petronas yang tidak bersetuju dengan keputusan Perdana Menteri untuk membatalkan rancangan gas melalui paip ke Bintulu. Jelas ketara Petronas hanya mementingkan soal keuntungan dan tidak sensitif kepada soal tanggungjawab sosial kepada rakyat Malaysia di Sabah. Saya ingin bertanya sama ada kebenaran sangkaan umum bahawa pihak Petronas telah membuat *foward sell* ke atas minyak dengan harga yang terikat dan jauh lebih rendah daripada harga pasaran masa kini. Petronas juga perlu menjelaskan sama ada benar beberapa syarikat sahaja yang telah dilantik untuk

memasarkan minyak bagi pihak Petronas. Saya menyokong saranan agar Petronas juga membuka penyata akaun kepada pengetahuan pihak umum.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Petronas mempunyai hak monopoli kepada satu-satunya sumber yang terpenting negara kita. Oleh itu, rakyat Malaysia berhak mengetahui perihal dalam Petronas.

Tuan Speaker, Rancangan Malaysia Kesembilan juga menekankan soal kualiti hidup rakyat. Daripada segi perubatan, rakyat dari Sabah sekarang ini masih perlu datang ke Kuala Lumpur untuk mendapat rawatan khusus ataupun *specialize treatment*. Ini adalah satu bebanan yang berat kepada keluarga yang berkenaan. Saya kira sudah tiba masanya masalah ini diselesaikan. Saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk memperluaskan dan menaik taraf kemudahan perubatan di Sabah agar kemudahan yang dinikmati oleh orang tempatan setaraf dengan rakan-rakan kita di Semenanjung.

Saya mengambil berat tentang satu berita ataupun satu kes di mana seorang pesakit di Wilayah Persekutuan Labuan yang terpaksa menunggu tiga jam untuk mendapat rawatan kecemasan. Insiden ini sepatutnya tidak berlaku di Labuan yang telah lama menjadi Wilayah Persekutuan.

Saya amat berterima kasih ke atas perakuan Kerajaan Persekutuan mengenai dengan keadaan infrastruktur di Sabah. Saya memohon agar projek-projek di Sabah dapat dilaksanakan secara *fast track* terutama sekali jalan-jalan raya luar bandar yang ketara sangat-sangat diperlukan oleh kaum petani untuk memasarkan hasil pertanian. Saya melihat banyak jalan raya luar bandar yang sudah dilindungi dengan kayu kayan ataupun *over grown by trees* dan ini begitu daif sekali dan memerlukan tindakan segera.

Saya berharap sebahagian besar daripada penambahan peruntukan dalam Kajian ini untuk Sabah dapat diperuntukkan kepada infrastruktur bukan sahaja jalan raya tetapi juga bekalan elektrik yang kini dalam keadaan yang tidak memuaskan. Di mana kami di Sabah ini, fenomena *black out* ini sudah menjadi lumrah hidup rakyat setiap hari. Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan satu mesyuarat khas untuk kaum India. Antara perkara yang di fokus ialah mengenai dengan persekolahan Tamil. Kita berterima kasih ke atas dasar kerajaan untuk menggalakkan pembelajaran bahasa ibunda. Seperti yang kita sedia maklum bahawa bahasa Kadazan Dusun sudah pun diajar dalam sekolah rendah di Sabah sejak beberapa tahun lagi.

Dalam konteks ini, saya ingin memaklumkan kepada Kementerian Pelajaran bahawa satu sekolah yang mengajar bahasa Kadazan Dusun sepenuhnya sudah didirikan di Sabah dan kebetulan pula ianya terletak di kawasan saya, Tuaran. Sekolah ini dimulakan dengan bantuan NGO dari Korea dan sementara menunggu penyiapan bangunan sekolah, kelas telah bermula

dan bertempat di balai raya kampung. Pihak pengurusan sekolah ini telah berjumpa dengan saya untuk menerangkan masalah kekurangan kewangan untuk menyiapkan bangunan sekolah.

Saya harap pihak Kementerian Pelajaran dapat membantu meluluskan peruntukan kepada sekolah ini. Saya akan nanti sampaikan permohonan sekolah ini tidak lama lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Sampai masa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Habis dah masa Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Tuan Speaker, saya *skip* beberapa *point*, saya pergi ke perkara yang terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita masih banyak orang nak berucap Yang Berhormat. Kita tak ada masa lagi.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Tuan Speaker, saya gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Tuan Speaker, oleh kerana masa tidak mengizinkan, sebagai pengakhir, saya ingin menyatakan di sini bahawasanya rakyat telah membuat keputusan dalam pilihan raya baru-baru ini, kerajaan sudah di tubuh dan harus diberi peluang untuk meneruskan pelaksanaan agenda negara. Jika kita menghabiskan lima tahun akan datang ini dalam pergelutan politik, maka Kajian Penggal Kedua Rancangan Malaysia Kesembilan ini tidak akan mencapai objektifnya. Kita sama-sama memikul tanggungjawab untuk memastikan nasib rakyat dapat terus diperjuangkan dalam keadaan yang stabil dan aman.

Cadangan pihak pembangkang untuk membubar Dewan dan mengadakan pilihan raya lagi adalah satu usaha yang *desperate* kerana sudah beberapa kali pembangkang mengumumkan akan mengambil alih kerajaan tetapi tidak menjadi-jadi. Cadangan itu adalah merupakan satu pembaziran wang. Biarlah rakyat mengambil keputusan sekali lagi lima tahun daripada sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Beberapa ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Seputeh.

7.38 mlm.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya sampailah giliran wakil rakyat DAP. Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan dibentangkan pada waktu di mana harga petrol di negara kita dinaikkan

sebanyak 42%. Kenaikan harga petrol ini secara tidak langsung akan merosakkan kesemua rancangan dan ramalan yang termaktub dalam RMK-9. Ia juga termasuk teras dan strategi kerajaan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan seperti meningkatkan produktiviti dan daya saingan negara, membesarkan pasaran bagi barang dan perkhidmatan negara, menurunkan kadar kemiskinan di negara kita akan menghadapi halangan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita berusaha untuk menarik pelaburan asing ke Malaysia, adalah penting bagi kita untuk memberi perlindungan dan bantuan kepada peniaga tempatan kerana 90% daripada tenaga kerja tempatan ataupun 11 juta orang digaji oleh syarikat tempatan. Sekiranya kita melindungi kepentingan syarikat tempatan, maka kita juga menjamin kestabilan pendapatan bank tempatan dan juga kerajaan.

Ini bermaksud adalah penting bagi kerajaan untuk memulihkan subsidi gas industri dan diesel pada harga lama supaya IKS dan perniagaan tempatan boleh terus beroperasi dan terus menjadi kompetitif dan lebih warga Malaysia boleh terus mempunyai peluang pekerjaan dan memperoleh pendapatan yang mantap.

■1940

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga petrol telah menyebabkan kos pembinaan melambung naik. Sekiranya daya pembelian rakyat menurun lagi, maka mungkin berlakunya lebih projek perumahan atau pembangunan terbengkalai dalam masa yang akan datang. Jadi pihak kerajaan haruslah fikir macam mana kerajaan boleh membantu pemaju untuk menurunkan kos pembinaan, di samping mengalihkan cukai ataupun takrif daripada bahan pembinaan ke bidang yang lain. Salah satu cara ialah mengurangkan ataupun menghapuskan takrif ke atas bahan pembinaan seperti *tiles*, *glass* dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, kerajaan haruslah menggalakkan pemaju untuk menggunakan bahan pembinaan yang menjimatkan tenaga ataupun elektrik dalam pembinaan rumah. Misalnya menggunakan *glass* yang menjimatkan tenaga seperti *low invisible glass* dalam pembinaan rumah ataupun bangunan. Kerajaan sepatutnya mengecualikan takrif yang dikenakan ke atas bahan pembinaan yang menjimatkan tenaga seperti ini ataupun menggalakkan industri tempatan untuk mengeluarkan bahan pembinaan menjimatkan tenaga secara besar-besaran. Sebaliknya memandangkan kilang pengeluaran besi ataupun keluli menggunakan aliran elektrik yang diberi subsidi, jadi kerajaan sepatutnya mengenakan cukai eksport terhadap besi keluli yang dieksport keluar dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengeluarkan petrol dan gas, tetapi anehnya banyak kilang pelabur asing dan kilang tempatan menghadapi masalah kekurangan gas industri sehingga terdapat beberapa pelabur asing dan syarikat tempatan terpaksa menarik keluar pelaburan mereka. Soalan kita ialah negara kita merupakan pengeluar gas. Apakah yang berlaku kepada pembekalan gas di negara kita? Kenapakah krisis pengurangan gas yang begitu kritikal ini tidak diambil serius oleh Petronas dan juga pihak kerajaan? Banyak pelabur sudi

membayar gas dengan harga pasaran antarabangsa tetapi permintaan mereka ini tidak dihiraukan oleh pihak berkenaan. Saya minta pihak kerajaan memberi satu penjelasan kepada Dewan yang mulia ini, tentang rancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah kekurangan gas industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada minggu yang lepas seorang pengarah daripada Syarikat Lady Juta Sdn. Bhd. datang ke Parlimen untuk berjumpa dengan menteri dan juga Ahli Parlimen yang boleh membantu beliau. Beliau berkata beliau diberi lesen eksais untuk mengilang rokok Texas 5, pada tahun 2004, tetapi selepas beliau membeli tanah dan mendirikan kilang yang memakan kos hampir RM20 juta, syarikatnya menerima surat daripada pihak kastam yang mengatakan lesennya ditarik balik atas keputusan Jemaah Menteri tanpa memberi apa-apa alasan. Walaupun beliau telah membuat rayuan kepada beberapa bekas timbalan menteri dan lawatan tapak juga telah diadakan oleh salah seorang bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, tetapi Lady Juta Sdn. Bhd. masih ditegah dari menjalankan pengilangan rokok Texas 5.

Di sini saya ingin minta Menteri Kewangan untuk memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini, tentang sebab musabab kementerian menarik balik lesen yang diberikan kepada Lady Juta Sdn. Bhd. Saya juga ingin tanya, apakah ini cara Kementerian Kewangan melayan pelabur kita di mana lesen boleh ditarik balik pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa alasan?

Tuan Yang di-Pertua, ramai orang merasa bimbang terhadap pengumuman Ketua Polis Negara bahawa pasukan polis akan bekerjasama dengan pasukan tentera untuk mengekalkan keamanan. Semalam belia Pakatan Rakyat di Selangor ingin mengadakan perhimpunan beramai-ramai untuk membantah kenaikan harga petrol, kita lihat selain daripada pemeriksaan polis diadakan di banyak tempat yang menyebabkan kesesakan trafik di banyak tempat, tetapi saya juga lihat satu trak tentera berhenti di tempat berdekatan dengan Jalan Duta.

Kekhuatiran ramai orang ialah apakah polis perlu menggunakan pasukan tentera untuk menyekat kebebasan orang ramai berhimpun? Selain itu, ramai orang juga bimbang bahawa percantuman kuasa di antara dua pasukan ini akan mendorong negara kita menuju ke arah pentadbiran *military* dan seterusnya mengubah corak pentadbiran negara kita yang bebas daripada campur tangan *military*. Soalan kita ialah, negara kita ialah negara yang mengamalkan prinsip demokrasi. Kenapakah polis menghalang orang ramai untuk berhimpun secara aman untuk isu tertentu? Apakah perlunya polis mengadakan pemeriksaan jalan dan malah meminjam kakitangan daripada pihak tentera untuk membangkitkan kekhuatiran dan mewujudkan *atmosphere*, ketakutan di hati orang ramai? Kenapakah pihak polis tidak menumpukan kuasa mereka untuk menjalankan siasatan jenayah tetapi membazirkan begitu banyak tenaga dan masa untuk menahan dan menghalau orang yang berhimpun secara ramai di sesuatu tempat.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga petrol sebanyak 40% juga bermaksud rakyat seharusnya mengurangkan penggunaan petrol dan menggunakan pengangkutan awam.

Sebenarnya ramai warga Malaysia membeli kereta kerana sistem pengangkutan kita adalah jauh daripada memuaskan. Rangkaian LRT dan bas awam selalunya tidak masuk ke kawasan kediaman yang padat di kawasan Lembah Klang. Keadaan ini menyebabkan ramai orang terpaksa membeli kereta kerana mereka tiada pilihan yang lain. Bila kerajaan menambahkan harga petrol sebanyak RM0.30 pada dua tahun yang lepas, kita diberitahu bahawa kerajaan akan menyalurkan subsidi minyak ini kepada pembinaan sistem LRT.

Penduduk di Lembah Klang telah lama mendengar pengumuman kerajaan untuk membesarkan rangkaian LRT, untuk bergerak masuk ke lebih tempat kediaman, tetapi malangnya pengumuman tersebut masih belum ditunaikan sehingga hari ini. Saya sebagai wakil rakyat di Kuala Lumpur dan juga Kinrara, Puchong, saya selalu ditanya-tanya oleh penduduk di kawasan saya, bilakah sistem LRT akan mula dibina oleh pihak kerajaan? Di sini saya juga ingin tanya kepada pihak kerajaan, bilakah LRT akan dibina oleh kerajaan khususnya rangkaian ke kawasan Puchong?

Selain itu saya juga ingin tanya, di manakah *urban transport authority* yang sepatutnya ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah pengangkutan di Lembah Klang yang dilaung-laungkan oleh bekas Menteri Pengangkutan pada beberapa tahun yang lepas. Selepas kerajaan menaikkan harga petrol, apakah kerajaan telah mengadakan pelan yang konkrit untuk mengatasi masalah kesesakan jalan raya dan masalah kekurangan pengangkutan awam untuk menyelesaikan kesemua masalah tersebut. Saya rasa kesal untuk membaca keputusan kerajaan untuk memotong subsidi yang diberi kepada RapidKL dan saya juga rasa kesal di mana perkhidmatan RapidKL masih kurang memuaskan kerana bas RapidKL tidak masuk ke banyak kawasan kediaman.

Dalam tahun 80-an, terdapatnya banyak mini bas yang memasuki ke tempat-tempat kediaman di seluruh Lembah Klang. Saya mencadangkan supaya kerajaan memulihkan perkhidmatan bas mini seperti apa yang berlaku pada tahun 80-an. Tuan Yang di-Pertua, sejak DBKL membentangkan Pelan Draf Kuala Lumpur, banyak pertubuhan bukan kerajaan telah pun menyuarakan ketidakpuasan mereka terhadap pelan draf ini. Sebab utama banyak NGO membantah Pelan Draf KL ini adalah kerana banyak pihak mendapati pelan draf ini tidak melalui proses perundingan dengan NGO-NGO tempatan dan juga wakil rakyat sebelum ia dibentangkan. Di samping itu, pelan draf ini juga mempunyai banyak masalah teknikal yang sepatutnya, yang boleh dielakkan sekiranya pihak pelan draf ini mengadakan rundingan dengan wakil persatuan penduduk, NGO-NGO dan wakil rakyat di Lembah Klang dan mengadakan kajian yang lebih teliti terhadap pelan di banyak tempat.

Selain itu, saya mendapati banyak isu dan masalah yang saya pernah bangkitkan semasa pendengaran Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 ini, tidak dipedulikan oleh syarikat konsultan khususnya berkenaan dengan pembinaan beberapa stesen LRT di kawasan Parlimen Seputeh. Oleh itu, masalah yang sama masih wujud dalam Pelan Draf Kuala Lumpur tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di antara pendirian dikemukakan oleh konsultan Pelan Draf Kuala Lumpur ialah mereka bercadang supaya kepadatan penduduk di Kuala Lumpur ditempatkan daripada 6,840 orang per *square* kilometer, ataupun 1.6 juta orang pada tahun 2005 kepada 2.2 juta orang ataupun 9,577 orang per *square* kilometer pada tahun 2020. Akan tetapi anehnya konsultan tersebut juga mencadangkan supaya tempat letak kereta di pusat bandar Kuala Lumpur dikurangkan dengan alasan untuk memaksa orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

Cadangan tersebut adalah amat tidak masuk akal kerana lebih penduduk bermastautin di Kuala Lumpur, juga bermaksud lebih kesesakan di jalan raya kita. Memandangkan pengangkutan awam tidak terletak dalam tangan DBKL, adalah tidak mungkin bagi kesesakan jalan raya diredakan dengan adanya Dasar Penambahan Kepadatan Penduduk Kuala Lumpur kerana kerajaan memang tidak ada kehendak politik ataupun *political will* untuk menyelesaikan masalah kesesakan trafik di Kuala Lumpur. Jadi berdasarkan dengan alasan tersebut, saya ingin mencadangkan supaya Pelan Draf Kuala Lumpur digantung ataupun *suspended* dan dikaji semula oleh masyarakat sivil dan pakar konsultan yang lain sebelum ia diluluskan dan diwartakan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan isu kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur, penduduk di Kuala Lumpur kini mengadakan tunjuk perasaan hampir setiap hari yang membantah pelaksanaan meter letak kereta di seluruh Kuala Lumpur. Saya merasa kesal dengan cara DBKL mengenakan *charge* letak kereta di merata-rata tempat sebelum sistem pengangkutan awam kita diperbaiki.

■ 1950

Apakah tindakan DBKL yang terburu-buru ini menyusahkan rakyat? Cara terburu-buru DBKL untuk melaksanakan meter letak kereta *autopay* ini juga telah wujud banyak kesilapan. Misalnya dua mesin letak kereta di Jalan Kuchai Maju 1 menunjukkan waktu dan hari pengutipan yang berlainan. Unit mesin letak kereta di hadapan '*Simply White Restaurant*' menunjukkan pengutipan letak kereta daripada Isnin hingga Jumaat iaitu dari 7.00 pagi hingga 6.00 petang. Manakala unit mesin di sebelahnya menunjukkan daripada 7.30 pagi hingga 6.00 petang, dari hari Isnin sehingga hari Sabtu.

Tuan Yang di-Pertua, DBKL memang telah melaksanakan berkenaan caj letak kereta di merata-rata tempat pada waktu yang salah. Selain daripada alasan sistem pengangkutan di Kuala Lumpur adalah amat tidak memuaskan, kehidupan rakyat juga telah dihimpit oleh masalah kenaikan harga minyak. Saya menyeru pihak DBKL *suspend* atau menggantungkan pelaksanaan mengenakan caj letak kereta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca dari surat khabar bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan akan membina 310 perhentian bas dan teksi di Kuala Lumpur. Di sini saya ingin tanya pihak kementerian berhak berapakah kos jumlah pembinaan 310 perhentian bas dan teksi

ini, apakah kementerian telah memberi tender atas pembinaan perhentian bas dan teksi ini? Berapa syarikat telah menghantar tender mereka dan kenapakah projek ini diberi kepada syarikat 'Risk Outdoor Worldwide'?

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan RMK-9. Beliau berkata salah satu pencapaian dalam dua tahun yang lepas ialah meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian sektor awam termasuklah menggantikan *Certificate of Fitness for Occupation* atau CFO yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan tempatan dengan *Certificate of Completion and Compliant* atau CCC. Di sini saya ingin menyampaikan masalah tentang COB atau *Commission on Buildings* yang sepatutnya membantu pembeli rumah dan pemaju untuk menyelesaikan masalah di antara mereka. Banyak PBT tidak ingin memikul tanggungjawab untuk menjadikan COB kerana kerja ini amat membebankan mereka. Oleh kerana kekurangan kakitangan di bahagian COB, banyak kes dan pertelingkahan di antara pemaju dan pembeli rumah telah pun ditangguhkan. Saya mengiktiraf COB adalah amat diperlukan di banyak tempat di kawasan Lembah Klang dan juga kawasan bandar yang selalu menghadapi masalah perumahan.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memulihkan fungsi *strata title board* dengan menjemput profesional dan sukarelawan yang mempunyai latar belakang di dalam bidang perumahan dan undang-undang untuk menjadi anggota dalam COB bagi mengendalikan kesemua aduan tertunggak yang berkaitan dengan perumahan.

Sehubungan dengan itu saya juga ingin tanya apakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mempunyai kehendak politik dalam rancangan untuk menangani masalah projek terbengkalai atau memulihkan projek terbengkalai di seluruh negara supaya pembeli rumah boleh dibantu oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

7.53 ptg.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta membahaskan Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 26 Jun di Dewan yang mulia ini. Saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua saya juga rasa amat terpujikan bagi bersetuju dan menyokong perbahasan yang begitu bernas dari rakan seperjuangan saya, Ahli Yang Berhormat Kinabatangan pada 30 Jun lalu. Ucapan yang tepat serta bersemangat dalam memperjuangkan nasib rakyat di kawasan beliau yang mana banyak isu ataupun isi kandungan ucapan beliau itu banyak juga yang selari dengan hasrat serta kehendak rakyat di Sarawak dan kawasan saya Kapit khususnya.

Selain itu dia mengajak kita sebagai wakil rakyat supaya bekerja lebih keras, telus dan jujur kepada rakyat. Bagi kerajaan pula ia merupakan salah satu desakan untuk bekerja lebih

dalam usaha-usaha membangunkan projek infrastruktur seperti jalan, bekalan air dan elektrik di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di negeri Sarawak sungguh menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah memberikan peruntukan yang begitu banyak dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu sebanyak RM12.365 bilion. Sarawak juga memperoleh peruntukan kedua tertinggi bagi pembangunan pendidikan iaitu RM3 bilion bagi melaksanakan sebanyak 2,187 projek pendidikan. Ini ditambah dengan pengumuman peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion untuk Sarawak bagi melaksanakan projek-projek infrastruktur asas. Dengan tumpuan khasnya kepada keperluan asas di luar bandar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan baru-baru ini. Adalah diharapkan peruntukan besar itu mampu meningkatkan tahap pendidikan serta taraf hidup penduduk di kawasan luar bandar di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bertanya kepada pihak yang bertanggungjawab melaksanakan projek-projek menggunakan peruntukan tambahan RM1 bilion itu. Adakah serpihan daripada wang itu ditaburkan untuk pembangunan di bahagian Kapit? Apakah bentuk-bentuk projek yang bakal diberikan ke kawasan Kapit? Saya mohon penjelasan daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Kemajuan Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Penerangan dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan senarai projek-projek yang telah diluluskan untuk kawasan Kapit pada asalnya Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Begitu juga senarai projek-projek yang mungkin digugurkan selepas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Saya harap tidak ada sebarang projek yang sudah diluluskan, digugurkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya adalah tidak memadai dan tidak betul kalau kita sekadar melihat kepada jumlah peruntukan yang besar itu tanpa melihat kepada kejayaan dan keberkesanan perlaksanaannya di peringkat akar umbi. Selain daripada itu adalah wajar bagi Kerajaan Pusat memantau pelaksanaan projek-projek itu sehingga ke peringkat kerajaan negeri agar ia sampai kepada kawasan-kawasan yang benar-benar memerlukan serta dibahagikan kepada seluruh bahagian atau wilayah khasnya seperti kawasan saya Kapit yang masih memerlukan pembangunan infrastruktur asas.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan memang dinanti-nantikan oleh kita semua bahkan seluruh rakyat Malaysia. Untuk itu ingin saya menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan kenaikan harga barang dan bahan api telah memaksa sebahagian daripada projek yang memerlukan peruntukan besar dalam Rancangan Malaysia Kesembilan itu terpaksa dikorbankan atau tidak dilaksanakan nanti. Memandangkan rakyat di kawasan Parlimen Kapit

juga di kawasan Parlimen Hulu Rejang ia termasuk dalam bahagian Kapit telah memberi sokongan yang begitu padu dan kuat kepada Kerajaan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 bulan Mac lalu.

Memberi gambaran kepada kita sebagai wakil rakyat dan kerajaan khususnya bahawa rakyat di bahagian Kapit mempunyai harapan yang tinggi, begitu besar kepada Kerajaan Barisan Nasional khususnya, agar membawa perubahan serta pembangunan kepada bahagian Kapit.

Oleh itu adalah tidak wajar dan saya sama sekali tidak mahu melihat terdapat projek-projek pembangunan di Kapit terpaksa dikorbankan atau dibatalkan pelaksanaannya, memandangkan projek-projek tersebut begitu ditagih serta diperlukan demi menaikkan sumber ekonomi dan taraf hidup penduduk di sana. Sebagai wakil rakyat Kapit saya ingin menyenaraikan beberapa projek infrastruktur yang perlu dibina dan menjadi keutamaan kepada penduduk di sana.

■2000

Yang pertama, JKR negeri Sarawak telah mencadangkan sistem loji pembekalan air yang sedia ada di Bandar Kapit dinaiktarafkan dengan anggaran kos sebanyak RM18 juta. Ini selaras dengan saranan Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah yang ingin memastikan kawasan kira-kira 30 kilometer radius dari pusat bandar mesti menikmati bekalan air bersih.

Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, Bandar Kapit jauh kecil keluasannya, mungkin tidak sampai 10 kilometer persegi. Itu bandar Kapit, maka izinkan saya bertanya kepada Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah, kalau pihak kementerian sendiri sudah menyarankan begitu dan menyedari keperluan bekalan air bersih, apakah ada kemungkinan bekalan air di bandar Kapit itu akan dinaiktarafkan dalam masa terdekat. Maksud saya dalam masa tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Pada masa kini sistem yang sedia ada sudah tidak lagi mampu menampung keperluan penduduk-penduduk di Bandar Kapit serta menimbulkan banyak masalah. Bayangkan pada beberapa tahun akan datang kalaulah projek ini bukan dalam jagaan KKLBW mungkin ia dalam tanggungjawab Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Pokoknya saya pohon penjelasan bila projek yang beranggaran kos RM18 juta bagi menaiktarafkan sistem loji pembekalan air bagi Bandar Kapit dilaksanakan. Bila?

Yang kedua, seterusnya kerajaan juga perlu memberi perhatian kepada pembinaan balai bomba di Pekan Song. Walaupun sudah lama diumumkan tetapi pelaksanaannya, pembinaannya belum bermula lagi. Balai bomba ini amat diperlukan dan pembinaannya mesti disegerakan bagi menjamin keselamatan nyawa serta harta benda penduduk di Pekan Song. Saya mohon penjelasan daripada kementerian yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Ketiga, kerajaan juga harus memberi keutamaan kepada pembinaan sekolah rendah berasrama di Pekan Song. Dengan tapaknya yang sudah dikenal pasti serta diperoleh oleh Kementerian Pelajaran, projek ini memerlukan keutamaan sejajar dengan hasrat kerajaan ingin meningkatkan taraf pendidikan di kawasan luar bandar di Sarawak. Tambahan pula sekolah rendah yang sedia ada sudah tidak mampu menampung jumlah pelajar yang ramai serta bertambah setiap tahun. Saya mohon penjelasan daripada Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu sekali lagi agar Kerajaan Pusat bekerjasama dengan kerajaan negeri mengambil perhatian yang serius terhadap bebanan serta rintihan penduduk di bahagian Kapit. Ingin saya tegaskan bukan sekadar perhatian seriuslah, tetapi perlu disusuli dengan tindakan yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin merayu kepada kerajaan agar dilaksanakan pembinaan jalinan jalan perhubungan dari Bandar Sibu ke Song, ke Kapit. Selain boleh memaju dan membangunkan sumber ekonomi penduduk sepanjang laluan dan bagi bahagian Kapit khasnya jalan itu juga merupakan laluan yang lebih singkat untuk penduduk di Kapit ke bandar-bandar besar seperti Sibu dan Kuching.

Oleh itu harapan saya dan seluruh rakyat di bahagian Kapit agar kerajaan benar-benar mengambil perhatian serius dan tindakan sekali tentang pembinaan jalan raya itu. Kemudiannya kalau kita melihat *Sarawak Corridor Renewable Energy (SCORE)*, kebanyakan sumber tenaga itu datangnya dari bahagian Kapit. Secara tidak langsung ia memberi gambaran kepada kita perlunya kemudahan jalan raya di kawasan-kawasan di mana terdapatnya empangan atau ladang yang hendak dimajukan nanti.

Selain itu, kalau kita lihat kepada peruntukan yang berbilion, peruntukan kepada Sarawak sebagai contohnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, peruntukan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak lebih kurang RM1.984 bilion untuk 68 buah projek Jalan Persekutuan.

Bagi saya, kalau kita tidak terlepas pandanglah, tiada masalah untuk membina jalan yang saya rasa tidak sampai 80 kilometer dari Sibu ke Kapit, kerana setakat ini telah ada jalinan jalan raya menghubungkan Sibu ke Kanowit. Hampir setengah jalan. Saya sebelum ini juga telah mencadangkan kepada Kerajaan Pusat berkenaan pembinaan jalan raya yang menghubungkan bandar Kapit dengan Pekan Song sepanjang hanya 45 kilometer. Sebenarnya jalan ini juga termasuk dalam rancangan pembinaan jalan raya dari Sibu ke Kapit.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan mengambil berat tentang perkara-perkara yang telah saya bangkitkan dan yang lebih penting agar disusuli dengan tindakan sewajarnya. Berilah keutamaan kepada pembinaan jalinan jalan raya Sibu-Song-Kapit ini, kerana ia diyakini dapat membangunkan sosioekonomi, meningkatkan taraf ekonomi, memudahkan dan memberi keselesaan kepada rakyat di Kapit. Oleh itu izinkan saya mengajukan pertanyaan kepada pihak

dan kementerian yang bertanggungjawab. Apakah harapan bertahun-tahun rakyat itu dapat dipenuhi oleh kerajaan dalam masa terdekat?

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan adalah lebih berbaloi atau praktikal kalau kita mengurangkan peruntukan untuk menaik taraf jalan itu dan jalan ini, tetapi mengubah sedikit haluan dengan memberi tumpuan menyalurkan peruntukan itu kepada pembinaan jalan raya yang baru dan penting di kawasan yang belum ada jalan raya.

Kita perlu mengimbangkan pembangunan di seluruh negara seperti yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Maka saya ingin mendesak kerajaan agar keinginan Yang Amat Berhormat Perdana menteri mesti kita penuhi. Bagi Kapit yang belum lengkap lagi, berilah lebih banyak pembangunan infrastruktur asas seperti yang telah saya sebutkan tadi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri, sejak akhir-akhir ini bermula sebaik saja berakhirnya Pilihan Raya Umum Ke-12, pelbagai masalah politik melanda negara kita. Banyak perubahan berlaku termasuk beberapa negeri telah berjaya ditawan oleh parti Pakatan Rakyat. Namun, kita harus terima semua itu sebagai sebuah negara demokrasi, tetapi ingin saya mengingatkan semua Ahli Yang Berhormat termasuk ahli pembangkang di Dewan yang mulia ini juga agar sentiasa menjaga kestabilan politik di negara kita, negara yang kita cintai. Jika kita berbalik kepada zaman kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1997 dan 1998, kenapa walaupun banyak negara lain berhadapan dengan kemelesetan ekonomi, negara kita masih bertahan? Semua itu sama ada kita sedar atau tidak adalah disebabkan kita memiliki kestabilan politik pada masa itu, yang boleh meyakinkan negara lain untuk terus melabur dan meningkatkan urusan perdagangan dengan negara kita.

Saya serta kerajaan menghargai teguran serta saranan membina daripada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, termasuk Ahli Yang Berhormat dari sebelah sana juga, tetapi dalam beberapa keadaan atau kes kita perlu berhati-hati dengan percakapan, tindakan ataupun perbahasan kita di sini ataupun di luar Dewan agar ia tidak menjejaskan kestabilan politik.

Ini kerana dengan keadaan politik yang tidak stabil, ia bukan sahaja merisaukan rakyat di seluruh negara sekarang ini dengan kenaikan harga barang dan bahan api ia akan menekankan rakyat yang sememangnya sudah terbeban.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak payahlah Yang Berhormat. Tak ada masa Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Seminit sajalah.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ataupun pandangan yang boleh membantu sayalah, sila.

■2010

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, berkaitan dengan soal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa ada tiga minit Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...Soal kestabilan politik yang dapat menjamin soal pertumbuhan ekonomi dalam negara kita. Saya bersetuju politik itu harus stabil kerana ia menyumbang kepada soal pertumbuhan ekonomi, tetapi dalam suasana kegawatan yang ada pada hari ini, saya tidak melihat bahawa pembangkang yang telah memulakan sumbangan kepada ketidakstabilan ini. Ini kerana ketidakstabilan ini juga bermula daripada tuntutan daripada dalam BN-UMNO itu sendiri yang menuntut Perdana Menteri untuk turun daripada kedudukan. Jadi ini yang menjadi politik dalam parti pemerintah tidak stabil dan menjejaskan pertumbuhan ekonomi dalam negara kita. Kalau hendak turun itu, biar cepat sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah faham. Kapit Yang Berhormat.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Yang Berhormat, itu adalah pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat. *You are entitle to your opinion* kata orang. Bagi saya memang ada banyak daripada pihak pembangkang ataupun suasana politik sekarang yang mengakibatkan ketidakstabilan politik dan seperti yang telah saya sarankan tadi, jomlah kita bersama-sama menjamin kestabilan politik demi kebaikan dan kebahagiaan rakyat kita bersama. Itu pandangan saya juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah habis Yang Berhormat?

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan perenggan ini. Sekiranya keadaan politik kita tergugat, ekonomi tidak menentu, siapa yang akan rugi? Kita semua lebih-lebih lagi rakyat yang begitu mengharapkan bantuan kerajaan. Lebih baik kalau kita tidak mampu bersatu padu menjamin kestabilan politik negara kita, tidak perlulah kita menyebut rancangan pembangunan itu kerana semua itu akan hanya tinggal impian sekiranya kita tidak menjaga kestabilan politik negara yang menjadi pemangkin pembangunan negara yang berterusan serta pesat. Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai sangatlah peluang ini yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua dan dengan itu saya menyokong usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih kat luar Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masih ramai hendak bercakap. *[Sambil membilang Ahli yang bangun]* Yang Berhormat, 20 orang. Yang Berhormat, kalau saya bagi 20 minit, 9 orang sahaja boleh berucap. Kalau 15 minit, 12 orang sahaja boleh berucap, kalau saya bagi 10 minit, 19 orang boleh berucap. Jadi Yang Berhormat untuk memberi peluang kepada semua, saya mencadangkan 10 minit Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Saya lapan minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: 10 minit.
Terima kasih Yang Berhormat, sila saya bagi...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Titiwangsa Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: [*Ketawa*]
Titiwangsa, Yang Berhormat.

8.13 mlm.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kita kena dengarlah suara wanitalah sekali-sekala Yang Berhormat,

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya, Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Saya pun kena laju sedikit. Saya mengambil peluang ini juga untuk membincangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Sebelum itu saya hendak menyatakan di sini sokongan saya atas penegasan Yang Berhormat Batu Gajah yang meminta supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga meluangkan masa untuk bersama-sama dengan kita di Dewan Rakyat ini dalam sesi Parlimen terutama dalam membincangkan RMK-9. Saya juga menyatakan kekesalan dan mengingatkan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat iaitu bercakap dengan kerusi-kerusi yang tidak ada perasaan ini. Saya minta di sini agar Tuan Yang di-Pertua dapat membuat satu *ruling* sekurang-kurangnya salah seorang menteri atau timbalan menteri sepatutnya berada di dalam Dewan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ada pegawai, ada pegawai.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Pegawai, adakah kita ini hanya layak untuk didengar oleh pegawai-pegawai sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Di Dewan Undangan Negeri Selangor pun macam itu.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya ingin menyentuh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat, jangan buat macam inilah Yang Berhormat. Minta maafilah.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya ingin menyentuh, saya teruskanlah ya Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya ingin menyentuh tentang satu perkara iaitu berkenaan dengan Teras 2 dalam kajian separuh ini iaitu berkenaan dengan keupayaan meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama terutama strategi kelima di mana memenuhi hasrat memupuk nilai moral dan etika yang kukuh. Di sini saya ingin mengaitkan strategi ini dengan Draf Pelan Kuala Lumpur 2020 di mana sekarang ini dalam fasa dikemukakan kepada rakyat. Di sini ada kekurangan dalam draf ini

walaupun saya menghargai usaha DBKL mengemukakan draf ini dan walaupun tadi Yang Berhormat Seputeh telah menyatakan ada sebahagian daripada masyarakat menolak langsung draf ini. tetapi saya kira ini adalah satu usaha yang perlu diberi penghargaan kerana kita perlu memulakan sesuatu barulah kita akan mendapat satu respons sama ada positif ataupun negatif. Cuma di sini yang kurangnya adalah terutama sekali adalah dari segi juzuk pembangunan modal insan itu sendiri. Di sini tidak ada satu ruang atau satu naskhah atau disentuh secara khusus tentang pembangunan kemanusiaan itu. Yang ada hanyalah orang kata sepintas lalu dalam kata sepuluh prinsip Hadhari yang saya kira hanyalah satu usaha *touch and go* sahaja. Jadi saya ingin membacakan di sini pendek sahaja, peringatan daripada Allah kepada kita semua. Ayat 74 surah Al-Akraf. *'Ingatlah bahawa Allah melantik kamu sebagai pengganti atau yang berkuasa setelah kaum Ad dan telah meletakkan kamu di dunia, kamu membina istana-istana di lembah dan tanah rata, memahat lereng-lereng bukit untuk kediaman peranginanmu, setelah itu ingatlah nikmat kemudahannya dan janganlah kamu bermaharajalela di muka bumi dengan mengikut jejak mereka yakni orang-orang yang membuat kerosakan'*.

Jadi di sini Allah mengingatkan kita untuk tidak bermaharajalela dengan mengikut jejak mereka yang melakukan kerosakan. Isu pembangunan insan ini saya rasa memang perlu diberi perhatian sebab kita tidak mahu bandar raya kita membangun tetapi pada masa yang sama indeks jenayah sama naik seperti naiknya pencakar-pencakar langit. Kita tidak mahu bandar raya Kuala Lumpur ini parah dengan pelbagai kesakitan masyarakat seperti orang kata keruntuhan moral dan akhlak dan sebagainya serta institusi perkahwinan juga kekeluargaan. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, serta Tuan Yang di-Pertua yang dihormati.

Saya rasa isu keselamatan dan masalah akhlak dan kerosakan modal insan ini perlu diberi perhatian dan saya minta supaya satu *volume* atau satu juzuk yang khas hendaklah dikemukakan oleh DBKL sebagai satu *strategic planning* dari segi pembangunan modal insan itu sendiri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di sini juga saya ingin menyentuh satu perkara tentang pengangkutan awam. Yang menjadi masalah sekarang ini walaupun telah ada perancangan-perancangan untuk memperbaiki pengangkutan awam apa yang menjadi masalah sekarang ini, saya lihat sistem pengangkutan awam perlu ditangani dengan serius. Saya telah pergi sendiri menaiki LRT di waktu puncak, di waktu pagi dan saya lihat di situ kepadatan yang bersangatan. Saya bimbang pada bila-bila masa sahaja kalau sedikit sahaja kecuaiian dan kelalaian pengguna, boleh mengundang kepada kemalangan.

Jadi saya mohon supaya pihak yang berwajib iaitu pihak Kementerian Pengangkutan akan memberi satu perhatian yang khusus dan juga tindakan segera untuk mengatasi kesesakan pengangkutan awam sekarang. Tuan Yang di-Pertua yang dihormati, saya juga di sini ingin menyentuh tentang rintihan atau permintaan golongan OKU. Mereka ini meminta supaya diberi keistimewaan kepada mereka untuk mendapatkan khidmat pengangkutan awam secara percuma. Sebahagian besar syarikat-syarikat bas memang memberi tambang percuma kepada

golongan OKU tetapi Rapid KL masih lagi tidak memberi tambang percuma kepada golongan OKU. Kalau boleh kita minta supaya Jabatan Kebajikan dengan ini seolah-olah orang kata memberikan satu syarat kepada semua syarikat pengangkutan awam agar memberi tambang percuma kepada golongan OKU termasuk OKU yang cacat penglihatan. Di sini saya juga ingin menyentuh sedikit tentang masalah penjaja-penjaja asing yang begitu berleluasa di kawasan Chow Kit yang pernah saya sentuh sebelum ini.

Saya ingat dalam sesi Parlimen yang lepas menteri yang berkenaan iaitu Menteri Dalam Negeri telah berjanji untuk diadakan satu usaha bersepadu untuk membanteras kata berleluasanya penjaja-penjaja asing terutama di kawasan saya sendiri di Chow Kit itu tetapi sehingga sekarang masih tidak ada apa-apa usaha konkrit yang saya lihat sama ada panggilan untuk mesyuarat ataupun orang kata *brain storming session* ataupun sebagainya untuk memastikan supaya masalah ini dapat kita tangani bersama-sama.

■2020

Jadi saya sekali lagi ingin mengingatkan kepada menteri yang berkenaan supaya mengotakan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang rintihan yang disampaikan oleh satu golongan yang mungkin kita tidak sedar kewujudan mereka ataupun mungkin tidak begitu prihatin tentang kewujudan mereka iaitu pasangan-pasangan kepada rakyat Malaysia iaitu pasangan daripada kerakyatan luar negara. Maknanya isteri mereka ataupun suami mereka adalah daripada warganegara luar. Mereka ini dilayan seolah-olah sebagai satu kumpulan atau golongan kelas kedua ataupun kelas ketiga. Mereka mengatakan *Malaysia My Second Home* itu adalah jauh lebih baik orang-orang yang datang, warganegara luar yang kita tawarkan untuk menyertai *Malaysia as second home* itu dilayan lebih baik daripada mereka sehingga *joke* di antara mereka, mereka mengatakan *Immigration Department is our second home*.

Mereka dilayan dengan begitu teruk. Setiap tahun mereka terpaksa pergi memperbaharui visa lanjutan sebagai pasangan kepada rakyat Malaysia dan kadang-kadang mereka terpaksa menunggu sehingga enam dan tujuh jam di Immigration Department. Malah mereka tidak dapat pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka walaupun mereka itu berkelulusan tinggi dan juga seorang profesional. Malah hendak membuka akaun pun bukan semua bank dan mereka terpaksa membayar harga warganegara luar apabila mendapatkan rawatan, sedangkan mereka telah pun menjadi isteri kepada rakyat Malaysia lebih daripada lima tahun, kadang-kadang sampai 15 tahun dan lebih daripada 20 tahun tetapi masih juga tidak mendapat kerakyatan Malaysia dan anak-anak mereka. Mereka juga melahirkan anak-anak yang merupakan rakyat Malaysia.

Jadi saya harap di sini dapatlah kementerian berkenaan membuat satu perubahan kepada peraturan, kepada isteri-isteri rakyat Malaysia yang merupakan warganegara daripada negara luar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Satu minit lagi, Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya, baik. Saya juga di sini mungkin *last*, sudah kata satu minit itu, saya hendak sentuh sedikitlah tentang masalah apa yang dikatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, jangan bawa fahaman politik dalam masjid dan sebagainya, tetapi saya dapati masih juga ada di kalangan jawatankuasa masjid yang mengetepikan Ahli-ahli Parlimen yang dipilih secara demokrasi terhad yang ada di Malaysia ini.

Jadi saya harap perkara ini tidak berlaku. Begitu juga di kalangan kakitangan kerajaan supaya *fear culture* itu hendaklah diubah. Sepatutnya tidak berlaku masalah takut untuk mendekati Ahli-ahli Parlimen yang dikatakan Ahli Parlimen Pembangkang daripada Pakatan Rakyat ini. Jadi di sini saya mohonlah kita membuat satu perubahan yang bersungguh-sungguh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, baik, Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Maran.

8.23 mlm.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah pun dibentangkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melahirkan rasa syukur saya kepada Allah SWT kerana saya masih diizinkan hidup dan berada yang saya cinta, Malaysia ini. Datuk nenek saya, ibu bapa saya dan anak-anak saya juga berada dan mendayung kehidupan dalam negara ini. Walaupun saya dan keluarga saya tidak menjadi jutawan dan hartawan tetapi saya merasa kehidupan yang aman dan selamat dalam negara ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah tercetus dalam sanubari dan hati kecil saya untuk memburuk-burukkan negara sendiri, negara yang saya dilahirkan dan dibesarkan, tetapi saya terlalu kecewa kerana masih terdapat manusia dan rakyat yang mengakui rakyat negara ini menjadi kaya di sini, memiliki rumah banglo, memiliki kereta mewah, mendapat kemewahan dan hidup selesa, dapat menjadi Yang Berhormat, dibayar elaun dan gaji oleh kerajaan, tetapi menghina dan memburukkan kerajaan, malah nampaknya rela dan sanggup menghancurkan negara kerana kepentingan peribadi, ingin berkuasa dengan politik sempit mereka.

Inilah kerja-kerja yang dilakukan oleh pembangkang, menikmati dan menghirup kesenangan dan hasil yang diusahakan oleh kerajaan iaitu Kerajaan Barisan Nasional tetapi bila faedah dapat kepada mereka, mereka lupa. Apakah bentuk hidup mereka seperti ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan kepada rakyat negara ini termasuk sebahagian pemimpin-pemimpin politik termasuk pembangkang dan siapa sahaja yang terus menerus menghina negara sendiri dan kerajaan, supaya membuat pilihan negara mana yang mereka hendak pergi termasuk masyarakat-masyarakat. Dalam keadaan rakyat negara lain mencurah-curah masuk dan mencari rezeki di negara ini yang mereka anggap sebagai lubuk emas dan syurga, amat malang ada sebahagian rakyat negara ini yang menghina dan memburukkan negara sendiri.

Walaupun kenyataan saya ini agak kasar dan dianggap keterlaluan, tetapi ia sekadar ingatan sebelum negara ini hancur dan musnah akibat kesilapan kita sendiri. Ketika itu kekesalan, kekecewaan dan tangisan air mata darah tidak bererti lagi. Ketika itu nasi sudah menjadi bubur, kesal dahulu pendapatan kesal kemudian, kekecewaan dan kehancuran padahnya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kecewa dengan beberapa ungkapan daripada pembangkang yang memprotes usaha yang dilakukan oleh polis dan tentera bagi menjaga keselamatan. Apakah mereka hendak biarkan perkara ini berlaku? Selama ini keselamatan yang kita perolehi adalah hasil daripada kerja dan penat lelah menjaga keselamatan yang dilakukan oleh pasukan polis dan juga tentera dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya merasa terlalu dihina apabila negara Amerika Syarikat yang terkenal dengan kekejaman membunuh beribu-ribu umat Islam di Iraq, Afghanistan, Palestin, penyokong Kerajaan Yahudi dan lain-lain, digunakan oleh rakyat negara ini untuk campur tangan dalam politik negara dan undang-undang negara ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional dan rakyat yang setia kepada negara kerana sumbangan kalian telah dapat mengekalkan kejayaan dan keamanan negara. Cukuplah kita telah dijajah lebih 400 tahun oleh kuasa Barat yang memecah belah dan memerintah negara kita. Jangan nanti kita pula menjadi pelarian dan pendatang asing di negara lain dan dijajah untuk sekali lagi.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada keseluruhannya kita belum berpuas hati dengan pencapaian ini, tetapi ruang masih ada. Kita perlu bekerja keras bagi kita terus meningkatkan taraf hidup negara kita. Jangan menjadi pengkhianat negara sendiri. Ingatlah sekali negara kita hancur, ianya amat sukar untuk dipulihkan. Ambillah pengajaran daripada negara-negara yang telah porak-peranda. Kita perlu bersyukur kerana kita tidak ditimpa dan dilanda bencana-bencana besar seperti gempa bumi, puting beliung dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana bersedia menerima pandangan-pandangan dan teguran pemimpin bawahan dan masyarakat, terutama penduduk luar bandar. Jadi saya ingin menjuruskan perbahasan saya kepada beberapa perkara.

Yang pertama ialah pembangunan luar bandar dan pembangunan wilayah. Mempelajari dan mengambil ingatan daripada keputusan Pilihan Raya Ke-12 baru-baru ini, saya ingin mengingatkan kerajaan dan pemimpin bahawa rata-rata masyarakat luar bandar yang miskin dan masih ketinggalan dan perlu dibela masih setia dan menyokong kerajaan. Sebahagian besar penduduk bandar yang berada dan telah menjadi lebih senang hasil daripada pembangunan dan peluang yang diberi dan dibangunkan oleh Kerajaan Barisan Nasional telah angkuh dan lupa kepada jasa kerajaan, lantas menyokong pembangkang yang sentiasa menafikan jasa dan kerja yang dijalankan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, masyarakat luar bandar yang miskin adalah masyarakat yang punya hati dan perasaan serta setia kepada kerajaan, tetapi mereka tidak mahu ditipu dan dipinggirkan. Ibu bapa-ibu bapa luar bandar miskin tetapi anak-anak mereka kaya dengan pemikiran dan akal yang boleh mengubah sesuatu keadaan termasuk kerajaan. Oleh itu, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan terus memberikan perhatian kepada pembangunan masyarakat luar bandar termasuk di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak.

Peruntukan kepada kementerian yang terlibat secara khusus dengan pembangunan dan peningkatan taraf hidup masyarakat luar bandar perlu ditambah. Di antaranya adalah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan lain-lain lagi.

Secara khusus saya meminta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengambil tindakan serius bagi membuka dan mengaktifkan semula tiga agensi pembangunan wilayah di Pahang, terutama di kawasan saya, Maran. Tidak ada sebab mengapa Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ), Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan Program Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) perlu ditutup, sedangkan lembaga-lembaga kemajuan lain di negeri lain masih dikekalkan.

Kampung-kampung di luar bandar dalam tiga kawasan pembangunan wilayah ini kehilangan peruntukan pembangunan kurang lebih RM130 juta setiap tahun. Jadi saya minta supaya kerajaan memperuntukkan semula peruntukan ini bagi membolehkan kampung-kampung berkenaan diselenggarakan dengan baik.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana melaksanakan ECER, Koridor Ekonomi Pantai Timur, tetapi ECER ini lebih tertumpu kepada kawasan pinggir pantai dan tidak banyak menumpukan kepada pembangunan kampung-kampung tradisional dan pedalaman. Saya ingin minta pihak kerajaan memberikan perhatian kepada keutamaan ini supaya penduduk desa luar bandar di pedalaman tidak tercicir mendapat faedah.

■2030

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Pahang adalah negeri penyumbang besar kelangsungan pemerintahan politik Kerajaan Barisan Nasional di samping Johor dan beberapa negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak. Saya ingin bertanya kerajaan, bilakah ketiga-tiga agensi pembangunan wilayah di Pahang di atas akan dihidupkan semula dan sehingga hari ini, tahap manakah tindakan dan usaha telah diambil sedangkan pada dasarnya kita pernah mendapat jaminan dan persetujuan daripada bekas menteri yang lalu. Buat sementara, saya minta supaya kerajaan dapat menyalurkan lebih kurang RM130 juta secara tetap kepada Daerah Maran bagi meneruskan kelangsungan peranan ketiga-tiga agensi yang telah ditutup ini.

Yang ketiga, saya juga meminta kerajaan membina universiti FELDA di Parlimen Maran sebagai tanda ingatan mengenang jasa kepada Bapa Pembangunan Negara, Allahyarham Tun Abdul Razak, bapa kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah mengilhamkan pembukaan FELDA dan mengorbankan beribu-ribu ekar tanah di negerinya sendiri iaitu di Wilayah Jengka Pahang untuk penempatan beribu-ribu keluarga miskin dari seluruh negara. Pihak pentadbiran daerah telah bersedia menyediakan tapak bagi cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua saya bersyukur kerana boleh dikatakan keseluruhan kehidupan masyarakat FELDA telah berubah. Saya juga meminta supaya kerajaan memberikan perhatian kepada beberapa isu di dalam FELDA ini iaitu:

- (i) meminta kerajaan memberikan perhatian kepada masalah gejala sosial di FELDA seperti jenayah, masalah penagihan dadah dan sebagainya. Saya ingin tahu berapakah jumlah kes-kes dadah yang melibatkan anak-anak peneroka di seluruh negara dan pecahan mengikut negeri-negeri;
- (ii) meminta juga kerajaan memberikan perhatian kepada pertumbuhan gerai-gerai, peniaga-peniaga di kawasan FELDA yang tidak teratur, banyak kedai yang menyakitkan mata. Apakah pihak FELDA tidak boleh membina gerai-gerai yang lebih baik dan teratur dan memberikan kepada peniaga-peniaga yang ada atau jika perlu diserahkan kepada JKKK Rancangan berkenaan untuk menguruskannya agar sebahagian hasil yang diperoleh oleh pertubuhan tersebut; dan
- (iii) meminta kerajaan untuk FELDA mempercepatkan penyelesaian kepada masalah-masalah yang melibatkan generasi kedua dan ketiga FELDA kerana ia menjadi isu semasa pilihan raya yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Satu minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua, dalam membantu masyarakat OKU, saya juga meminta supaya Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga membina dengan segera satu projek PDK atau Program Dalam Komuniti yang telah pun dijanjikan di dalam kawasan saya Parlimen Maran.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan adalah segala-galanya. Saya juga meminta supaya kerajaan memberitahu saya, apakah status kedudukan pembinaan Balai Polis Maran yang telah terbengkalai selama ini dan bilakah projek ini akan disiapkan? Berapakah perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan dalam pembinaan projek ini sehingga ke hari ini termasuk kerugian yang ditanggung oleh kerajaan? Beban pasukan polis semakin mencabar dan mereka semakin terancam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta supaya golongan belia diberikan perhatian. Saya meminta kepada semua pemimpin negara dan pemimpin masyarakat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Termasuk pembangkang..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tiap-tiap ini dicatatkan Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: ...Supaya jangan menjadikan ahli-ahli belia pemuda ini tempat sasaran mereka untuk kita menghasut dan menghina, memberikan tohmahan kepada kerajaan. Akhirnya, golongan ini sebenarnya akan merosakkan negara, bangsa dan agama kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya mengucapkan terima kasih. Dengan itu saya mohon menyokong, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Belakang, Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Segambut.

10.33 mlm.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tajuk bahas saya dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9 adalah RMK-9 tidak berkebijakan.... [Ketawa] Dalam manifesto Pakatan Rakyat, kami mengutamakan negara berkebijakan dengan menumpukan kepada kemudahan untuk rakyat kebanyakan bukannya membanggakan kepada pembangunan infrastruktur yang akhirnya mengenyangkan hanya segelintir kroni.

Isu pertama saya adalah peruntukan kepada ibu tunggal yang tidak mencukupi. Kepentingan kaum wanita yang tertindas terutamanya ibu tunggal sering terpinggir daripada

mendapat bantuan dari pihak berwajib terutama sekali dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Walaupun ada program-program dari kementerian itu seperti Jejari Bestari ataupun I-KIT nama singkat untuk Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal, tetapi di kawasan saya Segambut tiada seorang pun ibu tunggal yang pernah mendengar program-program sebegini. Isu yang kedua saya ialah kekurangan kemudahan awam kepada golongan orang kurang upaya, nama singkat OKU.

Saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini, bahawa Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Yang Berhormat Dato' Dr. Ng Yen Yen pada 7 Mei tahun ini berkaitan dengan ratifikasi *Convention United Nations* mengenai konvensyen terhadap golongan OKU. Malaysia belum meratifikasikan konvensyen itu tetapi hanya menandatangani sahaja. Justeru itu dan jelasnya harapan kerajaan kami untuk ratifikasikan *Convention United Nations* itu masih dipertikaikan. Di peringkat nasional, Malaysia juga masih lagi kekurangan undang-undang untuk melaksanakan komitmen mengenai kebajikan OKU.

Tuan Yang di-Pertua, isu saya yang ketiga iaitu saya mendapat maklumat bahawa golongan tua terutamanya warga emas juga sering tidak mendapat perhatian yang sewajarnya daripada kerajaan. Walaupun Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ada banyak program mengenai warga emas, program-program seperti Dasar Warga Tua Negara, Pelan Tindakan Warga Tua Negara, bantuan orang tua sebulan RM300.00, rumah seri kenangan, rumah Ihsan, pusat penjagaan harian warga emas, unit khidmat penyayang warga emas, bantuan di rumah ataupun nama Inggerisnya *Home Health Services*. Semua program itu di kawasan Segambut, tidak pernah didengar, *unheard of*. Itulah yang menyatakan kempen makluman oleh kementerian langsung tidak berkesan. Jarang sekali kita lihat kakitangan-kakitangan kementerian tersebut menjalankan kempen itu.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kajian Separuh Penggal RMK-9 ini dikaji semula dalam memenuhi kehendak rakyat dan membentuk sebuah negara yang peka kepada kebajikan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya ingin menggulung bahas saya dengan satu pantun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pantun Yang Berhormat? Malam-malam mesti ada pantun Yang Berhormat?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:

Lompat si katak lompat,

Lompatlah tinggi-tinggi,

Jagalah kerajaan ini cepat,

Sungguhpun jaminan kekal, tiada janji.

Terima kasih... [Ketawa]

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Itu sahajakah?

Dato' Haji Mohd. Jidin bin Shafee [Setiu]: Setiu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sri Aman Yang Berhormat. Ini *maiden speech*, saya ingat ini.

8.38 mlm.

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: *Maiden speech*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas mengenai Kajian Separuh Penggal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini termasuk kawasan saya Yang Berhormat, Sri Aman ini, jangan lupa.

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Ya, terima kasih... Pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah berjaya membentangkan kajian separuh penggal baru-baru ini dan saya anggap ini cukup bermakna bagi penduduk-penduduk di kawasan luar bandar terutama sekali di Parlimen saya iaitu di Sri Aman Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang strategi yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk di kawasan pesisir terutama sekali di Sarawak. Yang ini berkaitan dengan pembangunan modal insan iaitu dengan izin, *human capital development*. Jadi saya berpendapat, pembangunan modal insan ini adalah amat penting di kawasan saya terutama sekali di kalangan petani-petani kecil dan juga belia-belia di kawasan pesisir.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan modal insan ini haruslah diurus dengan baik jika kita mempunyai beberapa kemudahan seperti latihan, kemahiran, pusat Giat MARA dan sebagainya tetapi di Sri Aman kita tidak mempunyai kemudahan tersebut. Jadi saya menyeru kepada kerajaan ataupun agensi kerajaan terutama sekali MARA, TEKUN untuk menyediakan kemudahan latihan agar belia kita dan juga petani-petani dapat menjalani latihan supaya dapat menimba ilmu pengetahuan ataupun kemahiran kerana saya berpendapat ramai lepasan ataupun belia lepasan SPM ataupun STPM dapat menghadiri latihan ini nanti agar mereka dapat selepas lulus dengan jaya, dapat berkecimpung dalam bidang perindustrian ataupun yang disediakan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

Saya tahu Tuan Yang di-Pertua, belia kita adalah di masa hadapan akan menjadi tunggak pemimpin lebih-lebih lagi mereka yang cerdik pandai yang tidak dapat peluang untuk bekerja dengan kerajaan jadi mereka akan terus memimpin rakyat terutama sekali rakyat di kawasan pesisir terutama di Sarawak dan Sabah.

■2040

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tidak boleh mengabaikan latihan-latihan untuk para petani di kawasan pesisir, kalau ada institut latihan pertanian misal kata dapat mendedahkan petani-petani kita kepada teknologi moden dan juga persediaan-persediaan yang baru untuk

meningkatkan hasil tani mereka. Oleh sebab pada masa sekarang harga lada, getah dan sawit adalah agak lumayan.

Saya difahamkan bahawa Kementerian Pertanian dan Asas Tani juga akan memberi subsidi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tempoh hari untuk membantu petani-petani kita di kawasan pesisir sebab seperti yang saya katakan tadi, harga getah, lada, adalah agak lumayan. Subsidi ini tidaklah bermakna jika petani kita tidak didedahkan kepada latihan seperti yang saya katakan tadi latihan yang komprehensif mengenai teknologi-teknologi baru yang diketengahkan oleh jabatan-jabatan pertanian ataupun MARDI atau FELCRA dan juga SACRA.

Jadi dengan demikian saya menyeru kepada kerajaan untuk mendirikan Institut Latihan Desa di Sri Aman untuk menampung keperluan latihan pada masa-masa akan datang. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua yang saya ingin sentuh ialah mengenai permohonan usahawan. Saya amat mengalu-alukan langkah-langkah kerajaan untuk menubuhkan Majlis Pembangunan Sosial di Sri Aman.

Dengan majlis ini ramai peserta-peserta bumiputera ataupun usahawan bumiputera akan mendapat faedah. Penubuhan majlis ini juga dapat membantu dan memberi nasihat bagi perniagaan bumiputera yang berminat untuk berniaga. Dengan ini saya mencadangkan agar agensi kerajaan seperti MARA, seperti saya katakan tadi TEKUN dan sebagainya dapat membantu daripada segi memberi pinjaman dengan kadar yang rendah ataupun subsidi bagi para peniaga untuk memulakan *business* mereka.

Saya juga merayu kepada kerajaan agar mereka yang berminat menjadi kontraktor terutama sekali mereka yang mempunyai lesen Kelas F terus diberi bimbingan dan nasihat. Oleh sebab baru-baru ini permohonan untuk lesen Kelas F telah dibekukan kerajaan dan dengan yang demikian, saya memohon jasa baik kerajaan untuk menarik balik pembekuan peluang lesen kontraktor Kelas F secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pembangunan di kawasan luar bandar. Saya bersetuju dengan cadangan dan komen daripada Yang Berhormat Kimanis dan juga dari Lubok Antu minggu lepas yang mengatakan bahawa peruntukan mungkin ditarik balik dari projek mega di Pulau Pinang patut disalurkan semula kepada Sabah dan Sarawak untuk membantu membangunkan kawasan yang agak jauh mundur.

Melalui pembekalan elektrik luar bandar, setakat ini Sarawak sudah dibekalkan secara purata 67% yang telah mempunyai bekalan elektrik secara grid atau terus menerus daripada sama ada Projek Hidroelektrik Batang Ai di Lubok Antu dan di Parlimen saya ini adalah amat masih lagi kurang. Ramai lagi kampung yang masih ketinggalan dan baru-baru ini baru sudah diluluskan sebanyak RM5.7 juta untuk kawasan saya, untuk yang melibatkan lebih kurang 20 rumah panjang yang sedang dibina setakat ini.

Bagi kawasan perkampungan yang tidak ada infrastruktur asas seperti jalan raya dan sebagainya seperti di Hulu Pantu dan juga di Hulu Sebuyau, saya bercadang agar kerajaan mengkaji kemungkinan mengenakan teknologi alternatif seperti mikro hidro, sumber angin, solar, untuk menghasilkan tenaga elektrik untuk kegunaan mereka di kawasan terpinggir. Pada masa kini ramai juga di antara mereka menggunakan generator elektrik secara sendirian dan ini amatlah membebankan mereka dalam keadaan harga minyak atau diesel yang telah meningkat naik.

Oleh yang demikian saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk terus memberi subsidi minyak melalui rebet ataupun *fleet card* dengan izin untuk mengurangkan beban penduduk di luar bandar. Bersama dengan ini juga saya harap kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, terus menjalankan kajian mengenai projek perintis seperti projek mikro hidro yang satu telah diadakan di Sri Aman di kawasan Kampung Abok. Saya ingat agak berjaya dan saya akan terus memohon untuk kawasan-kawasan lain yang jauh di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan ringkas saya diakhiri dengan mengadakan cadangan kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyalurkan peruntukan dengan lebih banyak lagi ke kawasan luar bandar seperti di Sri Aman ini. Saya menyokong apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita ditambahkan lagi peruntukan dengan banyak terutama sekali pada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Dengan ini saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jelutong.

8.46 mlm.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira perbincangan kita harus berlandaskan perspektif yang waras dengan mengambil kira ekonomi dunia yang kian meleset serta kesan dan impaknya terhadap Malaysia dalam tempoh masa 2008 hingga 2010 dan seterusnya. Kita juga harus mengenal pasti bagaimana pula hala tuju dan pengkaedahan kita menangani agenda itu.

Maka itulah natijah paling besar kenapa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan telah dinilai sebagai kurang mantap dan kurang kental untuk menghadapi cabaran ekonomi semasa. Setelah saya menelaah laporan tersebut dengan agak menyeluruh, nampaknya laporan ini lebih merupakan satu kajian ilmiah dan bukan satu rujukan induk yang boleh kita guna untuk mengolah *blueprint* tindakan untuk mara ke depan.

Laporan ini gagal dari segi keperluan menampilkan kaedah-kaedah baru untuk membanteras isu-isu pembangunan dan ekonomi yang kian genting. Oleh sebab kesuntukan masa saya ingin kutip beberapa sudut sahaja. Terdapat *selective presentation of facts*, carta, rajah dan perangkaan yang dibentangkan dalam laporan ini agak rambang. Sepintas lalu terdapat persembahan penerangan dan keterangan akan tetapi tidak mencukupi untuk

membolehkan kupasan intelek. Akibatnya ialah laporan ini bagaikan satu kompas yang tanpa jarum petunjuknya, kita hilang hala tuju yang tepat. Jadi ingin saya mengutip daripada hujah-hujah yang diberikan oleh EPU, garis pendapatan kemiskinan umpamanya dengan izin PIL ataupun *Poverty Income Line*. Apa yang disebut oleh EPU ialah pada paras RM800, kalau angka ini digunakan maka 3.7 daripada kependudukan kita ialah di atas garis kadar kemiskinan.

Akan tetapi kita juga kedengaran daripada menteri yang menjaga tentang EPU, beliau mengatakan PIL yang harus digunakan buat semasa ialah RM1,500. Kalau kadar ini digunakan, maka ia bermaksud terdapat 24.3% adalah di atas kadar kemiskinan. Jadi yang mana yang ditepati, lebih-lebih teruk lagi kerana dalam laporan kajian ini telah diberikan satu hakikat yang menakjubkan iaitu kenaikan harga petrol sebanyak 40% dan juga kenaikan diesel sebanyak 63% tidak digunakan, tidak diambil kira langsung, tidak *de factor in*.

Oleh yang demikian apa yang berlaku ialah kita membuat unjuran yang tidak begitu tepat. Kalau unjurannya tidak tepat maka matlamat kita, sasaran kita mungkin terpesong. Jadi dari situ kita dapat juga petikan daripada World Bank yang terbaru mengenai *Poverty Line Index* yang saya sebutkan tadi. *Poverty Line* mengikut Word Bank telah dikatakan tidak tepat lagi sebagai satu petunjuk kerana *purchase power parity* kian merosot di banyak negara akibat daripada kenaikan harga makanan dan juga bahan api.

Jadi oleh yang demikian apa yang kita sangsikan daripada apa yang dibentangkan dalam laporan ini, kalau benda ini tidak ditangani dengan elok, maka akan munculnya satu *M-Shape Society* seperti mana yang telah diberikan oleh Kenichi Ohmae.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: [Bangun]

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Maksudnya, sekejap nanti 10 minit sahaja. Saya hendak habiskan. Ini kerana kalau kita mengikut Kenichi Ohmae maksudnya dalam sesuatu masyarakat itu, ianya dicernakan oleh lapisan sederhana, *the middle class*. Kalau bentuk yang saya sebutkan tadi tidak ditangani maka *M-Shape Society* akan muncul dan akibatnya ramai daripada golongan sederhana akan jatuh terjunam kepada golongan yang miskin, jadi itulah yang kita kluatir.

■2050

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin masuk kepada apa yang terdapat dari segi pelaksanaan dasar dan apa yang suka saya sebutkan sebagai perangai ikan todak tikam dan menikam. Jambatan Kedua Pulau Pinang dikatakan sebagai benda yang tunggal yang akan dikekalkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk pembayar cukai dan rakyat jelata Pulau Pinang. Itu pun kerja-kerja pembinaannya masih tergugat.

Walaupun pihak Perbendaharaan termasuk Menteri Kewangan II telah memutuskan kos pembinaan jambatan kedua dihadkan kepada RM4.3 bilion pada dua bulan yang lepas, berita terhangat buat masa ini ialah kontraktor utamanya UEM Builders anak syarikat yang berpautan UMNO yang kini dikenal GLC, telah cuba meningkatkan kos pembinaan kepada RM4.58 bilion

dengan alasannya kenaikan harga bahan-bahan mentah. UEM dilaporkan dengan mengatakan bahawa kos perolehan tanah akan menelan sebanyak RM967 juta manakala kos bahagian laut ialah RM3.32 bilion. Lalu UEM menambahkan RM285 juta lagi bagi pembiayaan *design concept* dan kerja-kerja awalan.

Sedangkan sumber-sumber industri mengatakan bahagian darat sepanjang 17 kilometer itu boleh dibina dengan perbelanjaan RM700 juta dan dengan kepastian keuntungan pula dan bukannya RM997 juta seperti yang UEM minta. Dalam pada itu Tuan Yang di-Pertua, kenapa pula UEM harus dibiarkan mengenakan RM285 juta sebagai *development fee* sedangkan segala *design concept* jambatan tersebut sebenarnya adalah hak harta intelektual kepunyaan China Harbour Engineering Company, *partner* UEM. Jangan lupa pula, pihak China telah memberi pinjaman sebanyak USD800 juta untuk menjana pembinaan jambatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya ingin bertanya kepada Perdana Menteri, kalau ia masih anak jati Pulau Pinang, adakah UEM masih mendesak pihak kerajaan membayar wang sebanyak RM285 juta itu sebagai *development fee* untuk pembinaan jambatan tersebut? Adakah EPU dalam Jabatan Perdana Menteri bersetuju dengan permintaan RM285 juta itu? Lebih-lebih lagi kenapa pula *open tender* tidak dijalankan ke atas konsesi pungutan tol serta operasi dan penyelenggaraan jambatan yang telah diputuskan tidak akan diberi kepada UEM?

Kalau tidak, apa pula strategi yang akan diambil untuk memastikan pungutan tol akan digunakan untuk membiayai *soft loan* yang bakal dibekalkan oleh China? Dan apa pula langkah-langkah untuk memastikan kerajaan dapat berjimat sekurang-kurangnya sebanyak RM18 bilion dalam tempoh lebih 40 tahun yang akan datang?

Jadi pada hemat kita dan seperti kita sedia maklum juga bahawa, kedua-dua Menteri Kewangan masing-masing datang dari Pulau Pinang. Kalaulah kedua-dua anak jati Pulau Pinang itu sanggup mengkhianati Pulau Pinang dengan menarik balik PORR dan juga monorel, apatah lagi janji-janji yang diberikan kepada rakyat jelata kita dan juga saudara-mara kita di Sabah dan Sarawak! Itulah natijah hujah kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Parit.

8.54 mlm.

Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Usul Kajian Separuh Penggal RMK-9.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh usaha kerajaan ke arah membina suasana ekonomi lebih mapan dengan memacu gerakan pertanian di peringkat akar umbi di luar bandar untuk menghasilkan bahan makanan yang berorientasikan komersial. Ini bertepatan dengan krisis makanan global dan Malaysia turut menerima tempias dari gelombang kekurangan bahan mentah di peringkat dunia termasuk beras.

Justeru itu, jabatan dan agensi kerajaan berkaitan pertanian termasuk Jabatan Pertanian, MARDI, dan Pertubuhan Peladang Negeri serta Pertubuhan Peladang Kawasan adalah institusi yang boleh memainkan peranan lebih aktif menjayakan misi pertanian negara. Pihak terbabit wajar meneroka tanaman makanan termasuk tanaman kontan seperti jagung, sayuran yang komersial dengan memajukan tanah terbiar milik individu di seluruh negara.

Konsep ini bukan sahaja memberi pekerjaan kepada rakyat terbabit malahan Jabatan Pertanian boleh mengaktifkan semula projek kelompok merangkumi kawasan minimum lapan hektar. Bagi tujuan sama, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menerusi agensinya seperti FELCRA dan RISDA mengalihkan projek tanaman makanan di samping terus memajukan tanah terbiar dengan tanaman komoditi terutamanya kelapa sawit dan getah.

Langkah beberapa kerajaan negeri termasuk Sarawak merancang membuka lebih luas kawasan tanaman padi adalah satu contoh yang dinamik dan wajar diberi sokongan atas inisiatif itu. Pengharapan masyarakat luar bandar kepada kerajaan dalam mengusahakan tanah-tanah terbiar yang luas di serata ceruk negara perlu disegerakan. Bertepatan dengan krisis makanan dan bahan mentah yang melanda dunia dewasa ini, menunjukkan kerajaan amat prihatin terhadap kementerian dan mereka yang memerlukannya. Bidang operasi dalam melaksanakan dasar-dasar yang ditetapkan kerajaan perlu memainkan peranan yang besar dalam menentukan peruntukan-peruntukan ini dapat sampai kepada kumpulan sasar. Bukan sahaja ini akan membantu rakyat, malah akan membantu negara dan ekonomi jua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks meningkatkan keupayaan pengetahuan kredibiliti dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama pula, keutamaan Kementerian Pelajaran perlulah membentuk semangat daya saing dalam pembinaan jiwa manusia. Ia perlu melaksanakan dari peringkat awal lagi iaitu pendidikan prasekolah dan peringkat awal kanak-kanak perlu diberikan perhatian khusus. Kepelbagaian Sistem Pendidikan Prasekolah serba-sedikit menunjukkan tidak ada persamaan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Kementerian Pelajaran perlulah melihat kepelbagaian ini demi memperkukuhkan program pendidikan dan memupuk nilai moral etika yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, usaha menangani kedudukan sosioekonomi yang tidak seimbang di kalangan rakyat di bandar yang dikelilingi pelbagai kemudahan berbanding dengan rakyat yang bermastautin di luar bandar memerlukan pendekatan konkrit dan berterusan terutama daripada jabatan dan agensi yang bertanggungjawab untuk membuat perubahan. Kerajaan peka sehingga mencurahkan peruntukan yang tinggi untuk projek pembangunan di luar bandar, namun keadaan sosioekonomi penduduk masih memerlukan tumpuan yang lebih supaya kemudahan itu terus di manfaat untuk memperbaiki kehidupan masing-masing menerusi kegiatan ekonomi.

Antara perkara yang boleh dipraktikkan ialah menambah pendapatan daripada aktiviti pertanian di kalangan rakyat terutama yang kurang bernasib baik. Saya sukacita menarik perhatian Dewan yang mulia ini, mengenai projek-projek pertanian secara individu dan

berkelompok perlulah diberikan perhatian dan hasil kutipan dihantar ke pusat pengumpulan seta pihak yang bertanggungjawab individu dan jabatan di pusat itu memasarkan hasil tanaman demikian. Jika langkah ini dapat dilaksanakan dengan baik, saya yakin produktiviti kampung dapat dikembangkan dan sekali gus mewujudkan pendapatan sampingan kepada penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup rakyat, antara ciri yang wajar diberi penekanan ialah mutu kebersihan dan kesihatan rakyat di samping kemudahan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan, hospital dan klinik desa. Kesedaran menjaga kebersihan dan kesihatan masih perlu dititikberatkan kerana masih ramai rakyat yang kurang peka terhadap kesihatan diri dan alam sekitar.

Dalam perkara ini tahap sivik di kalangan rakyat juga perlu diambil perhatian kerana tanggapan salah terhadap sesuatu aktiviti kesihatan perlu dibetulkan. Contohnya, pembasmian nyamuk aedes masih ada penduduk tidak prihatin sehingga membiarkan barangan yang boleh menakung air seperti tayar dan tempurung di keliling rumah sendiri, tidak diurus dengan sempurna sedangkan kempen dilaksanakan oleh pihak kesihatan dan PBT. Berikutan daripada contoh yang sedikit ini, saya mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan dengan kerjasama PBT meneruskan kegiatan kempen kesedaran menjaga kebersihan, kesihatan sendiri di samping mengambil perhatian terhadap kebersihan alam sekitar.

Dalam menyediakan keperluan dan kemudahan kepada rakyat Kementerian Kesihatan perlu mengkaji semula peraturan mengehadkan penggunaan ambulan di klinik kesihatan supaya kewujudannya benar-benar memberi manfaat kepada rakyat terutamanya golongan miskin dan orang kurang upaya. Apa yang difahamkan sekarang keluarga pesakit tidak mendapat kemudahan ambulan untuk membawa pesakit dari rumah untuk mendapat rawatan segera klinik. Sehubungan dengan itu, peraturan berkenaan hendaklah dikaji semula supaya perkhidmatan ambulan dapat memenuhi cita rasa rakyat terutamanya di waktu kecemasan,

Tuan Yang di-Pertua, dalam menangani isu kenaikan harga barang terutamanya barangan pembinaan, pelaksanaan program perumahan kos rendah yang dikhususkan kepada golongan berpendapatan rendah dan menengah amatlah dihargai dan dialu-alukan oleh rakyat. Dengan pembinaan tambahan 18,500 unit rumah rakyat disewa, di samping 12,300 unit rumah mampu milik menjelang 2010 perlu diteruskan dengan kos berpatutan yang menunjukkan bahawa kerajaan cukup prihatin dan berhemah demi kesejahteraan rakyat.

■ 2100

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kesempatan ini, saya juga ingin memohon kepada pihak kerajaan dan Kementerian Kesihatan khususnya agar dapat membina sebuah hospital baru di Sri Iskandar. Ini memandangkan pertambahan penduduk khususnya di Parlimen Parit di dalam daerah Perak Tengah apatah lagi di kawasan saya adanya universiti Petronas dan UiTM Sri Iskandar dan hospital yang sedia ada tidak dapat menampung jumlah pesakit.

Pada masa yang sama saya juga mengharapkan Kementerian Kerja Raya dapat melebarkan jalan raya daripada Seputeh dan ke simpang tiga Parit yang mana jalan tersebut agak sempit dan berselekeh di mana sering berlaku kemalangan serta kematian. Semoga Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan dapat memberi penekanan baru dalam semua aspek untuk memacu pembangunan yang seimbang kepada negara yang kita cintai. Saya mohon menyokong.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ketereh. Saya panggil Yang Berhormat Ketereh dahulu. Maaf Yang Berhormat Sik.

Tuan Haji Ab. Aziz bin Ab. Kadir [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian bagi membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba menumpukan perbahasan saya kepada aspek perpaduan, kebudayaan, kesenian dan warisan.

Walaupun jika meneliti kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri didapati bidang ini hanya disentuh sepintas lalu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, walau semaju mana pembangunan kita, walau setinggi mana pencapaian teknologi kita, walau sekaya mana pun ekonomi kita, sekiranya usaha yang khusus dan bersungguh-sungguh tidak ditekankan untuk memperkasakan masyarakat dari segi perpaduan, kebudayaan dan kesenian dibimbangi akan lahirlah satu masyarakat yang hilang jati diri, hilang arah tujuan dan porak peranda kerana kebudayaan mempunyai hubung kait yang rapat dengan jati diri. Ini akan menjadikan usaha kerajaan untuk memperkukuhkan identiti nasional akan gagal mencapai hasrat sebagaimana yang diimpikan apatah lagi bagi melahirkan modal insan dengan minda kelas pertama sebagaimana Teras 2 Misi Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, perancangan bagi melahirkan bangsa Malaysia yang berbudaya luhur dan bersatu ke arah negara bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang sebagaimana yang dislogankan mestilah disertakan dengan pemahaman nilai-nilai budaya murni yang wujud dan sedia ada dalam negara. Nilai-nilai inilah yang harus dikembangkan melalui program fokus terhadap satu-satu matlamat. Kita tidak mahu segala yang diperkatakan itu hanyalah satu hasrat semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan bidang kebudayaan dan kesenian haruslah tertumpu kepada pembinaan nilai-nilai positif serta pemupukan nilai persefahaman apresiasi bagi kepelbagaian budaya. Usaha mengasah bakat seni haruslah dipergiatkan dan terbimbing. Peranan ASWARA harus lebih diperhalusi agar teras keagamaan dititik beratkan dalam melahirkan intelektual seni yang berintegriti.

Tuan Yang di-Pertua, di era globalisasi ini industri kesenian semakin berkembang pesat dan mencabar seiring dengan kemajuan zaman. Di satu sudut, kita seolah-olah kurang prihatin

dengan gejala keruntuhan akhlak dan pengaruh budaya yang mengarah kepada kemaksiatan. Di sinilah amalan keagamaan bukan sekadar bersifat kekulitan tetapi perlu digabung dengan penghayatan akhlak dan keunggulan peribadi. Kini banyak unsur-unsur luar yang meresap ke dalam perkembangan kesenian kita baik dari segi penampilan, pakaian, hiasan kepada tutur kata serta lenggok perbuatan sehingga langsung tidak mencerminkan identiti kita.

Tempat-tempat atau apa jua perkara yang mempunyai nilai warisan seharusnya dipelihara dan dihayati kegemilangannya. Kecemerlangan masa lampau seharusnya menjadi pencetus kepada kegemilangan masa depan. Tuan Yang di-Pertua, kita berbangga menjadikan Memorial Tun Abdul Razak sebagai lambang warisan kepimpinan dan sumbangan Allahyarham Tun tetapi kita tidak pun berusaha untuk mewarisi, menghayati atau mencontohi gaya dan semangat kepimpinan Allahyarham Tun sebagai negarawan ulung.

Semasa hayat Allahyarham Tun, tidak kita dengar pun Tun menganugerahkan tender membekal keperluan negara yang membawa pulangan ratusan juta ringgit kepada pegawai atau suku sakat sekelilingnya. Tidak kita mendengar atau diberitahu oleh sesiapa semasa itu bahawa isteri Allahyarham Tun mengambil kesempatan semasa lawatan rasmi Tun ke luar negara untuk berbelanja seumpama satu pesta membeli belah.

Tuan Yang di-Pertua, jutaan ringgit telah dibelanjakan setiap tahun bagi penganjuran Rumah Terbuka Malaysia bagi pelbagai perayaan wujud di negara kita ini, adakah telah dibuat satu kajian pengukuran khusus keberkesanan program tersebut untuk mencapai hasrat sebagaimana dikehendaki. Kita tidak mahu acara ini hanya menjadi acara makan-makan, pesta-pesta tanpa ada penghayatan nilai murni yang terkesan bagi setiap pengunjungnya.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Integriti Nasional telah menetapkan sasarannya bagi lima tahun pertama 2004 hingga 2008. Sasaran yang dinamakan TEKAD 2008, setelah kita hendak sampai kepada penghujung 2008, apakah lima sasaran itu telah kita capai dan semua keperluan sasar dari pelbagai sektor telah kita libatkan. Bagi melengkapkan misi Rancangan Malaysia Kesembilan ini, ingin saya mencadangkan agar perkara-perkara ini diberi tumpuan sama.

Kefahaman terhadap Islam dan penghayatan terhadap ajaran agama yang bersungguh-sungguh haruslah dijanakan berlandaskan prinsip dan akhlak etika, prinsip keadilan dipupuk, nasib rakyat miskin dan terpinggir dibela, ketidakadilan dan diskriminasi disanggah. Ciri-ciri kebejatan sosial dan ekonomi yang merosakkan dan menggugat keutuhan sistem ekonomi dan sosial terutamanya rasuah dan penyalahgunaan kuasa, membelai kelompok kecil, keluarga, kroni dan golongan kaya serta meminggirkan majoriti rakyat hendaklah ditolak.

Kedua, semangat patriotisme perlu diterapkan dalam diri setiap individu dan juga dalam pelbagai dimensi kehidupan rakyat bagi menyemai sebatikan kegigihan untuk menyumbang kepada kepentingan negara. Ketiga, media elektronik yang amat berpengaruh hendaklah berpendirian bukan sebagai alat propaganda dan komersial semata-mata tetapi hendaklah menjadi alat pembinaan budaya, alat penganjuran kesenian bertaraf tinggi dan alat pemupukan

sifat-sifat jati diri, patriotisme dan nasionalisme Malaysia. Program hiburan yang melalaikan haruslah dihentikan. Saya juga memohon mencadangkan agar peruntukan untuk Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ditambah agar selaras dengan kepentingan dan peranan yang seharusnya dimainkannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri perbahasan ini saya ingin membawa perhatian kepada sebahagian masalah di kawasan saya. Soal kecurian kabel telefon yang terlalu kerap berlaku. Apakah tiada langkah-langkah pencegahan yang berkesan yang boleh diambil oleh pihak TELEKOM Malaysia. Saya juga ingin mencadangkan agar kedai-kedai pembelian barang lusuh diberi pemerhatian dan pengawasan yang bersungguh-sungguh kerana pastinya jika tiada yang sanggup membeli, pasti gejala ini dapat dibanteras.

Permasalahan kedua adalah soal sekolah kekurangan bilik darjah dan bangunan lama. Contohnya saya dimaklumkan bahawa Sekolah Kebangsaan Pauh Lima telah pun diluluskan pembinaan bangunan tambahan oleh bekas Timbalan Menteri Pelajaran semasa menghadiri satu majlis di sekolah tersebut tetapi sampai hari ini kerja pembinaan itu masih belum dimulakan. Apakah projek ini juga telah ditangguh atau dibatalkan kerana wakil Barisan Nasional telah kalah di kawasan tersebut.

Kesimpulannya, sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri percaya saya juga percaya rakyat boleh melihat yang mana benar dan yang mana palsu. Rakyat memang bijak menilai apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan adalah betul untuk memelihara kepentingan rakyat bagi menjaga kebajikan golongan berpendapatan rendah dan sederhana ataukah juga bermotif untuk kepentingan golongan peniaga di sekeliling kelalang penguasa.

Saya juga percaya kepada suara dan hati budi rakyat. Disebabkan rakyat boleh menilailah lima negeri telah jatuh kepada Pakatan Rakyat dan saya boleh terus turut berbahas di Dewan yang mulia ini. Akhir kata, tidak guna kita mendabik dada, menjadi negara yang terbaik di kalangan negara yang terlemah tetapi sebaliknya kita haruslah menjadi negara yang terbaik di kalangan negara yang sama taraf dengan kita. sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Libaran.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya juga turut serta mengambil bahagian di dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mengkhususkan pelaksanaan pembangunan luar bandar. Sejak kita mencapai kemerdekaan negara kita dari segi pembangunan sudah mempunyai kejayaan.

■2110

lanya menjadi kebanggaan kepada seluruh rakyat dan bukan itu sahaja negara-negara membangun banyak mencontohi di atas kejayaan kita. Ini kerana kerajaan mampu melaksanakan pembangunan ini.

Di samping kerajaan mampu melaksanakan pembangunan, sudah tentu semua agensi pelaksana tertumpu melaksanakan pembangunan terutama sekali di kawasan-kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Johor dan sebagainya, tetapi bagaimana pembangunan di kawasan luar bandar yang tidak jelas pelaksanaannya, kerana kita tahu Kerajaan Persekutuan contohnya telah melaksanakan dasar-dasar yang begitu konsisten terhadap pembangunan luar bandar.

Namun, sehingga hari ini, jelas kepada kita bahawa luar bandar bukan sahaja mundur, tetapi rakyatnya banyak berhijrah ke kawasan-kawasan bandar yang menjadi tumpuan untuk mencari kehidupan dan juga kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan-kawasan bandar seperti yang saya katakan begitu jelas cara pelaksanaannya. Kerajaan Persekutuan telah menentukan dasar penubuhannya, akhirnya sampai ke kerajaan-kerajaan negeri. Yang terakhir merupakan yang melaksanakan tanggungjawab ini ialah kerajaan-kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu yakin walaupun Kerajaan Persekutuan begitu jelas tentang pembangunan luar bandar ini, apatah lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, penumpuannya adalah di kawasan luar bandar sehingga projek-projek mega telah ditangguhkan pelaksanaannya demi melaksanakan cita-cita kita menaik taraf kedudukan pembangunan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil satu contoh di atas pengalaman saya. Di kawasan saya contohnya, ada kawasan empat kampung. Di kampung ini, dari segi penduduknya secara mata kasarnya tidaklah begitu banyak, tetapi di masa-masa kita melaksanakan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia dalam masa pengundian di kawasan ini lebih kurang 1,000 orang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua sudah tentu penduduk di kawasan ini sudah berhijrah kerana pembangunan di kawasan itu, sejak kita mencapai kemerdekaan tidak dapat dilaksanakan.

Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, mekanisme yang ada di peringkat kerajaan tempatan sudah tentu ianya melibatkan soal-soal teknikal sebagai pelaksanaan projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar. Jadi, Tuan Yang di-Pertua mungkin kerajaan sampai masanya mengubah sistem yang ada supaya pembangunan ini dapat kita laksanakan. Saya tidak yakin sekiranya mekanisme yang ada ini tidak diubahsuai. Sudah tentu, walaupun kita mempunyai wang yang banyak.

Di Sabah kita terima kasihlah kerana Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kalau tidak silap saya lebih kurang RM20 bilion telah diumumkan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat telah mengumumkan tambahan sebanyak RM1 bilion khusus untuk pembangunan luar bandar. Namun, Tuan Yang di-Pertua bagaimana kita melaksanakan pembangunan ini? Ini kerana, Tuan Yang di-Pertua dari segi pelaksanaannya pun belum jelas, di mana sasaran yang harus kita tuju. Jadi, selepas itu sudah tentu wang yang begini banyak,

sudah tentu ada masa-masa yang tertentu akhirnya wang ini tidak akan sampai ke sasarannya, dan dilaksanakan di peringkat kerajaan tempatan secara rambang, maksud saya menghabiskan wang dalam tempoh yang telah ditentukan.

Jadi, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan, walaupun kita ada sistem seperti yang saya katakan, Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, dan kerajaan tempatan. Sampai masanyalah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebagai kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan luar bandar ini menyelaras semua pembangunan dan mengenal pasti kawasan-kawasan tumpuan yang dijadikan kawasan-kawasan pertumbuhan baru, kerana kita percaya di luar bandar mempunyai keupayaan dari segi ekonominya seperti yang dikatakan oleh kawan-kawan saya. Dari segi nilai warisan untuk tujuan pelancongan semuanya di luar bandar. Begitu juga hasil-hasil pertanian, begitu juga hasil laut. Kalau ini diterjemahkan dengan sebaik mungkin, sudah tentu bukan sahaja kita mempunyai masa depan luar bandar yang begitu jelas, tetapi ianya membantu kepada masyarakat luar bandar supaya dapat berdikari dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan ataupun saya mengucapkan tahniah kepada menteri yang baru di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, bahawa baru-baru ini beliau mengumumkan bahawa 30 kilometer kalau tidak silap saya daripada pusat pembangunan, maka kawasan-kawasan kampung di sekitarnya akan diberikan kemudahan asas jalan raya, elektrik, air dan sebagainya. Jadi, saya masih ragu Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pelaksanaan ini? Dasar sudah bagus tetapi hala tujunya bagaimana? Kalau berpaksikan kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah contohnya di kawasan saya, iaitu hanya satu bandar sahaja iaitu Pusat Bandar di Sandakan. Kawasan Parlimen Libaran ini lebih daripada 60 kilometer luar bandarnya. Jadi, sudah tentu tidak akan terbabit di dalam menikmati perancangan yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua kita tidak mahu lagi bahawa hanya pengumuman dasar yang cantik, tetapi dari segi penyampaian dan pelaksanaannya, itu yang amat penting. Oleh itu, sebagai kerajaan yang prihatin saya percaya bahawa apabila pelaksanaan ini dilaksanakan, kita bukan sahaja melihat daripada cadangan-cadangan dari daerah-daerah ataupun daripada negeri, daripada pihak-pihak yang berkenaan sudah tentu juga kita haruslah dibabitkan bersama sebagai pemimpin di kawasan, kerana kita tahu seperti yang saya katakan tadi, pengalaman saya di satu kawasan patut kita laksanakan. Saya memulakan pembangunan di kawasan saya sebagai contoh, tetapi dalam empat tahun kerana sebagai seorang wakil rakyat sudah tentu kemampuan untuk melaksanakan pembangunan begitu sukar sekali.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua seperkara lagi yang saya nyatakan. Selain daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, sudah tentu kementerian-kementerian yang berkait rapat dengan kemajuan luar bandar seperti pendidikan, Kementerian Kerja Raya

sampailah masanya menyahut cabaran kerajaan, terutama Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan tanggungjawab terutama sekali di luar bandar ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat di kawasan, saya ingin menyentuh sedikit pembangunan di kawasan saya. Di Libaran, mengenai pendidikan. Sejak Rancangan Malaysia Ketujuh, dan kelapan, memang banyak sekolah menengah telah didirikan.

■ 2120

Saya sendiri beberapa kali menyentuh soal penyediaan prasarana pendidikan ini tetapi pelaksanaan tidak cukup kerana sekolah-sekolah yang telah didirikan itu hanya di pinggir bandar di mana jarak antara satu dengan yang lain lebih kurang 3km sahaja. Jadi bagaimana masyarakat luar bandar? Sudah tentu masyarakat luar bandar tidak akan dapat menikmati dari sudut pendidikan ini. Jadi saya ingin menyuarakan supaya pihak Kementerian Pendidikan melaksanakan iaitu SMK Gongong 2 dan juga SMK Libaran kerana kedua-dua SMK ini merupakan SMK yang diletakkan di kawasan luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi, mengenai jalan luar bandar ini kerana saya percaya bahawa wang sebanyak RM1 bilion ini boleh kita laksanakan dengan sebaik mungkin. Contohnya di kawasan saya, jalan luar bandar. Jalan luar bandar seperti Jalan Sungai Manila ke Bantin. Di kawasan ini ada tiga pusat daerah mengundi. Penduduknya lebih kurang sekitar 10,000. Jadi saya berharap kepada Kementerian Luar Bandar supaya mengambil kira tentang pelaksanaan jalan ini. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Gulung, cepat gulung Yang Berhormat.

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Ya, mengenai pemansuhan Jabatan Pembangunan Persekutuan menjadi Jabatan Pembangunan Negeri. Jadi saya memang bersetuju supaya diselaraskan dengan kerajaan negeri tetapi masalah yang timbul banyak projek-projek kecil seperti PJK, atau Projek Jalan Kampung contohnya sehingga hari ini tidak dapat dilaksanakan disebabkan peralihan ini. Jadi, saya percaya disebabkan peralihan ini, tidak adillah kalau sekiranya projek-projek yang sepatutnya kita laksanakan ini ditangguhkan. Saya percaya kalau sampai bulan 11, projek ini tidak dapat dilaksanakan. Jadi saya berharap supaya Jabatan Perdana Menteri dapat melihat keadaan seperti ini. Jadi dengan kata demikian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sik.

9.23 mlm.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Assalamualaikum, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk ikut serta dalam perbincangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan pada kali ini. Tuan Yang di-Pertua dan

Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan keadaan masa, saya hanya akan menumpukan ucapan saya ini atau perbahasan saya ini kepada dua perkara sahaja. Yang pertamanya saya akan melihat ataupun membincangkan daripada segi *task* kedua, meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minat minda kelas pertama.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan kerana pada mula kita mencapai kemerdekaan dulu, kita hanya ada sebuah Universiti Malaya tetapi hari ini kita telah ada 20 IPTA dan 554 IPTS yang memberi kursus daripada sijil, diploma dan ijazah tetapi apa yang kita perlu beri perhatian bahawa di dalam keghairahan kerajaan mewujudkan IPTA dan IPTS ini, kita janganlah lupa soal menjaga kualiti pusat-pusat pengajian tinggi ini kerana kita sedia maklum daripada laporan-laporan yang dikeluarkan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa, kita lihat kualiti IPTA dan IPTS ini amatlah rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju yang mana sebelum ini ada setengah-setengah negara itu kedudukannya adalah sama dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian kerajaan bahawa daripada kajian yang dibuat, pensyarah-pensyarah ataupun pengajar-pengajar di universiti yang ada hari ini cuma tak sampai 30% daripada mereka yang mempunyai ijazah Ph.D yang sepatutnya menjadi pensyarah ataupun pengajar di universiti-universiti awam ataupun di universiti swasta. Logiknya, untuk melahirkan ITAR atau IPTS yang berkualiti, maju dan mampu bersaing dengan pusat-pusat pengajian tinggi di luar negara, kita haruslah memastikan bahawa tidak kurang daripada 60% tenaga pengajar kita terdiri daripada mereka yang memiliki ijazah Ph.D.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya nak ingatkan bahawa apa yang berlaku sejak dulu hingga sekarang ini walaupun kita lihat banyak R&D wujud di universiti-universiti tetapi apa yang jelas kepada kita, oleh kerana sikap setengah tenaga pengajar kita di peringkat IPTA dan IPTS ini, mereka ini jarang mengadakan R&D dalam soal pembelajaran dan pengajaran atau P&P. Keadaan ini menyebabkan kualiti pengajaran di universiti adalah kurang mencapai tahap yang kita perlukan dan kalau kita nak bandingkan R&D daripada segi P&P ini di peringkat sekolah dengan pusat-pusat pengajian ini, saya rasa di peringkat sekolah, taraf pengajarannya adalah lebih baik. Jadi kita mengharapkan di samping R&D lain yang ada di universiti-universiti, pensyarah-pensyarah janganlah lupa mengadakan juga R&D untuk memperbaiki taraf pengajaran dan pembelajaran di universiti untuk memastikan pelajar-pelajar yang dihasilkan nanti berkualiti dan mampu mencapai taraf pelajar global yang boleh bersaing di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita juga perlu mengambil ingat bahawa dalam usaha-usaha kita mewujudkan pusat-pusat pengajian tinggi dan sistem persekolahan kita sendiri, kita janganlah lupa bahawa daripada semasa ke semasa, kedudukan

Bahasa Melayu kita makin terpinggir. Kalau Tuan Yang di-Pertua masih ingat, Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, dalam Penyata Razak yang kita amal peringkat awal kita mencapai kemerdekaan, kita menentukan bahawa dalam 10 tahun merdeka, semua pusat-pusat pengajian tinggi akan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar tetapi oleh kerana kelemahan kerajaan pada masa itu dan juga perubahan sukatan pelajaran, pada tahun 1996, Akta Pelajaran 1996, kita lihat kedudukan Bahasa Melayu makin terpinggir.

Hari ini kita tidak terperanjat lagi malah di media-media massa, di TV-TV yang kita lihat terdapat bukan sahaja orang-orang asing tetapi orang-orang Melayu sendiri tidak lagi mampu untuk bercakap dalam Bahasa Melayu dengan pantas atau dengan bahasa yang baik. Malah adalah menjadi satu kebanggaan kepada pemimpin-pemimpin kita sendiri menggunakan bahasa Inggeris bila bercakap lebih banyak sikit dalam siaran-siaran televisyen. Kita harap soal ini juga dapat kita beri perhatian agar bila kita mencapai kemajuan nanti, tidaklah kita korbankan bahasa kita sendiri, bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu yang menjadi bahasa keagungan kita semua.

Tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat. Maaf, biasa jadi cikgu dulu dan juga duduk di jabatan, selalu dok tuan-tuan dan puan-puan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita juga menjadi lebih bercelaru bila kerajaan mewujudkan pembelajaran dan pengajaran Sains dan Matematik atau PPMSI dalam Bahasa Inggeris.

■2130

Keadaan ini menyebabkan penggunaan Bahasa Melayu sama ada di peringkat sekolah dan di peringkat universiti makin kurang. Keadaan ini menyebabkan taraf bahasa Melayu itu sendiri makin kurang. Apatah lagi pelajar-pelajar ini dalam usaha meningkatkan taraf P&P mereka, mereka juga mula meninggalkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan. Jadi, saya rasa pengenalan PPMSI ini telah bukan saja bertentangan dengan Perlembagaan negara yang menentukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, tetapi juga telah menyebabkan keruntuhan penggunaan bahasa harian bila kita berkomunikasi secara harian ini.

Dalam PPMSI ini juga kita lihat pelajar-pelajar Melayu terutamanya pelajar-pelajar luar bandar termasuk juga pelajar-pelajar India dan Cina diseksa sebanyak dua kali. Dalam usaha untuk berjaya, mereka perlu menguasai bahasa Inggeris yang sebenarnya atau sememangnya mereka lemah. Bila belajar Sains dan Matematik, mereka juga dikehendaki menggunakan bahasa Inggeris. Kelemahan bahasa Inggeris menyebabkan pelajar-pelajar ini lemah dalam pelajaran mereka. Kajian yang dibuat jelas dalam hal ini dan dalam ucapan saya ada sesi yang lalu saya telah menunjukkan satu kajian yang menunjukkan bahawa kemampuan atau penguasaan pelajar-pelajar luar bandar khususnya di dalam mata pelajaran Sains dan Matematik

makin menurun dari semasa ke semasa apatah lagi bagi pelajar-pelajar yang lemah yang mengambil Sains sebagai mata pelajaran Sains Am ataupun mata pelajaran tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Dan akhirnya, saya nak sentuh sedikit mengenai projek di kawasan saya. Sebelum pilihan raya dulu, kerajaan menjanjikan untuk membina jalan dari Kulim Timur ke Merbau Kudung. Apabila lepas pilihan raya, kawasan ini jatuh kepada pembangkang, projek ini saya minta diteruskan juga kerana ini adalah janji Timbalan Perdana Menteri yang telah pun memberikan peruntukan sebanyak RM10 juta.

Yang keduanya projek air di kawasan Sik iaitu membina dan menyiapkan, mentauliahkan loji air baru Jeniang, tangki air konkrit serta pemasangan paip melalui Sederhana di Jeniang dan Kampung Kota Bukit, Sik Kedah Darul Aman. Projek A ataupun pakej A yang itu dan pakej C membina tangki air, sistem pam penggalak serta memasang paip MS dan DI di kawasan Batu Lima hingga ke Kampung Belimbing dan Kampung Paya Terendam saya minta diteruskan kerana Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat peruntukan asal yang diberi adalah RM126 juta tetapi sekarang ini yang dilaksanakan hanya RM40 juta sahaja. Jadi saya minta ini bukan projek mega tetapi projek rakyat untuk kepentingan rakyat dan mohon projek ini diteruskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih. Jemput Yang Berhormat Kuala Nerus.

9.34 mlm.

Dato' Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini. Tahniah kepada kerajaan dan juga Perdana Menteri yang telah membentangkan kajian separuh penggal yang menyeluruh. Pelbagai aspek yang telah membabitkan kehidupan rakyat secara *across the board* dengan izin dan walaupun ia dibuat secara am kita dapati ia menjurus kepada program-program yang *people centric* dengan izin, sekali gus ia mencerminkan kepentingan kerajaan betapa perlunya program-program sedemikian disalurkan untuk manfaat rakyat jelata yang kini keadaannya menjadi lebih tertekan dengan kenaikan harga minyak yang telah pun mencecah paras tertinggi dalam sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, di atas kertas, program-program ini memang dirancang dan nampaknya begitu adil tetapi yang lebih penting bagi saya ia perlu diterjemahkan dengan lebih baik menjadi realiti agar kesempitan rakyat keseluruhannya dapat dikurangkan. Kita masih terdengar ramai rakyat miskin yang mana atap rumah mereka bocor, dinding dan tiang rumah mereka sudah lapuk dan ada yang sudah dimakan anai-anai. Dalam hal ini saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional negeri Terengganu yang telah prihatin terhadap keperluan asas rakyat miskin dengan mengambil inisiatif untuk memberi atap

kepada keluarga miskin dengan percuma. Kejayaan kerajaan mengurangkan kadar kemiskinan keseluruhannya daripada 5.7% pada tahun 2004 kepada 3.6% pada 2007. Manakala kemiskinan tegar susut dari 1.2% kepada 0.7% pada tahun 2007 harus dipuji.

Tuan Yang di-Pertua, perumahan rakyat miskin harus diteruskan malah perlu ditambah sebagai satu usaha sebuah kerajaan yang bertanggungjawab untuk membasmi kemiskinan. Dalam menyediakan rumah-rumah kepada golongan miskin, perlu ada satu mekanisme untuk memastikan hanya kumpulan sasar saja yang mendapat faedah ini. Jangan kita terlepas pandang perkara-perkara ini kerana kerajaan mungkin akan dilabel sebagai tidak adil dalam pengagihan rumah-rumah kepada golongan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, satu garis panduan perlu dibuat untuk lebih jelas dan memudahkan bagi pengagihan sama ada di peringkat pusat atau negeri yang perlu lebih telus supaya usaha-usaha yang murni dengan tujuan ini tidak dipertikai atau diambil kesempatan oleh pihak-pihak yang ada bertujuan politik. Oleh itu saya menyarankan kementerian bertanggungjawab mengumpulkan maklumat-maklumat yang lebih lengkap atau *data base* dengan izin seseorang individu yang ingin memohon rumah yang dibina untuk golongan miskin. Kita tidak mahu mereka diganggu peluang yang disediakan khas untuk golongan-golongan ini.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, bantuan untuk golongan-golongan miskin selain daripada rumah perlu dikaji semula dan dinaikkan memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat. Dalam keadaan harga minyak yang melambung tinggi, apa yang mampu dibeli oleh golongan miskin dengan bantuan kebajikan sebanyak RM500 yang kini sudah tidak mencukupi lagi. Kita akui kerajaan telah banyak membantu golongan miskin dengan pelbagai program termasuk program di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia, pinjaman tanpa faedah untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan dan bermacam-macam lagi.

Usaha ini memang bertujuan baik tetapi apakah ada pemantauan yang konsisten untuk memastikan kejayaan atau setelah diberi bantuan golongan ini dibiarkan untuk meneroka alam perniagaan yang mereka sendiri tiada pengalaman. Kebanyakan bantuan-bantuan Tuan Yang di-Pertua untuk golongan miskin ini tidak mencapai matlamat yang sebenarnya kerana tidak ada *follow up* dengan izin ataupun pemantauan yang berterusan sehingga ke peringkat mana penerima-penerima boleh berdikari dan menjadi contoh kepada yang lain.

Saya ingin mencadangkan agar golongan miskin ini diberi bantuan mengikut *vocational skill* masing-masing atau kecenderungan mereka dalam satu-satu bidang. Mereka yang lebih bersemangat melakukan kerja-kerja mereka yang mereka suka. Contohnya jika mereka suka kepada perniagaan, tunjuklah kepada mereka bagaimana untuk mengurus perniagaan dengan baik dan jaya selain daripada memberi pinjaman yang sewajarnya. Jika mereka ingin bertani, tunjukkan kepada mereka kaedah pertanian moden yang boleh mendatangkan hasil yang lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, konsep pertanian melalui kaedah fertigasi yang begitu berjaya dan harus dijadikan contoh sebagai galakan untuk membabitkan, menarik pembabitan golongan miskin dalam pertanian moden. Masalah utama golongan miskin yang terbabit dengan pertanian adalah pemasaran ataupun penjualan hasil. Mereka sering menjadi mangsa kepada orang-orang tengah yang mengambil kesempatan terhadap kejahilan mereka mengenai pemasaran.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah kontrak *farming* dan *forward selling* dengan izin perlu diperluaskan kepada golongan miskin yang ingin menceburi bidang pertanian. Kaedah ini boleh menyelesaikan banyak masalah termasuk pemasaran dan memberi jaminan pendapatan yang stabil kepada petani. Kegiatan ini jika disepadukan boleh tingkatkan *food security* dengan izin, negara yang telah kita war-warkan masa kini. Kita perlu mengubah minda golongan petani dan orang awam umumnya bahawa pertanian itu menguntungkan. Jika ini diusahakan dengan nekad dan tersusun, saya percaya stigma terhadap golongan miskin petani akan terhapus dengan sendirinya.

■2140

Mungkin FAMA boleh memikirkan sesuatu kaedah penyelesaian masalah ini dan sekaligus membantu petani dari golongan miskin supaya ia lebih berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan juga dikaitkan dengan nelayan, terutama nelayan pantai. Saya percaya kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membiayai pelbagai skim bantuan menaikkan taraf kehidupan mereka dan untuk menambah pendapatan nelayan. Antara skim bantuan pemberian bot, pemberian enjin, pukot, subsidi minyak dan latihan. Bantuan Amanah Ikhtiar Malaysia juga diberi untuk membantu golongan nelayan supaya berdikari. Kerajaan juga membina tukun-tukun tiruan bernilai jutaan ringgit dan prasarana jeti dan bilik sejuk untuk meningkatkan tangkapan ikan kepada nelayan-nelayan pantai.

Persoalannya, adakah pemantauan dibuat setelah segala input-input ini dibuat? Apakah nelayan-nelayan yang menerima bantuan itu dapat menambah pendapatan mereka atau keadaan mereka tidak berubah? Apakah ada insentif baru yang boleh diberikan lagi supaya mereka lebih berjaya dan menjadi contoh kepada nelayan-nelayan yang lain.

Kita juga ingin tahu sama ada jumlah tangkapan ikan bertambah setelah kerajaan melabur berjuta-juta ringgit untuk meletakkan tukun-tukun tiruan di dasar laut. Pemantauan ini perlu untuk mengetahui keberkesanan segala bantuan yang telah diberikan. Jika ia tidak berkesan, kemungkinan besar kerajaan perlu menggubal pelan pembangunan ekonomi nelayan yang lebih tersusun dan efektif supaya nelayan dapat meningkatkan taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin sudah sampai masanya *database* nelayan di kemas kini supaya mereka yang masih miskin dapat terus dibantu dan yang sudah berjaya terus disokong supaya dapat meningkatkan lagi pendaratan ikan. Muara-muara sungai yang merupakan laluan keluar masuk utama bagi nelayan untuk keluar ke laut dan untuk mendaratkan ikan juga harus didalamkan. Bot-bot laut dalam umpamanya di Besut Terengganu di Kemaman dan di Dungun

sering berhadapan dengan masalah muara yang cetek. Kerajaan mungkin perlu membina benteng-benteng pemecah ombak di kawasan-kawasan ini.

Di Kuala Terengganu kawasan lagun di muara sungai juga semakin cetek dan menyusahkan nelayan untuk melabuhkan perahu-perahu mereka berhampiran dengan jeti terutama bila air surut. Saya harap prasarana untuk memudahkan nelayan menjalankan aktiviti di baik pulih supaya lebih banyak ikan dapat didaratkan di jeti-jeti utama untuk mengelakkan penjualan ikan di tengah laut dan juga kepada nelayan-nelayan asing...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sedikit lagi, minta sedikit lagi. Tidak lengkap kalau saya tidak bercakap berkenaan dengan kawasan saya yang kini begitu pesat membangun. Sudah ada beberapa pusat pengajian tinggi yang bertaraf universiti dan sebuah lapangan terbang baru, sebuah kompleks sukan yang serba canggih.

Namun kawasan ini Tuan Yang di-Pertua, kita masih berhadapan dengan keadaan yang sesak untuk menghala antara Kuala Nerus dan juga Kuala Terengganu. Sehubungan dengan itu saya mencadangkan satu lagi jambatan baru dibina di Bandar Kuala Terengganu menyeberangi Seberang Takir dan juga ke Kuala Terengganu kerana jambatan Sultan Mahmud masa kini telah sesak. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: PJ Utara.

9.44 mlm.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat kecewa dengan ucapan kajian yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai pencapaian dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan pada dua tiga tahun yang akan datang. Kajian separuh penggal ini merupakan peluang keemasan bagi Kerajaan Barisan Nasional untuk membetulkan banyak kesilapan dasar pada tahun-tahun yang lalu.

Kajian ini memberikan peluang kepada kerajaan untuk menunjukkan keikhlasan dan kesungguhan politik ataupun dengan izin, *political will* untuk menaiktarafkan kualiti kehidupan rakyat. Terutamanya dalam suasana keadaan inflasi dan harga barangan keperluan yang kian meningkat. Akan tetapi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun melepaskan peluang ini dengan memberikan satu ucapan yang tidak ber *substance* yang tidak tentu hala dan tidak mempunyai dasar yang cukup konkrit untuk menghadapi cabaran kepada ekonomi dan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan kerajaan pada keseluruhannya telah menyeru supaya rakyat jelata menyesuaikan

cara hidup ataupun dengan izin, *change life style* mereka untuk menghadapi cabaran inflasi. Kami kerap kali diminta supaya mengetatkan tali pinggang, *tighten our belts*. Apakah tindakan kerajaan selaras dengan seruan tersebut?

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan dan diterbitkan secara besar-besaran dalam surat khabar tempatan bahawa elaun hiburan menteri-menteri akan ditolak 10%. Langkah tersebut bersamaan dengan langkah-langkah yang lain dianggar menjimatkan sebanyak RM2 bilion. Walaupun elaun hiburan ditolak...

Beberapa Ahli: Elaun keraian.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *Entertainment allowance.*

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Elaun Keraian.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ah?

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: *Continue.*

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Okey. Walaupun elaun tersebut hanya ditolak 10%, nampaknya amat kurang. Kalau hendak tolak, tolaklah 50%. Kami masih berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengambil langkah-langkah yang lain...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Disko Selangor tolak 50%.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: ...Mengambil langkah-langkah yang lain yang akan lebih menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Akan tetapi setelah menganalisis ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan laporan kajian dengan teliti, saya tidak nampak dasar yang menyeluruh untuk menjimatkan terutamanya perbelanjaan operasi. Rakyat jelata dan Ahli-ahli Parlimen yang mengutamakan kepentingan rakyat, ingin mendengar daripada Kerajaan Barisan Nasional adakah pembatalan.. minta maaf...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk.]*

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Rakyat jelata dan Ahli-ahli Parlimen yang mengutamakan kepentingan rakyat, ingin mendengar daripada Kerajaan Barisan Nasional adakah pembatalan dasar bersikap kroni seperti penawaran *aprove permits* ataupun AP kepada pihak elit yang tertentu yang lebih dikenali sebagai AP Kings.

AP Kings telah mencapai kekayaan yang tidak dapat dibayangkan dan mereka tidak lagi memerlukan bantuan daripada kerajaan atas alasan Dasar Ekonomi Baru untuk menjadi lebih kaya. Rakyat ingin kerajaan melaksanakan tender terbuka secara bersaing yang telus supaya kerajaan akan mendapat pendapatan yang lebih banyak. Jika setiap AP bernilai pasaran sebanyak RM30 ribu, 70 ribu AP yang ditawarkan setiap tahun akan membawa hasil melebihi RM2 bilion yang boleh digunakan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam.

Kalau kerajaan perlu membangunkan pihak pengusaha kaum bumiputera, laksanakan tender terbuka secara bersaing yang telus, untuk semua syarikat bumiputera dan bukannya ditawarkan secara percuma kepada pihak kroni yang tertentu sahaja. Kerajaan perlu membangunkan semangat persaingan syarikat bumiputera dan Malaysia dan bukannya

menghapuskan semangat tersebut. Pada masa yang sama, Malaysia memerlukan budaya tender terbuka serta bersaing yang telus dan perlu diperluaskan kepada semua projek yang dijalankan oleh kerajaan. Hanya dengan sistem persaingan yang terbuka ini, kerajaan akan mendapat penjimatan yang maksimum dan mewujudkan kualiti yang lebih tinggi.

Sekali lagi kalau kerajaan berpandangan syarikat tempatan perlu diberikan perlindungan, maka laksanakan tender terbuka tempatan. Kalau katakan kerajaan ingin memberikan peluang kepada syarikat bumiputera, laksanakan tender terbuka bumiputera. Akan tetapi, budaya rundingan terus yang selalu membawa hakikat, atau pun persepsi rasuah dan kroni mesti dihapuskan.

Jikalau sebuah syarikat seperti EUM yang telah berjaya membina jambatan Pulau Pinang yang ketiga panjangnya di Asia 10 tahun yang lalu, masih belum dapat bertanding dalam satu tender antarabangsa dan masih memerlukan sedekah daripada kerajaan, ia menunjukkan kegagalan Dasar Ekonomi Malaysia.

Dengan tender yang terbuka, kerajaan dianggar akan dapat berjimat sebanyak 20% jika berbanding dengan kos pembinaan jambatan-jambatan yang lain di seluruh dunia. Misalnya jambatan 36 kilometer di Shanghai akan dibina dengan kos RM149 juta setiap kilometer jauh lebih murah daripada RM179 juta setiap kilometer bagi jambatan Pulau Pinang kedua. Ini belum lagi diambil kira permintaan syarikat UEM untuk meningkatkan harga pembinaan daripada RM40.3 bilion ke RM40.8 bilion yang telah dipertimbangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

■2150

Budaya tender terbuka akan benar-benar menjimatkan perbelanjaan kerajaan dan bukannya satu langkah yang tidak bersungguh-sungguh seperti memotong elaun menteri sebanyak 10%. Kerajaan selalu memberi sebab bahawa wang tidak mencukupi dan oleh itu subsidi perlu dikurangkan.

Akan tetapi pada masa yang sama dalam 10 tahun yang lalu, perbelanjaan mengurus, *operational expenditure* yang hanya berjumlah RM46 bilion telah pun meningkat tiga kali ganda kepada RM129 bilion bagi bajet tahun ini. Pada masa yang sama, perbelanjaan pembangunan hanya meningkat dua kali ganda sahaja daripada RM19 bilion kepada RM41 bilion.

Perbelanjaan mengurus meningkat dengan begitu dahsyat sekali membuktikan bahawa kerajaan memang mempunyai yang mencukupi. Cukai-cukai terutamanya yang berasal daripada sektor minyak dan gas yang pada tahun ini dianggar menyumbang sebanyak 37% kepada hasil yang dikutip kerajaan, kerana Malaysia beruntung apabila harga minyak meningkat. Akan tetapi pendapatan kerajaan yang meningkat dengan begitu cepat selalunya dibazirkan dengan sia-sia sahaja. Banyak kementerian telah diperuntukkan belanjawan yang terlalu banyak sehingga tidak tahu buat apa, hendak beli apa.

Misalnya kementerian menggunakan wang lebihan untuk membeli set pemutar skru dengan kos RM224 berbanding dengan kos sebenar seperti RM40, set pen teknikal yang

berharga RM1,146 berbanding dengan kos sebenar yang RM160, membeli *car jack* yang bernilai hanya RM50 dengan kos RM5,700. Oleh kerana...

Seorang Ahli: Sudah lama itu.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Lama pun tiap-tiap tahun ada *repeat* kan? [Disampuk] Sehingga hari ini ramai pihak yang bertanggungjawab ke atas pembaziran dan rasuah perkara-perkara di atas masih belum diambil tindakan dan siasatan macam sudah tidak lagi diberikan kepentingan. Oleh kerana pendapatan meningkat, kerajaan juga telah membina sebuah perkhidmatan awam yang gergasi.

Sejak tahun 2000, jumlah pekerja perkhidmatan awam yang tidak termasuk pekerja-pekerja negeri dan GLC telah meningkat sebanyak 23% kepada 1,142,000 orang. Apakah yang diperlukan dijalankan oleh kerajaan dalam masa enam tahun yang lalu yang memerlukan penambahan anggota perkhidmatan awam yang begitu ramai. Sepatutnya jumlah anggota perkhidmatan awam tidak perlu meningkat kerana polisi kerajaan, penswastaan syarikat-syarikat kerajaan patutnya mengurangkan anggota perkhidmatan awam.

Berbanding dengan negara-negara lain, nisbah anggota perkhidmatan awam di Malaysia dengan bilangan penduduk amat tinggi. 4.68 % penduduk Malaysia merupakan pekerja Kerajaan Persekutuan berbanding dengan 1.79% di Indonesia, 1.85% di Korea Selatan dan 2.69% di Taiwan.

Kenapa Malaysia memerlukan anggota perkhidmatan awam yang begitu besar dan begitu ramai? Adakah ini disebabkan oleh kekurangan keberkesanan ataupun dasar kerajaan untuk memberikan pekerjaan kepada siswazah universiti Malaysia yang menganggur?

Oleh itu, jelas bahawa kerajaan bukannya kekurangan modal tetapi menghadapi masalah terlalu banyak wang dan tidak tahu hendak taruk di mana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Gulung, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Bagilah *chance* sedikit, okey. Selain daripada perkara-perkara di atas, pihak Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Kedua yang berasal dari negeri Pulau Pinang telah pun memotong bajet Pulau Pinang dengan banyak sekali dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Oleh sebab itu adakah Menteri Kewangan dan juga Perdana Menteri sanggup meminggirkan rakyat di negeri tersebut yang menghadapi cabaran yang sengit. Dengan itu, saya ingin berterima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Lanang.

9.55 mlm.

Datuk Tiong Thai King [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira dua tahun yang lalu pada 31 Mac 2006, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan sebagai wadah wacana Pembangunan Lima Tahun Negara untuk tempoh 2006 hingga 2010.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak mengucapkan syabas kepada kerajaan yang telah membuat perancangan rapi demi menggunakan sumber-sumber yang terhad untuk membangunkan negara kita dari segi penyediaan infrastruktur asas dan juga pembangunan modal insan. Pada ketika itu keadaan ekonomi negara kita masih dianggap berada dalam situasi sihat dan bertumbuh kepada kadar lebih daripada 6% setahun.

Walau bagaimanapun, dua setengah tahun selepas pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan, krisis kenaikan harga petroleum tercetus secara global dan Malaysia terus menghadapi keadaan ekonomi yang mencabar. Kenaikan harga minyak dan komoditi yang mendatar serta kemelut dalam pasaran kewangan sedunia yang masih berlanjutan agak membimbangkan serta menyukarkan rakyat jelata.

Krisis sebegini mampu menjejaskan usaha kita untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan mencapai pertumbuhan yang mapan. Ini tetap akan mempengaruhi kadar pertumbuhan ekonomi, menjejaskan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan secara keseluruhannya mengurangkan margin keuntungan pelbagai sektor. Ini dengan secara langsungnya akan mengurangkan hasil kerajaan. Maka dalam keadaan sebegini, bagaimanakah kerajaan dapat menunaikan janji-janji yang dibuat semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan haruslah memastikan agar mutu hidup rakyat tetap dipelihara. Program-program pembinaan infrastruktur asas, pembangunan modal insan, peningkatan pendapatan serta jaringan keselamatan sosial meningkatkan kapasiti dan daya saing negara kita mesti dilaksanakan dan diperkasakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ini, perkembangan sektor swasta tidak akan dipengaruhi; bagaimanakah pihak kerajaan dapat membantu syarikat-syarikat swasta. Kadar pendapatan cukai syarikat di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding secara relatif dengan kadar cukai pendapat di negara-negara lain di rantau ini. Saya bercadang agar kerajaan mempertimbangkan untuk mengurangkan cukai pendapatan syarikat-syarikat dengan segera agar mereka mampu mengatasi kemelesetan ekonomi sekarang.

Saya berasa amat gembira kerana kesudian Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi pertimbangan serta peruntukan istimewa kepada negeri Sarawak dan Sabah dalam Kajian Penggal Pertengahan Rancangan Malaysia Kesembilan yang diumumkan baru-baru ini. Rakyat dan ketua-ketua negeri di Malaysia Timur akan tetap memberi sokongan padu kepada Kerajaan Barisan Nasional jika kepentingan mereka tetap dipelihara dan kebajikan mereka dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai salah seorang daripada Wakil Rakyat di Sibiu ingin memohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar mempertimbangkan rayuan

Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional di SibU di mana surat rayuan tersebut telah pun diserahkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri empat bulan yang lalu semasa Yang Amat Berhormat merasmikan majlis pembukaan dewan baru SMK Saint Elizabeth pada 11 Februari 2008.

■2200

Antaranya adalah Projek Meningkatkan Taraf Pembangunan Terminal Lapangan Terbang SibU, Projek Pencegahan Banjir Bandar SibU, dan Projek Pembinaan Stadium Tertutup SibU. Projek-projek ini merupakan projek yang amat mustahak dan harus diluluskan dan dilaksanakan dengan kadar yang segera demi kepentingan rakyat jelata di SibU.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya berharap projek-projek yang disebutkan tadi akan diperuntukkan sebahagiannya dalam peruntukan istimewa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong.

10.01 mlm.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, mahu seluruh rakyat Malaysia berusaha. Akan tetapi kita mahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memastikan seluruh rakyat dapat berusaha lebih-lebih lagi dalam suasana politik selepas Pilihan Raya Umum pada 8 Mac yang lalu. Bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dapat menggembelng seluruh rakyat ke satu arah tuju yang sama?

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya semasa membahaskan usul menjunjung kasih atas Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Parlimen yang lepas, saya telah buat seruan agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat menguruskan hubungan pusat dan negeri dengan bijaksana sebab perubahan politik ini telah menuntut satu pendekatan dan iltizam yang berlainan daripada masa-masa yang lalu.

Kita perlu menilai semula segala praktis dan pendekatan dalam sistem Persekutuan yang kita amalkan yang menggariskan pembahagian kuasa-kuasa di antara pusat dengan negeri-negeri. *Federalism* dalam sebuah demokrasi liberal merupakan satu mekanisme yang membolehkan kuasa Kerajaan Pusat dihadkan agar kerajaan negeri boleh memainkan peranan yang lebih besar. Rasional di sebalik falsafah ini ialah kerajaan negeri lebih hampir dengan rakyat berbanding Putrajaya. Mereka lebih tahu apa yang dikehendaki oleh rakyat di negeri-negeri. Maka, mandat yang diberikan oleh rakyat kepada kerajaan negeri masing-masing perlu dihormati oleh Kerajaan Pusat.

Kajian Separuh Penggal RMK-9 adalah peluang yang terbaik bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengambil kira dan mengambil berat tentang perhubungan dan pengurusan perhubungan di antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri. Walaupun ini

menjadi hak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Pusat untuk mengkaji Separuh Penggal RMK-9 ini, akan tetapi apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat dapat disambut baik oleh kerajaan negeri khususnya negeri Pulau Pinang yang merasa tindakan-tindakan diambil untuk membalas dendam dan mengetepikan rakyat negeri Pulau Pinang?

Apakah ini cara yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menguruskan hubungan dengan negeri Pulau Pinang? Apa akan terjadi jika kerajaan-kerajaan negeri yang tidak di bawah naungan Barisan Nasional ambil tindakan untuk tidak bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dalam pelaksanaan program kerajaan? Tidakkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sedar, misalnya Koridor Pembangunan Utara, adalah terdiri dari negeri-negeri di bawah naungan Pakatan Rakyat? Jika kerajaan negeri tidak setuju, apakah projek pembangunan boleh dilaksanakan di NCER?

Apa yang kita ingin lihat Tuan Yang di-Pertua, adalah satu keadaan 'menang-menang' di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri yang akan membawa kepada mencapai matlamat Wawasan 2020. Saya ingin menegaskan negeri Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang terlalu penting untuk digagalkan. Gagalnya negeri Pulau Pinang, gagallah Malaysia. Gagallah mana-mana negeri pun, gagallah Malaysia. Ada pihak yang mencabar Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mencari tabung bagi melaksanakan projek-projek infrastruktur yang penting untuk menjadikan negeri itu sebagai hab pengangkutan di Wilayah Utara.

Kita menyahut cabaran sekiranya Kerajaan Pusat sedia memperturunkan kuasa dan tidak meletakkan halangan-halangan kepada usaha kerajaan negeri untuk melaksanakan apa yang baik kepada rakyat, kepada negeri dan kepada negara Malaysia. Apa yang kita ingin lihat adalah keadaan iaitu jika Kerajaan Pusat tidak ingin buat, janganlah halang kerajaan negeri. Jika ia sanggup buat melalui *Private Financial Initiative* atau PFI, khususnya dalam bidang-bidang seperti pengurusan lalu lintas dan pengangkutan awam, pelancongan, sistem pengurusan sisa pepejal, perkhidmatan perbandaran, pendidikan, pembangunan warisan, perumahan dan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, kesesakan jalan raya serta kurang keberkesananannya pengurusan pengangkutan awam dikenal pasti sebagai beberapa faktor penting yang menjejaskan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam. Apakah Kerajaan Pusat sedia menjadi fasilitator kepada inisiatif kerajaan negeri untuk menambahbaikkan perkhidmatan pengangkutan awam seperti menyediakan perkhidmatan bas oleh syarikat pegangan kerajaan negeri untuk menangani sistem pajak yang membelenggu perkhidmatan bas di negeri Pulau Pinang.

Kuasa-kuasa harus diperturunkan supaya kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dapat memainkan fungsi yang lebih berkesan, lebih-lebih lagi apabila Kerajaan Pusat sudah mengambil keputusan untuk membatalkan, menanggung dan menarik balik peruntukan-peruntukan untuk berbagai-bagai projek di negeri Pulau Pinang yang dahulunya diluluskan di bawah beberapa kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, kita ingin melihat usaha digandakan dalam bidang pengangkutan awam dan kita sedia menerokai sistem multi-model bagi menangani masalah sedia ada sehingga kita menyeru juga satu *public transport authority* di peringkat negeri dibenarkan ditubuhkan untuk mengatasi, mengawal dan mengurus pengangkutan awam di negeri Pulau Pinang.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin Kerajaan Pusat menjelaskan bagaimana menjaga kepentingan tuan tanah yang terlibat dalam pengambilan tanah di bawah Projek *Penang Outer Ring Road* yang ditangguhkan itu. Tanah-tanah yang terlibat telah dibekukan semenjak tahun akhir 90-an dan tanah-tanah ini tidak dapat dimajukan. Tuan tanah perlu memikul beban kewangan sehingga ada yang diisytiharkan mufliis kerana pembekuan tanah mereka.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini Tuan Yang di-Pertua, saya banyak soalkan proses pemusatan kuasa-kuasa di bawah Kerajaan Pusat atas pelbagai alasan yang telah menghakis kawalan kerajaan negeri atas bidang-bidang yang amat penting untuk pembangunan negeri. Satu contohnya adalah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 yang memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan. Sudah hampir setahun akta ini diluluskan dalam Dewan ini, tetapi aktiviti pengurusan sisa pepejal masih belum berkuat kuasa.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jawapan kepada soalan saya pada 2 Julai tahun ini, bahawa oleh itu, aktiviti pengurusan sisa pepejal di negeri Pulau Pinang masih di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan sepenuhnya. Saya menyambut baik jawapan ini dan saya mahu kepastian bahawa pada masa sekarang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pihak berkuasa tempatan berkuasa untuk mengendalikan pemilihan syarikat konsesi terhadap tapak pelupusan di Jelutong dan Pulau Burung termasuk menggunakan teknologi, *material, recovery facility* dan mengadakan tender terbuka untuk memilih syarikat konsesi ini.

■ 2210

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Perkara ini menjadi terdesak Tuan Yang di-Pertua kerana sisa-sisa pepejal dari Pulau Pinang kini dihantar melalui pengangkutan laut ke Pulau Burung di Seberang Prai Selatan dan laluan ini mungkin akan terganggu oleh projek pembinaan jambatan Pulau Pinang yang kedua. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedia mengambil langkah ke hadapan untuk menangani masalah pengurusan sisa pepejal dan kita berharap Kerajaan Pusat jangan letak halangan-halangan untuk menghalang kerajaan negeri untuk buat sedemikian. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Paya Besar.

10.11 mlm.

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-9. Dalam kita mengharapkan RMK-9 mencapai kejayaan, kerajaan mestilah telus dalam melaksanakan rancangan yang telah disusun

agar segala kelemahan yang ditempuhi melalui rancangan-rancangan yang terdahulu diperbaiki dan menjadi iktibar agar apa yang dijanjikan kepada rakyat dilaksanakan. Pada kesempatan ini saya mengemukakan kepada kerajaan untuk menjenguk semula kepada projek pembangunan terutamanya pembangunan di luar bandar dan kampung-kampung.

Walaupun Malaysia sudah berada di gerbang negara maju, namun subjek pembangunan di kawasan pedalaman di kampung-kampung, desa-desa dan pekan-pekan kecil malah di bandar-bandar masih lagi merupakan agenda utama kerana banyak lagi ruang pembangunan ini yang belum diselesaikan manakala yang sudah diusahakan pula perlu ditingkatkan atau dinaiktarafkan. Sehubungan dengan ini saya ingin merujuk kepada beberapa projek pembangunan seumpama ini yang mana salah satu daripadanya ialah rancangan membina sebatang jalan raya di antara Sungai Lembing di Kuantan dengan Jerantut yang pernah diperuntukkan di bawah RMK-5 dahulu lagi.

Pembinaan jalan raya sepanjang 129 kilometer dengan kos RM40 juta ketika itu memberi banyak kemudahan bukan sahaja kepada rakyat di kedua-dua daerah ini malah bagi daerah Lipis juga dapat menggunakannya secara langsung. Saya mengemukakan masalah ini kerana ia sudah berlarutan selama lebih daripada 20 tahun dan saya khuatir ianya akan dipersendakan sebagai projek pembangunan luar bandar yang dinafikan haknya sebegitu lama. Di samping itu jalan-jalan yang rendah di kawasan yang setiap tahun dilanda banjir, sebagai contoh jalan Kuantan ke Sungai Lembing perlulah dinaikkan tarafnya agar permasalahan ini dapat diatasi dan perjalanan ke destinasi ini tidak terputus apabila banjir melanda.

Begitu juga dengan projek tebatan banjir di Sungai Isap yang telah dirancang sejak tahun 2005. Dalam ECER pula Gambang telah dijadikan sebagai pangkalan makanan halal, bagaimanapun laporan daripada jabatan dan agensi kerajaan seperti JKR, bekalan air dan Tenaga Nasional, kemudahan yang sedia ada tidak mencukupi bagi menampung pembangunan yang begitu pesat di Gambang. Oleh itu saya mencadangkan agar permasalahan ini dapat diatasi dengan segera agar pembangunan ini dapat berjalan seperti mana yang dijadualkan. Tuan Yang di-Pertua, 'pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara', itulah ungkapan yang ditunjukkan kepada belia dan beliawanis negara yang bakal menjadi pemimpin negara di hari esok.

Kepada merekalah kita letakkan harapan agar negara ini dapat melahirkan belia dan beliawanis yang berwawasan. Latihan Khidmat Negara seperti mana yang berjalan sekarang tidak mencukupi bagi negara melahirkan belia dan beliawanis berkualiti. Program ke arah jati diri dan ketatanegaraan, perlu dipertingkatkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan kementerian ini perlu mempunyai *database* bagi para belia di negara ini. Program Rakan Muda yang berjalan sekarang mestilah diteruskan agar ia menjadi kayu pengukur ke arah hasrat melahirkan belia dan beliawanis yang berwawasan. Oleh itu saya mencadangkan agar kerajaan memberi peruntukan yang setimpal dengan rancangan ini sekiranya kerajaan benar-benar serius dalam agenda ini.

Usaha awal Kementerian Belia dan Sukan untuk menyekat para belia dari berfoya-foya tanpa tujuan khususnya belia kampung terlaksana apabila kementerian telah meluluskan pembiayaan dua buah gelanggang rakyat di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri di seluruh negara. Inilah yang dirindui oleh para belia kita kerana selama ini mereka terpaksa menagih simpati daripada pihak berkuasa tempatan bagi mendapatkan kemudahan ini. Manakan cukup kerana cuma ada satu atau dua sahaja gelanggang di setiap daerah. Dengan yang demikian, saya mencadangkan agar kerajaan memandang serius projek ini dan menambah peruntukan bagi melaksanakannya dengan lebih banyak lagi di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri.

Dalam masa yang sama saya juga merayu kepada FELDA agar mengambil langkah yang sama seperti yang dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan membina gelanggang rakyat dan dewan serba guna di setiap tanah rancangan. Seperti yang kita sedia maklum, para belia di tanah-tanah rancangan, FELDA adalah merupakan golongan yang ramai terlibat dengan masalah gejala sosial. Apabila diajukan pertanyaan mengapa mereka terjebak, jawapan yang sering mereka lemparkan ialah apa yang ada di tanah rancangan. Oleh itu di samping kita berbangga dengan terbinanya bangunan baru FELDA bersebelahan dengan KLCC yang menelan belanja hampir RM600 juta, FELDA janganlah lupa kepada peneroka-peneroka yang telah banyak berjasa kepada FELDA. Merekalah yang telah memasyhurkan FELDA di mata dunia.

Masyarakat Orang Asli adalah merupakan golongan yang terpinggir di negara ini dan tidak mendapat pembelaan yang setimpal dengan arus pembangunan negara sedangkan mereka adalah golongan yang kuat menyokong kerajaan walaupun hidup mereka terhimpit. Mereka tidak meminta lebih daripada apa yang sepatutnya mereka peroleh, memadailah dengan menyediakan mereka rumah yang sempurna, bekalan elektrik, air bersih dan jalan kampung yang sempurna. Orang Asli hari ini sudah mengubah cara hidup dari cara lama kepada cara moden. Kehidupan Orang Asli juga jauh lebih rendah dari kadar kemiskinan tegar.

Oleh itu saya mohon mencadangkan kepada kerajaan agar menganugerahkan tanah seluas 10 ekar kepada setiap keluarga Orang Asli di negara ini dan pengurusan tanah ini diserahkan kepada FELCRA atau RISDA untuk diuruskan sama ada dengan tanaman kelapa sawit ataupun getah. Dengan cara ini, pendapatan keluarga Orang Asli akan terjamin dan sokongan rakyat kepada kerajaan akan kekal ke anak cucu. Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gopeng.
10.17 mlm.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9. Pertama saya merasa kesal kerana jelas dasar dalam RMK-9 terus terperangkap oleh fikiran sempit dan ketinggalan zaman yang bertumpu kepada pengagihan ekonomi mengikut kaum.

Dalam realiti globalisasi, kita seharusnya memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan daya saing negara. Segala tindakan *affirmative* seharusnya diberikan secara adil kepada mereka yang perlu dan bukan kerana kaum. Kita boleh lihat daripada angka yang diberikan oleh Senator Menteri di Jabatan Perdana Menteri, di mana apabila kita mengenakan standard RM1,500 sebagai tahap kemiskinan isi keluarga, antaranya 24.3% isi keluarga di Malaysia dalam tahap kemiskinan.

Ini jelas menunjukkan bahawa dasar ekonomi Barisan Nasional setakat ini gagal untuk membasmi kemiskinan. Walau bagaimanapun saya setuju supaya mengurangkan perbezaan pendapatan antara bandar dan luar bandar dan kini dalam nisbah 1:91. Sememangnya kawasan luar bandar harus diberi keutamaan untuk meningkatkan kualiti hidup dan pendapatan mereka khususnya di Sabah, Sarawak dan kawasan kampung-kampung, di estet-estet dan di kalangan Orang Asli.

Jangan pula kita lupa dengan kemiskinan bandar seperti mereka di kawasan setinggan dan juga kawasan rumah pangsa murah, ibu tunggal, OKU dan sebagainya dalam usaha kita membasmi kemiskinan. Apabila kita lihat dari segi pencapaian RMK-9 untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat setakat ini, pada tahun 2004 pendapatan purata isi rumah adalah RM3,249 sebulan dan pada tahun 2007 pendapatan meningkat kepada RM3,686. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM437 sebulan sahaja.

■2220

Sekiranya kita mengambil kira kesan inflasi, kesan kenaikan harga bahan bakar dan sebagainya jelaslah bahawa taraf hidup tidak akan ditingkatkan dengan peningkatan semata-mata RM437 dalam jangka masa tiga tahun ini. Dalam keadaan ekonomi yang mencabar kita pula menghadapi dasar-dasar kerajaan yang tidak tentu arah dan tidak konsisten. Kita boleh lihat pengumuman dan janji-janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sering kali bertukar arah atau *flip-flop*, dengan izin dan tidak dihormati sama sekali.

Sebagai contoh yang banyak kali disentuh soal projek di Pulau Pinang, Lebu Raya Lingkaran Luar Pulau Pinang dan juga Sistem Transit Penang Monorel, tetapi saya juga ingin ambil perhatian janji-janji Perdana Menteri yang lain termasuk misalannya bagi gaji dua kali sebulan kepada kakitangan kerajaan diumumkan tak sampai sebulan, tetapi ditarik balik. Dasar untuk kereta asing isi minyak di sempadan diumumkan tarik balik dan sekarang tak tahu sama ada akan dilaksanakan atau tidak. Bukan setakat itu kita lihat pada tahun 2007, semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Ipoh masa itu beliau telah umumkan bahawa sebuah lapangan terbang baru di Sri Iskandar akan dibina dengan peruntukan sebanyak RM301 juta yang telah diluluskan.

Akan tetapi apabila saya kemukakan soalan ini kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan baru-baru ini, jawapan yang saya terima dari Menteri Pengangkutan bahawa tidak ada rancangan tersebut. Adakah ini cakap Perdana Menteri ataupun satu janji semata-mata

untuk pancing undi sebelum PRU ke-12 itu? Ini merupakan contoh-contoh di mana kita lihat integriti dan amanah tidak dilakukan.

Saya ingin beralih kepada bidang bioteknologi. Satu bidang yang tidak ramai yang sentuh dalam hal ini. Kita boleh lihat untuk RMK-9 peruntukan pada keseluruhannya adalah RM2 bilion atau RM400 juta setahun. Ini adalah satu angka yang begitu kecil sekali. Kita boleh bandingkan dengan perbelanjaan R&D, penyelidikan dan pembangunan syarikat multinasional bioteknologi setahun seperti Monsanto setahun RM2.5 bilion, Glaxo Smith Kline atau GSK RM21.3 bilion, Pfizer Pharmaceutical RM26.4 bilion iaitu 60 kali ganda negara Malaysia. Kalau kita lihat laporan Malaysia Global Biotechnology Competitiveness 2006 oleh Ernst and Young saintis dalam penyelidikan dan pembangunan dalam bidang bioteknologi di Malaysia 3,400 orang, di Korea 136,000, kita lihat mungkin Korea ramai orang. Kita bandingkan dengan Singapura 16,700 orang. Jelas sekali bahawa kalau banding dari segi saintis, dari segi peruntukan kita jauh ketinggalan, kalau dibandingkan dengan jiran-jiran kita. Saya rasa dalam bidang bioteknologi kita mesti mengutamakan sumber manusia dan bukan infrastruktur semata-mata. Kita memerlukan saintis yang cerdik, kita memerlukan dasar yang *pro-talent* tanpa mengira kaum mahupun warganegara.

Kita harus mempelajari dari pengalaman Singapura di mana mereka menawarkan biasiswa atas nama *Asian Scholarship* yang berjaya menarik pelajar-pelajar yang terbaik dari negara jiran khususnya daripada Malaysia untuk belajar dan seterusnya berkhidmat di Singapura. Saya juga baru membaca laporan daripada Menteri Pelajaran, di mana dalam projek ijazah luar negara 2008 kita peruntukan 2,000 biasiswa tetapi masih terdapat 4,372 pelajar lepasan SPM yang 10A ke atas tidak berjaya walaupun memohon untuk mendapat biasiswa dalam projek ijazah luar negara dan ini satu tanda bahawa kita bukan melaksanakan satu dasar *pro-talent*.

Kita seharusnya menganggap pelajar-pelajar yang berbakat ini sebagai aset kepada kita. Mereka bukan sebagai pengemis yang datang memohon untuk meminta biasiswa. Mereka seharusnya dianggap sebagai aset kepada negara dan sekiranya kita memberi biasiswa kepada mereka ini dianggap sebagai pelaburan kepada negara dalam modal insan. Apabila kita memberi biasiswa janganlah kita dicemari kaca mata berbau perkauman ataupun unsur yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ingin saya sampaikan dua perkara dalam kawasan saya untuk perhatian menteri yang berkenaan. Yang pertama saya memohon Kementerian Kerja Raya untuk menaikkan taraf jalan di antara Simpang Pulai dan Pangkalan Pegoh, di mana pembangunan memang pesat sekali dalam lima tahun yang lalu, dan juga untuk Kementerian Kesihatan Malaysia supaya menaikkan taraf klinik desa di Pangkalan Pegoh satu perkampungan Melayu di mana dikelilingi oleh kawasan pembangunan yang pesat

supaya dinaikkan taraf sebagai klinik kesihatan. Sekian, cadangan saya harap dipertimbangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lawas.

10.27 mlm.

Tuan Henry Sum Agong [Lawas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan mengenai Kajian Separuh Penggal RMK-9, yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 26 Jun 2008.

Kajian Separuh Penggal RMK-9 dianggap penting kerana memberi nafas baru terhadap projek-projek yang telah dicadangkan dan belum mendapat kelulusan dinilai semula keutamaannya, dan jika diperkenankan di bawah Kajian Separuh Penggal RMK-9 dapat dilaksanakan lebih awal.

Dalam hubungan ini kerajaan harus melihat kepentingan rakyat luar bandar dalam perspektif yang benar-benar boleh mendatangkan kebaikan kepada mereka. Mereka adalah golongan yang haus dan dahaga akan pembangunan, kerana bukan sahaja ingin menikmati kemudahan dunia moden globalisasi ICT dan sebagainya yang banyak diperkatakan, malah mereka juga ingin merasai bersama-sama rakyat yang lain hasil kemerdekaan 51 tahun dalam Malaysia. Apa yang penting sekarang pembangunan yang seimbang itu dijadikan keutamaan dan realiti dengan kadar segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjurus kepada keperluan dan kepentingan rakyat khususnya di bawah kawasan Parlimen P.222 Lawas. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, apakah rancangan dan langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk membekalkan elektrik dan air bersih ke kawasan Parlimen saya di Bario, Bakalalan, Long Semadoh, Long Lelang dan lain-lain yang tidak akan mendapat bekalan melalui sistem grid dan loji penapisan air.

Yang kedua, bilakah projek lampu jalan yang terhenti sejak tiga tahun dahulu di Lawas dijalankan semula.

■2230

Ketiga, berapa buah rumah orang miskin yang telah dilaksanakan pada tahun 2005 hingga 2007 di Lawas? Tuan Yang di-Pertua, rakyat Lawas tidak terkecuali daripada menanggung beban akibat kenaikan harga minyak dan bahan makanan yang tinggi sekarang malah ada yang terpaksa membayar harga yang tidak munasabah atau berpatutan contohnya di kawasan Bakalalan, harga satu liter minyak petrol ialah RM8 dan simen RM75 satu beg sementara di Bario harga satu liter petrol RM5 dan simen RM150 satu beg.

Begitu juga keadaan di pasaran di Lawas. Harga barang semuanya meningkat. Sehubungan dengan ini saya minta supaya Kementerian Hal Ehwal Pengguna memantau harga barang-barang yang dijual di pasaran di Lawas supaya tidak menjejaskan kehidupan rakyat.

Saya juga minta pihak kementerian menempatkan kakitangan tetap atau *permanent staff* dengan izin, memantau harga barang yang dijual di Lawas dan bukannya menghantar kakitangan dari Limbang untuk menjalankan tugas di Lawas seperti apa yang dilakukan sekarang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya mengalu-alukan usaha kerajaan dan Kementerian Pelajaran untuk membayar elaun khas kepada guru-guru dan kakitangan pelajaran yang ditugaskan di luar bandar. Mereka dibayar elaun tersebut sehingga Rm1500 sebulan tetapi Tuan Yang di-Pertua, elaun ini tidak dipanjangkan atau dibayar kepada kakitangan jabatan lain yang ditugaskan di kawasan yang sama seperti kesihatan, polis, imigresen dan lain-lain. Saya merayu kepada kerajaan supaya elaun ini diseragamkan iaitu dibayar kepada semua kakitangan kerajaan yang bertugas di luar bandar.

Pertanian, Tuan Yang di-Pertua adalah amat penting kegiatan pertanian seluruh negara digerakkan secara lebih agresif secepat yang boleh bagi mengatasi masalah kekurangan bahan makanan yang melanda negara sekarang. Tujuannya untuk meningkatkan hasil pengeluaran produk tempatan dan secara tidak langsung meningkatkan ekonomi rakyat. Dengan adanya peningkatan hasil ekonomi di kalangan rakyat maka kesan daripada kenaikan harga barangan tidak akan begitu terasa oleh rakyat. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua saya mencadangkan agar setiap petani, nelayan dan penternak yang terlibat dalam penghasilan usaha mereka diberi bantuan atau subsidi dalam bentuk wang ringgit.

Mungkin pembayaran kepada para petani, nelayan dan penternak diberi berdasarkan keluasan tanah sawah atau hasil yang diperoleh. Dengan cara sedemikian, petani, nelayan dan penternak akan berminat dan lebih terdorong untuk berusaha bersungguh-sungguh. CIQ di Bakalalan, projek Imigresen *check point* Bakalalan ini diperuntukkan dengan RM1 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Peruntukan ini tidak mencukupi lebih-lebih lagi lokasi projek adalah jauh di sempadan Sarawak, Kalimantan Indonesia di mana perhubungan hanya bergantung dengan jalan balak sejauh lebih 150 kilometer. Untuk menjayakan projek ini, saya merayu agar peruntukan ditambah sebanyak RM2 juta lagi, menjadikan jumlah sebanyak RM3 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai projek-projek di Lawas yang perlu diberi keutamaan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Pertama, jalan raya dari Lawas ke Bakalalan. Jalan raya ini diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM12.5 juta sedangkan kos pembinaan dianggarkan lebih RM130 juta. Saya berharap peruntukan yang mencukupi disediakan untuk projek ini, jika tidak dikhuatiri ianya dijadikan isu politik oleh pihak lawan atas alasan projek diluluskan kerajaan tanpa peruntukan mencukupi.

Kedua, 'Jalan Morup-Swarn'. Cadangan jalan ini disenaraikan oleh JPS negeri sebagai keutamaan kedua ke peringkat pusat tetapi tidak diluluskan. Jika keutamaan projek seperti ini

pun tidak mendapat kelulusan peruntukan saya tidak melihat bagaimana peluangnya dengan projek lain. Saya minta kerajaan mengkaji semula keutamaan projek tersebut kerana sangat diperlukan sebagai satu-satu perhubungan ke kawasan di mana terdapat lebih 10 buah kampung dan sebuah sekolah.

Lapangan terbang baru Lawas. Saya telah mengatakan dalam Dewan yang mulai ini pada persidangan Parlimen lepas bahawa penduduk Lawas tidak dapat mengikuti perkembangan semasa atau mendapat maklumat terkini khususnya dari media cetak disebabkan MASWing dengan pesawatnya Twin Otter tidak dapat membawa muatan kargo ke Lawas selain daripada membawa penumpang. Saya tidak menyalah MASWing tetapi Tuan Yang di-Pertua Lawas sebagai kawasan yang unik dari segi geografinya harus diberi pertimbangan untuk mendapatkan sebuah lapangan terbang baru bagi membolehkan kapal terbang jenis F50 mendarat dan dengan itu dapat menyelesaikan masalah perhubungan yang dihadapi sekarang.

Sekolah teknik atau kolej. Saya telah menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini betapa berkorbannya para ibu bapa, pelajar-pelajar dari Lawas yang melanjutkan pengajian mereka ke institusi awam atau swasta di luar Lawas kerana perlu menanggung beban pengangkutan yang tinggi contohnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat masa, Yang Berhormat.

Tuan Henry Sum Agong [Lawas]: Ya, sedikit lagi. Contohnya bagi seorang pelajar pergi dan balik ke Kuching tambang Mas kita RM800, ke Sibu RM600 dan Bintulu RM400. Bayangkan berapa jumlah kos tambang-menambang yang perlu ditanggung oleh setiap pelajar tidak termasuk yuran sekolah sepanjang tempoh pengajian.

Selain itu, institusi seperti ini jika didirikan di Lawas akan memberi kemudahan kepada pelajar dan lepasan sekolah di kawasan utara Sarawak termasuk Daerah Marud di Baram, Limbang, Lawas dan juga jiran Sipitang Sabah. Oleh itu saya minta Kementerian pelajaran mengatasi masalah rakyat di kawasan utara Sarawak dengan mendirikan sebuah sekolah teknik dan kolej guru di Lawas dalam masa terdekat. Selain itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat, saya minta maaf Yang Berhormat kerana kita kesuntukan masa Yang Berhormat.

Tuan Henry Sum Agong [Lawas]: Okey, dengan itu dengan masa yang terhad Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Langat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini berkenaan dengan teras satu, strategi satu iaitu meningkatkan produktiviti dan daya saing. Di antara di dalam bahagian ini membincangkan mengenai penyelidikan dan pembangunan atau R&D juga teras dua, strategi

empat iaitu memupuk keupayaan R&D dan inovasi. Keupayaan R&D yang mapan sesuatu negara menjadi satu ciri negara maju, tidak ada negara yang dipanggil negara maju tetapi ketinggalan di dalam R&D yang boleh dikomersialkan.

Carta 1.1 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan menunjukkan dengan jelas bahawa Malaysia telah memperuntukkan untuk R&D hanya 0.6% daripada KDNK berbanding dengan negara jiran Singapura, memperuntukkan sejumlah 2.4% KDNK dan Jepun memperuntukkan 3.2% KDNK dalam R&D mereka. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, walaupun peruntukannya kecil tetapi kita tidak boleh menafikan bahawa sejumlah wang yang besar telah dilaburkan untuk R&D, ini tidak termasuk peruntukan Yang Berhormat untuk Projek Angkasawan.

Jadi rakyat mahu melihat hasil yang memberikan manfaat secara langsung kepada kehidupan rakyat dan masyarakat. Contoh penyelidikan yang memberi manfaat langsung kepada rakyat adalah penyelidikan, pembangunan yang berkaitan dengan hasil padi umpamanya padi huma. Saya ingin menyorot jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi kepada soalan tambahan Yang Amat Berhormat Titiwangsa di dalam Dewan ini pada 15 Mei 2008.

■2240

Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa sememangnya padi huma mempunyai potensi nilai pasaran yang tinggi. Namun, kaedah penanamannya boleh menyebabkan masalah pencemaran alam sekitar dan ia melibatkan pembersihan kawasan hutan.

Saya kira, ia lebih ringan kesannya daripada mengubah suai kawasan hutan kepada sawah padi. Selain daripada itu, Yang Berhormat Menteri juga menyatakan bahawa teknologi untuk meningkatkan kualiti benih padi huma juga tidak begitu luas.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada penanaman padi biasa di sawah yang sedia ada dan sawah terbiar. Kita perlu memberi peruntukan kepada R&D untuk padi huma ini secukupnya. Padi huma boleh ditanam di kebanyakan bentuk muka bumi dengan kadar air yang sedikit. Cadangan ini selaras dengan usul Yang Berhormat Putatan kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pada 3 Julai 2008 dan juga soalan lisan dari Yang Berhormat Sipitang pagi tadi yang mencadangkan bahawa padi huma boleh ditanam terutama di Sabah dan Sarawak.

Yang menjadi masalahnya hanyalah jumlah hasil per hektar kalau dibandingkan dengan padi sawah. Sebagaimana yang dijawab oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pagi tadi iaitu Sabah menghasilkan pada kadar 0.75 tan per hektar padi huma dan Sarawak 1.5 tan per hektar. Ini merupakan data yang normal bagi negara Asia tetapi di Amerika Latin penghasilannya iaitu umpamanya di Nigeria dan di Amerika Latin hasilnya antara 4 ke 4.5 tan padi huma, padi bukit per hektar.

Jadi, saya yakin dengan peningkatan R&D untuk memilih padi huma yang baik dan sistem penanaman padi huma yang dapat diperbaiki dan juga masa penghasilan yang dapat

dikurangkan. Maka, kita berharap akan berlaku peningkatan daripada hasil padi huma, padi bukit dan juga yang mesra alam.

Kajian yang dibuat oleh *International Rice Research Institute* dengan izin, yang berpusat di Filipina. Padi huma yang ditanam mengikut kaedah yang betul dan benih yang baik boleh menghasilkan tujuh tan padi per hektar. Jadi, dengan kos yang mungkin lebih rendah saya yakin ia boleh memberikan pendapatan yang lumayan kepada para petani jika dibandingkan dengan padi sawah. Apa yang ingin saya tekankan di sini adalah pentingnya penyelidikan yang serius dilakukan dalam bidang-bidang kritikal seperti penyelidikan padi huma ini dan ia memberikan alternatif kepada rakyat di atas masalah global yang berlaku sekarang.

Selain daripada makanan, penyelidikan yang serius juga perlu dilakukan dalam penggunaan tenaga alternatif seperti tenaga nuklear, solar atau angin. Kerajaan perlu menyediakan peruntukan yang mencukupi mungkin lebih daripada 1% KDNK yang membolehkan R&D, bidang-bidang tersebut dikomersialkan. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam kenyataan medianya apabila menyatakan tenaga nuklear boleh dipertimbangkan sebagai salah satu tenaga alternatif.

R&D tenaga nuklear ini perlu dipertingkatkan oleh agensi nuklear, TNB dan juga Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi. Dalam kes solar, satu sel solar umpamanya empat kaki persegi yang tidak cukup untuk menampung keperluan sebuah rumah, harganya di antara 5,000 ke 7,000. Seharusnya sekarang, telah ada teknologi sel solar di Malaysia ini yang dijual di pasaran dengan harga yang murah. Penyelidikan harus dipertingkatkan dalam pengeluaran sel solar supaya kosnya dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah teras tiga serta empat yang menyatakan untuk menyusun semua pola guna tenaga, saya ingin membangkitkan suatu persoalan yang masih belum selesai di negara ini iaitu kebanjiran pekerja asing yang sepatutnya diganti dengan pekerja tempatan.

Perkara ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja dan juga Yang Berhormat Rembau. Mengikut jawapan bertulis oleh menteri kepada saya, sebanyak 2,122,930 pekerja asing yang bekerja di tempat kita. Ini tidak termasuk dengan pendatang tanpa izin. Dari kajian pekerja asing ini digemari oleh majikan kerana bayaran gaji yang rendah. Ia juga menutup peluang anak tempatan untuk mencari pekerjaan. Tambahan pula, sebahagian anak tempatan tidak mempunyai pengalaman bekerja.

Oleh itu, saya mencadangkan agar kerajaan mengurangkan jumlah pekerja asing di Malaysia peringkat demi peringkat dan diganti dengan pekerja tempatan. Pekerja tempatan boleh ditingkatkan kemahiran mereka melalui Program Apprentice dengan izin, iaitu program latihan sambil bekerja di industri-industri bagi lepasan SPM atau yang telah berhenti bekerja dengan kerjasama institusi-institusi kemahiran seperti ILP, IKBN, MFI, GMI dan lain-lain. Program ini sepatutnya mendapat galakan daripada kerajaan dengan memberi insentif kepada syarikat-syarikat yang sanggup melaksanakan program ini.

Kerajaan mungkin boleh mengalihkan sebahagian daripada peruntukan umpamanya daripada PLKN ataupun daripada Peperiksaan PTK yang saya difahamkan pada tahun 2007, telah membelanjakan sebanyak RM59 juta.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat seminit lagi Yang Berhormat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Jadi, saya ingin mengambil kesempatan satu perkara memandangkan Yang amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebutkan akan menaik taraf dan membaik pulih 32,964 km jalan. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini, oleh kerana di kawasan saya di kawasan Hulu Langat sepanjang 10 km. selalunya mengalami masalah banjir yang kerap rosak dan dalam masa yang sama, jalan itu juga digunakan oleh ramai pelancong-pelancong ke tempat pelancongan Sungai Congkak, Sungai Tenggara dan Sungai Gabai. Jadi, saya ingin memohon daripada Kementerian Kerja Raya untuk menaikkan taraf atau melebarkan jalan di Hulu Langat itu. Sekian sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Setiu.

10.48 mlm

Dato' Haji Mohd. Jidin bin Shafee [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua terutamanya terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan pada malam ini.

Saya juga mengucapkan setinggi terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah negara yang telah pun memainkan peranan yang sangat penting dalam memajukan rakyat dan negara serta memperuntukkan tambahan sebanyak RM30 bilion lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Jadi, pada kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin fokuskan satu sahaja iaitu dalam bidang pertanian. Pertanian adalah satu sektor penting pada masa kini bukan sahaja untuk makan, sara diri, tetapi juga untuk menambahkan pendapatan ekonomi. Jadi, perkara yang paling penting kepada saya ialah untuk fokus kepada kawasan saya dan negeri saya dahulu.

Yang pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada kerajaan supaya meneruskan pembinaan satu tebatan banjir yang berharga RM230 juta yang telah pun diumumkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh lagi. Sekarang telah pun berjalan 30%. Oleh sebab pertanian merupakan sumber pendapatan di kawasan ini, adalah diharapkan kerajaan menyegerakan program ini bagi membantu keseluruhan rakyat di kawasan Setiu dan Besut yang bergantung kepada pertanian.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal kepentingan nelayan walaupun telah pun disentuh oleh rakan saya dari Kuala Nerus iaitu yang pertama sekali

masalah yang paling besar ialah kawasan saya di kawasan Setiu terdapat lebih kurang 50 bot nelayan yang terpaksa mengambil masa kadang-kadang lapan jam untuk memasuki kuala.

■2250

Kuala yang saya maksudkan di kawasan saya ialah dua kuala yang perlu disegerakan untuk di dalam ini iaitu satunya di Kuala Setiu dan satu laginya di Kuala Meran kerana empat bulan penduduk di kawasan saya ini tidak dapat pergi ke laut kerana musim gelora ataupun musim tengkujuh. Jadi pada masa ini, semua penduduk di kawasan tersebut terutamanya nelayan tidak dapat bekerja.

Jadi dengan masalah sungai dan muara yang cetek ini akan memberi kesusahan kepada rakyat. Dengan demikian, kalaulah kerajaan dapat menyegerakan menggali dan mendalam muara-muara yang saya sebutkan tadi, maka masalah dan meringankan beban pada nelayan-nelayan dapat diatasi dan kawasan ini juga merupakan kawasan yang didiami oleh tekong-tekong yang berpengalaman tetapi sayangnya oleh kerana tiada kuala, lebih kurang 250 tekong-tekong bot yang berpengalaman di kawasan saya telah pun berhijrah ke Pahang yang mana mereka telah pun bekerja di sana.

Walau bagaimanapun, oleh kerana keadaan laut sekarang ini masih mulai berkurangan hasilnya tetapi mereka telah pun mula menumpukan di kawasan laut di depan Terengganu ataupun di laut Pulau Redang. Maka adalah menjadi kesusahan kepada mereka kerana di laut Pulau Redang itu merupakan lebih dekat dengan Terengganu. Jadi dengan keadaan yang demikian, adalah diharapkan kerajaan terus memberi pertolongan dan tindakan yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon supaya tukun tiruan terus diberi tumpuan terutamanya kepada negeri Terengganu walaupun saya telah difahamkan bahawa 10 negeri telah pun diberi program ini. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM9.4 juta telah diperuntukkan tetapi peruntukan yang sebesar ini merupakan peruntukan yang sangat kecil kalau dibandingkan dengan 10 negeri yang perlu dibantu.

Jadi di negeri Terengganu sahaja sebanyak 174 lokasi daripada 341 lokasi kawasan tukun tiruan telah pun diletakkan dan dari tahun 1983 hingga tahun 2007 telah menunjukkan bahawa ikan dan juga kehidupan laut mulai subur dan tumpuan kawasan Laut China Selatan di hadapan negeri Terengganu dan di sekitar Pahang dan juga Kelantan telah menjadi tumpuan.

Jadi kesan tukun tiruan ini telah pun begitu ketara sekali terutamanya tukun tiruan sotong di mana pada tahun ini di Terengganu sangat mewah dengan pendapatan daripada sotong dan saya difahamkan bahawa kadang-kadang satu hari pendapatannya mencecah kepada RM1,000. Jadi, inilah hasilnya daripada penyelenggaraan yang baik oleh Kerajaan Barisan Nasional dan dapat dinikmati oleh semua pihak tidak kira apa parti pun, UMNO, PAS, KEADILAN dan sebagainya sama-sama mendapat rahmat daripada program kerajaan ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, lesen bot *fiber* ataupun lesen enjin di luar. Saya pada tahun lepas lagi telah pun memohon untuk kerajaan melonggarkan balik lesen di mana lesen bot

fiber ini ialah bagi nelayan di sisir pantai. Pada asalnya mereka kurang cakna kerana pada masa itu tidak ada lagi subsidi diesel ataupun petrol tetapi oleh kerana syarat kerajaan yang baru bagi mendapatkan subsidi diesel dan petrol mesti ada lesen dan sedangkan lesen ini telah pun dibekukan oleh kerajaan, maka Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun lepas telah memohon untuk dilonggarkan termasuk juga rayuan daripada negeri Kedah. Jadi Terengganu terdapat lebih kurang 600 atau hingga 700 emunya bot masih tidak mempunyai lesen bagi lesen bot *fiber* ini dan mereka tidak mendapat manfaat subsidi diesel dan petrol daripada kerajaan.

Jadi saya memohon juga kepada kerajaan, bot *fiber glass* ini terus diberi bantuan kerana pada masa ini laut mulai berubah. Dulunya kalau gelombang kecil, sekarang ini gelombang boleh besar dan tidak menentu pula angin dan taufannya. Maka keadaan sekarang bot yang disubsidi ialah sepanjang 17 kaki hingga 19 kaki manakalanya enjinnya berkuasa 15 kuasa kuda sahaja. Jadi saya mencadangkan kepada kerajaan supaya meneruskan pemberian subsidi ini dengan memberi bot yang lebih besar iaitu tidak kurang daripada 21 kaki panjang dengan kapasiti enjin sebesar 30 kuasa kuda. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya nak menyentuh pasal *wetland* ataupun tanah becah ataupun tanah lembap. Kerajaan sentiasa menjaga *wetland* di seluruh negara dan saya nak menyebut di kawasan saya seluas 20 km persegi telah pun dirizabkan untuk tujuan ini bagi menentukan bahawa semua fauna dan flora dapat dijaga bagi membantu penduduk dan juga manusia untuk tidak terputus hubungan makanannya.

Yang menjadi persoalan ialah setakat ini hanya sumbangan untuk menjaga *wetland* ini diberikan oleh badan-badan sukarela seperti WWF, Nestle, syarikat-syarikat swasta dan lain. Saya memohon kepada kerajaan supaya bersungguh-sungguh terutamanya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memberi tumpuan dan menjaga serta menguatkuasakan *wetland* ini supaya tidak dicemari dan boleh bertahan selama-lamanya.

Perkara seterusnya, saya juga memohon daripada FELDA terutamanya di kawasan saya, FELDA Setiu 1 dan Setiu 2 iaitu mempunyai keluasan lebih kurangnya 2,800 hektar yang telah pun dimulakan pada tahun 1985. Oleh kerana dasar FELDA selain daripada membantu masyarakat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa dekat habis.

Dato' Haji Mohd. Jidin bin Shafee [Setiu]: Sikit lagi. Untuk membantu masyarakat, FELDA juga ada memasukkan peneroka. Jadi saya mencadangkan supaya FELDA 1 dan 2 ini diberi kepada peneroka ataupun dibahagikan kepada penduduk-penduduk di Setiu bagi membantu kadar kemiskinan ini dapat diperbaiki kerana FELDA telah pun mendapat keuntungan yang besar sejak tahun 1985 hingga 2008 lagi. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Empat orang, lima. Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, lapan orang. Kita kena berhenti pukul 11.20 Yang Berhormat. 10 minit makna dua orang sahaja lagi.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Biar saya pergi dulu Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Berapa minit Yang Berhormat?

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: 10 minit. Saya dah tunggu sampai pukul 11.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Memang saya dah fikir Yang Berhormat, nak bagi Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat ataupun Yang Berhormat Selayang tadi sebenarnya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Nampak Yang Berhormat Selayang daripada pagi dah duduk dah. Ha, baik.

10.58 mlm.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan dikemukakan pada tahun 2006 dalam suasana perkembangan ekonomi yang pesat. Fokus pada masa itu ialah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing, berdiri sama tinggi atau lebih baik daripada bertanding lain dalam ekonomi dunia.

Hari ini suasana ekonomi sudah tukar secara asas, *exchange in fundamental base*. Pertamanya Amerika Syarikat mungkin mengalami kemelesetan ekonomi dan ini akan memberi kesan yang besar kepada rakan perdagangan Amerika Syarikat termasuk Malaysia. Kedua, peningkatan mendadak harga minyak dan komoditi termasuk harga makanan yang *unprecedented*. Inflasi akan memberi kesan yang negatif kepada golongan pekerja, golongan berpendapatan rendah dan sederhana serta orang miskin. Ketiga, Bank Dunia atau *International Monetary Fund*, dan Bank Pembangunan Asia atau *Asian Development Bank*, meramalkan bahawa dunia termasuk Asia dan Malaysia akan mengalami kemelesetan ekonomi pada tahun 2008.

Dalam keadaan ini, pengangguran akan bertambah, pinjaman perumahan tidak akan dibayar serta bayaran-bayaran lain. Perbelanjaan pengguna dan keluarga akan kurang sementara peniaga-peniaga akan berhenti atau mengurangkan pelaburan baru. Ini akan mengakibatkan pengurangan dalam permintaan berkesan atau *effective demand* dalam ekonomi dan akan membawa kesan negatif kepada rakyat dan ekonomi Malaysia.

■2300

Dalam keadaan yang mencabar ini, penjimatan sebanyak RM13.7 bilion melalui penstrukturan semula subsidi akan digunakan untuk membeli minyak memandangkan harga minyak akan meningkat lebih daripada USD140 dan keazaman kerajaan mengekalkan harga

minyak sekarang. Situasi ini akan semakin teruk dengan krisis pemimpin pimpinan politik negara.

Fenomena ini jelas menunjukkan bahawa *private consumption* tidak akan bertumbuh 7.6% seperti yang dijangkakan dalam ulang kaji ini jika perbelanjaan pengguna atau *private spending* berkurang. Secara pendek, ekonomi Malaysia akan menghadapi cabaran besar untuk mencapai pertumbuhan ekonomi 6% dan sasaran *deficit budget* yang diramalkan oleh pihak kerajaan.

Rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah dan miskin terpaksa menyerap komponen inflasi yang lebih besar. Ini akan menjejaskan kualiti dan standard kehidupan mereka dan ini ada implikasi untuk pengagihan semula kekayaan dan strategi pengurangan kemiskinan yang dicadangkan dalam kajian separuh penggal ini. Kerajaan perlu mengkaji semula pengagihan kemiskinan dan kekayaan serta mendapat pendapatan garis kemiskinan atau *poverty line index* dalam era baru ini. Di mana kos kehidupan semakin meningkat, pendapatan garis kemiskinan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor dan sebahagian Selangor ada lebih kurang RM1,500 hingga RM2,000.

Sebenarnya pendapatan garis kemiskinan dahulu sebanyak RM720 sudah tidak mencerminkan keadaan sebenar apa lagi dalam konteks hari ini. Oleh kerana itu kerajaan harus membuat PLI baru. Saya cadang bahawa kerajaan tetapkan PLI *cut-off point* kepada RM2,000 dan implikasinya ialah kemiskinan negara kita akan melambung ke lebih kurang 30%.

Jelasnya, kajian separuh penggal tidak mengambil kira faktor peningkatan harga dan kos kehidupan yang tinggi. Statistik yang diberikan terhadap pendapatan kemiskinan dan kekayaan memutarbelitkan keadaan sebenar. Maka kerajaan, perancang-perancang dan Ahli Parlimen terpaksa bekerja dengan maklumat yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan tidak lengkap mengenai fakta pendapatan dan pengagihan kekayaan. Khususnya laporan tersebut gagal menyenaraikan dengan terperinci pengagihan pendapatan di antara kaum bumiputera.

Untuk mendapat analisa yang lebih dalam mengenai pengagihan dan *route ownership*, kerajaan harus memberi *breakdown* dengan izin, mengenai kekayaan negara yang ada di tangan orang Melayu di Semenanjung Malaysia, orang asing di Sabah dan Sarawak dan Semenanjung. Walaupun angka-angka *Gini Coefficient* diberikan, lebih baik kalau perbezaan pendapatan dan kekayaan di antara 20% tertinggi, 40% pertengahan dan 40% bawah mengikut kaum diberikan.

Kajian sebelum ini mencatat bahawa ekuiti masyarakat India turun daripada 1.2% pada tahun 2004 kepada 1.1% pada tahun 2006. Sebenarnya masyarakat India adalah komuniti atau masyarakat yang tidak menikmati faedah daripada perkembangan negara. Pada tahun 2000, ekuiti kaum India ialah sebanyak 1.5% ia jatuh sehingga 1.2% pada tahun 2004 dan sekarang

hanya 1.1%. Hakikatnya, hanya sebahagian kecil dalam masyarakat India yang memonopoli bahagian besar daripada 1.1% tersebut. *Leaving crumb to the majority.*

Ini menunjukkan kerajaan tidak serius untuk meningkatkan pemilikan ekuiti masyarakat orang India. Rancangan Malaysia Kesembilan memaklumkan komuniti India akan capai 3% pemilikan ekuiti pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, dalam jangka masa dua tahun setengah rancangan tersebut, orang India telah menjadi miskin sebanyak 0.1%. Oleh itu tidak mungkin dipercayai bahawa pemilikan ekuiti kaum India ini akan mencapai 3% yg menurut sasaran.

Dalam konteks ini, adalah penting untuk mengingatkan kerajaan sudah banyak berjanji kepada masyarakat India dalam lima puluh tahun yang lepas ini. Minggu lalu Timbalan Perdana Menteri janji beberapa langkah-langkah untuk mengatasi masalah sosial ekonomi masyarakat India khususnya orang-orang miskin. Saya cabar Timbalan Perdana Menteri untuk mengumumkan peruntukan bajet sasaran proses pemantauan dan garis-garis masa pelaksanaan untuk setiap projek yang dicadangkan. Jika tidak, ini akan berakhir dengan cakap sahaja dengan tidak ada tindakan. *Talk only, no action.* Komuniti India sudah terlalu biasa dengan amalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, proses kajian separuh penggal mesti mengakui bahawa krisis tenaga, krisis komuniti dan krisis makanan adalah krisis liberalisasi ataupun krisis *crisis of liberalization*. Kita sudah menyaksikan bagaimana ekonomi Asia dihancurkan sepuluh tahun dahulu. Kali ini adalah krisis tenaga dan makanan yang lagi teruk. Oleh yang demikian, strategi ekonomi liberalisasi atau diregulasi harus difikirkan semula. Usaha diperlukan untuk memastikan bahawa kos kehidupan tidak meningkat lagi.

Pada masa kini, wakil perniagaan dan pekerja bersetuju bahawa satu jaringan keselamatan sosial merupakan strategi penting untuk menangani isu-isu yang dihadapi oleh negara. Inilah masanya kerajaan, majikan dan pekerja berdialog supaya menerima gaji minima di antara RM1,500 hingga RM2,000. Gaji minimum boleh mengurangkan kemiskinan dan inflasi. Yang pentingnya pekerja akan membelanjakan semua wang yang mereka dapat dan ini akan meningkatkan permintaan atau *demand* dalam ekonomi. Maka majikan tidak perlu kkuatir kerana kos pengeluaran akan meningkat.

Ini adalah sebab perbelanjaan pekerja yang lebih akan meningkatkan jualan peniaga. Ia akan membawa kebaikan kepada ekonomi. Kemungkinan pekerja dibuang kerja adalah *real*. Oleh kerana itu kerajaan harus menimbang pembentukan Tabung Pembuangan Kerja atau *Workers Retrenchment Fund* sebagai sebahagian daripada jaringan keselamatan sosial yang menyeluruh.

Kajian semula ini mungkin boleh meninjau cara baru untuk mengaturkan hubungan ekonomi dalam kawasan ASEAN...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Satu minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Satu cara untuk memastikan harga makanan dikekalkan rendah ialah dengan menubuhkan satu mekanisme penukaran makanan dan komoditi ASEAN. *ASEAN Food and Commodity Exchange*. Negara-negara ASEAN perlu bekerjasama untuk menjadikan mekanisme tersebut menjadi kenyataan. Mekanisme tersebut beroperasi seperti berikut. Thailand dan Vietnam yang merupakan pengeksport beras besar di dunia boleh menjual beras kepada negara-negara anggota ASEAN lain dengan harga yang berpatutan dan bukan harga pasaran dunia. Sebaliknya Malaysia dan Indonesia boleh jual minyak dan minyak kelapa sawit kepada negara-negara anggota-anggota ASEAN dengan harga yang berpatutan dan bukan harga pasaran dunia. Saya *fast forward* sekarang Tuan Yang di-Pertua.

Amalan ini diperkenalkan di negara-negara seperti di Venezuela, Bolivia dan Cuba dan implementasinya berjaya dengan sekarang ini. Malah ASEAN perlu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dungun. Ini ucapan yang pertama Yang Berhormat daripada semenjak dilantik menjadi Ahli Parlimen.

11.08 mlm.

Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun]: Masa pendek, kena pendek la juga Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera serta selamat malam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 26 Jun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kejayaan mengurus tadbir pelaksanaan Pembangunan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Sebagai rakyat dan sebuah negara majmuk, saya turut berbangga bahkan saya percaya seluruh rakyat dari pelbagai kaum, budaya dan agama turut berbangga dengan kejayaan negara Malaysia setelah menikmati hampir lima puluh satu tahun merdeka.

Jika dahulu rakyat Malaysia digelar oleh sebuah bangsa dunia sebagai rakyat yang kerdil, yang tidak mampu membuat apa-apa sekalipun sebatang jarum, kini rakyat Malaysia telah bangun, bangkit dan menyahut cabaran sebagai rakyat dan warga Malaysia yang nantinya akan setanding setaraf dengan negara-negara maju di dunia.

■2310

Sepanjang masa kita seharusnya bersyukur kepada Allah SWT dan mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada pucuk pimpinan dahulu hingga sekarang kerana merekalah yang berjuang tanpa mengira kepentingan peribadi sama ada usaha ke arah untuk kemerdekaan negara mahupun mengisi kemerdekaan tetapi yang lebih penting ialah memakmurkan rakyat majmuk serta memodenkan pembangunan negara. Ini untuk dikecap dan dinikmati oleh rakyat yang merupakan antara negara-negara maju berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain.

Persoalannya apakah tidak sedikit pun terlintas dalam hati kecil kita sebagai rakyat untuk mengucapkan syukur kepada Allah SWT dan berterima kasih kepada pucuk pimpinan negara yang telah melahirkan kenikmatan pembangunan ini semenjak negara kita merdeka di mana perubahan demi perubahan yang kita merasakan amat berbangga berada di dalam sebuah negara yang dilindungi Allah daripada ancaman dan malapetaka sebagaimana negara-negara lain yang tidak mampu menstabilkan politik negara.

Hari ini kita masih mampu menikmati makan minum, mengadakan kenduri kahwin, melancong dalam dan luar negara. Mungkin kita ada orang menangis kerana kelaparan sekalipun berlakunya keruncingan akibat kenaikan harga minyak dan bahan makanan asasi, tetapi dalam masa yang sama dan sebelum ini pun masih terdapat rakyat dalam negara miskin yang tidak mampu menyediakan makanan secukupnya menyebabkan penjagaan kesihatan yang tidak terkawal dan ramai pula mati berpunca daripada kelaparan dan kebuluran.

Jika ada rakyat yang kelaparan akibat kenaikan harga minyak dan barangan asasi pada hari ini, sila laporkan kepada wakil rakyat masing-masing. Supaya mereka dapat tangani dan inilah tugas mereka sebenarnya kerana kita sedia maklum bahawa kenaikan harga minyak dan barangan asasi dalam negara kita bukanlah kerajaan mahu mengada-adakan untuk menaikkan harga barangan tersebut, tetapi ianya berlaku akibat kenaikan harga di peringkat antarabangsa.

Pada saya, ianya tidak perlu dibakar api semangat rakyat untuk menentang kerajaan akibat krisis yang berlaku, tetapi sebaliknya kita sebagai pemimpin kepada rakyat wajar dijelaskan kepada rakyat dengan sebaik yang mungkin. Tuan Yang di-Pertua, saya prihatin dan percaya kerajaan Barisan Nasional hari ini mahu melaksanakan dengan jayanya rancangan pembangunan negara yang dilaksanakan melalui lima teras utama misi nasional iaitu menaikkan nilai tambah ekonomi negara; meningkatkan keupayaan pengetahuan kreativiti dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama; menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif; meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup; dan mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara.

Kita menyambut baik segala usaha kerajaan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan kerana ianya memberikan keuntungan kepada kemajuan negara sekali gus mempamerkan Malaysia sebuah negara yang aman dan makmur yang bukan sahaja

digambarkan kepada negara maju dunia, malahnya juga boleh dinikmati dan dimanfaatkan kepada keseluruhan rakyat pelbagai kaum di negara. Dalam usaha memenuhi tuntutan negara, kerajaan seharusnya sedar bahawa ada lagi perkara-perkara atau isu-isu permasalahan rakyat yang boleh ditangani dan sewajarnya diambil perjalanan dalam tempoh yang terdekat ini.

Ianya adalah membabitkan rakyat seluruh negara dan rakyat di kawasan saya, Parlimen Dungun. Isu yang pertama ialah pembinaan hospital baru daerah Dungun. Hospital yang sedia ada sudah berusia 41 tahun yang sudah dibangunkan pada tahun 1967. Usia yang sebegini sudah tentu tidak menjamin kekukuhan bangunan itu sendiri. Di samping muatan pesakit yang perlu berada di hospital tidak mencukupi bilangan katil yang disediakan menyebabkan pesakit diberikan katil tambahan yang tidak selesa dan ada sesetengah pesakit dihantar ke Hospital Kuala Terengganu yang jaraknya 80 kilometer.

Bilangan doktor hanya lapan orang daripada jumlah penduduk 100 ribu orang. 43 orang dan pegawai serta kakitangan hospital berjumlah 311 orang. Kadar jumlah pesakit setiap hari berjumlah 252 orang yang berdaftar untuk memastikan sakitnya dan bilangan katil cuma 92 sahaja yang ada.

Terima kasih di atas kecekapan doktor serta pegawai-pegawai di hospital yang menjalankan tugasnya dengan baik dan cekap menyebabkan kematian berkurangan manakala yang lahir dan usia yang terus panjang bertambah. Oleh itu adalah disyorkan dicadangkan kepada kerajaan supaya mempercepatkan pembinaan hospital baru di lokasi yang telah pun selesai segala urusan tanah.

Isu kedua ialah permasalahan muara sungai sebagaimana yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Kuala Nerus dan Yang Berhormat Setiu. Permasalahan muara sungai Dungun yang cetek akibat timbunan pasir yang sudah sekian lama hampir 10 tahun yang dibuat pedalaman semula. Muara air yang cetek telah memberikan masalah kepada bot-bot nelayan yang berjumlah 582 orang termasuk tiga bot laut dalam, 276 bot laut zon 'A' dan 'B' dan 226 orang menggunakan bot fiber pesisir pantai.

Tuan Yang di-Pertua, masalah muara cetek adalah masalah yang besar. Inilah punca pendapatan golongan nelayan yang miskin. Kita bercakap untuk menghapuskan miskin menjelang 2010. Jika ini tidak dapat diselesaikan masalah mereka, bagaimana mereka boleh mencari nafkah hidup yang terpaksa menunggu air pasang barulah boleh keluar dari muara. Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya mengambil sedikit kecaknaan, mendalamkan semula muara sungai Dungun yang beri kepentingan kepada nelayan Dungun juga nelayan kepada kawasan yang lain yang akan menjualkan ikan kepada pembeli di Dungun di samping menggalakkan pelancongan ke Pulau Tengol yang pantainya menarik.

Impak mendalamkan muara sungai Dungun ini secara tidak langsung telah membela nasib golongan nelayan yang berpendapatan rendah dan menggalakkan mereka menangkap ikan di laut dalam sebagaimana yang dihasratkan oleh kerajaan menangkap ikan di laut dalam.

Isu ketiga ialah pembinaan Balai Polis Bandar Ketengah Jaya. Saya berterima kasih kepada kerajaan di atas keprihatinan kerajaan yang telah menambahkan anggota keselamatan Polis Diraja Malaysia yang hari ini berjumlah lebih kurang 93,348 orang, anggota dari sekecil-kecil pangkat sehingga ke besar-besar pangkat. Terengganu seramai 2,346 orang anggota. Ibu Pejabat Polis Daerah Dungun seramai 281 orang anggota dan Balai Polis Bandar Ketengah Jaya seramai 14 orang anggota.

Masalahnya ialah keperluan bangunan balai polis baru di Bandar Ketengah Jaya. Pembasmian pecah tanah dilakukan dua tahun sudah. Persekitaran yang dibelenggu jenayah pecah rumah, dadah, merosakkan harta awam dan lain-lain telah menjadi sehingga kehidupan rakyat yang hampir 40,000 orang hidup tidak aman lagi. Kegiatan mereka semakin bertambah, jika tidak ditambah bilangan anggota keadaan akan semakin parah sekalipun negara kita sedang berubah ke arah negara maju. Oleh itu dicadangkan kepada pihak kerajaan menyediakan balai polis baru di Bandar Ketengah Jaya dengan pertambahan anggota polis. Saya yakin keselamatan rakyat akan terjamin dan kegelisahan rakyat akan berkurangan seterusnya memberikan kehidupan mereka yang lebih selesa dan aman. Isu keempat ialah kemiskinan.

Jumlah kemiskinan seluruh negara hampir 15,543 orang dan kerajaan menjanjikan kemiskinan sifar akan ditamatkan menjelang 2010. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang telah memainkan peranan untuk menangani kemiskinan luar bandar dan juga bandar. Meskipun pelaksanaan telah dirancang dan disusun tetapi perlu dipantau semula, terutamanya dari segi usia mereka yang terlibat dengan kemiskinan. Saya dapati ada mereka yang berumur kurang dari 30 tahun mempunyai seorang atau dua orang anak dan disenaraikan sebagai miskin, sedangkan mereka masih muda, bertenaga dan mampu menjalankan kerja kerana tenaga mereka masih kuat. Ada dicadangkan senarai baru kriteria umur calon miskin tegar dan miskin diambil kira sebagai satu langkah mengurangkan kemiskinan luar bandar dan bandar.

Isu yang terakhir ialah pembinaan UiTM baru di Bandar Bukit Besi, Dungun, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Majlis Perasmian Pecah Tanah pada tahun 2007 memberi jaminan bahawa bangunan kampus baru UiTM cawangan Dungun akan disegerakan bagi keperluan pelajar-pelajar dengan peruntukan fasa pertama berjumlah RM54 juta ini. Adalah dipohon pembinaan bangunan tersebut disegerakan kerana ia merupakan salah satu elemen penting dalam pemupukan minda kelas pertama. Sekian dipohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Tahniahlah kita dapat 104 orang berucap. Jadi kita ada usul daripada menteri Yang Berhormat, kita tamatkan masa ucapan bagi Usul Kajian Separuh Penggal RMK-9. Jadi itu sahaja Yang Berhormat. Ada 104 orang berucap 52 orang dari Barisan Nasional maknanya

daripada Pakatan Rakyat pun ada 52 orang juga. Yang Berhormat Menteri ada usul, sila Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.19 mlm.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Ismail Sabri bin Yaakob]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) dengan tidak menghiraukan walau apa pun ketetapan yang telah dibuat pada tengah hari, supaya majlis mesyuarat hari ini ditangguhkan sekarang dan diikuti dengan ucapan-ucapan penangguhan dan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, esok hari 8 Julai 2008.”

Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

■2320

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Pembinaan Infrastruktur Yang Ketinggalan Zaman

11.21 mlm.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk memberi ucapan penangguhan di Dewan yang mulia ini. Sebagai Wakil Rakyat kawasan Bakri, saya ingin di sini menyuarakan beberapa kekecewaan saya terhadap isu tempatan dan pembinaan infrastruktur yang jauh ketinggalan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, sudah hampir 51 tahun kita merdeka tetapi masih lagi banyak pembinaan infrastruktur yang ketinggalan zaman. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat di sini berpengalaman seperti saya menerima aduan seperti lampu jalan tidak ada, jalan rosak dan sebagainya yang sepatutnya merupakan tanggungjawab atas kerajaan tempatan, tetapi hingga kini longkang dan parit yang masih sempit dan cetek mula mengakibatkan banjir kilat.

Bandar Muar, Kampung Baru Bakri sebagai contoh sering dilanda banjir kilat dan ini telah menjadi mimpi ngeri penduduk. Apakah langkah yang bakal diambil pihak kerajaan untuk sekali gus menyelesaikan masalah ini ataupun apakah nasib rakyat akan terus dibiarkan begitu sahaja di negeri kubu kuat Barisan Nasional? Ini jelas menunjukkan kerajaan tempatan yang dilantik, bukan dipilih, tidak dapat menjalankan tugas dengan baik kerana mereka ini tidak risau kedudukan mereka tergugat. Maka lahirnya kumpulan yang bermaharajalela di tempat yang telah dilihat berani menentang atau tidak mengambil peduli arahan Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap kerajaan tidak lagi menjadi seperti dahulu, cakap banyak tetapi tidak buat kerja. Sekiranya tidak, jangan salahkan rakyat sekali lagi menolak dan menukar parti pemerintah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila menteri.

11.24 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat dari Kawasan Bakri yang telah membangkitkan isu mengenai tadbir urus pihak berkuasa tempatan atau PBT.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, PBT adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Pentadbiran PBT pula adalah tertakluk kepada Akta 171 bagi menjalankan fungsi-fungsi kerajaan tempatan. Di antara fungsi PBT adalah untuk menyediakan menyelenggarakan kemudahan-kemudahan awam seperti infrastruktur jalan, parit dan longkang, taman awam, dewan orang ramai dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, usaha mengatasi masalah banjir merupakan usaha bersepadu melibatkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau KPKT, bersama-sama dengan jabatan dan agensi kerajaan yang lain sememangnya memandang serius ke atas masalah banjir kilat yang sering kali melanda kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan, PBT, termasuk di kawasan Parlimen Bakri.

Banjir kilat di kawasan PBT pada kebiasaannya akan terjadi apabila berlakunya hujan lebat, jika infrastruktur dan sistem saliran seperti parit dan longkang tidak diselenggarakan dengan baik. Oleh hal yang demikian, bagi mengurangkan berlakunya kejadian banjir kilat di kawasan PBT di seluruh negara, KPKT dari masa ke semasa mengingatkan semua PBT agar mengambil langkah-langkah perlu bagi menangani dan menghadapi bencana banjir di kawasan mereka. Antara langkah-langkah yang dicadangkan adalah:

- (i) membuat persediaan awal bagi menggalakkan berlakunya banjir dengan menyelenggarakan sistem perparitan dan saliran dari dipenuhi dengan sampah-sarap yang boleh menyebabkan aliran air tersekat;
- (ii) membersihkan parit dan longkang secara berkala; dan
- (iii) memberi keutamaan kepada projek-projek tebatan banjir.

Bagi kawasan di luar pentadbiran PBT, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bolehlah memainkan peranan dengan mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan berlakunya kejadian banjir seperti:

- (i) melaksanakan projek-projek tebatan banjir;
- (ii) mengadakan pelan induk tebatan banjir dan juga pelan induk saliran bagi bandar-bandar utama; dan
- (iii) memperkenalkan dan memastikan kaedah kawalan banjir di punca atau *controlled absorb*, dengan izin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT tidak menyediakan peruntukan khas untuk melaksanakan projek-projek bagi menangani masalah banjir kilat di kawasan-kawasan PBT. Walau bagaimanapun, peruntukan yang disalurkan kepada PBT di bawah Program Pembangunan Projek-projek Kecil boleh digunakan oleh PBT untuk melaksanakan inisiatif bagi mengatasi masalah banjir seperti kerja-kerja penyelenggaraan sistem perparitan dan kerja-kerja membina serta menaik taraf longkang dan parit.

Tuan Yang di-Pertua, usaha yang berterusan telah diambil untuk meningkatkan tahap kualiti sistem penyampaian perkhidmatan di PBT. Beberapa penambahbaikan sistem dan prosedur kerja telah pun dilaksanakan supaya perkhidmatan yang ditawarkan lebih *custom centric*, dengan izin. Contohnya seperti OAC, CCC, garis panduan pengeluaran lesen perniagaan dan lesen komposit hotel serta sistem *star rating* PBT. Penambahbaikan ini menjadikan PBT lebih mesra pelanggan serta menyumbang kepada pembangunan setempat dengan lebih efektif. Sekian.

■2330

**Masalah Tidak Memiliki Kad Pengenalan
Penduduk Pedalaman Sarawak****23.30 mlm.**

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ya, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita patut mengucapkan syabas kepada JPN, Jabatan Pendaftaran Negara yang telah mewujudkan pejabat pendaftaran bergerak bagi menyelesaikan masalah rakyat yang tidak memiliki kad pengenalan. Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat lain di Dewan ini sering suarakan, masalah kad pengenalan masih tidak mendapat penyelesaian sepenuhnya.

Di kawasan saya Kapit, terdapat hampir 300 buah rumah panjang atau kampung dan adalah tidak menghairankan hampir setiap rumah panjang itu terdapat lima atau lebih penghuninya tidak memiliki Sijil Lahir, jauh lagi memiliki kad pengenalan. Masalah ini bukan hanya berlaku di kawasan saya tetapi turut berlaku di kawasan-kawasan lain di pedalaman negeri Sarawak. Sedangkan semakin pihak yang bertanggung jawab leka, pasti semakin banyak masalah yang akan wujud pada masa hadapan iaitu mereka yang tidak memiliki kad pengenalan atau Sijil Lahir kalau berkahwin anak-anak mereka pula bakal menghadapi masalah yang sama.

JPN sepatutnya tidak perlu terlalu ragu-ragu dalam meluluskan permohonan penduduk terutamanya di kawasan saya kerana kes pendatang tanpa izin tidaklah serius dan sekaranglah masa yang paling sesuai untuk menyelesaikan masalah ini. Memadai kalau pemohon mendapat pengesahan daripada Tuai Rumah, Ketua Kaum atau Wakil Rakyat, mengesahkan bahawa mereka adalah memang penduduk asal dari sesuatu kawasan dalam negara ini, atau adakah pihak kementerian mempunyai cadangan yang lain. Kelonggaran syarat untuk memohon kad pengenalan juga patut diberikan kepada pelajar sekolah kerana yang pasti mereka warganegara di samping mengelakkan masalah sosial dan sebagainya nanti.

Dalam kebanyakan kes di kawasan luar bandar, masalah tidak memiliki kad pengenalan adalah masalah yang bersangkutan paut dengan masalah lain. Ramai pemohon sebenarnya bermasalah memohon Sijil Lahir kerana terlewat mendaftarkan kelahiran anak-anak. Terdapat juga kes tidak memiliki surat kahwin iaitu kahwin secara tradisional, menyukarkan permohonan mendapatkan Sijil Lahir anak-anak. Pemohon terutamanya yang tinggal di hulu sungai pula berhadapan dengan masalah kewangan kerana untuk turun ke bandar bagi sebarang urusan, memerlukan perbelanjaan yang agak tinggi. Ini ditambah pula dengan masalah kemudahan pengangkutan.

Sebenarnya masalah penduduk yang tidak memiliki kad pengenalan kebanyakannya berpunca dari masalah mereka yang tidak memiliki Sijil Lahir. Oleh itu, cadangan saya, fokus untuk mengatasi masalah mereka yang tidak memiliki kad pengenalan perlu diberikan tumpuan kepada kesedaran masyarakat tentang pentingnya memiliki Sijil Lahir atau surat kahwin.

Di kawasan saya, Jabatan Pendaftaran Negara Kapit pula ketika ini berhadapan dengan masalah kekurangan kakitangan dengan bebanan tugas yang banyak. Perkara ini telah diakui sendiri oleh pegawai di pejabat berkenaan dan perkara ini telah lama berlarutan. Oleh itu, apakah tindakan pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini? Setelah pejabat pendaftaran bergerak tidak dapat memberikan impak seperti yang diharapkan, dan bagi permohonan tertanggung yang masih banyak, apakah tindakan kementerian? Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

11.35 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian memang sedar, masih ramai penduduk di pedalaman Sarawak termasuk Kawasan Parlimen Kapit yang masih belum memiliki sijil kelahiran dan kad pengenalan. Ini kerana negeri Sarawak yang luas, keadaan muka bumi yang bergunung-ganang, banyak sungai, hutan yang tebal dan penempatan penduduk pedalaman yang berselerak di merata tempat. Keadaan ini menyebabkan berlaku kelewatan dalam mendaftar kelahiran dan kad pengenalan.

Menyedari hal ini, pada tahun 2004 kerajaan telah bersetuju menubuhkan Unit Khas Bergerak atau UKB, bertujuan membuat pendaftaran bergerak ke kawasan pedalaman bagi mengatasi penduduk yang belum memiliki dokumen pengenalan diri dan mengurangkan pendaftaran lewat kelahiran, kematian dan kad pengenalan. Unit ini diperuntukkan dengan 61 kakitangan, kenderaan dan peralatan komputer.

Dokumen sokongan yang dikemukakan semasa pendaftaran lewat kelahiran seperti kad klinik, kad kandung, pengesahan persekolahan, sijil pernikahan, pengesahan Tuai Rumah atau ketua masyarakat adalah perlu bagi membantu pegawai JPN membuat keputusan untuk meluluskan permohonan daftar lewat berkenaan. Sekiranya pemohon tidak dapat mengemukakan dokumen sokongan tersebut, maka memadailah pengesahan dari Tuai Rumah yang diiktiraf oleh kerajaan negeri perlu dikemukakan. Apabila terdapat keraguan pada dokumen yang dikemukakan, maka keluarga pemohon akan dipanggil untuk ditemu duga.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari masalah penduduk pedalaman untuk datang ke pejabat JPN, yang memerlukan kos yang tinggi, Jabatan Pendaftaran Negara sedang mengatur lawatan berjadual bagi membuat pendaftaran bergerak termasuk menggunakan perkhidmatan helikopter.

Semenjak November 2001 hingga Jun 2007, Jabatan Pendaftaran Negara negeri Sarawak telah membuat pendaftaran bergerak di Kapit sebanyak lapan kali meliputi kawasan Nanga Merit, Nanga Gaat, Metah, Nanga Yong, Nanga Janan dan Nanga Sang. Sebanyak 1,453 permohonan pendaftaran kelahiran dan 840 permohonan kad pengenalan telah diterima.

Pada tahun 2008, Jabatan Pendaftaran Negara negeri Sarawak telah menjadualkan pendaftaran bergerak untuk dilaksanakan di Nanga Merit pada 21 Julai hingga 27 Julai; Baleh pada 17 hingga 4 Ogos; dan Song pada 9 hingga 15 November 2008. Sekiranya terdapat keperluan bagi mana-mana kawasan lain, permohonan boleh dikemukakan di Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sarawak.

Pada 12 Jun 2008 Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sarawak baru sahaja menerima senarai penduduk pedalaman yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri dari Pejabat Daerah Kapit. Seramai 349 orang yang tidak mempunyai sijil kelahiran dan 320 orang yang tiada memiliki kad pengenalan.

Oleh itu, kementerian mencadangkan agar mereka-mereka ini dan juga mereka-mereka yang lain yang tidak tersenarai atau tidak dilaporkan oleh Pejabat Daerah Kapit supaya mengambil peluang daripada jadual pendaftaran bergerak mengikut tarikh-tarikh yang dinyatakan tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula pada pukul 10.00 pagi pada hari Selasa, 8 Julai 2008.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.37 malam.